

# PRISMA

“Prisma” – alat pembias cahaya yang menghasilkan spektrum berwarna-warni. Sebetulnya ia membawa konotasi menghargai kekayaan dan keragaman kebudayaan masyarakat majmuk Malaysia dan mempercayai gagasan ‘Perpaduan Dalam Kepelbagaian’.

Rencana-rencana yang terkandung di dalam PRISMA ini bersependapat budaya semua kumpulan etnik adalah khazanah manusia yang perlu dipertahan dan diperkembangkan, proses asimilasi ke dalam satu budaya arus perdana akan melunturkan kekuatan kebudayaan setempat dan seterusnya menyebabkan ia semakin homogen dan akhirnya hilang kedinamikannya.

Pengalaman dan sejarah sesuatu budaya boleh memberi inspirasi kepada budaya yang lain sekaligus menghasilkan sinergi kebudayaan dan memperkukuhkan lagi kekuatan kebudayaan bangsa Malaysia. Prinsip umum ini terpakai untuk etnik minoriti di Malaysia, juga terpakai untuk muslim minoriti di Eropah.

PRISMA mendokong nilai-nilai kepelbagaian budaya, keadilan sosial dan demokrasi. Penulis-penulis dalam buku ini mempunyai prinsip yang selari dalam menentang fahaman autokrasi, perkauman dan sebarang taktik politik yang mengintimidasikan rakyat yang berbeza pendapat (disiden). Kami akan sentiasa berdepan dengan pihak berkuasa (The power) dan mendampingi kumpulan tidak berkuasa (The powerless).

PRISMA adalah satu inisiatif merapatkan hubungan antara kumpulan etnik Pusat Pembangunan Kebudayaan LLG, satu dana yang ditubuhkan pada 1985 untuk memperingati tokoh pendidikan Cina Cikgu Lim Lian Geok.

ISBN 978-967-0584-14-0



9 789670 584140 >

Reka Kulit & tataletak:  
Izyan Yob



Merpati Jingga

PRISMA

Koleksi Rencana Kontemporari, Suara Anak Muda, Seni dan Budaya



# PRISMA

*KOLEKSI RENCANA KONTEMPORARI,  
SUARA ANAK MUDA, SENI DAN BUDAYA*



SUNTINGAN  
Faisal Mustaffa

# PRSIMA

**KOLEKSI RENCANA  
KONTEMPORARI, SUARA ANAK MUDA,  
SENI DAN BUDAYA.**

**PENYUNTING  
FAISAL MUSTAFFA**

Diterbitkan oleh:  
MERPATI JINGGA  
Didaftarkan sebagai  
ORANGE DOVE SDN BHD (915852-M)  
No 39 Lorong 51 A/223B,  
46100 Petaling Jaya, Selangor

© ORANGE DOVE SDN BHD, 2014  
ISBN 978-967-0584-14-0  
Cetakan pertama: Julai 2015

Semua hakcipta terpelihara. Kecuali petikan pendek untuk tujuan ulasan dan kritikan, mana-mana bahagian buku ini dilarang digunakan semula dalam bentuk elektronik, fotokopi, atau lain-lain tanpa keizinan bertulis daripada ORANGE DOVE SDN. BHD.

Perpustakaan Negara Malaysia  
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Faisal Mustaffa, 1971-  
Prisma / Faisal Mustaffa.  
ISBN 978-967-0584-14-0  
1. Malay fiction. I. Judul  
899.2333

Editor & bacaan prof: Hafiz Zainuddin  
Ilustrasi: Ronasina  
Reka kulit & tataletak: Izyan Yob

Belian dalam talian: <http://www.merpatijingga.com>  
<http://tokobuku.fotopages.com>

Dicetak oleh:  
ACADEME ART & PRINTING SERVICES S/B  
No Syarikat: (11248-U)  
7, Jalan Rajawali 1A, Bandar Puchong Jaya  
Batu 8, Jalan Puchong  
47100 Selangor

## **KATA PENERBIT**

Sejak Mei 2014 sehingga Februari 2015, lebih 40 orang telah menjadi mangsa salah guna kuasa pihak Polis yang berselindung di sebalik Akta Hasutan dan Kanun Keseksaan. Di antara mereka termasuklah pemimpin politik, peguam, aktivis sosial, aktivis anak muda, pendakwah agama, dan wartawan.

Bagi pemimpin yang menunjukkan ketidakpuasan hati mereka melalui laman sosial, mereka turut diambil tindakan, atas arahan Ketua Polis Negara, juga menerusi lawan twitter beliau.

Kebebasan bersuara, tidak kira melalui medium penulisan, maya, ucapan dalam rapat umum kini dicabuli terutama sekali sebarang kenyataan yang menyinggung perasaan pemerintah. Ketua Polis Negara akan bertindak.

Akta Hasutan tiba-tiba menjadi popular apabila Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan EO dimansuhkan. Undang-undang tersebut sebenarnya tidak dimansuhkan atas nama menjaga hak asasi manusia malah digantikan pula dengan undang-undang lain seperti Akta Kesalahan Keselamatan (SOSMA) dan Akta Pencegahan Jenayah (POCA). Malah Kerajaan dikatakan bakal meminda Akta Hasutan bagi meluaskan lagi kuasa Polis.

Pada 7 Januari 2015, majalah Charlie Hebdo yang menerbitkan karikatur menghina Nabi Muhammad (*s.a.w*) diserang. 12 kakitangan majalah mingguan itu terkorban. Bukannya kami menyokong sebarang kebebasan (sehingga mengutuk sensitiviti sesebuah agama itu) tetapi umat Islam juga perlu bersatu dalam memperbetulkan persepsi agama lain (sebut dakwah). Bukankah jihad sedemikian menimbulkan lebih banyak pemasalahan (antara kaum dan agama)?

Sebelas penulis bergilir-gilir menyumbang rencana yang meliputi pelbagai arena. Dan rencana-rencana terpilih ini dikumpulkan dan dihidangkan dalam satu penerbitan. Jangan ambil mudah ekspresi mereka tetapi fikir-fikirkan. Tidak semua apa yang mereka katakan itu benar dan perlu disokong tetapi mereka punya hak untuk bersuara.

**Faisal Mustaffa**  
**Petaling Jaya, 10 Mac 2015**

## **Biodata-biodata Penulis**

**FAISAL MUSTAFFA**, (44) menguruskan syarikat penerbitannya sendiri, Merpati Jingga yang menggalakkan pemikiran kritis. Pada tahun 2013, 30 pegawai daripada Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan polis telah mengegedah pejabat yang beroperasi di rumahnya. Dua penulis bersama beliau disoalsiasat JAIS dan didakwa di Mahkamah Syariah hanya apabila beliau ingin menjawab persoalan yang ditanya di mahkamah.

Beliau merupakan alumni kepada Frederich Naumann Foundation dan pernah menghadiri kursus Human Rights & Liberalism (2008) dan Role of Political Party & Civil Society (2009).

Beliau amat minat kepada kegiatan seni dan telah menubuhkan kumpulan teater, Rumah Anak Teater pada tahun 2008 dan membawa isu-isu hak asasi manusia ke pentas teater. Kumpulan ini dianugerahkan BOH Cameronian Arts Awards (2011) menerusi pementasan SHORT EYES yang memaparkan kehidupan di dalam penjara. Beliau juga menerbitkan klip video HAK ANDA DAN KUASA POLIS (2011) dan pernah mementaskan kisah hidup Yong Vui Kong yang terlepas daripada hukuman gantung di Singapura pada tahun 2010.

Faisal juga banyak membantu mendrafkan ucapan-ucapan parlimen dengan membawa isu-isu hak asasi manusia. Beliau pernah membentangkan kertas kerjanya di Filipina (FES), Indonesia (UKM), Korea Selatan (514 Foundation). Beliau dipilih sebagai pemerhati semasa pilihanraya pertama Aceh pada tahun 2008.

Pada tahun 2007, beliau dilantik sebagai secretariat kepada Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH). Tugasnya meliputi menguruskan 71 anggota organisasi di bawah gabungan dan menganjurkan Perhimpunan BERSIH pada 10 November 2007. Maka kemudian terlahirlah, SELAK pada tahun 2007 yang menceritakan perjuangan mereka ini.

**ADAM ADLI** mengagumi sejarah perjuangan mahasiswa bergerak aktif dalam gerakan pelajar melalui kempen-kempen politik dan kemahasiswaan. Berkat daripada penglibatan aktif dalam aktivisma mahasiswa, penulis akhirnya digantung pada Januari 2012. Sehingga hari ini, penulis masih lagi dilarang untuk mejejakkan kaki di kawasan kampus. Beberapa kali ditahan dan didakwa di mahkamah, penulis yang kini berusia 27 tahun masih lagi giat meneruskan kerja –kerja agitasi politik menerusi penulisan, kerja amal, dan aksi-aksi politik. Biarpun ramai yang mencemuh dan mengkritik, penulis kekal dengan pendirian bahawa ruang demokrasi negara ini perlu dibuka agar generasi akan datang mampu menikmati indahnyanya kebebasan.

**AMIR AMIN HALIM** seorang mantan pelajar seni bina di Universiti Teknologi Malaysia(UTM) yang dilahirkan pada tanggal 10 November di Pulau Pinang 24 tahun yang lalu. Minat memerhati manusia dan Terlibat secara langsung di dalam beberapa aktiviti sosial. Juga seorang yang mudah dibuat kawan dan kini menetap di tengah kota Kuala Lumpur.

**HARIS ZUAN** tidak pernah menyertai sebarang rancangan realiti TV dan tidak berminat memegang watak hero dalam sebarang filem tempatan. Beliau yang berkelulusan Sarjana Sains Politik daripada sebuah universiti tempatan yang gagal tersenarai dalam 300 universiti terbaik dunia bercita-cita mahu dikenali sebagai penulis, aktif menyatakan pandangan berhubung isu sosio-ekonomi, politik, identiti dan budaya dalam portal internet, buku serta jurnal akademik. Beliau kini berkhidmat sebagai Ahli Majlis di Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

**MUHAMMAD NAZREEN JAAFAR** merupakan graduan ekonomi di sebuah universiti tempatan. Beliau merupakan kolumnis di Rokatini.com. Selain itu, tulisan-tulisannya berkenaan isu semasa turut disiarkan di dalam Malaysiakini, TheMalaysianInsider, Suara Keadilan, The MalayMail Online dan The Rocket. Beliau kini bertugas sebagai staf untuk sebuah parti politik di Malaysia. Selain itu, beliau turut pernah terlibat aktif di dalam badan pemikir Parti Keadilan Rakyat, Institut Rakyat. Beliau juga merupakan salah seorang pendraf Bajet Alternatif Pakatan Rakyat semasa terbabit dengan Institut Rakyat.

**LINGSWARAN SINGH** adalah seorang peguam, aktivis hak asasi manusia, dan seorang penulis. Juga merupakan pemerhati budaya, politik dan sosial. Merupakan seorang graduan ijazah undang-undang dari Universiti Kebangsaan Malaysia, dan berasal dari Seberang Jaya, Pulau Pinang. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Peguam Persekutuan di Putrajaya. Mempunyai minat yang mendalam dalam bidang sains, seni, sejarah dan botani. Kerap mempunyai pandangan-pandangan alternatif yang radikal dan mencabar. Suka menunjuk perasaan dan berkongsi pandangan di Twitterjaya.

**MOHD IZZUDDIN RAMLI** merupakan pelajar Sarjana dalam bidang sains politik di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Memperolehi ijazah pertama di universiti yang sama pada tahun 2011. Beliau kini bertugas sebagai tutor, penulis dan penyelidik sambilan. Minat penyelidikan beliau tertumpu kepada politik tempatan, kepimpinan dan budaya.

**LIM HONG SIANG** ialah graduan Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia pada tahun 2004. Beliau berkhidmat di Oriental Daily sebagai wartawan, sebelum menyertai MerdekaReview. Beliau kemudian menyandang jawatan editor MerdekaReview (edisi bahasa Malaysia) dari tahun 2009 hingga 2012. Beliau adalah kolumnis di Harakah, Suara Keadilan, The Ant Daily (edisi bahasa Cina), juga penasihat editorial untuk The Rocket (edisi bahasa Cina). Beliau pernah menerbitkan buku berjudul Tsunami Cina: Retorik atau Realiti?



**MESIN CETAK** yang bernama sebenar Mohd Firdaus Zolkifli. Ijazah sarjana muda Sains Politik di UKM. Dalam peringkat akhir menyiapkan Sarjana dalam bidang sosiologi di UKM. Terlibat dengan aktiviti diskusi (DISKOPI) di sekitar Bangi.

**MEOR YUSOF AZIDDIN** pernah merempat dengan hidup sebatang kara, dalam menyara hidup keluarganya. Beliau mencari sesuap nasi dengan bermain gitar di tepian lorong Pasar Seni (yang kini dipanggil Pasar Budaya sungguhpun stesyen LRT berdekatan menggunakan nama Pasar Seni) dan Jalan Alor (kemudian kini dipanggil Jalan Kejora tetapi orang masih memanggil Jalan Alor). Beliau pernah dihumban ke dalam lokap kerana dipercayai penagih dadah kerana bermain muzik di tepi jalan.

**NGU IK TIEN** memperolehi Ijazah Doktor Falsafah Sains Politik dari Universiti Sains Malaysia pada tahun 2013. Sekarang beliau berkhidmat sebagai Felo Penyelidik Pasca Doktorat di Universiti Malaya. Kepakaran penyelidikannya termasuk pengajian politik dan masyarakat di Sarawak.

**CHONG FAH HING**, lulusan PhD dari Universiti Malaya dan kini berkhidmat di Jabatan Bahasa Asing, UPM sebagai pensyarah kanan. Menulis makalah ilmiah dan karya kreatif dalam bahasa Cina dan bahasa Melayu. Antara terbitan bahasa Melayu yang dibukukan ialah Cerpen Mahua dan Cerpen Melayu: Suatu Perbandingan (DBP, 2006), Putik: Kumpulan Karya Ahli Perspektif (Perspektif, 2006), Salam Malaysia: Antologi Terjemahan Puisi Mahua (DBP, 2006), Jejak Warisan (KekWa, 2008), Cerita Klasik China Jilid I-XIII (2009, One Nusantara).

## ***PENGHARGAAN***

*Ucapan penghargaan buat Pusat Pembangunan Kebudayaan  
LLG yang menyokong penerbitan ini.*



## Prakata

### AGEN PERUBAHAN YANG SAKTI

Setiap dekad ada masa renungannya. Setengahnya berjawab; setengahnya terbisu. Melalui buku upaya Faisal Mustaffa ini tampaknya tidak ada yang terbisu. Makanya, menjadi sangat menarik. Lihat saja—dari satu sisi, khususnya latar sejarah, tentu saja keraguan atau pertanyaan Lingswaran Singh agak mencabar.

Siapa sebenarnya watak-watak utama kemerdekaan dan bila pula kita wajar memulai sejarah tanah air? Suara Lingswaran Singh yang mencabar ini, suka atau benci, wajib dijawab, apalagi ia adalah pertanyaan dari generasi baru yang berfikir dan menyelidik.

Dalam buku ini banyak pertanyaan sedemikian daripada 13 orang penulis. Masing-masing menulis cara dan gaya sendiri, tapi mereka sentiasa tidak lari daripada kemelut iklim tanah air yang coba difahaminya.

Ambil saja satu contoh yang paling topical. Di sebalik latar resah—juga sebenarnya genting—negara semakin dibanjiri rakyat asing (dijeritkan, pada suatu waktu, seramai 30,000 orang, dibimbangi akan mudah mencemari landas dan jentera demokrasi kita. Mestikah kita berdiam?

Kita juga disedarkan sedang diancami pemborosan belanja yang ternyata semakin tidak terurus (khabarnya sudahpun melonjak setinggi RM billion). Seolah-olah tidak cukup itu—kita disedarkan oleh kelompok pembantah tentang tusukan undang-undang seperti Akta Hasutan, ditambah pula dengan nyalaan api perkauman dan kegusaran agama. Makanya, suara 13 orang golongan berfikir muda ini menjadi semakin bermakna dan penting.

Ternyata kita tidak lagi boleh membisu, lebih-lebih lagi menjelang pilihan raya ke-14 yang tentunya bakal cenderung ulang dicemari.

Tampaknya begitulah mula dan berkembangnya buku ini. Golongan terpelajar yang rata-ratanya resah ini sedang cermat menyelongkar—tentunya juga menilai—hampir setiap lapangan kehidupan dari kejituan sejarah membawa kepada soal kebebasan, keresahan agama, ketimpangan pendidikan, pencemaran budaya, kebobrokan pilihan raya, kesamsengan siasah dan kegelisahan dunia antarabangsa.

yang ditimbulkan oleh kelompok ini. Rata-rata penemuan dan pandangan yang terpisah kemudian dapat dicantumkan untuk meresahkan kita sama. Sebab, rencana generasi baru ini dapat disimpulkan dengan kekata: berani meniyat kebenaran untuk menemukan kebenaran.

Lingwaran Singh, contohnya, memulai dengan mempersoalkan sejarah tanah air. Bermula dengan menyeret Sulalatus Salatin dan Hikayat Merong Maha Wangsa, dia merasa masih tidak cukup. Disedarkan, malah dibuktikan, betapa pekatnya pengaruh dan sumbangan besar India kepada semenanjung ini. Kenapa mesti selesa bermula sumbangan sejarah yang lebih awal, dan sengaja melupakan sumbangan sejarah yang lebih kuno?

Dari situ mengertilah kita bagaimana setiap tapak seolah disalah atau tersalah letak. Buana agama, pendidikan, budaya, siasah, hubungan antara bangsa, lebih-lebih lagi kekacauan siasatan dipaparkan seikhlas mungkin. Adam Adli, contohnya, mendekati pilihanraya dengan kesedaran sejarah siasah bahawa pergelutan kuasa menjadi lebih runcing bagi pilihan raya ke-13. Disentuhnya takrif institusi dan kegelojohan kuasa, malah tidak disembunyikan bahawa “Arab Spring” yang kurang disenangi kuasawan dan bangsawan” sudah mula menjadi satu indicator baru pergerakan perubahan.

“Yang kini sedang dilakari oleh majoriti sebenar; rakyat yang tidak memegang kuasa. Malah tanya Adam Adli: Oleh kesamaran konsep, oleh luntunya era watak berani dari SITC sendiri—sekali lagi—oleh “Arab Spring” maka tinggallah pertanyaan penting: “Mampukah cita-cita memenangkan kerajaan baru melalui pilihan raya?” Keputusan penuh pertikaian menunjukkan bahawa pilihan raya ke-14 tidak mampu. Makanya, lawan tetap lawan—lebih kurang begitu.

Ternyata buku ini memang banyak rencahnya, malah terkadang memungkinkan kita menjengah ke persoalan-persoalan yang tidakpun terfikirkan. Contohnya yang terbaik, barangkali tulisan Chong Fah Hing. Ia sempat memujuk kita menjengah kehidupan sasterawan Ha Jin yang duduk dan berbahasa Inggeris.

Haris Zuan, Mohd Izzuddin Ramli dan Rizal Syekhryz turut membuka ufuk dan baying kehidupan yang menyedarkan, sementara Rahim Moncheh dan Yuvaragam Subramaniam turun mengejut, tapi masih sempat menghikmah kita. Pendeknya, pilihan “himpunan” penulis yang diupayakan oleh Faisal Mustaffa ini tetap sempat mendorong kita untuk mengunyah masalah tanah air yang beragama dan penuh meresahkan.

Kita hanya perlu tekun “menelaah” jika kita memang benar ingin memahami karenah dan kekusutan satu bangsa kacukan yang tersedia berbagai ragam tabii dan cecitanya.

Perhatian Muhammad Nazreen mengenangkan saya kepada karya batin yang membimbing—“Robohnya Surau Kami”. Ia memang sempat merobohkan keyakinan kita akan buana spiritual. Dan Mohd. Izzuamaddin Ramli kembali meningkatkan kita tentang peranan sakti Islam: Memandu kehidupan manusia dalam semua aspek.

Rizal Syeikhya sekali lagi sempat mencendekia kita kepada apa ertinya kesan perjuangan John Sinclair yang dijatuhi hukuman penjara 10 tahun di Amerika. Hukuman keras pada dekad tujuh puluhan itu sempat disandingkan dengan tindakan berat terhadap aktivis kemanusiaan Adam Adli. Walaupun dikira negara ini masih dijangka sebagai “soft autoritarian”, tapi yang ditampak Rizal ialah betapa seorang anak muda mula nekad “mencabar hegemoni” rejim pemerintah yang menurutnya semakin retak.

Dua rencana yang sama menariknya ialah rakaman Pahim Moncheh dan Yuvarajan Subramaniam. Begitulah di China, tapi sekurun sebelumnya masyarakat India Berjaya melahirkan “Gerakan Harga Diri” yang dipelopori E.V.Ramasamy yang antaranya adalah pemansuhan perkahwinan kanak-kanak. Yuvarajan melakarnya dengan berkesan.

Ternyata terlalu banyak yang diberi oleh buku ini, tapi terlalu sedikit yang mungkin dapat kita mengunyahnya.—**A. Samad Said.**

# KANDUNGAN

## Bahagian I - SEJARAH

<b>Pesongan Sejarah</b> <i>Lingswaran Singh</i>	2
<b>PKM Pejuang Kemerdekaan Malaya Sebenar</b> <i>Lingswaran Singh</i>	7
<b>Sejarah Sarawak dan Pemusatan Kuasa</b> <i>Ngu Ik Tien</i>	12

## Bahagian II - KEHIDUPAN

<b>Menjadi Aku</b> <i>Firdaus Zolkifli</i>	19
<b>Manusia dan Kepentingan – Satu Pengertian</b> <i>Meor Yusof</i>	24
<b>Tentang Redup, Jiwa Dan Kehendak Kita</b> <i>Meor Yusof</i>	28
<b>Ibu Penyokong Tegar</b> <i>Meor Yusof</i>	32
<b>Tragedi Nazmi Syazwan</b> <i>Muhammad Nazreen</i>	37
<b>Alif, Lam, Lam, Ha, Ha ha ha</b> <i>Firdaus Zolkifli</i>	42
<b>Masyarakat Yang Serba Tak Kena</b> <i>Lim Hong Siang</i>	49
<b>Perihal Keseimbangan</b> <i>Meor Yusof</i>	53
<b>Negara Sewajarnya Sebuah Kediaman Biasa: Kisah Pengalaman</b>	
<b>Hidup Ha Jin</b> <i>Chong Fah Hin</i>	57

## Bahagian III - KEBEBASAN

<b>Apabila Kebebasan Menjadi Hak Keistimewaan</b> <i>Lim Hong Siang</i>	65
<b>Malaysia: Negara Tanpa Konsep</b> <i>Adam Adli</i>	69
<b>Kebebasan Media: Antara Tanda Putera dan The New Village</b> <i>Haris Zuan</i>	73
<b>Menyuburkan Akhbar Yang Sakit</b> <i>Muhammad Nazreen</i>	79
<b>Air Di Sini Untuk Selamatkan Api Di Sana?</b> <i>Lim Hong Siang</i>	83
<b>Meredup Kekerasan Dalam Konflik</b>	
<b>Syah-Sunni di Malaysia</b> <i>Mohd Izzuddin Ramli</i>	88

## **Bahagian IV - AGAMA**

<b>Dosa Pertama</b> <i>Firdaus Zolkifli</i>	95
<b>Tuhan Yang Dilenyapkan</b> <i>Muhammad Nazreen</i>	99
<b>Salah Erti Terhadap Fatwa Mampu Picu</b>	
<b>Ekstremisme Agama</b> <i>Mohd Izzuddin Ramli</i>	104
<b>Bakar Bible, Siapa Ambil Pot?</b> <i>Haris Zuan</i>	111
<b>Syiah: Melayu Islam di Malaysia</b>	
<b>Hidup dalam Ketakutan</b> <i>Haris Zuan</i>	116

## **Bahagian V - PENDIDIKAN**

<b>Semalam di SITC, Hari Ini di UPSI</b> <i>Adam Adli</i>	120
<b>Rumah Mewah</b> <i>Amir Amin Halim</i>	124
<b>Menara 118: Warisan Dihempap Warisan?</b> <i>Amir Amin Halim</i>	128
<b>TITAS - Ini Semua Dosa Mahathir</b> <i>Haris Zuan</i>	132
<b>Pembebasan Adam Adli, Akta Hasutan &amp; Transformasi</b>	
<b>Palsu</b> <i>Rizal Syekhryz</i>	138

## **Bahagian VI - BUDAYA**

<b>Hanya Kerana Nama</b> <i>Adam Adli</i>	144
<b>Melayu Hilang Di Dunia</b> <i>Lingswaran Singh</i>	149
<b>Tutup Mulut: Air Bah Ini Bakal Menderas</b>	
<b>Menjadi Tsunami</b> <i>Lim Hong Siang</i>	154
<b>Thaipusam: Penganugerahan kepada Dewa Murugan</b> <i>Lingswaran Singh</i>	158
<b>Keramat Datuk Keramat</b> <i>Lingswaran Singh</i>	163
<b>Masjid Sebagai Pusat Komuniti, Bukan Rumah Tuhan</b> <i>Muhd Izzuddin Ramli</i>	168
<b>Kosmopolitanisme &amp; Epok-epok</b> <i>Haris Zuan</i>	175
<b>Orhan Pamuk Melawan Hitam dan Putih</b> <i>Muhammad Nazreen</i>	178

<b>Antara Baha Zain dan Dunia Anak Muda</b> <i>Meor Yusof Aziddin</i>	184
<b>Papa a la Huancaina, Bibir Beruk dan Asam Laksa: Resipi</b>	
<b>Pembuatan Tradisional Mistik</b> <i>Lingswaran Singh</i>	193
<b>Mahathir, Kurafat dan Filem Melayu</b> <i>Haris Zuan</i>	198
<b>Puasa, Nikmat, Derita...</b> <i>Firdaus Zolkifli</i>	204
<b>Aidilfitri dan Cemas</b> <i>Firdaus Zolkifli</i>	211

## **Bahagian VII - PILIHAN RAYA**

<b>Politik Melangkaui Pergelutan Kuasa</b> <i>Lim Hong Siang</i>	217
<b>Tipu Pilihan Raya: Kesalahan yang Harus</b> <b>Dihukum</b> <i>Lingswaran Singh</i>	223
<b>Demokrasi, Pilihan Raya dan yang</b>	
<b>Tertunggak</b> <i>Muhammad Nazreen</i>	228
<b>Resah Hagemoni, Pilihan Raya, dan...</b> <i>Adam Adli</i>	232
<b>Pengundi Pulau Pinang</b> <i>Lingswaran Singh</i>	236
<b>Peluang Demokrasi Dalam Pilihan Raya Malaysia</b> <i>Adam Adli</i>	241

## **Bahagian VIII - POLITIK**

<b>Kangkung, Satira dan Keterlibatan Politik</b> <i>Muhammad Nazreen</i>	247
<b>Listen, listen, listen: Harga Sebuah Keberanian</b> <i>Adam Adli</i>	252
<b>Dewan yang Jarang Kita Peduli</b> <i>Haris Zuan</i>	256
<b>Impak Politik Generasi Pornografi</b> <i>Rizal Syeikhryz</i>	261
<b>Syed Mokhtar Al-Bukhary dan Watak Tertawan</b> <i>Haris Zuan</i>	267
<b>RCI Sabah Yang Diabaikan</b> <i>Adam Adli</i>	273
<b>Antara Perjanjian Dan Rakyat</b> <i>Amir Amin Halim</i>	277
<b>Hagemoni Agama, Reformisme dan Politik Islam</b> <i>Muhammad Nazreen</i>	281
<b>Masa Tidak Menunggu PAS</b> <i>Lim Hong Siang</i>	287
<b>Pemuda dan Sumpah Pencelikan</b> <i>Muhammad Nazreen</i>	292
<b>Manifesto Rakyat vs ‘manifesto rakyat’</b> <i>Adam Adli</i>	298

**Peringatan Buat Pemerintah** *Adam Adli* 304

## **Bahagian IX - ANTARABANGSA**

**Menyingkap Kembali Tabir Gerakan 4 Mei 1919** *Pahim Moncheh* 309

**Periyar dan Gerakan Harga Diri di  
Tamil Nadu** *Yuvaraja Subramaniam* 316

**Konflik Gaza: Operation Wrath Of God Berulang** *Rizal Syeikhryz* 321

**Mesir Pasca Revolusi: Terbelit Dalam Industri Ketenteraan**

**Yang Rumit** *Rizal Syeikhryz* 327

**Beljarlah dari Mesir** *Adam Adli* 332



# **Bahagian I**

## SEJARAH



# 1

## **Pesongan Sejarah**

*Lingswaran Singh*

Jika kita fikirkan akan tentang sejarah, sejarah Melayu seolah-olah bermula dengan pengislaman Parameswara menjadi Sultan Iskandar Shah. Ini adalah realiti yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Hakikatnya sejarah kita bermula jauh sebelum pengasasan kota Melaka. Sejarah kita bermula sejak 100 Masehi, dengan beberapa kerajaan yang jauh lebih hebat daripada Kesultanan Melaka, namun dientengkan kerana latar belakang Hindu Buddha. Di antara kerajaan-kerajaan awal yang hebat adalah Sri Wijaya Mala, Gangga Negara, Langkasuka dan Srivijaya.

Chi Tu atau dalam Melayunya Tanah Merah merupakan satu kerajaan yang digambarkan dalam catatan pelayaran China. Dalam dokumen Dinasti Sui (581-618) menceritakan tentang sebuah kerajaan yang maju dengan teknologi canggih yang dikenali sebagai Chi Tu. Lokasi sebenar kerajaan tersebut dipertikai sama ada sekitar Pahang, Kelantan atau Songkhla dan Pattani di Thailand. Penulis secara peribadinya percaya bahawa tempatnya adalah di Tanah Merah, Kelantan.

Keyakinan penulis adalah kerana catatan batu Buddhagupta Kedah yang menyebut tentang kerajaan Raktamrttika yang bermaksud tanah merah dalam bahasa sanskrit. Kerajaan itu kemudiannya dikenali sebagai Sri Wijaya Mala dengan pusat pentadbirannya dikenali sebagai Valai dan dipercayai sekitar sungai Pergau Kelantan.

Gangga Negara dipercayai sebagai kota legenda hindu yang disebut dalam Sulalatus Salatin karya Tun Sri Lanang. Gangga Negara bermakna Kota Ganges dalam Sanskrit. Raja Gangga Shah Johan merupakan antara rajanya yang disegani. Gangga Negara jatuh dengan serangan daripada Raja Rajendra Chola dari Coromandel India Selatan sekitar 1025.

Hikayat Merong Mahawangsa pula mencatatkan bahawa Gangga Negara diasaskan oleh Merong Mahawangsa putera kepada Raja Ganjil Sarjuna yang memerintah Kedah.

Langkasuka pula merupakan antara kerajaan awal hindu melayu yang disegani. Langkasuka bermaksud tanah agung kebahagiaan dalam bahasa sanskrit, ada juga sejarahwan yang berpendapat Langkasuka bermaksud tanah raja Asoka. Mereka percaya bahawa Langkasuka dibina semula oleh utusan-utusan Buddha berketurunan Raja Asoka dari Magadha India. Langkasuka dipercayai diasaskan di Kedah dan kemudian dipindah ke Pattani.

Dari zaman Gangga Negara lagi agama Buddha telah mula berkembang di Nusantara. Kebangkitan kerajaan Hindu Buddha Kedatuan Srivijaya di Sumatra telah berjaya menguasai hampir keseluruhan Asia Tenggara di mana semua kerajaan awal Hindu Melayu seperti Gangga Negara dan Langkasuka bernaung di bawah kekuasaan Dapunta Hyang Sri Jayanasa Maharaja Kedatuan Srivijaya yang pertama.

Inskripsi Kedukan Bukit bertarikh 605 Saka (kalender melayu) menerangkan bahawa Srivijaya adalah sebuah empayar maritim yang sangat kuat dan digeruni serta terkenal sebagai pusat intelektual Hindu Buddha. Maharaja Sri Indravarman pernah mengutus surat kepada Kalifah Umar ibn Abdul Aziz dari Ummayyad pada tahun 718. Ini membuktikan Srivijaya pernah menjadi kuasa besar bertaraf antarabangsa dan disegani.

Terdapat beberapa batu bersurat seperti Telaga Batu Palembang, yang menerangkan kehebatan empayar Srivijaya. Walaubagaimana

pun, kerajaan hebat itu jua mulai lemah sekitar 1025 akibat serangan daripada Raja Rajendra Chola dari Selatan India. Srivijaya berjaya mengekang kemaraan Raja Chola, namun kesan daripada pertembungan tersebut Srivijaya mula menjadi lemah. Kegiatan perlanunan turut menyumbang kepada kemerosotan Srivijaya.

Selepas mengalahkan kerajaan-kerajaan Melayu di Sumatera sekitar 1290, Singhasari mula berkembang. Kublai Khan Maharaja Mongol Dinasti Yuan telah mencabar Singhasari dengan menghantar utusan menuntut ufti. Sri Maharajadiraja Sri Kertanegara Wikrama Dharmatungadewa, pemerintah terakhir empayar Singhasari enggan membayar ufti, menghina utusan-utusan Mongol dan mencabar Kublai Khan menyerangnya. Sebagai tindak balas, Kublai Khan telah menghantar ekspidisi 1000 jong perang ke Java.

Sekitar 1293, angkatan laut Mongol pun tiba di perairan utara Java. Mereka menyangkakan kerajaan Kediri sebagai Singhasari, lalu Raden Wijaya menggunakan kesempatan itu untuk bergabung tenaga dan membinasakan kerajaan Kediri yang telah menggantikan kerajaan Singhasari selepas Maharajadiraja Sri Kertanegara dikalahkan.

Setelah Jayakatwang raja Kediri dikalahkan dan dihukum mati, Raden Wijaya menyerang pula sekutunya yang tidak sedar akan perubahan politik yang telah berlaku di Java sejak penghinaan Singhasari terhadap Kublai Khan. Tentera Mongol yang diutus Kublai Khan untuk membunuh Maharajadiraja Sri Kertanegara, akhirnya membalas dendam bagi pihak Singhasari dengan memusnahkan kerajaan Kediri. Serangan hendap oleh Raden Wijaya pula memaksa konvoi Mongol untuk beredar dari Java. Raden Wijaya yang mengasaskan kerajaan Majapahit seterusnya menjadi empayar yang besar dan kuat.

Selepas kematian Raden Wijaya, Majapahit mengalami sedikit kegawatan sehinggalah Tribhuwannottungadewi Jayawishnuwardhani menjadi Maharani Majapahit. (Bayangkan pada sekitar 1300, Nusantara sudah pun mengangkat wanita sebagai pemimpin

empayar). Beliau kemudian melantik Gajah Mada sebagai Perdana Menteri, yang kemudiannya mengembangkan empayar Majapahit. Majapahit terus berkembang pesat dibawah kekuasaan anaknya Hayam Wuruk.

Kerajaan Hindu Kadaram (630-1136) yang kemudian menjadi Kesultanan Kedah bila Phra Ong Mahawangsa memeluk Islam dengan nama Sultan Mudzafar Shah 1, merupakan antara kerajaan yang tertua di dunia dan masih berterusan. Kerajaan awal Kadaram diasaskan oleh Maharaja Derbar Raja dari Geron. Setelah kalah dalam perang di Bandar Abbas Parsi, Maharaja Derbar melarikan diri ke Sri Lanka, tetapi angin laut telah membawanya ke Kuala Sungai Qilah Kedah. Penduduk Kedah mengangkatnya menjadi Raja Kadaram.

Apa yang jelas adalah bahawa bangsa melayu mempunyai sejarah yang amat mendalam dan nilai sejarahnya setanding tamadun-tamadun hebat dunia seperti Tamadun Mesir, dan Mesopotamia. Namun kerajaan Malaysia seolah-olah tidak berminat dalam mengkaji dan mendalami sejarah Hindu Buddha nusantara. Sebaliknya, anak-anak kita diajar seolah-olah sejarah kita bermula di bawah pohon Amalaka sekitar 1500.

Sejarah kerajaan-kerajaan awal kita mempunyai banyak nilai sejarah yang penting, malah pencapaian teknologi dan tamadun pada ketika itu adalah sesuatu yang amat membanggakan. Adalah tidak wajar untuk kita melupakan sejarah tersebut semata-mata kerana zaman kegemilangan itu wujudnya sebelum kedatangan Islam. Identiti Melayu tidak dapat digambarkan tanpa meneliti pengaruh agama Hindu Buddha terhadap masyarakat Melayu awal.

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang sebahagian besarnya adalah berdasarkan bahasa sanskrit. Bahasa sanskrit adalah bahasa sains pada ketika itu, sanskrit pada ketika itu digunakan oleh golongan bangsawan dan agamawan. Ini memberi gambaran bahawa masyarakat kita dahulu terdiri daripada golongan bijak pandai Hindu Buddha. Pada hari ini bahasa melayu penuh dengan istilah-

istilah sanskrit yang turut digunakan dalam kegiatan dakwah Islam.

Sebagai satu bangsa yang bertamadun, adalah wajar untuk kita mengenali dan mendalami sejarah kita. Malaysia seharusnya berbangga dengan sejarah silamya, kerana kegemilangan yang dicapai pada waktu itu, masih belum ditandingi mana-mana kerajaan moden Asia Tenggara. Sejarah telah mengajar kita bahawa setiap kerajaan ada zaman kemerosotanya. 2013 bakal mencoret satu lagi kisah kejatuhan kuasa pemerintahan di negara yang suatu ketika dahulu dikenali sebagai suvarnabumi. Namun, kejatuhan satu kuasa itu tidak semestinya perkara yang buruk, kerana daripada abu kejatuhan kita meyingkap kesinambungan baru, demi masa depan yang lebih baik.



## 2

### **PKM Pejuang Kemerdekaan Malaya Sebenar** *Lingswaran Singh*

Selama ini, kita mendengar sejarah yang dicoret oleh mereka yang menang. Kita telah mengangkat sejarah yang dicanangkan oleh British Malaya, aliran sejarah yang telah membawa kepada pembentukan Malayan Union. Malayan Union, detik dalam sejarah di mana raja-raja Melayu diletakkan di bawah telunjuk Ratu Inggeris. Jangan marahkan saya, saya juga terkilan dengan pembentukan Malayan Union. Saya turut rasa malu dengan apa yang berlaku ketika itu. Ada kalanya terasa juga bila sembilan kerajaan Melayu tidak dapat menandingi satu keratuan Inggeris.

Hari ini saya hendak pertikaikan, mengungkit jika anda suka, akan kisah sejarah yang berlaku sekitar 1946-1948. Jika kita meneliti sejarah, Jepun pernah menjajah kita dari 1941 hingga 1945. Namun British menamakannya sebagai pendudukan Jepun. Kita bukan bodoh, jika sudah sampai ke tahap Malaya diberi nama Malai Baru, dan diajar lagu Aikoku Koushinkyoku, dan wang pokok pisang menjadi mata wang, itu bukan pendudukan namanya.

Seperti itu juga, kisah sejarah sekitar 1946-1948 ada kecelaruannya sendiri. Pada ketika itu kononnya Malayan Union menjadi kerajaan di Malaya. Tidak ramai yang mengiktiraf kerajaan Parti Komunis Malaya yang telah beroperasi dari 1945-1948. Sepertimana British enggan mengiktiraf Japanese Malaya, British juga telah enggan mengiktiraf Komunis Malaya.

Malah, Komunis Malaya menerima tamparan lebih hebat kerana telah dipertandingkan oleh British habis-habisan.

Sewaktu Jepun memerintah, Parti Komunis Malaya telah bersatu dengan tentera British melawan Jepun. Pada 8 Disember 1941 Jepun mula menghancurkan British Malaya, pada 15 Disember 1941. Semua tahanan sayap kiri dilepaskan dan tawaran Parti Komunis Malaya untuk bersatu melawan Jepun diterima. Maka terbentuklah The Malayan Peoples' Anti-Japanese Army (MPAJA). MPAJA telah melaksanakan pentadbiran sejak Jepun menyerah kalah sehinggalah British mengharamkan mereka kerana kebanyakan pemimpin mereka beraliran *revolutioner* dan mendesak untuk terus berpisah daripada gengaman British.

Oleh kerana takut kehilangan kuasa, British telah mengangkat seorang petualang dalam Parti Komunis Malaya bernama Lai Tek, dan membenarkan Parti Komunis Malaya menjalankan pentadbiran walaupun masih diharamkan. Lai Tek dipercayai sebagai seorang lelaki berbangsa Vietnam yang ditugaskan sebagai agen perisik British bagi melemahkan Parti Komunis Malaya. Lai Tek telah melarikan wang Parti Komunis Malaya sehingga parti komunis mulai menjadi lemah.

Selepas Lai Tek melarikan diri, Chin Peng menjadi Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya yang baru, dan Parti Komunis Malaya mengambil keputusan menjadi anti-British sepenuhnya. Pada ketika inilah British menabur propaganda dan fitnah untuk menghancurkan Parti Komunis Malaya. Ketika ini juga British membawa Henry Gurney yang merupakan Ketua Setiausaha Kerajaan Mandat Palestin menjadi Komisioner Tinggi British di Malaya.

Dari 1948 ke 1960 British melancarkan perang menentang Malayan National Liberation Army (MNLA). British menggunakan istilah The Malayan Emergency, kerana didesak oleh kapitalis-kapitalis timah dan getah, kerana jika dinamakan perang maka syarikat insurans Lloyd's tidak akan membayar pampasan. Oleh kerana tunduk kepada tekanan kapitalis, British menamakan perjuangan

menentang penjajah sebagai darurat.

British memang pakar dalam memintal fitnah. Mereka khawatir rakyat Malaya akan bangkit dan memilik negarakan segala sumber negara. Oleh yang demikian, mereka menggambarkan perjuangan Parti Komunis Malaya yang meletakkan kuasa pada kaum buruh sebagai pengganas dan mencipta pelbagai propaganda fitnah terhadap mereka. Namun begitu, masih ramai rakyat Malaya yang terus menyokong perjuangan Parti Komunis Malaya yang mereka anggap sebagai pemerintah yang sah.

Propaganda Jepun, “Asia untuk orang Asia” sedikit sebanyak telah menyedarkan rakyat Malaya pada ketika itu bahawa rakyat Malaya boleh berdiri di atas kaki sendiri dan tidak memerlukan perlindungan daripada Keratuan British. Peranan Parti Komunis Malaya dalam melawan Jepun pula telah membuktikan bahawa kita mampu mentadbir sendiri. Asas-asas ini membolehkan Parti Komunis Malaya meneruskan perang dengan British sehingga 1989.

Pada hari ini, United Malays National Organisation, terus memainkan sentimen kebencian terhadap golongan Komunis tanpa meneliti hakikat sejarah. Demi keadilan, kita wajar mengiktiraf perjuangan Parti Komunis Malaya, yang telah berjuang dengan erti kata yang sebenar menentang penjajahan Jepun dan juga British. Bukan seperti persatuan kontraktor Melayu yang telah mendapatkan kemerdekaan melalui rundingan berat sebelah yang mengga-daikan hasil sumber Negara.

Saya terpaksa mengangkat perjuangan Parti Komunis Malaya, kerana itulah sebenarnya perjuangan menentang penjajah. Sewaktu Parti Komunis Malaya sedang menentang penjajah, United Malay National Organisation sibuk merayu kemerdekaan. Jika Parti Komunis Malaya memenangi peperangan tersebut, saya yakin hari ini Malaysia atau Indonesia Raya mampu bersaing dengan kuasa-kuasa besar di dunia.

Namun kita termakan propaganda penjajah, kita pilih untuk ikut telunjuk British. Kita mengangkat golongan elit yang telah merayu kemerdekaan, dan kita cerca golongan pejuang yang telah berani mengangkat senjata melawan kuasa Mahkota Keratuan British. Golongan elit merayu untuk kemerdekaan kerana mahu pegang kuasa untuk pastikan perbezaan di antara kaya dan miskin, mereka gadaikan maruah dan menjadi proksi kepada keratuan British yang terus merompak hasil negara.

Hari ini yang merompak dari England sudah kurang, yang merompak di Putrajaya tiada rasa malu dan terus merompak rakyat Malaysia. Salahguna kuasa, korupsi, jenayah sudah mula membarah dalam kerajaan Malaysia. Inilah legasi peninggalan British, United Malays National Organisation. Inilah hasil kemerdekaan yang dirayu dan dibeli dengan menggadaikan maruah dan hasil negara.

Masih ramai yang menghina perjuangan komunis, masih ramai yang marah kerana ramai yang mati menentang komunis, ramai juga yang masih tidak tahu beza antara komunis dan Jepun, ada juga yang menggeruni abu mayat bekas pemimpin Parti Komunis Malaya. Biarkan, mereka tidak tahu, mereka masih tertipu dengan delusi-delusi ciptaan United Malays National Organisation.

Bagi saya, tiada perjuangan dalam sejarah Malaysia yang lebih nasionalistik daripada perjuangan Parti Komunis Malaya. Sebagai rakyat Malaysia yang terpelajar, saya cenderung mengangkat perjuangan Parti Komunis Malaya sebagai perjuangan kebebasan yang sebenarnya. Tabik cakap, tapi saya berpendapat perjuangan Tunku Abdul Rahman tidak mampu menandingi keikhlasan pejuang-pejuang Komunis Malaya.

Perjuangan Parti Komunis Malaya, adalah perjuangan rakyat Malaya, perjuangan rakyat berbilang bangsa melawan penjajahan di tanah tercinta. Perjuangan mereka bukan kerana harta, tetapi kerana cinta akan rakyat. Saya jelas dengan agenda politik kotor pemerintah yang mahu memburuk-burukan komunis, tapi mereka bodoh sombong. Mereka enggan membaca, mereka enggan

berfikir. Mereka cuma mahu melindungi yang kaya dan terus merompak kekayaan negara. Biarkan..., mereka tidak akan berubah selagi England masih dibelenggu monarki.

### 3

## **Sejarah Sarawak dan Pemusatan Kuasa**

*Ngu Ik Tien*

Malaysia, sebagai sebuah negara yang majmuk dari segi kaum, budaya dan agama, telah membina beberapa jenis institusi awam yang dianggap alat untuk menjaga kepentingan segmen dalam masyarakat supaya kestabilan dan keamanan negara dapat dijamin. Salah satu institusi politik yang digunakan adalah sistem persekutuan.

Di negara persekutuan ini, politik kebangsaan selalu berhubung-kait dengan etnik politik. Semenjak penamatan pemerintahan Inggeris di tanah kita, kerajaan baru dengan serta-merta menubuhkan sebuah kerajaan yang meniru sejenis model Eropah di mana masyarakat Malaysia dianggap sebagai satu bangsa yang mengamalkan budaya yang sama. Akan tetapi, anggapan atau hasrat kerajaan baru masyarakat kita pada waktu tersebut memang tidak menepati realiti.

Pergolakan politik pasca-kemerdekaan melahirkan berjenis-jenis formula politik yang cuba menenangkan perasaan curiga di antara segmen masyarakat yang bukan homogenous. Formula-formula politik tersebut termasuklah ideologi bumiputera, kedudukan Bahasa Melayu, pengkalan sistem pendidikan cina and tamil dan kedudukan agama Islam. Formula-formula berkenaan menumpukan kepada pengurangan perselisihan nasional yang melibatkan etnik majoriti dan etnik minoriti. Di dalam esei ini, saya menganggap masyarakat Cina dan India sebagai nasional etnik minoriti manakala masyarakat Iban, Bidayuh, Melanau dan sebagainya sebagai etnik minoriti serantau.

Formula politik yang dikemukakan dan dilaksanakan kerajaan baru itu kebanyakannya bersifat perkauman. Institusi-institusi awam yang benar-benar diterima oleh semua kaum masih kekurangan. Akan tetapi, dengan penubuhan Malaysia pada tahun 1963, kerajaan pusat di Kuala Lumpur menemui satu cabaran yang berlainan iaitu mahu memenangi hati kumpulan-kumpulan yang berbeza daripada etnik-etnik utama tersebut. Bagi menangani cabaran tersebut, sebuah sistem yang lebih seimbang telah diperkenalkan di mana etnik minoriti serantau dapat menikmati autonomi dari segi kuasa politik, ekonomi dan budaya yang lebih banyak daripada nasional etnik minoriti. Umpamanya, elit Sarawak meminta hak-hak tertentu yang kebanyakannya bersifat budaya and sosial. Antaranya termasuk Islam tidak boleh dijadikan agama rasmi, pengkalan kedudukan inggeris sebagai bahasa rasmi, kerajaan Sarawak berhak mengendalikan sistem pendidikan negeri dan sebagainya.

Dalam esei ini, penulis ingin mempertikaikan sejarah Sarawak lima puluh tahun lampau yang merupakan satu penunjuk kepada “sentralisasi” (pemusatan kuasa) kerajaan pusat Malaysia. Sentralisasi tersebut ditunjukkan sekurang-kurangnya dalam dua aspek; pertukaran kepimpinan politik Sarawak dan pengurangan kuasa kerajaan negeri dari segi ekonomi dan sosial.

Semasa negara Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963, parti politik yang paling berpengaruh di Sarawak ialah Sarawak National Alliance Parti (SNAP). Pengerusinya, Stephen Kalong Ningkan. Beliau dilantik sebagai Ketua Menteri Pertama Sarawak. Malangnya, pendirian Stephen Kalong Ningkan terhadap bahasa rasmi Sarawak dan keinginannya untuk mengekalkan pegawai-pegawai British dalam kerajaan Sarawak sebagai satu sekatan terhadap kemasukan pegawai-pegawai dari Malaya telah mendinginkan perhubungannya dengan Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman. Stephen Kalong Ningkan juga menghadapi cabaran daripada pelbagai pihak yang dipercayai mendapat sokongan daripada kerajaan pusat. Untuk menyingkirkan Kalong Ningkan, kerajaan pusat telah mengisytiharkan darurat di Sarawak dan meminda perlembagaan Sarawak supaya Yang Dipertua Negeri Sarawak diberikan kuasa untuk



memecat Ketua Menteri yang dianggap hilang sokongan daripada majoriti Ahli Dewan Undangan.

Pada era 70an, pergolakan politik tersebut di Sarawak pernah dibincangkan oleh sarjana-sarjana yang terkenal, Robert Stephen Milne dan K.J. Ratnam, sebagai usaha kerajaan pusat untuk mengintegrasikan “sub-systems” atau membanteras “sub-systems” yang “deviant”. Ada juga sarjana yang menyifatkan pergolakan politik Sarawak itu sebagai satu pengembangan etnik politik yang diamalkan di kerajaan pusat. Kalong Ningkan sebagai etnik Iban yang beragama Kristian dan mempunyai sentimen kerantauan. Semenjak tahun 1970, Ketua Menteri dan Kabinet Sarawak telah dikuasai oleh ahli-ahli politik yang beragama Islam walaupun penduduk Muslim adalah etnik minoriti di Sarawak. Mereka mendapat sokongan kukuh daripada kerajaan pusat yang juga dikuasai pemimpin-pemimpin Islam. Seseengah masyarakat Iban masih mengingati “kontrak sosial” yang pernah dijanjikan pemimpin-pemimpin pusat pada masa awal penubuhan Malaysia. Kontrak itu menyatakan sekiranya orang Islam memegang jawatan Ketua Menteri Sarawak, jawatan Yang Dipertua Negeri harusnya dipegang oleh bumiputera bukan Islam atau Kristian, atau sebaliknya. “Kontrak Sosial” tersebut juga selaras dengan budaya politik kerajaan pusat yang mendiskriminasi etnik-etnik yang dikategorikan sebagai bukan bumiputera dalam institusi-institusi awam Malaysia.

Kuasa-kuasa ekonomi dan sosial yang pernah dinikmati kerajaan Sarawak juga dipindahkan kepada tangan kerajaan pusat sejak 1970an. Umpamanya, kerajaan negeri tidak lagi punya kuasa mengendalikan sistem pendidikan yang diperkenalkan di Sarawak. Perubahan ini jelas memperlihatkan perubahan kandungan kurikulum sekolah, misalnya sejarah dan geografi Malaya diberikan keutamaan. Dalam pemerintahan Rahman Yakub (1970-1980), beliau mengembangkan institusi-institusi awam Islam berprofil tinggi telah membimbangkan penduduk Kristian di negeri itu. Pada tahun 1974 pula, parlimen persekutuan telah meluluskan sebuah rang undang-undang yang memindahkan kebanyakan keuntungan minyak di negeri-negeri tertentu kepada kerajaan pusat. Undang-undang

ini dikenali sebagai Akta Pembangunan Petroleum 1974. Di bawah undang-undang ini, kerajaan Sarawak, Sabah and Terengganu hanya memperolehi royalti minyak sebanyak 5 peratus.

Sekian lama, kerajaan BN (Barisan Nasional) di Sarawak amat kukuh berbanding dengan kerajaan BN di Sabah. Salah satu sebabnya ialah ramai orang Sarawak amat kluatir mereka akan “dihukum” oleh kerajaan pusat sekiranya mereka tidak menyokong BN. Semasa pemerintahan Mahathir Mohammad, parti politik terbesar di Sabah yang diterajui oleh Kadazan pemimpin telah menarik diri dari BN dan bergabung dengan barisan pembangkang. Selepas itu, masyarakat Sarawak berpendapat, kerajaan pusat telah menggunakan pelbagai taktik politik kotor bagi mengeneipkan pemimpin dan komuniti bukan Islam di Sabah dan memanipulasikan institusi-institusi awam untuk meningkatkan kuasa pemimpin Islam di Sabah.

Perkembangan politik di Sarawak telah mencatat proses pemusatan di tangan pemerintah persekutuan negara ini. Daripada segi pengurusan, pemusatan kadangkala dianggap sebagai satu pendekatan yang efisien tetapi ia juga memberi kuasa kepada pemimpin pusat untuk memerintah negara ini dengan mengikut kehendak mereka. Di negara Malaysia, sama ada ketidakpuashatian terhadap pemimpin pusat semakin meningkat...

Selain daripada sistem pemerintahan yang dibincangkan di atas, kerajaan pusat Malaysia juga berusaha mengisahkan satu “cerita agung” (*grand narrative*) tentang pembentukan negara ini tetapi usaha tersebut tidak begitu berjaya. Salah satu buktinya adalah melalui pertikaian kandungan sejarah Malaysia yang sering berlaku. Pertikaian lain termasuk prinsip-prinsip asas tertentu dalam dasar ekonomi kebangsaan, pendidikan dan agama. Pada pendapat penulis, sejarah Sarawak akan selalu menanamkan persepsi bahawa kerajaan pusat dan masyarakat peka tentang sifat-sifat asas negara ini yang majmuk.

Dalam sejarah Sarawak, kita boleh menemui banyak “anomalies” yang berbeza dengan sejarah rasmi. Pertamanya, tentang

perhubungan “orang tempatan” dengan “penjajah British”. Di Sarawak, kumpulan yang pernah memberontak dan menewaskan Pemerintah James Brooke (tiga hari sahaja) adalah pelombong-pelombong hakka cina yang berada di selatan Kuching. Mereka berasal dari Kalimantan Barat dan berpindah ke Sarawak sebelum kedatangan British.

Hubungan masyarakat cina dengan pemerintah Brooke menjadi tegang selepas pemberontakan tersebut dan pendatang British tersebut mengisytiharkan masyarakat cina sebagai pendatang tetapi menjadikan diri mereka sendiri sebagai pemerintah yang sah. Semasa pemerintahan Brooke kedua, masyarakat cina pernah di-anugerahkan status “*natives*” tetapi kedudukan tersebut kemudiannya “ditukarkan” balik lagi kepada “*foreigners*” semasa Brooke ketiga menaiki takhta.

Semasa pemerintahan Brooke, etnik majoriti Iban tidak diambil sebagai pegawai kerajaan. Sebaliknya, ramai daripada mereka di-upah sebagai askar-askar Brooke. Semasa pemerintahan Brooke yang berkekalan hampir satu abad, hanya Melayu dan orang berbangsa Eropah sahaja yang diambil sebagai pegawai kerajaan kanan. Sebenarnya, perhubungan Kuching Melayu lebih rapat dengan Raja Brooke daripada Sultan Brunei. Selepas peperangan kedua, beratus-ratus pegawai Melayu amat menyokong pemerintahan Brooke dan berani meletakkan jawatan sebagai tanda menentang penyerahan pemerintahan Brooke kepada Kerajaan British.

Selepas penubuhan Malaysia, Ketua Menteri Stephen Kalong Ningkan juga berusaha mengekalkan pegawai-pegawai British yang telah lama berkhidmat di Sarawak. Mungkin Kalong Ningkan lebih dipercayai pegawai-pegawai tersebut daripada pegawai-pegawai kanan yang datang dari Malaya. Pada pendapat penulis, walaupun tindakan-tindakan pegawai Melayu dan Kalong Ningkan mungkin tidak mematuhi prinsip patriotik yang diamalkan hari ini tetapi mereka sememangnya rasional. Mengapa orang inggeris tidak boleh menjadi raja? Mengapa pegawai-pegawai inggeris tidak boleh dipercayai? Mereka memang tidak dipilih oleh rakyat

Sarawak – Sultan Brunei pun sama, tidak dipilih rakyat. Kedua-dua pihak menggunakan cara kuno untuk menegakkan kekuasaan mereka di tanah Sarawak. Prinsip patriotik yang disebar hari ini satu konstruksi moden. Keputusan-keputusan dan dasar-dasar yang dianggap kurang wajar oleh pemerintah dan masyarakat arus perdana hari ini mungkin dianggap sebagai tindakan yang wajar pada masa dahulu dan mungkin masa depan juga.

Sejarah rasmi Malaysia termasuk Sarawak hari ini ditulis oleh “*ethno-cultural nationalists*” dari golongan sayap kanan yang berpusat di kerajaan persekutuan. Adakah histografi penulis-penulis berkenaan mampu membuka mata dan hati pemuda-pemudi Malaysia untuk menghayati nilai-nilai murni, kemajmukan masyarakat kita dan juga dunia masa kini? Selepas pembacaan sejarah rasmi, adakah kita mengerti makna sebenarnya penjajahan dan kemerdekaan? Kenapa kami mencipta “label” untuk menonjolkan kumpulan yang mempunyai memori dan pengalaman yang berlainan dengan kami? Kenapa suara “*sub-systems*” perlu dilenyapkan? Siapa berada dalam “*sub-systems*” dan kenapa? Semasa saya mengulangkaji sejarah Sarawak, inilah soalan-soalan yang saya fikirkan.

## **Bahagian II**

### KEHIDUPAN



## Menjadi Aku

*Firdaus Zolkifli*

Mencintai angin harus menjadi siut,  
 mencintai air harus menjadi ricik,  
 mencintai gunung harus menjadi terjal,  
 mencintai api harus menjadi jilat,  
 mencintai cakrawala harus menebas jarak,  
 mencintaiMu harus menjadi aku.

- Sajak kecil tentang cinta (Sapardi Djoko Damono)

Seorang anak telah dihantar keluarganya ke sekolah, untuk menjadi lelaki. Sekolah, dengan kata lainnya adalah rumah harapan. Hal ini membimbangkan sang anak untuk keluar dari keselesaan rumahnya dan menjalankan kehidupan yang lain. Namun, ketakutan, atau lebih tepatnya ‘ketidakpastian’ sang anak untuk melangkah ke gedung besar (lambang kekuasaan pengetahuan) ini dikikis dengan kemesraan sang guru, yang menjadi ‘ibu ayah’ dalam sebuah keluarga besar. Tambahan lagi, ayah sang anak itu telah bisik memujuk, “ayah tidak menghukummu, sekolah bukannya hukuman, sekolah adalah gedung yang mencetak anak-anak menjadi manusia berguna”.

Makhluk hidup tertarik dengan makhluk hidup yang lain. Di gedung inilah sang anak menyemai cintanya terhadap temannya yang lain. Bahkan, di gedung ini sang anak mencuit banyak hal, menerima dan melepaskan kehendak – melalui muzik, bahasa dan pelajaran agama. Malangnya, kegembiraan ini tidak tertanam, hanya tertampal. Gedung yang memberi cinta dan menanggapi ‘yang lain’ dengan sejahtera juga adalah gedung yang membawa rasa sakit dan kebencian. Gedung ini menyimpan suatu kejahatan yang tidak terpikirkan, dinamakan ‘persaingan’. Tidak ada lagi syurga imajinasi, yang ada hanya pengerahan tenaga, perjuangan dan ketekunan. Sudahnya, tidak ada lagi ‘sang ibu’ yang tersenyum, yang tinggal hanyalah wajah si tua yang cengeng. Kenerakaan ini berlanjut,

hinggalah sampai suatu petang, tika sang anak pulang dari gedung ini, anak itu mendapati semua yang berada di luar gedung ini lain dan asing. Lain hingga menyebabkan sang anak sesat untuk pulang. Sang anak terasing dengan kenyataannya sendiri.

Cerita sang anak di atas adalah ringkasan daripada cerita 'Half a Day' yang ditulis Naguib Mahfouz, berlatarkan bandar Kaherah sekitar selepas perang dunia kedua. Mengakhiri ceritanya dengan 'keterasingan' sang anak bukan sahaja mengoyak mitos sekolah, sekaligus memberi kritikan tajam terhadap moden. Mengangkat pengalaman seharian (pengalaman anak ke sekolah) sebagai tragedi manusia hilang 'keber-ada-annya', semestinya penderitaan ini tidak hanya untuk anak-anak sekolah di Mesir, tetapi tragedi ini juga adalah tragedi kita. Tragedi manusia moden. Manusia moden yang hilang kritis, imaginasi, kebebasan dan tercampak ke dalam keterasingan.

Kebebasan, keterasingan dan kritik sekolah tidak pernah menjadi persoalan persendirian Naguib Mahfouz. Ada sebuah filem sederhana sekitar tahun 1989 dengan tema yang sama, berjudul 'Dead Poets Society'. Filem perlahan arahan Peter Weir berlatarkan sekolah elit Welton di Vermont pada sekitar 1959. Robin Williams melakonkan watak sang guru bahasa Inggeris (John Keating). Robert Sean Leonard, Ethan Hawke, Josh Charles dan beberapa pelakon muda lain memainkan peranan sebagai pelajar di sekolah elit tersebut, sekaligus pelajar Mr. Keating.

Ceritanya mudah, tentang sekelompok pelajar yang menjalankan hidup di sekolah elit. Sememangnya, menjalani hidup seharian di bawah sebuah institusi yang menekankan tradisi dan disiplin adalah hal yang menyesakkan, tapi hal yang menyesakkan ini ditelan kerana matlamat hidup warganya jelas, untuk mencapai keputusan yang baik dan melanjutkan pelajaran ke universiti. Di dalam institusi ini, semuanya jelas dan berjalan mengikut keteraturan, walaupun terdapat keinginan yang tidak selari dengan kehendak institusi, tetapi hal itu cepat-cepat dihapuskan, yang ada hanya ketekunan, bukannya imaginasi tentang hal yang lain, bahkan imaginasi



tentang diri sendiri pun ditentang.

Tetapi keteraturan tidak selamanya teratur, di dalam hukum yang telah siap tidak semuanya tunduk. Kedatangan seorang guru bahasa Inggris menggantikan guru yang lama seakan membawa api kesedaran. Pelajar bukan sahaja menerima sesuatu kaedah belajar yang baru, bahkan seakan kembalikan semula semua ke atas diri sendiri, sebebannya. Tidak ada lagi formula, kerja hafalan, gred dan peperiksaan. Di dalam kelas guru yang baru ini, pelajar dihadapkan dirinya dengan imaginasi, memberi makna sesuatu dengan rasa, kebebasan menentukan nasib diri dan keghairahan hidup. Pelajar di dalam kelasnya tidak menadah, sebaliknya saling berbagi, saling belajar dan saling berekspresi.

Hadirnya Keating sebagai sosok unik melahirkan rasa ingin tahu sekelompok pelajar di kelasnya. Lantas, salah satu muridnya (Neil Perry) menyelongkar buku tahunan angkatan gurunya dan mendapati Keating adalah sebahagian ahli dalam kumpulan penikmat puisi, yang dipanggil Dead Poets Society. Dari sini juga bermulanya perlawanan sekelompok pelajar terhadap sistem yang didiami. Kelompok pelajar ini menghidupkan kembali sebuah kumpulan penikmat puisi tertutup. Puisi bukan lagi sebagai bahan hafalan, apatah lagi kata yang berbasa-basi, tetapi ekspresi kebebasan untuk kelompok ini mencari ghairah hidup. Puisi memberi penegasan kepada mereka untuk menjadi apa yang mereka pikir dan rasakan dengan berani – Neil bercita-cita menjadi pelakon, Todd yang mula menghargai diri sendiri dan Knox yang berani gagal untuk mendapatkan cinta.

Kebebasan, imaginasi dan kesedaran adalah musuh ideologi. Apatah lagi ideologi yang telah dibuktikan kejayaannya, ideologi dalam cerita ini ialah kurikulum yang telah disediakan oleh sekolah. Dalam bahasa lainnya, kurikulum sekolah menjadi rasional instrumental yang perlu dipraktikkan tanpa soal-soal lagi. Imaginasi kelompok pelajar ini tidak disenangi, malahan dilihat berbahaya dan wajar dihapuskan. Pihak sekolah dan ibubapa kelompok pelajar itu jelas, mereka harus mengikuti kurikulum dan matlamat yang

ditetapkan. Merenggut imajinasi seertinya juga merenggut diri; Neil, akhirnya memilih untuk membunuh diri dari hidup yang hilang ghairah. Tragedi menimpa lagi, tindakan Neil membunuh diri menjadi alasan untuk pihak sekolah menghentikan jawatan Keating sebagai guru.

Dalam babak cerita ini, ada ironi yang menyedihkan. Waktu perhimpunan pertama persekolahan bermula, setiap pelajar diberi lilin dan sumbunya dibakar bergilir. Pemegang lilin dilihat sebagai pemegang api, pemegang cahaya, sekaligus pemegang pencerahan. Malangnya, di institut yang mengajukan pencerahan inilah berlakunya dominasi dan membunuh imajinasi manusia. Kata 'Cogito Ergo Sum' Rene Descartes awal pencerahan melahirkan tragedi keterasingan manusia. Antroposentrisme yang dilihat gemilang mengangkat martabat manusia akhirnya menunggang manusia sebagai 'benda'.

Ironi menyedihkan berlangsung lagi, dalam babak dentingan jam menara di sekolah dan dipaparkan burung berterbangan. Dentingan jam, seakan dentingan kawalan yang ditetapkan untuk manusia meneruskan harinya, dengan kerja harian yang ditetapkan. Pasti kita sebagai manusia-manusia yang pernah tunduk dengan kolonial tahu bahawa menara jam di setiap pekan adalah kawalan untuk manusia melakukan kerja yang ditetapkan oleh kolonial, dan burung berterbangan hanyalah cerita tentang kebebasan untuk memilih hal yang telah ditetapkan. Akhirnya, kelompok pelajar di Welton dan kita, tidak pernah bebas.

Tidak terlalu mencolok, jika mengatakan bahawa Dead Poets Society ini adalah cerita tentang pembunuhan. Bukan saja tentang bunuh diri Neil Perry, tapi tentang pembunuhan intelektual, pembunuhan imajinasi, atau yang dikatakan oleh Albert Camus sebagai 'philosophical suicide'. Kematian rohani ini untuk manusia yang tidak sanggup memakai akal dan rasanya sendiri dalam menghadapi dunia yang tidak terjawab, lantas menggunakan dogma-dogma lain, misalnya agama digunakan untuk mengungkap rahsia alam. Dalam cerita ini, sains positivisme adalah antara dogma yang

digunakan untuk mengungkap kejayaan, citra dan keindahan. Dunia yang sering misteri, tidak menelanjangi semua rahasianya di hadapan manusia dan sikap manusia yang tidak putus memahami dunia dikenal sebagai absurd. Walau Camus menarik kita kepada suatu kesia-siaan, menghadapi absurd dengan memberontak itu adalah saja jalannya. Sebagaimana akhirnya cerita, Todd berdiri di atas meja, dan berkata ‘tidak’ apabila disuruh turun. ‘Tidak’ adalah kata ringkas tetapi suatu pengakuan diri bagi Todd, seorang pelajar yang tidak percaya diri sebelum ini. ‘Tidak’ sebagai lambang berontak juga membawa makna, ‘kali ini aku tidak lagi tunduk ke atas kau, aku menjadi diri aku sendiri’. Tidak seperti Neil yang mematikan dirinya, sekaligus mematikan absurd, Todd menantanginya, untuk menjadi manusia utuh. Todd menjadi dirinya, “aku menjadi aku”.

## 2

### **Manusia dan Kepentingan – Satu Pengertian** *Meor Yusof*

Saat kita yang paling jujur adalah bila kita mengadap wajah kita sendiri di cermin. Waktu itu kita tidak akan menipu diri kita sendiri dan kita tidak punya apa-apa kepentingan terhadap diri kita. Selain daripada itu, apabila kita berhubung sesama kita; sungguhpun tidak banyak tetapi tetap berkepentingan.

Pernahkah kita memberikan senyuman pada wajah kita di cermin? Saya sering melakukannya dulu sehingga ada ketikanya sanggup melihat dan membelek wajah sendiri sehingga berjam-jam lamanya sehinggakan apabila saya senyum, wajah saya di cermin itu serius sambil memandang saya dan saya terus tersedar dan agak tersentak sebenarnya waktu itu.

Orang politik contohnya, mempunyai nilai kepentingan yang besar kerana melibatkan kita dan wang yang banyak. Permainan mereka pula ada yang bersih dan ada yang kotor sedangkan kita yang berkepentingan ini hanya untuk kita-kita sahaja, tidaklah melibatkan ruang dan mimpi yang besar.

Dosa, semua kita tetap berdosa, kerana kita manusia yang diberi nafsu. Bak kata Doel Sumbang penyanyi folk /Jaipang dalam lagunya,

“...apa perlunya dosa yang digunjingkan orang, sedang dosa diperlukan dalam hidup manusia. Jika ingin tak berdosa jangan jadi manusia, jadi saja malaikat”

Amalan baik setiap kita juga tetap diberi pahala, walaupun kita seorang pendosa. Kehidupan dan graf yang turun naik adalah lumrah,

umpama laut dan sifat-sifatnya. Memahami sifat-sifat buruk dan baik yang ada dalam diri kita adalah umpama pengakuan dan bersangka baik terhadap Tuhan untuk setiap masa.

Tuhan bukan untuk ditakuti – itu akan menjauhkan kita daripadanya. Perlulah kita belajar bagaimana untuk memahami jalan dan ceritaNya sehingga kita lebur dalam acuan dan kasih-sayangNya, itu yang terbaik.

Kita lahir ke dunia, keluar saja dari rahim ibu, kita akan menangis dan bila disuakan susu ibu, kita tahu itu adalah minuman untuk kita meneruskan hidup walau akal kita belum cukup dan tidak ada siapapun yang mengajar kita waktu itu. Itu fitrah, pun atas dasar kepentingan juga. Begitulah seterusnya sehingga kita membesar bersama kehendak dan nafsu sesuai dengan sifat kita yang baharu ini.

Kita akan melalui proses demi proses sesuai dengan watak kita yang diberi Tuhan. Tuhan menciptakan kita ini sebagai makhluk bernama manusia yang serba-serbi istimewa walau kita tidak diberi banyak pilihan sebenarnya.

Saya kata tidak banyak pilihan kerana hidup ini adalah dalam perencanaanNya, bukan kita. Walau kita kaya dan berkuasa, itu tidak dapat membeli takdir dan masa depan, sihat mahu pun sakit. Kita berkemampuan sehingga mampu membeli segalanya di dunia ini. Apabila datang penyakit yang membunuh seperti kanser, walau jutaan ringgit dihabiskan, pun kita akhirnya terkulai juga.

Kita terlalu berjaga-jaga tentang kesihatan kita. Apa saja ubat dan vitamin semuanya kita telan kerana kita percaya itu akan menjadikan kita sihat selalu. Namun, apabila datang sakit, kita tetap akan dimasukkan ke ICU (Unit Rawatan Rapi). Apa yang kita boleh katakan lagi?

Seorang kawan saya berbakat dalam lukisan. Masalahnya adalah waktu dan ketika yang masih belum sampai. Atau dalam kata lain,

belum sukses sebagai seorang pelukis. Apa yang perlu dilakukannya adalah teruskan dengan wataknya sebagai seorang pelukis walau hasilnya daripada segi ringgit masih di peringkat permulaan.

Masalah sungguh hidup di dunia ini kerana apa sahaja hasil dan kejayaan akan dinilai dengan ringgit. Seperti saya yang sudah punya puluhan album, jika tidak ke arus perdana dan tidak laris, tetap akan dianggap gagal kerana sifat dan perkiraan masyarakat yang begitu.

Jika jawapan itu telah ada dalam diri kita sendiri, ia akan menjadikan perjalanan kita mudah sebenarnya.

Sewaktu saya busking, ada seorang lelaki yang sering mabuk, (yang katanya dialah ‘loser’ yang akan bercerita tentang kegagalannya dalam hidup dan rumahtangga dan segalanya ) berumur dalam lingkungan awal 50-an sering singgah untuk menonton saya bernyanyi dan berlagu.

Saya tidak selesa sebenarnya sebab lelaki itu mabuk walau tidak ‘violence’ (sebut; ganas).Dia pun tidak sedar apa yang dia katakan. Jadi, tidak ada sebab untuk saya melayannya berbual. Tambahan pula, saya sedang bekerja. Saya percaya jika dia dalam keadaan yang normal dia tidak akan singgah mendengar saya bernyanyi, atau kalau paling lama pun dia akan mendengar se lagu dua dan akan berlalu pergi.

Tapi, disebabkan lelaki itu adalah sebahagian daripada watak dalam sekian ramai yang hadir di mukabumi ini, saya biarkan sahaja. Ini merupakan perjalanan hidup setiap insan. Jatuh bangun seseorang itu bergantung kepada perjalanan nasib manusia seseorang itu.

Mutakhir ini kita sering dilanda keresahan. Gangguan air sering berlaku, rungutan kedengaran di sana-sini tentang SYABAS dan Kerajaan Negeri Selangor. Pertelingkahan antara mereka berhasil dengan kita yang tersepit di tengah-tengah – menjadi mangsa. Di Kuala Lumpur bekalan air terputus. Itu bukan sesuatu yang luar

biasa sebenarnya.

Alangkah eloknya jika kita disediakan telaga di setiap kawasan dan lorong. Sekurang-kurangnya kita masih ingat asal-usul kita dahulu. Jadi tidak, perlulah lori tangki SYABAS datang membawa bekalan air jika terputus.

Atas alasan kepentingan dan agenda setiap mereka yang berkeperentingan, saya belajar untuk memahami dan mengerti bahawa kita ini hidup bermasyarakat. Maka, inilah permainan yang harus kita mainkan juga walaupun bukan minat kita.

Sekiranya diberi pilihan, saya tidak mahu kerap berhubung dengan manusia, tetapi itu mustahil untuk dilakukan. Pertama kerana dasar kepentingan, 'hablumminannas' antara kita sesama manusia. Saya pernah busking di kampung bersaksikan pohon-pohon hijau, beruk dan babi hutan. Akhirnya ia menjadi satu perjalanan yang sehalu, hanya menghiburkan diri sendiri dan itu melelahkan sebenarnya.

Perhubungan kita sesama manusia, itu adalah perjalanan yang dua-hala sebagai tindak-balas. Barulah hadir nilai keseimbangan. Lebih menarik jika ianya disertakan pulangan dalam bentuk wang.

Kesimpulannya, kita masih memerlukan wang untuk terus hidup. Kita juga masih memerlukan antara sesama kita manusia, kecuali jika kita gila atau kurang waras. Kita akan belajar untuk lebih memahami sikap manusia dan permainannya.

Anggaplah sekeliling kita sebagai watak dan pelengkap kejadian dan kita adalah sebahagian daripadanya juga. Berikan kesejahteraan untuk jiwa yang tenang. Kita ertikan makna kepentingan itu untuk diri kita sendiri kerana jika faktor luaran yang menyebabkan fikiran kita terganggu itu maknanya kita tidak sayangkan nilai sejahtera yang perlu kita sematkan di jiwa kita selalu.

## Tentang Redup, Jiwa Dan Kehendak Kita

*Meor Yusof*

Mungkin ramai yang bertanya mengapa penulis berterusan menerbitkan sendiri album demi album tanpa mengira sama ada album yang saya diterbitkan itu laku atau tidak? Saya tidak akan bertanya kepada dirinya mengapa beliau suka menerbitkan album yang bagi mereka yang berpandukan arah menuju jaya dengan memasuki bintang RTM atau program realiti tv, itu lebih *glamour* dan kalau sangkut boleh hidup mewah dan mungkin mereka menganggap dirinya itu syok sendiri.

Penulis menerbitkan album kerana satu sebab yang beliau percaya, iaitu tanggungjawab sebagai seorang pengkarya. Diterima atau tidak itu nombor dua. Sejak muncul dengan album pertama ‘Pesta Jiwa’ tahun 2001 dahulu, beliau beli fikir itulah album yang pertama dan terakhir, kerana salah satu sebabnya kurang nilai komersial.

Lagi satu sebab dari segi kualiti pun agak kurang juga kerana rakaman hanya dijalankan di ‘*home studio*’ milik seorang rakan. Seinggalah album baru ‘Redup’ (2013) yang baru sahaja diedarkan baru-baru ini. Nyatalah idealisme itu perkara yang selalu saya titikberatkan di dalam berkarya.

Tetapi kenyataannya, setiap album yang penulis terbitkan, mendapat ulasan dan kritik yang baik juga dari media terutamanya dari akhbar Inggeris. Dari situ saya mendapat ramai juga pendengar setia yang mengikuti perkembangan saya dari masa ke semasa. Saya katakan ramai itu dalam konteks independen yang masih dalam kelompok minoriti jika dibandingkan dengan aliran arus perdana dan komersial. Cuma penulis sedar beliau tidak akan menjadi



kaya-raya dengan menjadi *folk singer-songwriter* walau telah muncul dengan sembilan album penuh dan dua album *single*.

Penulis selalu juga buat lawak dengan menjadi Mat Jenin sambil mengira-ngira keuntungan dengan perkara yang disebut 'kalau'. Kalau albumnya dijual satu ribu unit, itu banyak tu. Kalau 10 ribu, wow lagi kaya. Kalau 50 ribu unit? Itu umpama mendapat Loteri Kebajikan Masyarakat. Akhirnya, penulis ketawa sendiri kerana apa yang kita angankan itu tidaklah semudah A, B dan C. Yang nyata, penulis dapat kepuasan dalam berkarya tanpa kekangan daripada sesiapa pun. Beliau percaya nilai kejujuran dalam berkarya itu sangat penting dan saya percaya, akhirnya jika kita jujur dalam berkarya, orang akan terima juga.

Kenyataannya juga setiap album beliau hasilkan tidaklah dijual dalam jumlah yang banyak. Semuanya edaran terhad sahaja. Yang tahu, tahulah; yang tak mahu tahu pun tidak mengapa. Penulis tidak akan mengajak pendengar untuk datang kepadanya dan membeli album-albumnya. Tahap kefahaman setiap manusia itu berbeza.

Menerbitkan album demi album sendiri umpama kita menyambut kelahiran anak kita. Jadi, perkara yang paling penting adalah menerima, jangan menafikan. Album yang tidak cukup syarat itu umpama kita menerima anak kita yang cacat, wajib juga kita menyayangi secara sama rata, tanpa pilih kasih.

Penulis suka jika kita menilai dari sudut independen. Kita tidak perlukan arus perdana sebenarnya jika kelompok kita sudah cukup besar dan punya pengaruh. Itu yang berlaku di Indonesia umpamanya. Mereka bebas memilih apa genre yang mahu mereka perjuangkan; *pop*, *punk*, *metal*, *hardcore*, *blackmetal* – apa sahaja genre dan mereka akan punya pengikut. Itu yang kita mahu.

Tapi, di sana lebihnya mereka kerana populasi penduduk yang ramai dan pelbagai. Berbeza dengan jumlah penduduk di sini yang hanya 27 juta orang. Yang minat muzik yang pelbagai mungkin 50 ribu, yang beli album kita mungkin 500 sahaja.

Yang sukakan lagu komersial mungkin jutaan juga kerana pengaruh media arus perdana. Jadi, kita boleh bertanya, berhenti atau kita teruskan?

Musim demi musim yang kita lalui sehingga ke hari ini, aliran indie semakin mendapat tempat di hati pendengar terutamanya di kalangan anak muda yang berjiwa kental dan rugged. Indie sangat sinonim dengan elemen rugged atau istilah hari ini ‘cool’.

Kita boleh lihat semakin banyak syarikat penerbitan independen yang maju dan aktif menerbitkan buku-buku yang lari daripada tema sastera yang formal mengikut gaya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), seperti syarikat Merpati Jingga (Faisal Mustaffa) dan Fixi (Amir Muhammad) dan yang menariknya karya-karya yang mereka terbitkan punya pengaruh yang besar dan berjaya memikat pemikiran anak-anak muda zaman ini. Saya melihat ini sebagai satu kejayaan dan perkembangan yang positif bagi melahirkan generasi yang bijak berfikir dalam konteks yang lebih terbuka dan kritis.

Ternyata kelompok anak muda hari ini lebih bebas dalam memilih apa yang mereka mahu. Kita lihat juga dalam dunia muzik independen juga pesembahan, semakin banyak program *singer-songwriter* yang dianjurkan dan ianya berjaya. Jika fenomena ini mampu berterusan dan menjadi teras budaya zaman ini, saya percaya kita akan mampu berdikari tanpa bergantung kepada pengaruh TV dan media komersial. Atau juga kita akan punya siaran indie yang sebenar, bukan poyo. Yang kita tonton kebanyakannya walau mereka dari band atau artis indie, namun daripada segi sikap (sebut: *attitude*), kurang dan tidak menarik perhatian saya.

Album baru saya ‘Redup’ dirakamkan di studio KerbauWorks milik seorang kawan baik, Joe Kidd dan Bullet, juga Manan. Idea untuk bikin album begitu sahaja sebenarnya. Proses rakamannya sangat singkat, hanya dua hari untuk dua album; Melayu dan Inggeris.

Konsep untuk kedua-dua album saya ini sepenuhnya akustik.

Menariknya saya guna gitar mahal untuk sesi rakaman. Gitar akustik itu milik seorang kenalan, jenamanya Gibson (model Hummingbird Artist) yang berharga puluhan ribu ringgit. Perasaannya seolah-olah saya memandu kereta BMW model terbaru untuk dua hari sahaja. Selepas kembali ke alam nyata, saya pulang mengguna kereta biasa. Apabila mengguna gitar mahal ini dari segi bunyinya, tidaklah ketara sangat melainkan karakter dan feel. Satu hal juga kita akan rasa hebat dan sedap (pada kita) sewaktu memetik gitar mahal.

Konsep keseluruhan, album ini lebih relaks dan duduk dalam mood yang redup. Redup memberi mesej yang tenang dan bahagia. Saya percaya dan sukakan mood yang redup, mungkin atas faktor usia yang semakin menginjak ke depan, atau mungkin saya sudah penat dengan hidup yang kita sedang lalui ini.

Redup akan hadir dalam jiwa kita jika kita masih punya rasa percaya dan yakin bahawa kehidupan ini indah sebenarnya walau apa sahaja musim yang kita lalui, suka, duka, sedih, gembira...apa sahaja mood.

Saya tidak perlukan karpas merah, tersengih pakai kaca mata berjenama RayBan depan kamera, berposing depan kolam mandi atau apa sahaja yang menarik pandangan mata demi menurut kehendak media komersial terutama di kalangan para penyunting mereka yang kebanyakannya tidaklah faham fasal muzik pun, melainkan hiburan, gossip dan skandal. Bagi penulis adalah sangat malang jika anak-anak muda hari ini masih membelek majalah atau ruangan hiburan yang disajikan kepada pembaca saban hari, yang tidak membawa sebarang manfaat melainkan benda-benda atau subjek yang bodoh sejak dari awal tahun 70an sampailah ke hari ini.

Penulis juga tidak melihat artis itu atau siapa saja sebagai figur yang luar biasa melainkan hanyalah melengkapkan watak dalam kehidupan. Jika mereka suka perasan itu masalah mereka. Dan penulis juga anggap ia hanyalah sebahagian daripada watak yang bekerja, itu saja. Kita terlalu dimomokkan dengan benda-benda mengarut yang di luar sehingga kita lupa apa yang ada di dalam.

## 4

### **Ibu Penyokong Tegar**

*Meor Yusof*

Penulis dilahirkan dibesarkan di Bruas, sebuah pekan kecil. Orang kata pekan ‘kobo’, cuma kuda saja yang tidak ada. Di Bruas, terdapat tiga simpang utama yang menghala ke Ipoh, Taiping dan Lumut.

Seperkara, Bruas juga adalah sebuah bandar sejarah dan yang dulunya adalah kerajaan Melayu Hindu Lama yang bergelar ‘Gangga Negara’ yang nama rajanya waktu itu ialah Shah Johan. Kerajaan Gangga Negara dikatakan wujud antara kurun ke-2 sehinggalah kurun ke-11 Masihi dahulu.

Di pekan dimana penulis dibesarkan itu, terdapat restoran cina, melayu dan mamak. Juga terdapat sebuah panggung wayang yang akhirnya pada tahun 1980 telah terbakar akibat puntung rokok yang dibuang oleh salah seorang pengunjung.

Penulis tidak pasti bilakah panggung wayang itu dibina, tetapi yang jelas beliau selalu menonton filem-filem melayu dan filem kung-fu lakonan Jackie Chan terutamanya.

Berhampiran panggung wayang itu terdapat sebuah restoran cina yang menjual mee kari yang sering dikunjungi pelbagai kaum.

Kita sudah dididik untuk memahami dan menerima siapa di sekeliling kita. Kita saling memerlukan antara satu sama lain. Jika nak tempah baju sekolah atau baju raya, kita akan ke kedai jahit Wong Taylor. Nak gunting rambut kita akan ke kedai gunting rambut Arumugam.

Untuk membeli barang-barang runcit pula untuk stok selama sebulan, bapa penulis akan ke kedai runcit Sum Yew.

Apabila tiba perayaan Thaipusam, kita akan sama-sama meraikan perayaan tersebut dan akan ramailah masyarakat setempat yang hadir memeriahkan.

Tahun 1974, penulis pernah menonton ceramah politik yang dianjurkan parti BN (Barisan Nasional) di kampungnya. Perdana Menteri yang ke-dua waktu itu, Tun Abdul Razak turut hadir memberi ucapan.

Ramai yang hadir malam itu. Oleh kerana usia yang muda, penulis kurang memahami apa itu politik waktu itu, pun hadir juga kerana mengikut ibu beliau yang memang penyokong kuat UMNO dari dulu sampailah ke hari ini. Ibunya adalah contoh terbaik jika kita mahu bercerita tentang makna 'kesetiaan'.

Katalah apa saja tentang UMNO dan Barisan Nasional, ibunya itu tidak pernah goyah dan goncang pendirian. Apabila ibunya marahkan parti pembangkang di hadapan penulis berpandukan teorinya, ia buatkan suatu kelucuan walaupun tahu dia tidak maksudkan. Tapi itulah ibu, dan saya percaya kebanyakan ibu-bapa kita juga sama pendirian mereka dengan ibunya itu.

Penulis tidak pernah menganggap politik itu suatu yang serius kerana namanya pun 'politik'. Ia hanya sebuah pentas bagi mereka yang berkepentingan dan kita semua adalah sebahagian daripada alat untuk mereka melengkapkan misi dan agenda mereka.

Mungkin kita hanya askar sahaja seperti dalam permainan catur dan mereka adalah King atau Queen. Pun askar penting juga kerana tanpa kita, siapalah mereka? Jadi walaupun politik itu bukan suatu yang serius, mahu tidak mahu kita juga adalah pelengkap kepada

cerita kejayaan dan kegagalan mereka.

Penulis hadir menonton ceramah kerana waktu itu demam pilihanraya sedang melanda. Pilihan raya berlangsung pada Ogos 1974. Tun Abdul Razak (menjadi PM pada 1970-1976) menjadi Perdana Menteri yang ke-dua selepas Tuanku Abdul Rahman (1957- 1970).

Waktu itu apabila tiba musim pilihanraya, suasana dan sambutanannya sangat meriah, umpama menjelang perayaan dan sambutan. Bendera dan sepanduk parti dipasang merata-rata, di seluruh pelusuk kampung juga bandar.

Muka wakil-wakil rakyat yang sebelumnya tenggelam timbul akan muncul semula untuk satu tempoh dan mereka memang merakyat waktu itu bersempena pilihanraya. Selepas habis, batang hidung lenyap entah ke mana...

Pernah satu ketika seorang wakil rakyat dari sebuah parti datang menziarah satu majlis perkahwinan jiran sekampung saya. Kita boleh lihat betapa terharunya jiran saya itu sehingga menangis kegembiraan dek kehadiran wakil rakyat yang hadir mungkin atas dasar kepentingan kerana waktu itu adalah musim pilihanraya.

Kalau dahulu ramai para guru menceburkan diri dalam bidang politik. Kita boleh nampak kesungguhan dan kejujuran terhadap apa yang mereka perjuangkan. Tetapi itu semua susah untuk kita lihat hari ini. Hari ini orang masuk politik untuk kedudukan dan wang yang melimpah ruah, tidak kira sumber datang dari mana sekali pun.

Berbalik apabila kita bercerita tentang '*multi-racial*', perlu juga kita menghormati apa bangsa sekali pun termasuklah warga Nepal, Bangladesh, Myanmar mahupun Indonesia.

Mereka juga pelengkap kepada kejayaan dan ekonomi negara. Lihat sahaja ratusan bangunan pencakar langit yang menghiasi dan melengkapai keindahan ibu kota, siapa yang menyiapkannya?

Yang pastinya mereka juga manusia, sama seperti kita. Apabila kita ini bernama manusia, antara sifat yang paling mulia adalah apabila kita saling menghormati perasaan dan sensitiviti rakan-rakan kita yang berbilang kaum.

Apabila membaca artikel dari kolumnis akhbar Sinar Harian, ruangan ‘Buka Minda’ hasil tulisan Dr Ridhuan Tee yang berjudul ‘Kesabaran Umat Islam ada had’ pada 18 Februari 2013, jelas mendatangkan rasa tidak puas hati daripada pelbagai golongan terutamanya daripada parti MIC. Motif sebenar tidak diketahui, cuma reaksi dan respon masyarakat sekeliling kita boleh nilai sendiri.

Hari ini masyarakat semakin faham apa itu makna yang tersurat dan tersirat. Mereka bukan berfikiran seperti zaman dahulu lagi di mana apa yang dicanang dan disaran, itulah yang diikuti. Hari ini kita berada di zaman teknologi dan maklumat.

Jadi bagi penulis *nawaitu* itu perlu jelas dan tidak perlulah kita memburuk atau mengaibkan antara sesama kita kerana itu bukanlah sikap seorang insan yang baik dan jujur.

Sewaktu penulis bermain muzik di pub sekitar Petaling Jaya dan Kuala Lumpur awal tahun 90an dulu, ‘*line up*’ kumpulan muzik semuanya berbangsa india dan saya tinggal di rumah mereka untuk beberapa lama.

Menjadi pemuzik kebiasaannya kita tidak akan membezakan siapa rakan pemuzik kita, tidak kira sama ada mereka berbangsa india, punjabi, cina mahupun orang berkulit putih. Kerana muzik itu sifatnya *universal*.

Saya punya sejumlah kawan baik yang berbangsa india mahupun cina, antaranya Phillip, Sei Hon, Jerome Kugan. Mereka ini banyak membantu dari segi karier dan perjalanan seni muzik penulis.

Apabila kita membaca puisi Dr Usman Awang yang judulnya 'Anak Jiran Tionghua', kita tahu puisi itu jelas menceritakan tentang kita. Cerita di dalam puisi itu sudah menterjemahkan makna 1 Malaysia sebelum ia diperkenalkan oleh Perdana Menteri kita, Dato Sri Najib Tun Razak.



## **Tragedi Nazmi Syazwan : Puaka Bolasepak Malaysia?**

*Muhammad Nazreen*

Penulis mengikuti rapat perkembangan Nazmi Faiz. Popularitinya naik mendadak. Anak muda ini sudah tak perlu dikhabarkan lagi buat warga Malaysia. Lebih-lebih lagi, pada peminat bola sepak tempatan. Sesudahnya AFF Suzuki Cup beberapa bulan selepas beliau membuat keputusan untuk batalkan kontrak dan pulang fajar lepas, dengan kemenangan ulung Malaysia menewaskan Indonesia juga sebahagian daripada iltizam anak muda ini. Namanya melonjak naik selaku pemain tengah yang berwibawa menggerakkan sayap serangan jentera bola sepak Malaysia. Sesungguhnya, badan yang kerdil bukan alasan untuk maju dan digeruni. Di dalam kerumunan pihak lawan, kepakaran yang dikurniakan dimanfaatkan sepenuhnya. Skil dan kawalan bola yang kemaskini senjata paling ampuh untuk mencelah dan menerobosi jentera lawan. Si kerdil ini terus menyengat mengejar perlawanan antarabangsa yang berbaki.

Seawal usianya 17 tahun, dia perlahan-lahan merintis kegemilangan negara. Hanya dengan bekal kemahiran mengawal bola, skil-skil amatir yang ditimba semasa berada di akademi skuad bola sepak akhirnya beliau menjadi nama gah yang digeruni. Aku teringat kisah bagaimana beliau menangguhkan peperiksaan penting SPM supaya dapat beraksi di padang, semasa mewakili negara. Resam si ayam tambatan, kalau sudah menjadi tonggak. Pengorbanan sebegitu bukan kecil. Lagipun, beliau anak rakyat Malaysia yang biasa. Bukan anak politikus yang penuh dengan gelagat sandiwara, bukan pula waris ketua parti oposisi yang dihujani fitnah setiap hari, malah bukan juga aktor filem-filem Islamik yang direbut sang gadis hijabster untuk menjadi imam-imam mereka.

Lantaran, segodam bakat dan segenit usaha beliau memburu peluang di dalam arena bola sepak berjaya membuka mata pencari bakat antarabangsa. Barangkali, beliau mengikuti jejak tapak kaki senior-senior beliau di persada yang sama, sekadar memetik beberapa nama Khalid Jamlus (menyertai latihan kecergasan dan pemilihan skuad divisyen dua Jerman, SV Grethur Furth), Titus James Palani (sekejap membuka perhatian kelab-kelab bola sepak di Peranchis) juga beberapa nama lain yang tidak disebutkan. Mei 2012, setelah menuruti beberapa siri perbincangan beberapa pihak terutama daripada ibu-bapa dan kelab bolasepak Portugal, Beira Mar menjadi detik penting dalam arena bola sepak negara. Bayangkan seorang pemain antara yang termuda dari Malaysia, berjaya menjantik minat pengamat serius bolasepak kelas pertama di Eropah. Begitulah, “tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa tahu! “

Bagi sebuah negara kerdil dalam sepak terajang bolasepak dunia, barang diingat – Malaysia wilayah asing untuk dikenali, lagi-lagi dalam kalangan pengamat sukan bola sepak di Portugal. Lama juga beliau bertapak di sana. Mungkin, lebih banyak pengetahuan baru yang diasah lewat teknik, strategi mahupun ketangkasan mindanya berfikir. Itu juga harapan rakyat Malaysia, untuk menyaksikan anak muda berbakat besar ini menjulang semula legasi besar bola-sepak negara sebaris Supermokh (sebut: Mokhtar Dahari), Ghani Minhat, Soh Chin Aun dan ramai lagi. Pelaburan Nazmi Faiz di sana membuka hati kecil peminat bola sepak Malaysia untuk mengharap sesuatu yang cemerlang dan progresif daripada bakal pelapis skuad bolasepak kita kelak.

Hayat beliau bersama Beira Mar tidak panjang. Entah di mana silapnya, dia akhirnya mengejutkan peminat bolasepak tanahair. Tindakan drastik beliau meninggalkan kelab bolasepak ternama itu, Beira Mar meributkan seribu satu persoalan. Jadi, adakah sebenarnya Nazmi Faiz yang menjadi puncanya? Mungkin ada andaian yang mengatakan Nazmi tidak mampu bersaing kerana faktor fizikal. Tubuh badannya yang kecil, jika dibandingkan dengan tubuh ahli sukan Eropah – pasti jauh daripada keupayaan peribadinya.

Namun, alasan begini remeh juga. Park Ji Sung, pemain sayap terkemuka Korea yang sudah beberapa penggal beraksi di kelab besar Eropah, Manchester United tidak pula punyai sosok fizikal yang gergasi. Malah, ukurannya juga hampir sama dengan Nazmi.

Kemungkinan kedua, kondisi cuaca mungkin memberatkan Nazmi. Almaklumlah, Malaysia negara yang beriklim Tropika. Panas sepanjang tahun jika dibandingkan dengan cuaca ekstrim Eropah yang tidak menentu panas sejuknya. Ada juga munasabah kenapa Nazmi tidak bertahan lama. Namun, aku percaya. Kepulangan muktamad Nazmi ke tanahair (khabarnya menyertai pasukan PKNS) bukan sekadar beralasan faktor fizikal mahupun cuaca. Ada yang melihat, corak permainan Nazmi tidak begitu mengena dengan formasi taktikal Beira Mar. Cara permainan beliau lebih sajak dengan taktikal tempatan, berbanding kelab lamanya – Beira Mar. Gaya serangan Nazmi tidak begitu pantas. Sekadar pemerhatian ringkas, gaya permainan Nazmi hanya akan benar-benar menjadi sekiranya beliau digandingkan dengan pemain yang cocok dan punyai sentuhan '*chemistry*' di dalam mengemudi jentera serangan pasukan bolasepak. Dalam hal ini, Nazmi agak diketepikan kerana beliau tidak begitu menepati strategi taktikal yang digunakan pakai Beira Mar.

### **Masalah Institusi Bolasepak?**

Aku tak mahu mengulas panjang spekulasi kepulangan Nazmi ke tanahair. Mungkin, anda semua boleh temukan analisa yang lebih sempurna dan tepat. Aku pula bahkan, cuma menganalisis beberapa kemungkinan secara amat. Ada baiknya aku panjangkan pengamatan isu Nazmi ini dalam cermin yang lebih besar. Seperti diketahui, institusi bolasepak kita agak bermasalah. Satunya, budaya feodal di dalam pengurusan FAM. Mereka yang mengisi pos penting di dalam FAM, bukanlah mereka yang benar-benar pakar dalam dunia bolasepak. Hampir keseluruhan jawatan penting, diisi oleh golongan kerabat diraja yang langsung tidak berkecimpung dalam bolasepak. Apakah kerana mereka 'orang besar', 'orang kenamaan' atau 'orang kerabat', jadi mereka sebenar-benarnya layak berpolitik di dalam FAM?

Namun, itulah yang berlaku. Akibat daripada keculasan budaya feudal di dalam bolasepak, ada kemungkinan pemain bola sepak yang baru menganjak naik seperti Nazmi Syazwan, mendapat bahana. Dia adalah salah satu daripada puluhan mangsa yang lahir daripada produk bolasepak tempatan. Akibatnya? Beliau gagal bersaing dengan baik di arena bolasepak antarabangsa. Bakat beliau diakui. Itu tak dapat dinafikan. Dia mungkin antara yang menyeralah.

Apa pula nasib puluhan lagi anak-anak kampung yang berbakat besar, namun diketepikan kerana ranah bolasepak dicemari dengan pencemaran feudalisme yang melarat. Orang-orang istana bukanlah pilihan terbaik untuk mengisi jawatan-jawatan di dalam FAM. Sejak berdekad lamanya, Sultan Ahmad Shah menjadi Presiden FAM, apakah mutu bolasepak kita semakin baik atau kekal di tahap yang sama? Sendiri fikirilah. Rantaian dominasi golongan feudal di dalam bolasepak negara, kini masih berterusan. Tiada pemuka-pemuka professional di dalam arena bolasepak, yang berani mencabar golongan pak-pak feudal ini. Kini, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang mengambilalih tampuk penting FAM. Ada pula khabar yang menyebut Tengku Mahkota Johor turut berebut sama mengisi jawatan tersebut.

Jika dibandingkan dengan Korea Selatan – yang pernah kita tawaskan sewaktu kelayakan akhir ke Olimpik Munich 1980. Tatkalanya itu, Malaysia sungguh digeruni sebagai Harimau Asia. Adanya wira seperti Supermokh, Zawawi Ibrahim, Shahrudin Abdullah dan nama-nama legenda lain di dalam skuad Munich 80' yang suatu ketika dahulu – mengimbau kenangan peminat bolasepak negara untuk mengharapkan sesuatu kejayaan baru. Nazmi juga diagak-agak sebagai pengganti Supermokh. Tetapi, kemelatan institusi bolasepak seperti FAM juga menjadi punca ramai 'supermokh' yang ingin dibenihkannya hanya berhasil 'suam-suam kuku'.

Mungkin, kita boleh kaji bagaimana Korea Selatan, yang dahulunya jauh kedudukan mereka di dalam carta pasukan bolasepak

berbanding Malaysia – suatu ketika dahulu. Kini boleh bangkit dengan prestasi yang begitu memberansangkan. Malahan, mereka kini disamakan dengan pasukan gergasi bolasepak dunia dari England, Perancis, Turki, Brazil dan banyak lagi. Jauh lebih membanggakan, mereka satu-satunya pasukan dari Asia Timur yang berjaya mendapat tempat ketiga di dalam pertandingan Piala Dunia tahun 2002. Mereka juga berjaya melahirkan ramai pemain-pemain muda yang menginjakkan diri ke dalam kelab bolasepak terkemuka dunia. Ada yang bergemelapan menjadi buruan kelab besar seperti Manchester United, Borussia Dortmund dan Bayern Munich.

Kritikan Annuar Musa yang menyeru reformasi institusi perlu diadakan segera untuk membasmi kemelatan bolasepak negara, bukan sahaja tidak didengari tetapi ianya mengakibatkan beliau menanggung beban sengsara dengan beban penggantungan. Ramai lagi pakar bolasepak negara sedari hal ini tahu, tetapi tidak berani untuk menyuarakan pendapat kerana tekanan daripada FAM. Apatah lagi, setelah puluhan tahun menjadi tunggangan kelompok feodal di dalam bolasepak. Takut-takut, lebih ramai ‘Nazmi’ yang terpinggir dan gagal untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Baik ubah sebelum terlambat.

## 6

### **Alif, Lam, Lam, Ha, Ha ha ha**

*Firdaus Zolkifli*

Penulis ingin bermula dengan sebuah kesah yang dekat dengan diri penulis. Kesah ini adalah kesah ketika penulis maseh di bangku sekolah.

Penulis masih ingat di dalam satu kelas lukisan, seorang cikgu telah meminta para pelajarnya untuk melukis pemandangan. Tapi, bukan pemandangan sembarangan. Sebaliknya, pemandangan tersebut mensharatkan gambaran negara di tahun 2020.

Penulis adalah salah seorang daripada pelajar dalam kelas tersebut. Dengan syarat demikian, maka seluruh pelajar terpaksa berfikir keras untuk membayangkan Malaysia di tahun tersebut. Ada yang memikirkan rekabentuk kereta terbang; ada pula yang melukiskan basikal yang boleh berubah menjadi sebuah helikopter apabila pengayuhnya ditendang.

Tidak cukup dengan itu, ada antara kami yang melukiskan manusia separa robot yang berupaya untuk terbang dan mempunyai banyak tangan. Logik kami di waktu itu, tujuan banyak tangan agar mudah untuk manusia makan dan korek hidung dalam waktu yang sama. Itulah daya khayalan kami, yang merupakan anak-anak sekolah yang membesar di bawah kekuasaan Mahathir, yang dianggap sebagai Bapa Pemodenan Negara. Segalanya sempurna untuk kami, selagi semuanya dikaitkan dengan sains dan teknologi.

Namun, jauh sekali dalam benak kepala kami ketika masuk ke tahun 2014 –hanya enam tahun sebelum 2020, munculnya sekalimat rebutan yang bernama ‘Allah’. Sumpah, kami selaku anak-anak yang comel ketika itu tidak pernah terlintas memikirkan tentang Tuhan yang direbut dengan jegilan mata dan marah yang meruap. Lebih kelakar sekaligus menyedihkan, kata ini telah dibawa ke mahkamah untuk ditentukan hak milik siapa.

Apakah semakin maju negara maka semakin waras diri kita? Tidak, kita sebenarnya semakin plastik.

Merebut nama Allah bukan sebuah perebutan seorang minah, meskipun tidak dinafikan bahawa kadang-kala perebutan seorang minah juga melampaui perebutan jasad. Merebut nama Allah dianggap sebagai sukatan kepada nilai kesalehan dan keimanan. Malah, apa yang paling menakutkan ialah membawa sekali nilai kebenaran. Memperoleh nama Allah, dianggap sebagai berada di landasan kebenaran. Lantas, Allah direbut dalam sebuah hukum negara.

Maka, kerana itu, Allah telah dirasionalkan. Kata *alif, lam, lam, ha* adalah huruf yang dilihat mewakili Tuhan, sekaligus huruf itu sendiri adalah Tuhan sehingga kemanusiaan ditanggalkan dalam perebutan ini.

Persoalannya: bagaimana kalimat ‘Allah’ dilihat melampaui zat Tuhan itu sendiri?

Dalam perkembangan kemodenan, nama Allah sekaligus berkait dengan agama, diperkarakan habis-habisan. Kedengarannya bagai sebuah paradoks. Sebab, mana mungkin rasional (yang menjadi unsur utama kemodenan) mengangkat sebuah yang tidak rasional (yakni Tuhan). Ini kerana, semua dari kita tahu bahawa Tuhan itu sendiri tidak dapat dibuktikan secara empirikal mahupun statistik.

Namun, Allah yang diperebutkan di Malaysia bukan lagi dalam kesunyian iman manusia masing-masing. Tapi, dalam kebisingan

merebut kebenaran, kata lainnya adalah bermakna merebut kekuasaan. Maksudnya, kita bukan bermaksud Tuhan secara zat-Nya (substansi), sebaliknyanya tanda-Nya (simbol). Apakah tanda yang diangkat selari dengan zat? Mungkin saja tanda lebih terlampaui dengan esensinya, malah mungkin saja tanda itu terputus langsung dengan esensinya.

Tanda (*sign*) dan kenyataan (*real*) adalah perhatian Baudrillard terhadap penyakit kemodenan yang merasuk ke dalam sendi-sendi manusia dan kemanusiaan. Merasuk ke dalam sendi-sendi ini bermakna merasuk ke dalam jabatan, ruang awam, kedai-kedai, rumah ibadat, bilik mandi, malahan bilik bersenggama sekalipun. Apakah sakitnya? Bagi Baudrillard, filsuf Perancis ini, sakit manusia moden adalah sakit tertunduk di bawah simbol, beriman dengan tanda. Sebab itu, menurutnya, dewasa ini tiada lagi yang nyata. Semuanya adalah dongengan.

Kritik Baudrillard adalah kritik kepada semua –kepada positivisme, kapitalisme, liberalisme, konsumerisme, sosialisme, malahan kepada anak-anak yang tumbuh di bawah teduhan kemodenan. Dalam kata lain, tegas Baudrillard, manusia moden hidup dalam bayang-bayang simulasi.

Baginya, bukan sahaja Tuhan tidak memperlihatkan kenyataannya. Bahkan, manusia itu sekaligus hilang kenyataannya.

Konsep simulasi dari Baudrillard ini dapat dijelaskan dengan analogi seorang pelajar perubatan membedah sebuah model yang menyerupai manusia. Melalui proses pembedahan itu, pelajar dapat mengenal-pasti tubuh lengkap dan organ dalaman bagi seorang manusia normal. Model itu adalah tanda bagi kenyataan tubuh fizikal nyata seorang manusia. Melalui simulasi ini, model menampakkan dirinya bagai sebuah kenyataan yang nyata. Model adalah ciptaan yang merujuk kepada realiti aslinya.

Lalu, ruang simulasi ini menyebabkan manusia menganggap yang tiruan adalah yang nyata. Simulasi tidak terbatas dengan ini.



Sebaliknya, simulasi bergerak ke dalam ruang hidup sehari-hari manusia –ketika beribadah, membeli-belah, bekerja dan melakukan hubungan seksual. Dilanjutkan lagi, ruang lingkup kepada operasi simulasi ini, merangkumi ruang yang lebih besar, dan inilah dipanggil sebagai Simulakra.

Simulakra adalah medium tempat simulasi menampakkan tandanya. Misalnya tanda, simbol dan citra yang terpampang di layar televisyen adalah lakonan (simulasi) tentang kenyataan. Tapi simulasi ini tidak selamanya adalah kenyataan. Kerana itu, Baudrillard memperkenalkan konsep Patafizika, yakni konsep ruang seakan nyata yang dibangunkan tapi tidak memiliki akar kesejarahan dalam realiti manusia. Untuk membantu dalam penjelasan, Baudrillard meletakkan Disney sebagai contoh.

Dari contoh ini, maka di sini tidak ada lagi model dan nyata; tidak ada lagi yang real dan yang palsu. Lantas, di sini juga simulasi menjadi realiti yang merujuk kepada dirinya sendiri. Dalam frasa lain, simulasi adalah realiti.

Sebab itu, cerita sampah “I love you Mr. Arrogant” bukan lagi sebagai simulasi. Cerita itu adalah kenyataan yang manusia nyata di luarnya mesti ikut-serta dalam memberi makna betapa ‘manisnya’ cinta. Bukan yang nyata mempengaruhi simulasi. Bahkan sebaliknya. Tiada lagi dunia nyata yang senyata-nyatanya. Di sinilah kekuasaan tanda atau simbol muncul.

Salah satu kesan penandaan yang muncul dari situasi tersebut adalah kepercayaan bahawa simulasi adalah senyata realiti pertama. Simulasi, yang asalnya sebagai realiti kedua, telah yang merujuk pada dirinya seakan setara dengan realiti pertama. Padahal, sepatutnya realiti tersebut adalah realiti buatan (*artificial*).

Ini ditambah lagi tatkala media memainkan peranan simulasi ini. Pencitraan media melalui gambar, suara, video dan teks pada hakikatnya adalah merupakan aktiviti penyampaian tanda kepada khalayak.

Contoh kecil simulasi dalam keseharian adalah tangisan para penonton televisi saat mereka menyaksikan adegan drama yang menunjukkan babak seorang ayah diterajang oleh anaknya sewaktu bermain futsal. Atau, boleh juga babak seorang penonton ketegangan ketika menonton aksi lakonan Sasha Grey. Maka, di sini Baudrillard melihat masyarakat moden ialah masyarakat yang menonton. Mereka, lanjut Baudrillard lagi, adalah pasif dan tunduk kepada citra, makna dan simbol.

Melalui idea sederhana ini, Baudrillard telah mempertajamkan lagi analisisnya dengan menghimbau masyarakat konsumer. Dalam tulisannya yang berjudul “The System of Objects” dan “The Consumer Society”, tanda dan simbol diperjelaskan sebagai penggerak sejarah manusia. Kenyataan ini meniadakan penggerak sejarah manusia adalah ekonomi, seperti yang sangat ditekankan oleh Marx dalam sejarah materialisme dialektiknya.

Walau Baudrillard pada awalnya sangat terpengaruh dengan tradisi Marxisme, namun pemikir percaya bahawa teori ekonomi yang bersandarkan nilai produk dan kehendak bukanlah titik penting kesejarahan. Kritik Baudrillard ini mengarah kepada konsep nilai dalam konteks sosiologi ekonomi Marxian. Pada Marx, ekonomi adalah berasaskan kepada nilai-guna (*use value*) dan nilai-tukar (*exchange value*), dan ini yang berkembang dalam sejarah kebudayaan manusia.

Demikian juga tradisi barter, yang pada Marx menunjukkan nilai guna, sekaligus sebagai penanda. Ini menandakan bahawa suatu barang dapat dipertukarkan dengan barang lain selama memiliki nilai guna yang memungkinkan.

Namun, dengan berjalannya waktu, perubahan pun berlaku. Lewat pengaruh positivisme dan pertumbuhan kapitalisme awal, yang masing-masing meletakkan nilai lain pada nilai komoditi atau benda. Dan, ini dikenal sebagai nilai tukar. Pertukaran ini menggunakan sesuatu dalam bentuk ketiga, dan ini dijalankan dengan wang. Maka, di sini wang menjadi penanda nilai sesuatu.

Namun, berbeza dengan pandangan Marx di atas, Baudrillard melihat motif kebudayaan yang tidak lagi mengacu pada kedua nilai tersebut. Padahal, tanda dan simbol telah menjadi pengganti dalam konsumerisme. Menurut Baudrillard, pembelian dalam masyarakat konsumeris itu tidak lagi membeli benda atau produk yang nyata, tetapi juga turut membeli tanda.

Dengan tidak lagi tunduk kepada dialektika sejarah Marx, sebaliknya Baudrillard melihat dialektika sejarah sosial manusia terdiri dari tiga fasa; masyarakat primitif, hierarki dan masyarakat massa.

Di sini, masyarakat primitif tidak kenal sistem tanda. Kerana itu, nilai guna dilekatkan terus kepada benda-benda. Manakala, masyarakat hierarki mula mengenal tanda, namun tanda masih wajar digunakan kerana masih lagi selari dengan nilai objek tersebut. Walau bagaimanapun, pada masyarakat massa, tanda menjadi tidak terkendali.

Dalam masyarakat sedemikian, tanda menjadi tujuan sekaligus objek konsumsi dalam interaksi sosial. Sebab itu, wang dalam masyarakat massa tidak lagi digunakan secara tradisional. Tapi, wang menjadi inti dan pusara kebudayaan massa. Kepemilikan wang bukan dengan tujuan transaksi pertukaran semata, malahan juga berfungsi untuk turut menguasai tanda yang melekat pada wang.

Pada fasa terakhir masyarakat inilah Baudrillard berpendapat bahawa budaya massa tidak lagi mengutamakan tanda, tapi telah beriman dengan tanda. Pesan yang melewati media tenggelam dengan pesannya tentang realiti. Baginya, dalam masyarakat ini, hanya tanda yang menampakkan 'realiti', hinggan kecenderungan-kecenderungan tersebut menenggelamkan masyarakat massa ke dalam sebuah kepungan simulasi-simulasi yang terus membangun citra-citra tentang 'realiti'.

Simulasi yang ada menampilkan realiti, sekaligus melampaui realiti itu sendiri. Dan, ini yang dinamakan sebagai hiperrealiti.

Terperosok dengan tanda inilah, maka tanda-tanda menjadi lebih kuat dayanya dalam kewujudan manusia itu sendiri. Hatta, Tuhan itu sendiri, telah kita mampatkan ke dalam baris huruf alif, lam, lam ha.

Dengan mengambil rebutan kalimat Allah di Malaysia ini, maka barangkali adalah tidak salah untuk kita melihat dari sisi lain berbanding sisi serius. Saya ingin melihatnya dari sisi jenaka.

Pada saya, dalam keyakinan kita yang konon sedang beriman dengan zat-Nya ini, tapi rupa-rupanya kita sedang duduk menyekutukan-Nya. Sebab, kita menentukan tingkatan iman kita hanya berdasarkan kepada pemilikan sebuah tanda –kata Allah tersebut.

Bayangkanlah saja, saat kita mengakui bahawa kita adalah pengikut Muhammad (*s.a.w*) – sang Nabi yang memecahkan 360 berhala di sekeliling Kaabah, di saat yang sama juga kita membina keyakinan terhadap huruf sebagai sebuah berhala baru, yang mana merupakan sebuah kebenaran tidak terbantah. Ada benarnya sinis Baudrillard kepada manusia seperti kita bahawa pada akhirnya, “kebenaran adalah hal yang harus ditertawakan”.

Memang, dalam seserius manapun kita merebut nama Allah, pada sebenarnya kita sedang menertawakan diri kita sendiri. Dan, ini adalah sama seperti mana saya menertawakan kembali lukisan saya tentang rupa-cita Malaysia pada tahun 2020.

## **Masyarakat Yang Serba Tak Kena**

*Lim Hong Siang*

Segala-gala kembali tenang selepas Ketua Pembangkang Parlimen Anwar Ibrahim mengumumkan bahawa Pakatan Rakyat tidak merancang untuk mengadakan Himpunan Blackout 505 lagi buat sementara waktu ini. Keputusan ini disambut dengan perasaan yang berbaur. Bagi penyokong Pakatan Rakyat, kepenatan itu berlonggok bukan hanya selepas 505, tetapi sepanjang dua tahun kebelakangan sejak tarikh PRU-13 mula diteka-teki. Berhempas-pulas dengan latihan PACABA, anjuran forum, penerbitan risalah, menghadirkan diri ke ceramah dan perhimpunan dan sebagainya. Barangkali ia meredakan keletihan selama ini, tetapi pada masa yang sama kekecewaan yang timbul gagal terubat.

Ketidaksediaan untuk mengadakan himpunan bermakna “kebarangkalian” untuk perubahan senario politik dikurangkan. Bukan mustahil, tetapi ia meletakkan pembangkang atau aktivis gerakan sosial pada kedudukan yang pasif, seolah-olah hanya boleh menunggu konflik berlaku di kalangan musuh politik. Ia bukan dicetuskan oleh desakan rakyat, agendanya bukan ditentukan oleh rakyat, sebaliknya rakyat sekadar menunggu pergelutan kuasa yang mungkin berlaku dalam Barisan Nasional (BN), khususnya UMNO. Suasana ekonomi yang semakin merudum semestinya mencungkil pertentangan kepentingan antara puak yang berbeza dalam UMNO. Pemilihan dalam parti yang bakal dibuka tirainya juga menjanjikan adegan tikam-menikam. Dengan kata lain, perubahan yang mendadak akan tercetus seandainya retakan yang besar berlaku dalam UMNO, seperti apa yang berlaku pada tahun 1987 atau 1998.

Namun sementara waktu itu, masyarakat kita diselubungi kemurungan, terutamanya apabila harapan untuk tukar kerajaan di peringkat persekutuan berkecai. Makna “UBAH” sebenarnya lebih daripada sekadar “tukar dari BN kepada Pakatan Rakyat”. Perubahan ini disarat dengan harapan bahawa kilang pemprosesan nadir bumi Lynas boleh ditutup, royalti minyak dikembalikan, kepentingan peneroka FELDA dipertahankan, keadilan untuk keluarga Beng Hock, A.Kugan, Aminul Rasyid dan lain-lain. Keputusan pada malam 505 seolah-olah menafikan tuntutan dan harapan rakyat ini. Malah, kita terus didedahkan kes demi kes kematian yang semakin zalim dalam tahanan lokap selepas itu.

Senario politik sedemikian telah menundukkan harapan perubahan sistem dan struktur di negara kita. Sistem kehakiman memberi persepsi seolah-olah gagal menegakkan keadilan. Keputusan mahkamah dalam kes rogol dan bunuh Chee Gaik Yap<sup>1</sup> ini mencungkil ketidakpuasan orang awam, sehingga lebih 80 ribu tandatangan dikutip dalam tempoh yang singkat – menuntut agar rayuan dibuat untuk mengembalikan keadilan kepada keluarga Chee.

Kes rogol dan bunuh yang sering memangsakan kaum wanita semakin berleluasa. Tetapi penghakimannya memalapkan keadaan. Tidak lama dahulu mahkamah kita sanggup membebaskan seorang lelaki yang merogol gadis bawah umur, atas alasan si perogol seorang atlet negara yang mempunyai masa depan yang cerah. Semangunya tidak masuk akal kerana seandainya alasan ini diterima, apakah Datuk Lee Chong Wei akan diberi lampu hijau untuk merogol sesiapa sahaja yang dikehendaki?

Penghakiman sedemikian dipertikaikan, walaupun saya kurang pasti sama ada ia memberi kesan langsung kepada kes rogol yang melibatkan tiga orang atlet SUKMA baru-baru ini. Saya tidak tahu sama ada mahkamah sedar bahawa dalam kes rogol, si mangsa mungkin dihancurkan masa depannya. Jadi, apakah di bumi serba boleh ini, orang yang berpotensi mempunyai masa depan yang cerah diberi hak untuk menghancurkan masa depan orang lain?

Pada 14 Jan 2006,

<sup>1</sup>Chee Gaik Yap, seorang eksekutif dan graduan Universiti Utara Malaysia dijumpai mati di Taman Ria Jaya, Sungai Petani dipercayai diculik dan dirogol sebelum dibunuh.

Lebih-lebih lagi, ia bercanggah dengan semangat sukan – yang antaranya menekankan disiplin. Sukan bukan sahaja menguji kemahiran dan ketangkasan atlet, tetapi juga sejauh manakah disiplin atlet tersebut dalam hidupnya. Ia memperlihatkan masalah yang amat kronik, selain “gejala judi” yang berlaku dalam bidang sukan kita, yang menjahanamkan prestasi bola sepak kita sebelum ini. Ironinya, masyarakat kita semakin maju – dengan saluran sukan yang melambak di stesen media untuk dipilih, dengan hadiah yang lebih lumayan untuk mengiktiraf atlet sukan tempatan – jikalau dibandingkan zaman dahulu. Persoalannya, di manakah roh dan semangat sukan kita?

Kegagalan institusi tidak hanya berlaku dalam sistem kehakiman atau bidang sukan. Lihat bagaimana media kita sarat dengan penipuan dan fitnah. Kebebasan bersuara digunakan media arus perdana untuk menyemarakkan sentimen perkauman, dan kemudian menafikan kebebasan bersuara pihak yang menyanggah hujah perkauman. Gejala ini diberi lampu hijau untuk terus bermaharajalela, selagi ia memenuhi kepentingan pemerintah.

Kemudian kita diperlihatkan bagaimana polis memberi reaksi kepada senario terkini. Orang-orang seperti Adam Adli, Haris Ibrahim, Tian Chua, Hishamuddin Rais dijadikan sasaran. Mereka ditangkap dan dituduh bawah Akta Hasutan kerana dianggap boleh menimbulkan huru-hara. Namun saban hari rakyat di bandar hidup dalam rasa ketakutan. Gadis tidak berani berjalan bersendirian di tempat letak kereta, pintu rumah kita dihiasi dengan mangga yang pelbagai sehingga berjambak-jambak kunci dalam kecek kita. Malah untuk makan di restoran atau gerai pun kita menanggung risiko keselamatan. Kesemua ini tiada kena-mengena dengan senarai nama di atas. Jelas, polis lebih menumpukan tenaganya untuk merawat kegelisahan Umno daripada meredakan kebimbangan rakyat. Mereka yang mempunyai pengalaman diragut dan dirompak, juga berpengalaman untuk dinasihat agar tidak membuat aduan polis.

Maka sistem kita seakan-akan lumpuh, bagai kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur sebelum dan selepas waktu pejabat.

Himpunan diadakan untuk menyuarakan pendirian, tetapi suara keramat itu gagal diterjemahkan ke dalam perubahan struktur. Kita disogokkan dengan laporan berjilid-jilid tebalnya daripada Jawatankuasa Khas, tetapi masalah tetap berlanjutan. Kita cuba dengan kotak undi, tetapi sistem pilihan raya yang dimanipulasi telah menjulang suara 47 peratus untuk memijak suara 51 peratus. Kita cuba dengan demonstrasi sepanjang jalan ke bangunan parlimen – tetapi Dewan Rakyat kita menghidangkan bahan lawak apabila wakil rakyat mengajukan soalan tentang durian Musang King.

Maka, kita hanya boleh menggeleng-gelengkan kepala di depan komputer apabila menyaksikan gelagat ahli parlimen Kinabatangan. Perkelahian yang kebudak-budakan, membangkitkan isu yang tak tentu pasal – sekadar untuk menghina dan merendahkan darjat institusi perundangan. Sessi perbahasan berlangsung dari pagi ke lewat malam. Wakil rakyat dibayar gaji dan elaun beribu-ribu ringgit. Namun, ia tidak mengubah *status quo* dalam masyarakat kita. Lynas diteruskan, senarai mangsa kematian dalam tahanan dipanjangkan... Kita melangkah masuk ulangtahun kelima kematian Teoh Beng Hock tanpa jawapan yang memuaskan.

Apakah itu masa depan kita, sebuah masyarakat dengan institusi yang tidak berfungsi, tetapi individu yang berada dalam masyarakat itu, berlagak seolah-olah ia tidak bermasalah. Kita tetap menghantar anak ke sekolah, menempah susu 1Malaysia yang perlu diingatkan melalui iklan televisyen tentang beberapa langkahnya seperti hidu dan rasa sebelum minum? Bukankah ia mencerminkan masalah yang parah apabila kita sanggup menghidangkan susu yang bermasalah kepada anak kita? Kita tidak mengambil tindakan keras terhadap pengeluar susu, sebaliknya membuat iklan untuk mendidik murid tentang caranya mengambil susu?

Demikianlah logiknya, apabila kita tidak mengambil tindakan keras ke atas perogol, sebaliknya menasihati mereka yang berpotensi menjadi mangsa agar berpakaian tidak menjolok mata. Ini punca mengapa masyarakat kita serba tidak kena pada tempatnya.



## Perihal Keseimbangan

*Meor Yusof*

Tahunnya 2007, penulis telah menonton sebuah filem Tamil atau Urdu, saya tak pasti sangat tapi waktu siarannya sekitar jam satu pagi dan ceritanya berakhir pada pukul 4.30 pagi di TV2. Penulis lebih suka menonton filem Tamil berbanding filem Hindi.

Sebabnya filem Tamil lebih realistik dan penuh dengan falsafah kehidupan yang banyak kita boleh pelajari sebenarnya berbanding filem Hindi yang hanya menonjolkan pelakon yang kacak dan lawa saja. Skripnya banyak sangat bab berangan, *escapism* dan tidak realistik.

Kalau filem Hindi era 70an itu memang disukai, tapi bukan jalan cerita atau pelakonnya melainkan lagu-lagu sewaktu di era penyanyi Mohd Rafi, Kishore Kumar dan Mukesh. Juga kerana di era itu kebanyakan lagu-lagu dicipta dan digubah oleh komposer dan penggubah legenda mereka, Rahul Dev Burman. Bagi penulis lagu-lagu Hindi waktu itu memang luar biasa menariknya terutama daripada segi dramatik, lirik dan melodinya. Bila masuk era digital dan bila era Rafi, Kishore dan Mukesh selesai, minat penulis pudar untuk mendengar atau menonton filem hindi lagi sehinggalah sekarang.

Berbalik tentang cerita Tamil atau Urdu yang penulis tonton itu (judulnya yang sudah tidak diingati), pertama penulis suka filem itu kerana heronya memang tidak kacak atau *handsome*, berbadan gempal dan suasana dan persekitaran yang lebih realistik.

Ceritanya tentang seorang lelaki yang sudah berkahwin dan punya dua orang anak. Dia bekerja sebagai guru di sebuah penempatan di India. Bapanya agak dihormati di kampung. Konflik dan isunya si lelaki itu seorang pemabuk dan suka berjudi. Anak bini tidak dihirau dan akhirnya dia ditangkap akibat judi.

Kerana bapanya orang yang dihormati, maka dilepaskanlah lelaki itu tadi oleh pihak penguasa yang menangkapnya. Seperti biasa tabiatnya yang suka berjudi dan mabuk itu sukar dikikis sehinggalah satu hari selepas kalah berjudi, dia mengambil keputusan untuk mendalami ajaran agamanya secara drastik dan mengambil keputusan untuk mengabdikan diri di kuil selama beberapa bulan.

Maka seluruh keluarga terutamanya si isteri sangatlah bersyukur kerana akhirnya si suami mahu berubah sikap sehingga diadakan upacara dan doa untuk si suami. Malahan polis yang menangkapnya dulu menangis kegembiraan kerana niat si lelaki itu untuk menjadi orang alim.

Sehingga sampai waktunya, si suami pun pulanglah kembali ke pangkuan isteri dan keluarganya dalam keadaan yang berbeza daripada segi imej luaran dan dalaman. Suaminya telah menjadi sami dan sikapnya yang ekstrim itu menimbulkan permasalahan malah mengakibatkan watak suami dan ayah berubah menjadi sami yang taksab dalam kecintaan dengan dewanya.

Rumah dijadikan kuil, anak bini sudah tidak dihiraukan, hidupnya hanyalah untuk dewa yang dipujanya. Isterinya nyata hampa dan kecewa kerana yang dimahukannya adalah kesederhanaan, bukan seorang sami.

Setelah puas ditegur isteri dan ahli keluarganya, si suami pun kembalilah mengajar di sekolah. Masalah timbul lagi apabila si suami itu telah berakwah pula di sekolahnya sedang bukan semua murid di sekolah itu beragama Hindu. Ada yang beragama Islam dan juga Kristian.

Kemuncaknya apabila tabung si anak dipecahkannya untuk membeli bahan-bahan untuk pemujaan. Apabila si isteri hilang sabar dan mengamuk, akhirnya si sami itu telah membawa diri ke penempatan para sami.

Setibanya di sana, keadaan tegang berlaku kerana sifat kemanusiaan dan kesedarannya mula hadir sehingga mengakibatkan pertelingkahan antara dia dan para sami lain. Akhirnya, ketua para sami telah memberitahu bahawa kuil tempatnya mencari ketenangan jiwa, bukan masalah. Akhirnya si suami kembalilah ke kampung halamannya dan selepas puas dibasuh oleh keluarganya, dia pun diterima semula dan kembali menemui makna keseimbangan dalam erti yang lebih praktikal.

Itulah salah satu filem terbaik daripada segi mesej dan falsafah yang pernah ditonton sehingga ke hari ini. Walaupun penulis tidak ingat judulnya tetapi masih ingat jalan ceritanya dari mula sampailah ke akhir babak.

Kita biasanya akan kembali mencari Tuhan setelah gagal mencari jalan penyelesaian dalam kehidupan. Dalam bentuk yang bagaimana, itu terpulanglah kepada pembawaan ismi dan kefahaman masing-masing.

Penulis juga pernah sehingga sampai ke satu tahap buntu, pernah bersujud sehingga satu jam lamanya sehinggalah apabila sedar isteri dan anak-anak menangis melihat keadaan yang bersolat sehingga terlupa akan hal dunia dan kenyataan. Nyatalah isteri yang mahu suaminya menjadi umat yang biasa-biasa sahaja, bukan yang luar daripada kebiasaan seperti yang telah dilakukan itu.

Penulis melihat dunia hari ini semakin mengelirukan. Umat manusia ramai yang lemas dan keliru kerana pegangan agama yang mereka faham mengikut amalan yang pelbagai. Perkara yang mudah dirumitkan sehingga ramai yang lebih suka menghukum daripada cuba memahami.

Kita lihat pergolakan di Syria, Mesir bahkan di negara kita sendiri. Yang syiah tidak sefaham dengan sunni bahkan katanya mereka seagama. Mengapa harus bermusuhan? Bukankah agama tidak mengajar kita membenci antara sesama kita bahkan kita digalakkan menghormati antara sesama manusia tanpa mengira apa aliran faham mereka sekalipun?

Nyatalah kita terkeliru tentang asas kefahaman kita sendiri. Akhirnya, apa yang akan kita tatap hanyalah kehancuran dan kebinaasaan lantaran taksud dengan kefahaman kita yang telah hilang nilai rasional belaka. Jika yang bertakhta di hati itu nafsu, benci dan dendam semata, tidak ada apa yang boleh kita harapkan melainkan tataplah siri-siri gagal yang bakal merugikan generasi kita untuk zaman-berzaman.

John Lennon dalam liriknya 'Imagine' jelas mengajak kita merenung makna di sebalik kata-katanya dalam lagu itu. Antara lain, beliau menyebut kata-kata syurga, neraka, agama dan kuasa. Inilah antara penyebab dunia ini lingkup kerana kita sendiri.

Lennon juga cuba membayangkan jika syurga dan neraka itu tidak ada – melainkan apabila beliau cuba membayangkan adanya syurga dan neraka, maknanya syurga neraka itu tidak wujudlah. Kita perlu mentafsirkan makna dalam lagu 'Imagine' itu dalam konteks yang lebih tersirat sebenarnya.

Kita sepatutnya hidup aman damai sesama kita, bukan bermusuhan. Tetapi, akhirnya kita membunuh dan bertelagah sesama sendiri juga akhirnya, dalam keadaan kita ini beragama. Jadi di mana praktikalnya ajaran agama kita ini? Jika sampai kepada bab pelaksanaan kita gagal, ini sangat mendukacitakan.

Yang terbaik bagi kita manusia ialah, bersederhana dalam segala hal. Jika kita letakkan rasa dan tahap percaya itu kepada yang satu kepada yang banyak, banyak kepada yang satu, kita akan lebih memahami erti kehidupan ini sebenarnya.

**Negara Sewajarnya Sebuah Kediaman Biasa:  
Kisah Pengalaman Hidup Ha Jin**  
*Chong Fah Hing*

Ha Jin adalah penulis yang terkenal dalam arena sastera antara-bangsa masa kini. Beliau adalah penulis berketurunan cina yang menulis dalam Bahasa Inggeris. Contoh Ha Jin mencerminkan kejayaan seorang penulis diaspora yang melangkaui batasan bahasa dan budaya, sekali gus berjaya meroboh tembok sempadan negara serta ideologi sempit manusia tentang gagasan nasionalisme. Namun, beliau tidak membelakangkan akar budaya dan sejarah hidup yang pernah dilaluinya serta keseluruhan pengalaman dirinya, termasuk yang lama dan baru, diterapkan dalam penulisannya yang dapat menggambarkan optimistik seorang penulis diaspora.

Beliau berasal dari Pekan Peng Lai, Shandong, China. Datuk saudara keduanya Er Ye terbunuh pada zaman pendudukan Jepun. Dalam antologi cerpen *Ocean of Words* (1996), beliau menjadikan Er Ye sebagai watak komandan tentera dengan nama keluarga Diao. Er Ye amat keras perwatakannya. Beliau mengaku di depan tentera Jepun bahawa dia tahu kedudukan Eighth Route Army, tentera Parti Komunis China ketika itu, namun berkeras enggan memberitahu lokasi mereka. Lantaran beliau dihukum pancung. Hakikatnya, beliau tidak tahu-menahu lokasi mereka. “Sekalipun tentera tidak membunuhnya, pada zaman reformasi tanah (*land reform*), tidak juga dapat dia melepaskan diri,” ujar nenek Ha Jin tenang.

Ayah Ha Jin gigih menelaah buku sejak zaman muda. Beliau menyertai Eighth Route Army pada tahun 1945. Kemudian berkhidmat sebagai tentera komunikasi di medan perang Korea Utara. Pada umur dua puluh lebih, beliau sudah dilantik sebagai pegawai tinggi untuk sebuah batalion. Sesudah Peng Dehuai digulingkan, karier ayahnya turut terjejas. Ayahnya meninggal empat tahun lalu. Beliau pernah membaca Waiting karya Ha Jin ketika masa hidup. “Boleh tahan juga,” Kata ibu menyampaikan pandangan ayah membaca karyanya.

### **Terpaksa serius**

Pada zaman Revolusi Kebudayaan (*Culture Revolution*), semua sekolah ditutup. Satu-satu peluang yang agak cerah pada masa itu ialah menjadi anggota tentera. Sesiapa yang genap umur 16 tahun layak berdaftar. Ketika itu umur Ha Jin belum menjangkau 14, dia diserap lebih awal ke dalam angkatan bersenjata dengan membuat laporan palsu pada umur sendiri.

Tanpa disangka, beliau telah ditempatkan di sempadan. Lokasinya di Pekan Hui Chun dalam Wilayah Ji Lin. Sebelah sempadan adalah Korea Utara, manakala sebelah yang lain ialah Kesatuan Soviet. Setahun sebelum tamat perkhidmatan tentera, Ha Jin telah diterima menjadi anggota Parti Komunis China. Pada tahun itu beliau 18 tahun.

Ha Jin meninggalkan pasukan tentera pada bulan Februari. Beliau ditugaskan bekerja sebagai pegawai telegram di cawangan stesen keretapi Jia Mu Si. Pada tahun 1977, beliau lulus ujian masuk universiti dan masuk belajar di Jabatan Bahasa Inggeris, Universiti Hei Long Jiang di bahagian barat laut China. Sebenarnya, ini adalah pilihannya yang terakhir. Namun pada ketika itu hanya 16 orang calon sahaja yang mengambil ujian kelayakan Bahasa Inggeris di bandar Jia Mu Si. Keputusannya sederhana dengan 62 markah untuk ujian bertulis. Dalam kalangan ibu bapa rakan sekelasnya, ada yang menjadi pensyarah Bahasa Inggeris. Sudah tentu taraf bahasa Inggeris rakan-rakannya lebih baik.

Kelas beliau di bahagikan kepada dua jenis, kelompok cerdas dan satu lagi kelompok lembab. Dari awal hingga ke akhir tidak pernah pensyarah berkuliah kepada kelompok lembab, seolah-olah tidak menaruh harapan terhadap kelas tersebut. Ha Jin pernah menyuarakan protesnya terhadap bentuk diskriminasi tersebut dalam karyanya.

Saban hari, Ha Jin mendengar setengah jam ceramah Bahasa Inggeris melalui rancangan radio yang agak mirip bentuk publisiti. Waktu itu tidak pernah beliau timbul minat pada Bahasa Inggeris, sehinggalah tahun ketiga di universiti tatkala mendengar pensyarah memperkatakan Ernest Hemingway dan W.C. Faulkner. Tiada orang yang ingin ambil peduli terhadap kelas lembab. Pada ketika itu sastera Amerika adalah bidang yang lebih *glamour* daripada kalangan pelajar, lalu dia memohon masuk ke program siswazah jurusan sastera Amerika-Eropah di Universiti Shandong dan diterima.

Pada tahun 1985, Ha Jin berjaya memperoleh ijazah Sarjana ketika beliau berusia 29 tahun. Sebagai pelajar siswazah yang diserap sebagai pensyarah muda, beliau berjaya memperoleh biasiswa untuk melanjutkan pengajian ke Brandeis University, Amerika Syarikat untuk pengajian peringkat kedoktoran dalam bidang sastera Amerika-Eropah.

Sesudah tamat pengajian, pernah Ha Jin menulis puisi sekembali ke China, namun tidak sempat disiarkannya. Pada masa beliau memohon biasiswa suatu ketika dulu, beliau menyertakan beberapa buah sajak sendiri bersama tesis sarjananya. Aaron Klugsman adalah seorang pensyarah, juga adalah seorang penyair. Beliau dapat merasai bahasa puisi Ha Jin membawa ritma dan rentak yang istimewa. Dalam pemilihan kemasukan ke universiti di China, hasil puisi tidak membantu. Namun di Amerika Syarikat, kalau ada pensyarah bertegas dengan pendirian meluluskan sesuatu permohonan, maka luluslah permohonan tersebut.

Pada peringkat awal di Amerika Syarikat, wang biasiswa yang

diterimanya tidak mencukupi. Terpaksalah Ha Jin bekerja sambilan sebagai tukang cuci di hospital dan pengawal di tapak kilang pada sebelah malam. Isteri Ha Jin pula buta Bahasa Inggeris. Maka dia lebih banyak berdiam, dan bekerja daripada bercakap. Pada waktu itu, anak mereka masih di China, sehingga pasangan ini menyimpan wang yang cukup barulah mampu mereka menguruskan kedatangan anak mereka ke Amerika.

Jawatan pertama Ha Jin di Amerika ialah mengajar penulisan puisi di universiti. Ha Jin menerbitkan kumpulan puisi pertama pada tahun 1990. Di atas sokongan penyelia tesisnya Frank Bidart, beliau berjaya mendapat jawatan yang dipohonnya.

Ha Jin bekerja bersama F. Bidart selama lima tahun. Mereka berjumpa seminggu sekali, berbincang tentang puisi hasil Ha Jin sendiri. F. Bidart cenderung membaca hasil tulisan tangan. Pada usia mudanya, Bidart rapat dengan Robert Lowell. Beliau adalah penyunting untuk dua kumpulan sajak terakhir R. Lowell.

Berlegar kata-kata sedemikian dalam kelompok penyair di New England, “kalau Frank Bidart mengatakan hasil puisi kamu selesai, bermakna selesailah karya kamu.” Ha Jin mengaku beliau tidak sesekali bermimpi untuk menjadi sasterawan pada usia awal kehidupannya. Sampailah ketika beliau mengajar penulisan puisi di Emory University, barulah beliau bersungguh-sungguh terhadap kerjanya itu.

### **Waiting sebuah karya masalah**

Waiting adalah novel Ha Jin yang meraih American National Book Award dan PEN/Faulkner Award pada tahun 1999. Bermula dari detik itu hingga sekarang, judul tersebut diulang sehingga belasan cetakan dan sebanyak 500 ribu naskah telah diedarkan. Ketika versi terjemahan diterbitkan di China, ada pengkritik menghentam habis-habisan karya tersebut. Pengkritik menuduh Ha Jin membujuk-bujuk tanah kelahirannya dan melabelkan ia sebuah karya anti-China. Insiden tersebut menyebabkan edaran buku dibekukan



oleh pihak berkenaan. Royalti yang diperolehinya juga tidak seberapa. Setelah ditolak bayaran untuk dua orang tengah dan penerbit, beliau hanya menerima 480 dollar sahaja. Tetapi peliknya, selang beberapa waktu buku yang tersimpan oleh penerbit sebelum itu beredar di pasaran semula.

Ha Jin semacam mengidam untuk menulis novel *Waiting* seawal musim rontok tahun 1982, yakni pada pertama kali beliau mengunjung ke rumah mertuanya di Shandong. Di hospital tentera tempat mertuanya bekerja, ada kisah seorang guru yang menunggu 18 tahun untuk bercerai dengan isterinya. Dari jauh Ha Jin memerhatikan guru tersebut. Tinggi lampai dan berkulit putih penampilannya. Lelaki itu memakai sepasang cermin mata. Ha Jin mengalihkan latar belakang novelnya ke wilayah barat laut China. Protagonis Kong Lin akur pada undang-undang, terpaksa berpisah selama 18 tahun demi untuk bercerai dengan isterinya. Atas ketetapan undang-undang juga, beliau dan teman wanitanya tidak dibenarkan melangkahi tembok yang memagari lokasi kerjanya selama 18 tahun. Walau bagaimanapun, tatkala tembok dirobohkan, pasangan tersebut merasakan tembok masih berada di tempat asal. Memang Ha Jin faham ramai insan mengalami trauma sedemikian, tersepit oleh tekanan, malah jiwa dalam keadaan yang cukup terganggu. Dalam proses penulisan, pernah Ha Jin merasakan menulis tidak membawa apa-apa makna. Beliau bimbang tidak dapat menimbulkan apa-apa kesan pada pembaca umum. Alasan inilah yang membuat beliau berhenti menulis pada suatu ketika.

Pada suatu hari, beliau terbaca sebuah wawancara tentang seorang wanita Amerika, suaminya seorang pegawai tentera laut. Rumah tangga ini mengalami masalah kerana suaminya amat dingin terhadapnya. Suatu hari, tanya pakar psikiatrik pada wanita tersebut, “Apakah kamu mengesyaki suami kamu menyimpan perempuan lain?” Jawab wanita tersebut bertanya, “baiklah tu kalau dia ada perempuan lain kat luar, membuktikan dia masih mampu mencintai seorang perempuan.” Tiba-tiba Ha Jin mendapat kecelesikan daripada kisah tersebut, maka dia meneruskan penulisannya yang tertangguh itu, “Rupa-rupa ada insan yang tidak dapat

benar-benar mencintai seseorang secara menyeluruh dan sempurna. Di China, masalah terjadi bukan berpunca dari psikologi tetapi disebabkan oleh fakta persekitaran sosial. Barangkali orang Amerika menghadapi fakta tekanan luaran, namun bentuknya berbeza. Bini asal Kong Lin berkaki kecil hasil asuhan adat tradisional. Ha Jin memberitahu bahawa mak saudara dan bibi sebelah isterinya juga berkaki kecil. Banyak ibu rakannya juga demikian. Watak Kong Lin dalam novel adalah generasi lebih tua dibandingkan dengan Ha Jin sendiri. Kaki kecil tidak akan membesar seperti kaki insan biasa sekalipun dirungkai ikatan kain. Sudah lama undang-undang di China tidak membenarkan tradisi membalut dan mengikat kaki. Namun, penghuni kawasan pedalaman masih meneruskan tradisi tersebut tanpa sebarang halangan dan hukuman.

### **Tidak berkesempatan mengajar di Peking University**

Novel sulung Ha Jin sebenarnya ialah *The Crazy* (2002). Mirip dengan kisah dalam novel, seorang gurunya telah mengidap strok. Dua petang berturut-turut Ha Jin menjaganya di hospital. Kesempatan berdamping secara dekat mencelekkkan Ha Jin bahawa kamar jiwa gurunya yang terkunci rapi selama ini kini pecah berkecai. Kata-kata yang diluuhkannya itu entah benar entah palsu. Agak lama Ha Jin ingin menulis kisah tersebut. Akhirnya pada tahun 1998, beliau berpeluang memulakan penulisan. Namun proses menulis tidak memuaskan dirinya, sehingga antologi cerpen *Bridegroom: Stories* (2000) diterbitkan.

Tidak seperti penulis Cina kelahiran Amerika dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa ibundanya, misalnya Amy Tan dan Maxine Hong Kingston, Ha Jin adalah pendatang. Kisah dan muatan ceritanya kerap kali bergayut di antara dua masyarakat dan dua bahasa. Penulis Cina yang lahir di Amerika tidak akan menggarap cerita di Tanah Besar dan watak Cina di luar Amerika.

Novel Ha Jin *A Free Life* diterbitkan pada tahun 2007, tahun berikutnya diterbitkan versi tulisan tradisional Bahasa Cina. Karya ini menyaksikan Ha Jin pertama kali mengalih tumpuan penanya ke

daerah Amerika. Beliau mula memerhatikan kehidupan imigran dari Tanah Besar di dunia Amerika. Novel tersebut adalah karya terpanjang yang pernah dihasilkannya. Kisahnya bermula dari seorang teman karib. Seorang penghijrah dari Hong Kong yang bernama Frank membuka sebuah restoran di Boston. Teman Ha Jin melanggan di restoran berkenaan. Tuan punya restoran bertanyakan pekerjaan temannya. Teman mengaku dirinya seorang penyair. Frank mengaku dirinya juga menulis puisi, lalu menunjukkan sebuah antologi puisi kepada temannya itu. Tetapi, teman Ha Jin tidak tahu membaca tulisan Cina, lalu diserahkan kepada Ha Jin. Ha Jin mendapati ia sebuah kumpulan puisi lama. Jiwa Ha Jin tersentuh, lalu terbetik ingin menulis kisah kehidupan imigran.

Setengah kisah dalam novel adalah pengalaman Ha Jin sendiri. Beliau lebih bernasib baik dibandingkan dengan protagonis bernama Wu Nan. *A Free Life* memakan masa empat setengah tahun untuk dibereskan. Pembacanya sebahagian besar berketurunan kulit putih. Secara berseloroh Ha Jin menceritakan pengalaman yang dilaluinya. Pernah seorang pembaca Taiwan secara bongkaknya mengatakan kisah itu mampu disampaikan hanya dengan 600 patah perkataan. Tak usah meleret panjang. Pada masa yang sama, pembaca wanita kulit putih mengaku novel tersebut paling digemarinya.

Kini Ha Jin adalah warganegara Amerika. Pada tahun 2004, beliau pernah memohon jawatan pensyarah di Jabatan Bahasa Inggeris, Peking University, namun tiada jawapan. Sesudah 26 tahun berkelana di bumi Amerika, beliau benar-benar terasa bahawa negara sewajarnya sebuah kediaman biasa, demi perasaan selamat penghuninya, mana-mana bahagian rumah boleh sahaja diubah, atau dibina semula.

## **Bahagian III**

### KEBEBASAN



## **Apabila Kebebasan Menjadi Hak Keistimewaan**

*Lim Hong Siang*

Sejauh manakah kebebasan itu menjadi hak keistimewaan sekelompok manusia, sejauh manalah kebebasan itu terancam.

Malaysia terpaksa berubah seandainya tidak mahu terkapai-kapai dihanyut arus perubahan dunia yang deras. Burma, negara yang dicengkam kuku besi regim tentera untuk sekian lama, kini membuka ruang demokrasinya. Ketua Pembangkangnya, Aung San Suu Kyi telah diberi lampu hijau untuk berkempen melalui saluran televisyen pada tahun lalu, tatkala Perdana Menteri 1Malaysia Najib Razak masih berkhayal dalam dunia fantasi dirinya untuk membina negara demokrasi terbaik di dunia.

Suara desakan agar kebebasan dikembalikan untuk rakyat kedegaran di mana-mana. Rakyat pada mulanya menentang media arus perdana yang menapis maklumat dan memutarbelitkan berita. Kemudian, atas nama “menghormati kebebasan bersuara antara satu sama lain”, rakyat menuntut “kebebasan untuk memiliki media sendiri”. Tuntutan ini adil, mengandaikan bahawa sesuatu fakta boleh diolah dari perspektif masing-masing, dan rakyat mendesak agar lebih sudut pandangan dibenarkan ketika membincangkan sesuatu isu. Hak UMNO untuk mengolah sesuatu isu mengikut perspektifnya dihormati, sementara rakyat menuntut agar hak pembangkang dan rakyat menilai sesuatu isu mengikut sudut sendiri juga diiktiraf.

Namun prinsip asas ini tidak dihormati pemerintah, atau lebih tepat UMNO-Barisan Nasional. Apabila pembangkang atau badan-badan bukan kerajaan (sebut NGO) menyuarakan pandangan yang berbeza, hak kebebasan mereka dicabul. Tetapi apabila pihak pro-UMNO-BN menyuarakan pandangan, atau pun melakukan tindak-tanduk yang memperlihatkan unsur-unsur menghasut sentimen perkauman dan agama, ianya diestui. Apabila beberapa individu seperti Ibrahim Ali, mengeluarkan hujah berbunyi “bakar injil”, terus kebal daripada tindakan undang-undang. Mungkin alasannya, “bukankah ini hak kebebasan bersuara yang diperjuangkan pembangkang dan NGO? Tak ada prinsiplah jikalau memperjuangkan kebebasan tetapi menuntut pula agar kebebasan Ibrahim Ali dicabul dan ditindas!”

Alasan ini nampak logik, malah boleh dilanjutkan kepada demonstrasi puak-puak anti-Anwar di depan ibu pejabat Parti Keadilan Rakyat. Oh, mereka (KeADILan) ini beria-ia nak berdemonstrasi di Dataran Merdeka, atas nama BERSIH, anti-Lynas dan sebagainya. Jadi, padan mukalah apabila muncul kumpulan tertentu untuk berdemonstrasi di depan bangunan ibu pejabat mereka. Takkan polis nak halang? Sebab merekalah (KeADILan) yang kutuk polis jikalau polis tidak membenarkan perhimpunan. Polis tidak boleh “*double standard*”.

Bukan main hebat logik sebegini. Maka, pakcik-makcik FELDA pun mengangguk-angguk bersetuju tentang apa yang diperkatakan. Bila kita sokong kebebasan, maka hujah yang diungkapkan Ibrahim Ali, demonstrasi baling telur yang diadakan mesti diberi lampu hijau.

Padahal ia langsung tidak masuk akal! Ini kerana “kebebasan” seolah-olah telah menjadi hak keistimewaan Ibrahim Ali, dan puak-puak anti-KeADILan/Anwar. Cuba bayangkan, bagaimana Naib Presiden KeADILan (pada waktu itu), Tian Chua dilayan apabila kenyataannya diputar-belitkan? Disiasat dan diheret ke mahkamah, malah buku nota wartawan yang digunakan untuk mencatat kenyataannya semasa temuramah juga tidak terlepas daripada siasatan.

Ingatkah bagaimana anak muda kita dilayan setelah menurunkan bendera berwajahkan Presiden UMNO Najib Razak? Ingatkah bagaimana anak gadis digari hanya kerana memijak poster berwajahkan Najib?

Namun siapa pula digari dan diheret ke mahkamah kerana membaling telur dan batu di bangunan ibu pejabat KeADILan? Siapa pula diheret ke mahkamah apabila menyerang bas Jelajah Merdeka Rakyat? Jelas, kebebasan untuk menggunakan keganasan, menabur fitnah, berbohong, memutar-belitkan berita telah menjadi “hak keistimewaan” segelintir manusia di Malaysia!

Jadi, apakah itu langkah permulaan Malaysia untuk mengiktiraf amalan kebebasan? Bodoh, itu langkah kerajaan untuk menjejaskan kebebasan! Malah semakin hak kebebasan itu dipusatkan dalam tangan segelintir manusia, semakin terancam lah kebebasan di negara Malaysia. Bayangkan, apabila muncul sesetengah pihak yang bebas menuduh, tetapi tertuduh tidak bebas membela diri; apabila wujud sekelompok manusia bebas menyerang, tetapi pihak yang diserang tidak bebas membalas serangan itu.

Maknanya, hak kebebasan itu tidak sama rata. Oleh itu, apabila wujud jurang melebar antara mereka yang bebas dengan mereka yang tidak bebas, kesannya tidak jauh berbeza dengan jurang antara mereka yang kaya dengan mereka yang miskin. Dan, seandainya dikupas lebih mendalam, akan kita sedari bahawa struktur masyarakat kita tidak berbeza, iaitu wujud kelas-kelas tertentu, mereka yang bebas dan kaya, dan mereka yang miskin dan tertindas – sistem perhambaan yang terjelma dalam masyarakat moden pada alaf ke-21.

Jadi, tidak malukah kita mendabik dada mendakwa diri kita negara demokrasi terbaik di dunia, tatkala struktur masyarakat kita dikedalkan sedemikian rupa, malah ada kecenderungan ke arah yang lebih ketara. Di negara demokrasi, golongan yang tidak “berkuasa” akan memiliki lebih “kebebasan”, misalnya medianya dibenarkan melakukan kesilapan teknikal yang “tidak sengaja”,



ketika membongkarkan skandal besar sang penguasa. Demonstran apabila menggunakan keganasan di jalan raya, akan dikompromi sehingga keadaan hilang kawal.

Alasannya, seandainya media diambil tindakan hanya kesilapan teknikal yang tidak menjejaskan kebenaran, maka tiada media yang berani membongkar skandal pemerintah pada masa akan datang. Misalnya, apabila media mendedahkan seorang tahanan wanita dihina dengan ketuk-ketampi berbogel di lokap, ia tidak akan diambil tindakan seandainya media itu tersilap sama ada wanita itu dari China atau seorang melayu. Ini kerana hakikatnya, sama ada warga negara China mahupun Malaysia, berita itu mendedahkan kebenaran bahawa operasi polis ini tidak berperikemanusiaan.

Atau, apabila demonstran tunjuk perasaan, semestinya mereka tidak berpuas hati dengan isu-isu tertentu. Adalah tanggungjawab pasukan keselamatan yang bersenjata dan terlatih untuk mengawal keadaan, dan bukan untuk memprovokasi dengan bedilan gas pemedih mata dan sebagainya. Oleh itu, kebebasan perlu diteliti dalam konteks kuasa. Kebebasan jikalau hanya keistimewaan sekerat manusia, maka ia bukan kebebasan, tetapi ancaman kepada kebebasan.

## Malaysia: Negara Tanpa Konsep

*Adam Adli*

“Hai engkau Malaysia, apa konsepsi yang engkau berikan kepada umat manusia, apa konsepsi yang engkau berikan kepada rakyat di Kalimantan Utara? Atau rakyat di Malaya atau rakyat di Singapura? Apa konsepsi yang engkau keluarkan? Republik Indonesia tegas mengeluarkan konsep, PANCASILA, MANIPOL USDEK, BERDIKARI, TRISAKTI, NASAKOM.

Malaysia adalah suatu negara kalau boleh dinamakan, negara TANPA KONSEPSI. Suatu negara tanpa ideologi!”

Ini antara petikan ucapan popular oleh Presiden Republik Indonesia, Presiden Soekarno pada sekitar 1963, ketika zaman konfrontasi Indonesia-Malaysia. Kasar, keras, menghina, namun pahitnya; benar.

Jika hanya mengambil kira latar cerita di belakang pengungkapan tersebut, ramai akan mendakwa ungkapan tersebut tidak lagi kontekstual untuk diletakkan selari dengan zaman ini. Benar, ketika zaman konfrontasi, permusuhan antara dua negara ini sentiasa menyebabkan pemimpin dari kedua-duanya saling bertikam lidah dan ‘menghina’ satu sama lain. Merendahkan negara lawan adalah perbuatan biasa dalam perang dan gerak saraf. Indonesia yang mempunyai hubungan dengan Soviet melihat Malaysia sebagai budak Amerika, mengikut jalur imperialis Barat tersebut. Projek Malaysia adalah projek neo-kolonialisma. Kehadiran Lyndon B Johnson tidak lama selepas bermula konfrontasi juga menguatkan

lagi dakwaan tersebut. Namun di atas kertas; mahupun di dalam konteks realiti hari ini, lama selepas Perang Dingin tamat, lama selepas konfrontasi terhenti dengan kudeta ke atas Soekarno, Malaysia masih gagal meletakkan konsepsi, apa lagi ideologi untuk dinilai masyarakat dunia dan digenggam masyarakat sendiri; dulu, kini dan mungkin buat selamanya.

Sebuah negara tanpa konsepsi; ini jentikan pemikiran yang anehnya tidak langsung diangkat sebagai wacana umum oleh sesiapa pun dalam negara ini ketika konfrontasi berlaku. Dan ia berterusan tanpa dibicarakan sehingga hari ini. Malaysia menyerang dengan menghina kekusutan ekonomi Indonesia ketika itu, kerana itu kelemahan mereka di seberang sana; maka demikian juga Indonesia. Dalam menyerang, maka dipilihnya kelemahan Malaysia; ketidak-wujudan konsep sebenar negara ini. Malangnya, kelemahan Malaysia yang sudah ditunjukkan oleh Soekarno ini tidak cuba diperbaiki, di saat Indonesia apabila diserang hari ini telah pun se-baik mungkin berusaha mengatasi kelemahan mereka.

Apabila yang disebut itu adalah pembentukan ideologi dan konsepsi negara, ramai yang akan datang melontarkan segenap ilmu daripada buku yang dimiliki untuk memeriahkan perbincangan dan diskusi berkaitannya. Teori-teori dari segenap cendekiawan terkemuka dunia akan mulai cuba disesuaikan dengan keadaan negara ini. Idea-idea negara tidak kira dari jalur mana akan cuba diikat mengikut sosio-politik dan iklim ekonomi dewasa. Namun apabila sampai ke saat menzahirkannya; ramai juga yang akan mulai menarik diri dan terus berdiam. Memecahkan dogma bukan kerja mudah, malah bukan juga kerja yang akan disukai oleh masyarakat, apalagi masyarakat yang berpandukan nilai tradisional yang diwarisi tanpa mereka sendiri menyedari sebab-musabab nilai tersebut disuap pada mereka. Dan sayangnya juga, masyarakat bernilai lama ini ramai dan boleh jadi adalah majoriti. Tidak hairan ramai yang memencilkan diri daripada cuba memecah dogma tersebut. Menanggung tekanan daripada majoriti yang masih tersangkut dengan dogma lama ini bukan kecil sengsaranya.

Dalam saat vakum seperti inilah, akan muncul pelbagai pembentukan nilai dan konsepsi yang datangnya entah sengaja entah tidak. Negara ini terutamanya punya masalah dan bahaya yang jelas. Sejak dilepaskan tali ikatan daripada koloni British, pemerintahan masih tetap diterajui oleh satu blok politik yang sama; parti berasaskan kaum dan warna kulit. Idea warna kulit ini mirip idea apartheid. Tidak perlu mendabik dada dengan teks sejarah yang diajar di sekolah yang kononnya Malaysia melalui Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman adalah antara negara terawal yang turut ikut memperjuangkan pembebasan Afrika Selatan dari dasar apartheid; sedang realiti hari ini, kita masih menjalankan hukum dan dasar berdasarkan pemisahan etnik dan agama. Hukum yang ternyata tidak saksama. Orang Melayu masih jadi bangsa istimewa. Bukan Melayu dan bukan Islam terus-menerus jadi beg tinju dalam sebarang sandiwara melagakan kaum, sedang kemiskinan tidak pernah mengenal kaum dan agama. Adakah ini dasar dan konsepsi yang ingin diguna pakai ke atas negara yang belum punya identiti jelas ini? Terbukti, kegusaran banyak pihak termasuk parti-parti kiri seperti Parti Rakyat dan juga kenyataan beberapa ahli politik lain seperti Tony Pua dari DAP mempunyai asasnya. Jika terus dibiakkan lagi pemikiran dan jalur sebegini; mungkin akhirnya kita akan menjadi sebuah negara fasis.

Konsepsi tidak hanya pada jalur politik dan sosial; konsepsi juga terbentuk melalui teori ekonominya. Apa mekanisma ekonomi yang mahu digunapakai ke atas negara ini? Dasar pemerintah hari ini kabur dan celaru. Pasaran bebas tidak pun bebas, aset milik negara langsung diswastakan. Kegagalan untuk meningkat baik ekonomi negara mahupun ekonomi rakyat sendiri adalah hasil daripada ketidaktentuan dan kekeliruan landasan atau jalur ekonomi yang ingin dipraktikkan. Sekejap berhembus ke Barat, sekejap berhembus ke Timur. Ini bukan fleksibiliti, ini adalah ketidakmampuan untuk membuat keputusan dan dasar; semuanya kerana tidak pernah ada konsepsi jelas. Mungkin kecuali di zaman Mahathir Mohamad yang agresif menjual aset-aset negara kepada pihak swasta, dapat dilihat sedikit jalur praktik ekonominya. Namun ternyata gagal, hanya omong kosong dan lompong. Gah hanya pada nama dan rupa

fizikal. Dasar Pandang ke Timur hanya cubaan untuk meniru, tidak lebih daripada itu. Tidak ada pelajaran yang dikutip oleh Malaysia dari Jepun. Kita hanya melakukan imitasi, atau lebih teruk lagi plagiat ke atas apa yang dilakukan di Jepun, dengan cara kita sendiri. Idea dan teori di sebalik ekonomi Jepun tidak pernah pula dibincangkan. Lebih banyak kekaguman ke atas budaya, teknologi dan kilang kereta Jepun berbanding teori ekonomi yang diguna pakai.

Kegagalan menemui konsepsi ini akan terus meletakkan kita dalam keadaan kaku dan tidak berhala tuju. Lupakan idea negara bangsa; kita tidak ada pegangan untuk digenggam bersama. Identiti kita terus-menerus bergantung kepada bangunan dua tongkol jagung bernama KLCC. Lupakan cita-cita menjadi negara maju; kita tidak ada panduan ekonomi yang jelas dan tuntas. Sejak dari merdeka sehingga hari ini, kita masih belum memuktamadkan bentuk negara ini. Mengaku sebagai negara Islam, namun Perdana Menterinya sendiri tidak kenal bentuk najis. Mengaku sebagai negara majmuk namun meletakkan keistimewaan satu bangsa di atas bangsa lain. Andai sahaja pada 1963 kita menyahut ungkapan Soekarno sebagai satu bentuk kritik yang penting, mungkin hari ini tulisan ini tidak perlu terbit. Negara ini tidak memerlukan menara baru, tidak juga landasan kapal terbang baru, apa lagi undang-undang bodoh yang baru. Negara ini cuma memerlukan konsepsi yang tuntas.

*Adam Adli dijatuhkan hukuman penjara 12 bulan oleh Mahkamah Kuala Lumpur pada 19 September 2014 di bawah Seksyen 4(1)(6) (b) Akta Hasutan 1948 (Akta 15)*

**Kebebasan Media: Antara Tanda  
Putera dan The New Village**  
*Haris Zuan*

Baru-baru ini Astro First menayangkan filem Tanda Putera yang penulis sangkakan telah tamat kontroversinya apabila tayangannya di pawagam gagal dengan kutipan tiket tidak sampai RM1 juta. Tidak lama kemudian, filem ini sekali lagi menjadi isu apabila ditayangkan secara tertutup kepada kaki tangan MAS semasa sambutan ulang tahun syarikat itu. Tanda Putera ini adalah satu kes yang baik untuk kita mencerap kefahaman kita mengenai kebebasan media di negara ini.

Tanda Putera mula menjadi isu lama sebelum tayangannya di pawagam dan bagi memahami isu ini, kita mulakan dengan melihat sikap Kerajaan terhadap kebebasan media di negara ini. Pada 13 Jun 2013, Berita Harian dalam laporan muka depannya mengatakan kerajaan akan mengubal undang-undang bagi memastikan semua pengendali blog dan media sosial menzahirkan identiti sebenar masing-masing.

Agak aneh apabila Malaysia secara terbuka ingin mencontohi Singapura – aneh, kerana Singapura sering dijadikan momok kepada rakyat negara ini. Segala yang dihubungkan dengan Singapura adalah buruk dan menakutkan serta yang paling utama, merugikan orang Melayu. Malah, parti pemerintah sering mencemuh Parti Tindakan Demokratik sebagai agen Parti Tindakan Rakyat di negara ini. Hinggakan apabila Parti Tindakan Demokratik memerintah

negeri Pulau Pinang, dengan tiada usul periksa parti pemerintah dengan nada separuh mengugut, mengingatkan rakyat bahawa Pulau Pinang bakal menjadi Singapura. Entah apa masalahnya dengan Singapura, tidak pula diterangkan dan sehingga kini tiada langsung hubungan jelas antara Pulau Pinang dan Singapura.

Seminggu sebelum itu, tiba-tiba, Ahmad Shabery Cheek, Menteri Komunikasi Multimedia, mengeluarkan kenyataan bahawa Malaysia wajar menimbang idea untuk mencontohi Singapura yang kini meluluskan undang-undang untuk mengawal (baca: menyekat) internet di negara itu. Pemerintah Singapura mengemukakan bahawa semua portal berita di negara itu, yang mencapai sekurang-kurangnya 50,000 pembaca sebulan, perlu mendapatkan lesen dari pihak berkuasa.

Tidak lama kemudian, sebagaimana dijangka, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng berkata, Malaysia tidak patut menuruti model Singapura yang mengawal portal atas talian kerana ia melanggar Akta Jaminan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang menjamin tiada penapisan internet. Sikap ini pastinya dikongsi oleh komponen lain Pakatan Rakyat, PAS dan KeADILan yang kecewa dengan kebebasan media di negara ini. Malah, pastinya ramai rakyat Malaysia juga menyedari bahawa kebebasan media di negara ini berada di tahap yang mendukacitakan – Malaysia berada di kedudukan 145 dalam Indeks Kebebasan Akhbar 2013, manakala Singapura di tangga 149.

Ya, tuntutan untuk mendapatkan maklumat, kebebasan media, kebebasan berekspresi ini mudah difahami – semua ini merupakan pra-syarat kepada demokrasi, tidak mungkin demokrasi dapat tertegak tanpa adanya kebebasan mendapatkan maklumat. Secara asasnya, kebanyakan kita (ya, kita) yang memperjuangkan bersuara akan berhujah bahawa setiap rakyat Malaysia ini umumnya rasional dan dapat berfikir untuk menyaring dan menguruskan maklumat. Mereka tidak perlu diberitahu apa yang harus mereka percaya dan tidak, apa yang harus mereka terima dan tolak, apa yang baik dan yang buruk, yang benar dan fitnah. Mudahnya,

rakyat Malaysia mampu berfikir dan menentukan apa yang baik untuk diri masing-masing.

Tugas negara bukan untuk menentukan bagaimana rakyat negara ini berfikir dan apa yang harus mereka fikirkan. Negara bukan emak ayah kita dan kita bukan anak kecil yang mesti ditentukan jam berapa harus menonton televisyen dan hanya siaran apa yang boleh kita tonton.

### **Tanda Putera dan The New Village**

Kita hanya berkesempatan untuk menonton lakonan Faezah Elai dalam filem Tanda Putera mulai 29 Ogos 2013 yang lalu, kerana filem yang seharusnya ditayangkan pada tahun 2012 ini, terpaksa ditangguhkan berikutan banyak tekanan, khasnya daripada pembangkang yang melihat filem ini ‘akan memanas lagi semangat perkauman di negara ini’ (Sinar Harian: 7 Ogos 2012). Malah, Lim Kit Siang – yang katanya digambarkan di dalam filem ini sebagai pencetus rusuhan 13 Mei – antara individu yang paling kuat mengutuk filem ini.

Malah, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tiba-tiba mengeluarkan ‘nasihat’ yang pada awalnya kelihatan sebagai arahan kepada pengendali pawagam di negeri itu agar tidak menayangkan filem Tanda Putera. Kini, ada kerajaan negeri yang ingin menentukan seleksi filem untuk orang ramai!

Namun, sikap berhati-hati Kerajaan Negeri Pulau Pinang itu dapatlah difahami segera kerana selama ini tiada pihak yang dibenarkan untuk bercakap – apatah lagi menerbitkan filem – yang mempunyai hubungan dengan 13 Mei. Malah, selama ini, isu 13 Mei ini boleh menyebabkan seseorang itu didakwa di bawah Akta Hasutan 1970 dan tiba-tiba hanya sebuah filem dengan satu interpretasi tunggal dibenarkan di negara ini. Sikap pilih bulu ini pastinya menimbulkan radang banyak orang.



Kemudian – kebetulan yang disengajakan? – entah bagaimana muncul pula filem *The New Village* (Kampung Baru). Seakan satu reaksi kepada *Tanda Putera*, filem arahan Wong Kew-Lit menurut sinopsisnya mengambil latar kehidupan keluarga Cina hakka pada tahun 1949, yang terpaksa berpindah ke kampung baru yang diwujudkan oleh British dalam usaha menyekat pengaruh komunis ketika darurat. Isunya, filem ini dikatakan memaparkan komunis sebagai hero.

Maka, sebagaimana nasib *Tanda Putera*, *The New Village* juga mendapat tentangan kerana fakta sejarah yang ‘meragukan’ dan memiliki unsur-unsur ‘subversif’ kerana bersimpati kepada perjuangan MPAJA. Bezanya, *Tanda Putera* ditentang oleh kelompok ‘pro-pembangkang’ kerana cuba mengolah pandangan umum terhadap pembangkang, khasnya DAP sebagai ekstreamis dan UMNO sebagai perjuang negara yang hakiki, manakala *The New Village* ditentang oleh kumpulan ‘pro-UMNO’ yang merasakan filem ini cuba mengagungkan komunis.

Filem *The New Village* dijadualkan semula untuk tayangan pada bulan kemerdekaan ini, sedikit awal berbanding *Tanda Putera*. Bagaimanapun banyak pihak yang mahu kedua-dua filem ini tidak ditayangkan kepada umum atas sebab yang sama – interpretasi sejarah yang tempang.

### **Malaysia-Politic-Race-Entertainment-Film**

Malah, Majlis Perundingan Melayu (MPM) membantah penayangan serta penyebaran filem *The New Village*, sama ada kepada khalayak ramai, media sosial mahupun pendedaran dalam bentuk DVD. Setiausaha Agung MPM Dr Hasan Mad berkata filem itu tidak boleh diklasifikasi sebagai fiksyen kerana mengandungi fakta sejarah yang mengelirukan (Bernama 12 Ogos 2013). Sejak bila MPM ini menentukan apa yang boleh rakyat negara ini tonton dan tidak?

## **Filem Sebagai Dokumen Sejarah**

Kenyataan MPM ini menimbulkan persoalan yang layak untuk dibincangkan dan ini bukan pertama kali kita terperangkap dalam persoalan; objektiviti fakta sejarah dalam filem. Pasti ramai yang masih ingat akan filem *Black Hawk Down* (2001) yang memperkecilkan sumbangan Batalion ke-19 RAMD dalam menyelamatkan tentera Amerika. Maka, ramailah yang marah-marah kerana filem ini tidak mengiktiraf sumbangan tentera Malaysia.

Sememangnya, semua karya dalam apa juga bentuk – filem, cerpen, novel – yang berasaskan sesuatu kejadian sejarah akan dipersoalkan faktanya. Harus diingat, sedangkan buku teks sejarah Tingkatan Empat pun tidak terlepas daripada perdebatan interpretasi dan olahan, apatah lagi karya kreatif. Malah, perkara yang mesti difaham jelas-jelas, filem tidak akan pernah menjadi perakam sejarah yang jujur, termasuk filem dokumentari kerana sejarah itu sendiri tidak akan pernah objektif.

Oleh hal yang demikian, sebarang bentuk interpretasi filem harus dirayakan – meskipun tidak cocok dengan selera kita. Ya, pasti akan wujud sangkaan bahawa sesebuah filem itu ada agendanya yang tersendiri dan memang itulah tujuan filem – menzahirkan sesuatu idea melalui jalan kreatif yang kemas dan halus.

Janganlah kita terperangkap dengan propaganda dan logik pemerintah selama ini yang mahu menentukan apa yang harus kita lihat dan percaya. Jika kita mengimani doktrin kebebasan media dan yakin bahawa rakyat negara ini sudah cukup bijak untuk menilai, maka janganlah dihalang sebarang filem daripada ditayangkan, sebaliknya rayakanlah – dengan kritikan yang kritis, bukan mengharamkannya.

Tanda Putera dan *The New Village* adalah usaha merebut takrifan terhadap naratif sejarah bangsa Malaysia. Sejarah punya banyak interpretasi dan dalam media yang bebas, setiap takrifan ini akan dibincang, didebat, direbutkan dan pastinya takrifan dengan

hujah paling rasional dan wibawa akan lebih kukuh diterima dan yang lemah akan ditolak. Ini adalah hukum dialektika yang paling asas. Maka yang harus kita perjuangkan bukan mengharamkan mana-mana filem, tetapi kebebasan media yang lebih besar – melangkaui kebebasan menerbitkan akhbar mana-mana parti politik semata-mata.

Selamat menonton dan berpolemik.

## **Menyuburkan Akhbar Yang Sakit**

*Muhammad Nazreen*

Akhbar adalah cerminan cara kita dan masyarakat berfikir. Tetapi, pesan sebegini sudah ditiadakan dalam senyap-senyap. Sudah lama kita disongsangkan dengan keadaan media kita yang bobrok. Tidak ada masalah untuk berpihak, malah selaku media (meliputi arus perdana, alternatif dan akhbar politik) pasti punyai sesuatu kecenderungan, baik kepada A atau pun B. Masalah besar media kita adalah kurangnya laporan kewartawanan yang beretika dan berintegriti. Semakin hari, semakin kita dilambakkan dengan mutu tulisan yang lebih hina dari sampah.

Ada pun, akhbar kini ditunggang pihak tertentu untuk menjatuhkan peribadi seseorang, dari kemelut yang paling remeh sehinggalah cerita-cerita lucu yang dimuatkan. Apakah wasiat Rahim Kajai, A.Samad Ismail dan Said Zahari sudah dikhianati? Di manakah kita untuk meletakkan muka apabila wira-wira akhbar yang separuh nyawa berjuang untuk kebebasan akhbar dimalukan dengan mutu akhbar kita pada hari ini? Bukankah akhbar kita semakin edan?

Penyakit ini terjadi kebanyakan media arus perdana, sama ada ianya sakit dipolitikkan mahu pun seronok disensasikan. Jarang untuk kita menyaksikan media dijadikan medan untuk jurnalis dan penulis untuk berpolemik secara serius, membincangkan kerumitan masyarakat dan berdebat mencari solusi. Akhbar mewakili suara pencerahan. Di saat masyarakat hilang nadi fikir mereka, akhbarlah yang menjernihkan kekalutan mereka.

Akhbar bukan sekadar tulisan yang dicetak massa. Ia juga bukan longgokan kertas-kertas yang bertebaran dari kedai kopi hinggalah pasaraya mega. Akhbar adalah suara yang menyampaikan berita kebenaran. Jelutong Press, syarikat penerbitan terawal di Malaya suatu ketika dahulu, sudah peka akan halatuju akhbar di tanahair ini. Syarikat penerbitan yang diusahakan tokoh Kaum Muda, Syed Sheikh Al-Hady cuba untuk mengerjakan agenda ‘akhbar sebagai pelita ilmu’. Teringat pesan Majalah Al-Imam pada tahun 1906 -”Newspapers are the light of the mind, the talisman of the thoughts, the mirror of eventd, the servant of the wise, the prompter of the forgetful, a guide to those who stray, a prop to the weak, the guardian of the community, and the forum of all discussion” – Al-Imam, 1906

Namun, pesan ini dilupakan. Kini, akhbar adalah wadah mengejar sensasi dan ‘panas’. Akhbar mana yang lebih banyak memuatkan gosip dan cerita-cerita ‘seks’ murahan, maka, akhbar demikianlah yang berjaya memungut edaran tertinggi. Tidaklah mengejutkan sekiranya ‘Harian Metro’ saban tahun mencapai keuntungan yang besar. Paparkan sahaja tajuk-tajuk gersang tentang isu ‘kopi kuat’, ‘janda gila batang’ atau ‘anak ikan mak datin’ – pasti jualan akhbar tersebut melonjak-lonjak jualannya. Al-maklumlah. Formula berniaga yang dipegang syarikat-syarikat akhbar kita ada tiga iaitu P-A-S: (Politik, Agama, Seks). Kalau tiada modal cerita seks, jual agama adalah modus operandi kedua yang paling laku di dalam pasaran. Paparkan sahaja tajuk ‘Air Zikir boleh mengubat penyakit Kanser’. Pasti ‘Boom’!!

Penyakit akhbar cari untung ini sebenarnya bersebab. Yang paling munasabah adalah masyarakatnya sendiri. Zaman ini, budaya membaca bukanlah arus perdana. Itupun, jika ada masa yang terluang, barulah rata-rata kita mula untuk menelaah tulisan. Dan yang paling mudah untuk dicapai adalah suratkhbar. Tak ramai yang membaca tulisan yang ‘pening-pening’. Buku falsafah, politik sehinggalah kebudayaan yang serius langsung tak termasuk di dalam senarai bahan bacaan. Bagi kebanyakan kita, memikirkan masalah anak bangsa bukan tugas kita. Biarlah professor dan politisyen yang

selesaikan. Cukup lima tahun penggal pemerintahan, tanggungjawab kita hanyalah mengundi parti politik yang kita gemari. Iyalah. Apa susahnya? Sekali dalam lima tahun, jalan ditar. Barang keperluan tidak dinaikkan. Bucer RM500 dan harga minyak yang kekal sudah cukup menjadi syarat untuk kita bersyukur bukan?

Tetapi, penyakit akhbar yang berpanjangan dan melarat ini mula disuarakan pengamal-pengamal media sendiri. Mereka selaku ‘tulang belakang’ industri percetakan akhbar di negara ini sudah mual dengan polisi kerajaan yang menyekat kebebasan media. Ada di antara mereka yang memulakan inisiatif untuk menubuhkan akhbar-akhbar alternatif. Ditambah dengan perkembangan internet yang menjalar di seluruh dunia, mereka menubuhkan portal akhbar di laman sesawang supaya ianya lebih mandiri dan berintergriti. Salut kepada beberapa kerat daripada mereka, yang sanggup bergadai wang untuk memastikan mutu akhbar kita terus terpelihara. Kini, variasi akhbar yang lebih berkualiti sering kita temukan di dalam akhbar-akhbar alternatif.

Lantaran tahun, akhbar arus perdana sudah hilang etika kerja mereka. Di sebalik itu, masyarakat kita juga semakin bertanggungjawab. Mereka tidak lagi mahukan isu-isu sensasi yang kosong dan membodohkan. Ramai juga di antara kita yang sudah hilang kepercayaan terhadap akhbar arus perdana. Kalau berpolitik, lebih dahsyat daripada ‘*cybertrooper*’ pencacai yang diberi upah RM20. Inilah realiti akhbar kita pada hari ini. Hanya satu kata – ‘Sampah!’

Akhbar dijadikan alat untuk memastikan ‘daulah’ pembodohan. Tak sudah-sudah mereka membodohkan pembaca. Mungkin, atas alasan itu – masyarakat kita lelah untuk membaca. Membaca membuatkan mereka semakin berdosa. Tetapi, akhbar yang bodoh pasti akan ada implikasinya jua. Salah satunya, akhbar kita semakin ketinggalan dalam persaingan dengan akhbar-akhbar di luar negara. Press Freedom Index (2012) yang menjadi indikator kebebasan akhbar di seluruh dunia meletakkan Malaysia di tangga 125 – menunjukkan akhbar kita yang semakin corot jika dibandingkan dengan negara jiran seperti Indonesia dan Thailand yang jauh meninggalkan kita.

Jangan salah masyarakat kita sepenuhnya. Mutu corot yang dimiliki akhbar menyebabkan rakyat Malaysia semakin beralasan untuk tidak membaca. Ini lah kemungkaran yang 'real' berlaku di hadapan kita semalam, sekarang dan berkemungkinan di masa hadapan sekiranya epidemiknya dibiarkan begini. Proses penyuburan media harus disegerakan. Komuniti lewat media, orang awam dan masyarakat sivil perlu segera berganding bahu untuk mengelak wabak demikian terus merebak. Di zaman ini, kita butuh peranan agensi media untuk menggerakkan perubahan ke arah Malaysia Baru.

Seketika – terngiang-ngiang pesan tokoh wartawan negara, A.Samad Ismail yang dimuatkan di dalam Mingguan Malaysia tanggal 25 Mei 1986, "Media juga menghadapi masalah ini, masalah membezakan suara yang sejati nasional dan demokratik dan di mana suara ras dan sektarian berselindung di sebalik slogan demokrasi dan kepentingan nasional. Betapa menggabungkan 'professional skill' atau kecekapan di dalam profesi dengan persepsi memberikan prioriti kepada kepentingan negara, saya rasa ialah satu masalah yang sering dihadapi oleh kaum wartawan."

Adakah '*professional judgement*' harus diutamakan? Adakah '*professional interest*' harus mengatasi '*loyalty*' kepada kaum, kepada golongan sendiri, kepada parti sendiri, kepada konco sendiri?

Kini sudah hampir 27 tahun lampau lamanya A.Samad Ismail mengingatkan orang akhbar akan tujuan dan tanggungjawab mereka. Demikian jugalah, kita rakyat Malaysia mengharapkan reformasi akhbar di dalam mengejar agenda Malaysia Baru.

## **Air Di Sini Untuk Selamatkan Api Di Sana?**

*Lim Hong Siang*

Maka sejarah pencabulan kebebasan media diimbas semula, dari penggantungan permit Watan, The Star dan Sin Chew Jit Poh ketika Operasi Lalang pada tahun 1987, hinggalah pengharaman Detik, Eksklusif dan Al-Wasilah ketika zaman Reformasi. Namun cengkaman kebebasan bersuara tidak berhenti di situ, sungguhpun pendemokrasian terus mengorak langkah dari zaman ke zaman, dengan pembangkang yang semakin mantap, dan masyarakat sivil yang semakin kental.

Bukan sahaja cengkaman penguasa, genggaman pemodal melalui pemilikan juga ancaman terhadap kebebasan bersuara. Perkembangan pasca zaman Reformasi menyaksikan pengambil-alihan Nanyang Holdings oleh MCA pada tahun 2001, yang akhirnya menjurus kepada monopoli oleh tycoon balak Tiong Hiew King, untuk memiliki empat akhbar cina dalam pasaran, iaitu Sin Chew Daily, Guang Ming Daily, Nanyang Siang Pau dan China Press.

Namun monopoli pemodal tidak menyaksikan semak-imbang pasaran terhadap pemerintah sebagaimana yang dicadangkan dalam teori. Maklumlah di Malaysia, penguasa dan pemodal berkomploit untuk kepentingan bersama. Untuk beberapa tahun kebelakangan ini, kerajaan dengan mudah memasukkan tangannya ke dalam bilik editorial untuk menjentik editor sewenang-wenangnya, sebagai amaran kepada sesiapa yang cuba melewati garis merah. Sudah tentu kita tidak lupa insiden pada tahun 2006, Ketua Pengarang



China Press terpaksa meletak jawatan lantaran kesilapan teknikal dalam laporan wartawannya tentang tahanan wanita diarah polis untuk melakukan ketuk ketampi berbogel dalam lokap.

Dengan Akta Penerbitan dan Mesin Cetak, Kementerian Dalam Negeri (KDN) terus menyerbu dan merampas majalah kartun yang dianggap “mengancam keselamatan awam”. Kartunis politik terkenal, Zunar kini terpaksa memadamkan nama syarikat pencetak bukunya, lantaran pengalaman pegawai KDN menyerbu ke kilang pencetak. Bukan sahaja pencetak, tetapi pengedar juga ditakut-takutkan. Lidah rasmi PAS, Harakah menjadi mangsa apabila KDN mengenakan syarat agar ia dijual kepada ahli PAS sahaja, dan dijual di markas atau pejabat PAS sahaja. Sudah tentu pengedar enggan mengambil risiko untuk disaman, semata-mata untuk keuntungan yang tidak seberapa. Susulan daripada itu, jualan Harakah terjejas.

Selain permit, pemilikan dan campur tangan pemerintah ke dalam bilik editor, pengamal media juga berdepan dengan pelbagai gangguan dan risiko keselamatan ketika menjalankan tugas. Wartawan dan jurugambar misalnya, dikasari polis ketika membuat liputan dalam perhimpunan BERSIH 3.0 pada 28 April 2012. Meskipun anggota polis diheret ke mahkamah, tetapi akhirnya hakim memuktakan tertuduh tidak bersalah dan dibebaskan.

Penafian hak untuk membuat liputan juga antara halangan yang cuba dikenakan ke atas pengamal media, khususnya dari media internet. Tidak kurang juga rungutan ketidakpuasan di mana wartawan menerima layanan yang buruk daripada politikus, tidak setimpal dengan peranannya sebagai “fourth estate” dalam negara.

Tekanan terhadap media berlaku sepanjang masa tetapi usaha untuk menentangnya kurang berhasil. Petisyen dan memorandum diserahkan oleh pengamal media, laporan dan cadangan dibukukan oleh SUHAKAM, kritikan dilontarkan ahli akademik, tetapi ia seolah-olah gagal membawa perubahan drastik. Kali ini akhbar mingguan *The Heat*<sup>1</sup> menjadi mangsa, digantung perमितnya dengan alasan yang kurang meyakinkan, untuk mereka yang masak dengan

1) *The Heat* ditarik balik penggantungannya pada 19 Disember 2013.

kerenah kerajaan Barisan Nasional.

Kehadiran kira-kira 200 orang yang memenuhi auditorium Dewan Perhimpunan Cina KL-Selangor pada malam 27 Disember 2013, amat memberangsangkan. Apatah lagi ramai di kalangan mereka adalah anak muda. Cuma, soalnya kekal, “Di manakah pengamal media cetak arus perdana, sedangkan merekalah mangsa secara langsung di bawah Akta Penerbitan dan Mesin Cetak?” Jelas, ramai yang masih menaruh harapan terhadap Kesatuan Wartawan Kebangsaan Malaysia (NUJ) untuk memimpin gerakan menuntut kebebasan media ini, sehingga tercari-cari susuk tubuh pimpinan NUI dalam forum berjudul “Bebaskan Media” itu.

Tidak dinafikan bahawa ledakan teknologi maklumat telah menembusi sekatan maklumat oleh pemerintah dan monopoli pemodal. Namun kemunculan medan internet pada masa yang sama juga telah memisahkan satu Malaysia kepada dua dunia yang berbeza. Pengamal media yang kritis dan berani, dan kecewa dengan media cetak arus perdana, akhirnya meninggalkan media tradisional untuk menerokai media baru di ruang internet.

Namun perkembangan sedemikian menimbulkan persoalan. Kita akur dengan hakikat bahawa media cetak memainkan peranan penting untuk menyebarkan maklumat di kawasan kampung, kerana maklumat alternatif masih belum dapat disalurkan ke situ lantaran kemudahan internet yang serba kurang. Malangnya, medan media cetak pula didominasi oleh pengamal media yang kebanyakannya (walaupun bukan semua) konservatif, tunduk kepada telunjuk, takut melanggar undang-undang drakonian – maka sudah tentu ruang kebebasan media cetak akan dicerobohi penguasa se-wenang-wenangnya.

Itulah sebabnya mengapa media cetak tidak berkembang ke mana. Mereka “*survive*” dengan tajaan iklan syarikat *GLC* atas arahan kerajaan UMNO-BN, atau ketidaksampaian maklumat internet ke kawasan tertentu. Mereka gagal bersaing dari segi kualiti kandungan, jauh lagi dari segi etika media. *The Heat*, membeliakkan mata

sesetengah pembaca, dengan kupasan yang menarik, pandangan yang bernas dan disokong dengan fakta.

Malangnya, bahasa pengantarnya Inggeris, yang tidak berkesan untuk berkomunikasi dengan masyarakat kampung. Kualiti kandungannya mungkin menjadi teladan untuk media cetak yang lain, pada masa yang sama tidak menutup hakikat bahawa The Heat juga pesaing hebat. Cabarannya, apakah pesaingnya sanggup menanggung risiko, semata-mata untuk menghulurkan tangan kepada pesaingnya yang kini ditekan pemerintah?

Bekas wartawan Utusan Malaysia, Hata Wahari bersikap pesimis untuk mengulangi seruan “lupakan saja mereka (pengamal media arus perdana).” Pandangan ini disanggah terus oleh aktivis yang lain, kerana gerakan menuntut kebebasan media harus terbuka untuk merangkumi seramai pengamal media yang mungkin. Persoalan seterusnya, bagaimana?

Senario beberapa tahun kebelakangan memperlihatkan bagaimana pengamal media internet bersuara lantang untuk menentang penindasan penguasa ke atas pengamal media cetak. Sebaliknya, apabila pencabulan kebebasan berlaku terhadap pengamal media internet, adakah pengamal media cetak akan tampil untuk menunjukkan solidariti yang setimpal? Ini realitinya. Lama-kelamaan ia pasti melemahkan semangat. Pertama, orang yang anda bantu tidak menghulurkan bantuan apabila anda dizalimi; kedua, orang yang dizalimi sendiri keberatan untuk menyelamatkan dirinya, mengapa orang lain pula yang menyibuk?

Kita boleh bertindak atas prinsip mempertahankan kebebasan bersuara, persoalannya adakah air di sini mampu menyelamatkan api di sana? Sejauh manakah kemampuan aktivis media sama ada badan bukan kerajaan (sebut: NGO) mahupun wartawan media internet untuk berhempas-pulas memadamkan api yang membakar media cetak, sedangkan “niat baik” ini tidak semestinya diiktiraf, bahkan mungkin ditolak?

Persoalan ini kekal tidak terjawab, selagi pengamal media cetak membisu dengan seribu satu alasan. Gerakan ini boleh menuntut pemansuhan akta ini dan itu, tetapi penguasa sekadar memperlekehkan dengan kenyataan “dia orang tak bising pun, apa yang kamu menyibuk?” Gerakan ini boleh mengumpul ribuan tandatangan orang awam, tetapi pengamal media arus perdana sendiri keberatan untuk menurunkan namanya. Pengamal media cetak boleh terus merungut, gaji dan elaun yang rendah, dibiarkan menunggu berjam-jam untuk sidang media yang belum pasti akan diadakan, dihalang untuk melontarkan soalan dan sebagainya... Tetapi selagi tiada penglibatan yang agresif daripada pengamal media cetak, semua gerakan oleh aktivis di laman internet akan dipadamkan begitu sahaja.

Penulis bukan memperlekehkan sesiapa, atau tidak bertimbang rasa, sebaliknya dia cuma lebih jujur dengan apa yang berlaku. Seandainya kita mahu mengambil sikap lunak terhadap pengamal media arus perdana, maka jangan kita menyasarkan matlamat yang terlalu tinggi, misalnya pemansuhan Akta Penerbitan dan Mesin Cetak. Sudah tentu ia tidak akan berjaya, dan kemudian kita diselubungi emosi geram kerana kalah lagi dalam perjuangan.

The Heat bukan mangsa terakhir, jikalau pengamal media cetak masih selesa dengan suhu air yang meningkat secara perlahan-lahan. Mereka yang tidak tahan dengan bahang telah melompat ke media internet, atau sektor lain. Moga-moga mereka yang masih berada dalam air panas, sempat bangkit melonjak sebelum terlambat.

**Meredup Kekerasan Dalam Konflik  
Syiah-Sunni di Malaysia**  
*Mohd Izzuddin Ramli*

Dalam meniti jalan ke depan, tidak dapat tidak kita juga perlu menoleh peristiwa yang berlaku pada tahun 2013 sebagai sebuah pertimbangan untuk menentukan sukar atau tidaknya masa depan. Hal ini kerana, persoalan-persoalan masa depan kerap kali dipengaruhi masa lalu. Peristiwa-peristiwa masa lalu yang tidak terselamatkan akan sangat mempengaruhi dan mengganggu tercapainya azam-azam masa depan.

Jelas, banyak persoalan yang belum kita jawab dengan baik. Salah satunya adalah persoalan pertembungan kepercayaan antara penganut syiah dan sunni yang pada waktu ini masih kuat diperkatakan. Konflik agama antara penganut syiah dan sunni yang kita heret bertahun-tahun dan masih kabur untuk kita tinggalkan dimana menjadi salah satu daripada lambakan beban yang perlu kita bawa pada tahun baru ini. Tidak seperti kebanyakan bahagian dunia lain yang masyarakatnya lebih multi-etnik, multi-budaya dan multi-agama, untuk mencari persengketaan antara agama adalah sukar apalagi mencari konflik intra-agama. Negara ini yang sering didakwa sebagai sebuah negara Islam, Islamnya pula dijamin di dalam perlembagaan malah orang melayunya pula wajib menjadi Islam, ternyata sebahagian daripada mereka tidak bebas daripada rasa takut, rasa terancam dan rasa tertindas pula. Ketertekanan ini akhirnya mengarah banyak daripada penganutnya menjadi reaktif terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekeliling.

Memiliki kepercayaan dan penafsiran keagamaan yang berbeza ternyata masih tidak mudah di negara ini. Sekalipun belum ada tindakan-tindakan keganasan yang dilakukan terhadap penganut fahaman syiah, namun suara-suara yang kurang merdu tetap kedengaran dalam memberi respon akan kewujudan kelompok minoriti ini. Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri Malaysia misalnya sangat keras dalam melayani kewujudan fahaman syiah di negara ini. Terbaru, resolusi yang dikeluarkan oleh beberapa pemimpin tertinggi UMNO ketika berlangsungnya Perhimpunan Agung-nya Disember 2012 juga mempertegaskan bahawa aliran Islam yang hanya diterima di negara ini mestilah daripada aliran ahli sunnah waljamaah. Resolusi ini bagi sesetengah pihak hanyalah merupakan sebuah strategi dalam memberi tekanan kepada para penganut aliran syiah.

Tidak sedikit daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang turut tampil menunjukkan penentangannya terhadap perkembangan ajaran syiah. Jaringan Melayu Malaysia (JMM), yang menegaskan bahawa ajaran syiah sebagai sesat turut menggesa pihak berkuasa untuk mengambil tindakan keras terhadap penganut aliran ini daripada memberi ancaman kepada umat Islam. Kenyataan ahli parlimen Pasir Mas, Nik Abdul Disember tahun lalu terhadap kelompok syiah di Malaysia juga tidak boleh diambil mudah. Jelasnya, tindakan tegas perlu diambil kerana, apabila golongan syiah semakin besar pengikutnya, maka potensi untuk berlakunya permusuhan turut menjadi besar.

Namun pada perspektif lain – dengan tidak mengabaikan kepentingan yang mendasari munculnya kenyataan ini – konflik akan berkurang atau menuju ke arah yang lebih baik jika terdapatnya keseimbangan pada pihak-pihak yang berkonflik. Ertinya, tekanan atau kekerasan yang dialami pihak minoriti daripada pihak majoriti akan berkurang jika kekuatan pihak minoriti juga menjadi besar. Begitu juga dengan tekanan atau kekerasan dari pihak majoriti juga akan berkurang jika pihak yang ditekan menjadi lebih kuat. Makna dari ayat ini adalah, konflik yang diakibatkan oleh hegemoni kebenaran dari pihak majoriti tidak akan berlaku jika kedudukannya adalah seimbang.

Meredam konflik yang berlaku kepada kaum syiah dengan bukan syiah tidak harus dilakukan dengan menghalang atau menghapuskan kewujudan fahaman ini. Hal ini kerana, tindakan ini akan menjadikan konflik menjadi lebih besar. Secara konsepsual, konflik adalah hal yang tidak boleh dihilangkan, yang mesti dilakukan adalah menguruskan konflik dengan baik. Apalagi jika kita memahami bahawa konflik syiah dengan bukan-syiah ini adalah berkait dengan persoalan keyakinan atau ideologi. Jika ini, pasti yang akan berlaku adalah tetap wujud perbezaan-perbezaan yang akan dipertahankan secara sembunyi. Dalam menghadapi persoalan ini, yang perlu dilakukan adalah menguruskan konflik yang terjadi agar tidak merebak menjadi pertembungan yang lebih besar.

### **Kekuatan yang seimbang**

Teori konflik menyatakan bahawa konflik akan berlaku ketika adanya kekuatan yang tidak seimbang iaitu adanya golongan majoriti yang menindas golongan minoriti. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Thomas Homer-Dixon (1999), konflik tidak akan berlaku ketika kekuatan-kekuatan yang ada di dalam kelompok masyarakat adalah seimbang. Konflik secara umumnya berlaku ketika wujudnya hubungan yang tidak seimbang iaitu golongan majoriti yang menekan golongan minoriti sehingga kelompok minoriti yang merasakan ditekan melakukan perlawanan kepada pihak majoriti sehingga konflik, pada kedudukan ini sudah tidak berada di bawah permukaan (*latent*) tetapi naik ke permukaan (*manifest*).

Konflik bangsamoro di Selatan Filipina dengan pemerintah pusat misalnya boleh menjadi contoh yang baik untuk menjelaskan situasi ini. Keadaan ketertindasan yang dialami kelompok minoriti bangsamoro yang rata-ratanya beragama Islam telah menyebabkan bangkitnya kumpulan-kumpulan pemberontak seperti Moro National Liberation Front (MNLF) dan Moro Islamic Liberation Front (MILF) untuk menuntut pengiktirafan daripada kerajaan bahawa wujudnya kelompok masyarakat Islam bangsamoro yang

secara budaya dan agamanya adalah berbeza dengan kelompok majoriti masyarakat Filipina. Kewujudan kelompok minoriti ini yang secara perlahan-lahan yang telah diakui kerajaan Filipina hari ini menyebabkan permusuhan antara kelompok minoriti dan majoriti semakin mereda.

Kekuatan-kekuatan seimbang yang wujud di antara kelompok-kelompok masyarakat sebaliknya akan melahirkan kompromi kerana setiap kelompok yang sebelumnya mempunyai potensi untuk berkonflik merasa takut antara satu sama lain. Jadi, kedua-dua kelompok ini akan bersaing antara satu sama lain dengan kekuatan yang sama. Konflik mengarah kepada bentuk persaingan dan bukan penindasan. Konsep keseimbangan kuasa ini dapat dilihat ketika berlakunya Perang Dingin antara Amerika dan Kesatuan Soviet (USSR) suatu ketika dahulu. Kedua-dua kuasa besar ini pada ketika itu berlumba-lumba untuk menunjukkan kekuatan masing-masing dengan melakukan perang psikologi – mencipta senjata-senjata perang. Namun apa yang terjadi, akibat wujudnya kekuatan yang seimbang ini maka perang akhirnya tidak berlaku.

Dalam konteks konflik syiah dan sunni ini, dapat dilihat bahawa terjadinya hegemoni kebenaran oleh kelompok majoriti yang merasa lebih benar terhadap kelompok minoriti syiah. Dalam aspek sosiologi, ritual-ritual yang diamalkan oleh kelompok berfahaman syiah – yang dilihat bertentangan dengan fahaman sunni – seperti tidak membasuh kaki ketika mengambil wudhuk, hanya solat tiga waktu (jamak zohor-asar, maghrib-isya’), tidak solat terawikh, tidak berpuasa ketika hari asyura atau kain kafan mayat pengikut mereka bertulis merupakan sebuah kebenaran menurut kelompoknya. Di dalam al-Quran tidak ada ayat yang menegaskan cara-cara untuk bersolat atau berapa kali untuk bersolat. Oleh hal yang demikian, persoalan-persoalan ini dijawab melalui kesepakatan (ijma’), hadis, fatwa tidak kira ia syiah ataupun sunni. Sumber-sumber ini ketika sampai kepada setiap kelompok atau individu akan melalui proses penafsiran kembali (*redefinition*). Penafsiran-penafsiran ini pula sangat bergantung kepada *stock of knowledge* si penafsir yang beragam meliputi, pendidikan, pengetahuan, pengalaman



dan sebagainya. Kerana itulah berlakunya penafsiran yang pelbagai terhadap objek yang ditafsirkan.

Sekalipun kelompok syiah memahami bahawa solat hariannya hanya cukup untuk dijama', itu adalah didasarkan kepada penafsiran daripada sumber yang diyakininya. Tidak berbeza dengan kelompok yang beraliran sunni, solat wajib yang dilakukan sebanyak lima waktu sehari adalah juga disandarkan kepada penafsiran-penafsiran daripada sumber-sumber yang sama tetapi dipengaruhi oleh *stock of knowledge* yang berbeza sehingga menghasilkan penafsiran yang turut berbeza. Oleh itu, agama yang difahami dari kaca mata sosiologi meletakkan bahawa kebenaran adalah dimiliki oleh setiap kelompok atau individu, sehingga yang diperlukan adalah toleransi antara pihak-pihak yang berbeza pandangan – perbezaan antara kedua-dua kelompok harus sentiasa dihormati. Dalam kedudukan ini sesuatu agama sebagaimana dijelaskan oleh Bernard Raho (2013) adalah tidak superior atau inferior terhadap agama lain yang ada disampingnya.

Dalam aspek teologi, harus difahami pula bahawa kebenaran agama itu adalah milik Tuhan. Agama juga adalah bersifat tidak rasional kerana dasarnya adalah terletak kepada keyakinan para penganut. Oleh kerana menganuti agama merupakan perpaduan antara aspek rasional (hasil berfikir berdasarkan *stock of knowledge*) dan tidak rasional (keyakinan), maka kebenaran agama tidak boleh diperdebatkan. Yang tahu benar atau tidak sesebuah agama itu hanyalah Tuhan yang merupakan “wujud tertinggi” bagi penganut setiap agama.

Dalam agama Islam telah ditegaskan bahawa antara agama tidak boleh dibanding-bandingkan kebenarannya sesuai dengan pemikiran manusia. Surah Al-Kafirun ayat enam bermaksud “agamaku adalah agamaku dan agamamu adalah agamamu”. Ayat ini bermakna bahawa kebenaran agama itu hanya mutlak menurut pengikutnya. Kebenaran yang sebenar-benar pula adalah hanya Tuhan yang mengetahui. Jika demikian maka wajib untuk kita menunjukkan rasa toleransi terhadap keberadaan agama lain. Kewujudan

pelbagai agama di dunia hari ini masing-masing memiliki dakwaan yang sama iaitu untuk menciptakan kedamaian. Jika adanya agama justeru menjadikan masyarakat menjadi tidak aman, maka yang harus dipersalahkan adalah penganutnya bukan agamanya sendiri.

### **Resolusi Konflik Yang Sederhana**

Menurut Simon Fisher (2000) di dalam teori perundingan prinsip, konflik adalah disebabkan oleh wujudnya kedudukan-kedudukan yang tidak selaras dan perbezaan pandangan tentang konflik oleh pihak-pihak yang berkonflik. Kelompok syiah dan sunni masing-masing memiliki prinsip dan kefahaman sendiri terhadap agama. Ada yang menganggap perbezaan antara kedua-dua kelompok ini adalah dari segi aqidah. Ada juga yang beranggapan bahawa perbezaan yang lebih mendasar adalah dari segi penafsiran terhadap wasilah kenabian iaitu siapa yang lebih berhak menjadi pemuca untuk meneruskan ajaran nabi.

Oleh yang demikian, menghalang fahaman syiah sebagaimana yang dijelaskan oleh Nik Abduh daripada terus berkembang bukan satu-satunya jalan penyelesaian yang terbaik. Bagi meredakan pertembungan-pertembungan ini, maka pemisahan antara kepentingan peribadi dan bukan peribadi yang memanfaatkan perbezaan-perbezaan tadi perlu dilakukan. Konflik sebagaimana yang dilanjutkan oleh Simon Fisher juga disebabkan oleh polarisasi-polarisasi, ketidakpercayaan dan permusuhan yang terus terjadi di antara kelompok yang berbeza di dalam sesebuah masyarakat. Maka, penguasaan-pengurusan konflik boleh dilakukan dengan meningkatkan komunikasi dan persefahaman antara kelompok yang berkonflik – melalui dialog antara agama, forum dan sebagainya.

**Bahagian IV**  
AGAMA



## **Dosa Pertama**

*Firdaus Zolkifli*

Selain daripada bersimpuh di atas sejadah, hal yang menghidupkan malam ialah berbual dengan teman yang cerdas. Kecerdasan kadang-kadang lebih enak dari senggama sepanjang malam, malahan ‘orgasme’nya lebih lama. Kegiatan sesederhana ini hanya memerlukan beberapa cawan kopi, rokok dan keterbukaan menerima perbezaan yang lain. Bahagiannya, teman malam itu, seorang lelaki, juga dikenali sebagai Ustaz Hakim selalu menjentikkan humor dalam perbualannya. Nah, berbual dengan seorang lelaki, menikmati kopi dan beberapa batang rokok di sebuah warung adalah aktiviti biasa, malahan sangat biasa. Dalam menghadapi kebiasaan-kebiasaan itu Ustaz Hakim bertanya “Kalau hang tau, apa dosa pertama sekali yang ada bila manusia diciptakan?”. Aku diam. Lalu dilanjutkan lagi, “Dosa pertama yang ada ialah dosa Iblis tidak iktiraf manusia yang diciptakan Tuhan, dengan alasan manusia diciptakan daripada tanah dan Iblis daripada api”. “Oooo”, balas penulis dengan yakin. Hakim teruskan lagi, “Dosa memandang ciptaan yang lain lebih rendah martabatnya adalah dosa yang tak pernah selesai, masalah ni masih ada, kita kenal sebagai rasisme”. Lalu perbualan dilanjutkan lagi hingga pagi.

Banyak pesanan yang baik akan mati ditelan hambar, tapi pesanan yang cerdas selalu hidup dalam resah bahkan persoalan yang baru akan ada untuk kita tatang, dan menatanginya sudah tentu jalan manusia untuk ke hadapan. Soalnya, apakah pentingnya rasisme ini hingga diangkat sebagai dosa pertama dalam sejarah

penciptaan manusia? Lebih celaka, rasisme sendiri bagaikan iblis yang tidak pernah hapus hingga saat harinya ‘Pengadilan’. Rasisme, tentunya dosa lama yang bernanah, menjadikan peradaban kepada kebiadapan. Apakah ‘dosa’ ini tidak pernah dilawan? Tidak, sejarah sering menceritakan perlawanan manusia menentang penindasan berdasarkan keturunan. Shariati, dalam tulisannya *Fatima is Fatima* telah mengambilkannya hikmah kisah nabi sebagai pesanan melawan rasisme serta penindasan kelas. Shariati menarik Islam sebagai ajaran perlawanan melalui kisah Siti Hajar, ibunya Ismail sebagai sosok perempuan yang berperanan membangunkan peradaban atas kegersangan tanah di tengah padang pasir. Siti Hajar – seorang perempuan, hamba dan berkulit hitam diangkat dirinya sebagai ibunya Ismail dan dimakamkan bersebelahan Kaabah, pusat kota suci orang Islam. Perempuan yang tertindas dengan patriarki, hamba yang tertindas dengan feodal, dan kulit hitam tertindas dengan rasisme ini terlekat kukuh dalam diri Siti Hajar, dan Islam mustadafin bangun menentang kepada penindasan-penindasan yang ada.

Moden, zaman manusia optimis menuju kebahagiaan sambil memandang penindasan beralaskan keturunan ini luluh berkarat. Kaum, bangsa, etnik dan agama yang membentuk perbezaan kelompok manusia dibungkus dalam satu istilah, primordial. Zaman ini zaman manusia. Manusia tidak lagi ditundukkan nasibnya di atas bangsa kelahirannya. Senada dengan katanya Paul Satre, ‘eksistensi melampaui esensi’. Manusia sendiri yang menentukan takdirnya, menentukan nilainya. Tiada lagi kekuasaan dipegang secara perorangan (feudalisme), tidak ada juga dipegang secara sekelompok (aristokrasi). Kekuasaan dipegang oleh kesemuanya, semua manusia (demokrasi). Tidak ada lagi manusia yang lebih kuasanya berbanding yang lain, yang ada hanyalah pengakuan bahawa kita semua adalah sama, sederajat, sebagai Manusia (dengan M besar).

Saat manusia menari-nari atas kata humanisme dan rasional sebagai vaksin terhadap penyakit rasisme, dogmatisme agama dan hal yang bertitik tolak dari primordial, dunia dikejutkan dengan satu kengerian, Holocaust. 1933, Hitler telah mengubah Jerman menjadi sebuah kediktatoran satu parti, berdasarkan ideologi nazisme,

ideologi sang fasis. Melalui Mein Kampf, dan pidatonya yang karismatik, Hitler membawa rakyat untuk mendukung antisemitisme. Hasilnya, motivasi etnik telah mengakibatkan kematian sekitar 50 juta selama Perang Dunia ke-2, termasuk enam juta Yahudi dan lima juta etnik bukan Aryan atas pemusnahan yang sistematis. Bayangkan, sebuah negara yang mempunyai sejarah tentang humanisme yang panjang, tempat yang mengangkat rasional ini akhirnya menjadi neraka untuk manusia kerana perbezaan darah. Rasisme bertiup lagi, dengan lebih sistematis. Kejahatan yang tidak terbayang atas nama rasisme membuatkan kita bertanya kembali, apakah rasisme ini tidak boleh benar-benar mati?

Pastinya, dunia melihat pembunuhan besar-besaran warga Yahudi dan bangsa bukan Aryan sepanjang pemerintahan Nazi dilakukan dengan jiwa-jiwa jahat. Tapi, kejahatan tidak pernah berdiri tanpa alas. Apakah alasan sesuatu penghapusan bangsa itu berjaya dilakukan? Hannah Arendt, muridnya Heidegger dan Karl Jasper mengajukan suatu pandangan dalam sebuah tulisannya, Eichmann in Jerusalem, A Report of the Banality of Evil. Adolf Eichmann, seorang tentera Nazi yang melarikan diri ke Argentina telah ditangkap pada 11 Mei 1960. Eichmann dibawa ke Israel untuk diadili atas kejahatan pembunuhan orang-orang Yahudi di kem Jerman. David Ben-Gurion, Perdana Menteri Israel membuka sidang terbuka untuk mengadili Eichmann untuk menarik perhatian dunia terhadap “peristiwa paling tragis di dalam sejarah kami, fakta paling tragis dalam sejarah manusia”. Arendt, selaku wartawan The New Yorker, pergi ke Jerusalem membuat liputan sidang pengadilan Eichmann. Memeranjatkan, Eichmann seorang lelaki kejam kelihatannya seperti orang biasa yang tidak terlihat kejam. Malahan, adalah warga negara yang patuh pada hukum.

Bagi Arendt, kekejaman biasanya meminjam wajah-wajah orang baik, lurus dan patuh terhadap sistem namun berselingkuh dengan kejahatan-kejahatan besar. Argumen Arendt di dalam bukunya disebut sebagai *banality*, situasi tentang kejahatan tidak lagi dirasa sebagai kejahatan, tetapi sebagai biasa-biasa, sesuatu kewajaran. Arendt berhujah lagi, Eichmann adalah seorang tentera yang patuh,

dan sikap patuh dalam ketenteraan adalah suatu keutamaan, bukan kejahatan. Eichmann tidak pernah khianat, bahkan membunuh orang lain adalah atas nama negara, bukan kepentingan peribadi. Eichmann langsung tidak sedar kepatuhan dan kesetiannya membawa kepada kejahatan yang lebih besar terhadap kemanusiaan. Di mana letaknya masalah kesetiaan dan kepatuhan Eichmann? Bagi Arendt, yang kurang dari Eichmann adalah imaginasi. Tidak punya imaginasi, Eichmann bukannya bodoh, tetapi tidak kritis atas pemikirannya. Arendt namakan sebagai berfikir secara sistemik, bukan secara sistematik, fikirannya tidak menyeluruh. Eichmann hanya menanggapi tugasnya yang kecil-kecil, tanpa menyedari tugasnya yang kecil-kecil ini membantu kejahatan yang besar, Holocaust.

Banal, penyakit ini bukan penyakit seorang Eichmann, malahan penyakit kita-kita yang duduk di bawah sistem, apatah lagi sebuah sistem bernegara yang sudah tersedia mempunyai rasionalnya. Kita selalunya menuntut sebuah matlamat yang telah ditetapkan dari atas. Misalnya universiti menetapkan siapa yang harus kita jadi. Negara menetapkan bagaimana warganegaranya harus jadi. Secara tidak sedar, kepatuhan terhadap negara menjadikan warganya kaku dan menerimanya sebagai satu lambang kesetiaan. Kekakuan ini sepertimana kakunya kita menerima tempikan 'ketuanan Melayu' dari pemerintah, menelan semua sejarah yang dicipta, menerima parti yang mengangkat perkauman. Akhirnya, kesetiaan kita sama seperti Eichmann, dungu menantang sistem yang dipaksakan dari atas tanpa sikap kritis, dan rasisme terus menjadi dosa paling awal dan yang tidak selesai.



## 2

### **Tuhan yang Dilenyapkan**

*Muhammad Nazreen*

Merujuk kepada keputusan Mahkamah Rayuan untuk membatalkan penggunaan ‘Allah’ oleh Herald, diam-diam tuhan juga dimatikan. Penulis rasa kenyataan ini bakal menyinggung sebahagian besar masyarakat Melayu-Islam yang ternyata rapuh dengan keyakinan agama mereka sendiri. Keimanan adalah hal yang kudus, tetapi ia juga manusiawi.

Terbalik pula situasinya di sini – iman bukan lagi hal yang sembunyi-sembunyi, yang menjadi ruang paling peribadi buat insan dan hakiki. Iman kini adalah nyawa kekuasaan untuk dijadikan alat yang paling ampuh meneruskan gagasan ketuanan (bukan ketuhanan).

Ada baiknya kita kembali membaca ‘Sidang Ruh’ Kassim Ahmad dalam nada yang kecewa dan skeptik – tatkala ‘tuhan sudah mati’ dilaungkan dan berhadapan kenyataan hari ini, memang tuhan benar-benar mati!

‘Tuhan sudah mati’ – bukan bererti tuhan benar-benar tiada, tetapi ‘tuhan’ kini dijadikan alasan penghukuman yang menutup ruang kebebasan, terutamanya dalam kalangan komuniti-komuniti kecil yang terpaksa bersusah-susah hanya untuk mempraktikkan kepercayaan yang mereka imani. Di dalam polemik nama ‘Allah’ – mahkamah turut terlibat. Barangkali, perlembagaan ciptaan manusia yang “sekular” ini sudah benar-benar menyelinap di alam-tuhan,

bahkan berkuasa pula untuk menjadi tuhan kepada tuhan!

Namun, penulis berpegang dengan kenyataan Naguib Mahfouz, penulis agung bumi Kaherah itu – yang menjawab bahawa “dunia ini penuh dengan manusia yang cuba melawan pembodohan, bergelut untuk menyatakan hal-hal yang bertentangan dengan pandangan masyarakat kebanyakan. Dengan itu, mereka dihukum dan diseksa. Tetapi, kita memerlukan keberanian untuk menyatakan dhamir bahawa apa yang kita percaya itu, benar-benar kita percaya!”

Bagi penulis, polemik nama ‘Allah’ tidak boleh diselesaikan dengan undang-undang. Perlunya perbahasan yang panjang dan syumul untuk menjelaskan kedudukan kita tentang hal ini. Mungkin, ada yang punyai hujahan yang kukuh untuk membela eksklusifnya nama ‘Allah’ buat masyarakat Islam dan ada pula yang berhujah sebaliknya. Masyarakat kita juga sudah cukup matang untuk menilai baik-buruknya perihal sesuatu perkara itu. Jadi, perkara ini harus dibahaskan dalam keadaan yang membenarkan masing-masing untuk bersetuju dan tidak bersetuju dengan pandangan mereka, tanpa pula melibatkan kekuasaan untuk turut masuk campur.

Begitulah juga dengan isu nama ‘Allah’ ini – undang-undang tidak mampu menentukan akidah dan iman seseorang itu. Saya percaya dengan kebebasan, iman kita akan lebih sejati dan ikhlas. Tuntutan bahawa seorang Islam itu bakal keliru dengan penggunaan nama Allah oleh masyarakat bukan Islam itu menunjukkan betapa remeh-nya iman masyarakat kita. Kita sendiri tidak yakin dengan kebenaran tuhan, apatah nama ‘Allah’ sahaja sudah cukup mengusarkan.

### **‘Robohnya Surau Kami’**

Bermula dengan andaian bahawa – manusia ini dilahirkan bodoh dan tak-tahu apa-apa, dalam nada yang lain : ‘keliru’ adalah suatu kesalahan yang paling muktamad. Kutipan daripada cerita pendek Robohnya Surau Kami (1956) yang ditulis oleh Haji Ali-Akbar Navis menceritakan bagaimana Kakek, penjaga surau di sebuah

daerah yang tidak bernama – akhirnya menamatkan riwayat hidupnya sendiri setelah Ajo Sidi memberitahunya tentang Haji Salleh, orang tua yang mengabadikan dirinya untuk bertakwa kepada tuhan akhirnya tersungkur di pintu neraka.

Saya begitu tertarik untuk mengupas tulisan Haji Ali Akbar Navis melalui novel Robohnya Surau Kami (1956) sedikit sebanyak bertaut dengan realiti pergolakan masyarakat Melayu-Islam di Malaysia pasca-merdeka. Saya mulakan dengan petikan:

*“Aku anugerahkan kau dengan kekayaan sumber alam. Tetapi kau sendiri tidak berusaha. Kau mudah untuk sekadar mengharap-ganjaran. Hal itu begitu mudah, tak memerlukan keringat dan kerja. Engkau tak bekerja. Tetapi kau hanya berdoa dan sekadar berdoa”*

Petikan ini sedikit sebanyak menjelaskan keadaan sesetengah umat beragama, khususnya di Malaysia yang begitu asyik mengharap sesuatu, tanpa pula mengerjakannya. Dalam kes nama ‘Allah’ – kita bergantung harap supaya kemelut ini diselesaikan tanpa perbahasan yang teliti dan berkesan.

Pergolakan di dalam Robohnya Surau Kami menceritakan kepada kita bagaimana akhirnya agama bukan lagi menjadi nilai yang rasional dan mandiri, tetapi sekadar alat untuk tunduk dan patuh kepada pembedohan. Dengan adanya tuhan dan agama, ada sebahagian kita menanggapinya sebagai alasan untuk berlepas diri daripada tanggungjawab.

Kritikan Navis yang paling besar adalah persoalan akidah – di antara ikut-ikutan atau kebenaran dengan kebenaran hakiki, mana satukah tujuan hidup kita?

Pesan seorang kawan kepada saya – ‘Kita tak benarkan umat beragama lain untuk menggunakan perkataan Allah, tetapi kita selalu menggunakan perkataan ‘Insha-Allah’ untuk berlepas diri daripada tanggungjawab’

Dilema ini menjadi kebiasaan, dan secara perlahan-lahan membina ironi yang paling mustahak di sini. Ramai di antara kita yang turut berlapang dada dengan keputusan mahkamah membatalkan penggunaan nama ‘Allah’ oleh Herald – namun tanpa kita sedari, kita juga turut menjebakkan nama tuhan sebagai alasan untuk melepaskan diri daripada tanggungjawab. Dan, bagi penulis – ini adalah contoh betapa tidak jujurinya kita terhadap ketuhanan dan agama. Barangkali, inilah dosa masyarakat Melayu-Islam yang kononnya berlagak seperti pembela agama, walhal mereka-lah yang merosakkan kemurnian agama itu sendiri.

Namun, apakah sebenarnya yang benar-benar terlintas di benak penulis ketika ini adalah – bagaimana bahasa boleh menjadi begitu kuat dan kukuh untuk mempengaruhi persoalan ketakwaan kita kepada agama?

Mochtar Lubis di dalam syarahannya tanggal 6 April 1977 bertajuk “Manusia Indonesia” telah menyatakan kerisauan tentang hal ini yang semakin ketara dalam kalangan anak muda di Indonesia .

Saya mencuplik sebahagian pertanyaan beliau daripada teks syarahan terbabit:

“Sikap munafik yang sudah ditanam ke dalam diri manusia Indonesia ini oleh manusia Indonesia lainnya yang lebih berkuasa dan menindas serta memeras, merampas dan memperkosa kemanusiaan mereka, lebih dipertebal lagi oleh datangnya kekuasaan-kekuasaan dari luar tanah air kita. Orang yang belajar mengatakan tidak dengan cara-cara yang lain, hingga kata tidak itu diselimuti dan diberi pelbagai topeng, hingga tidak lagi dapat dikenali.”

Dan ayat terakhir daripada petikan di atas itu – begitu mengesankan penulis. Allah kini semakin tidak dikenali, apatah lagi oleh masyarakat yang lain (selain Islam). Bahkan, tindakan pengharman nama ‘Allah’ oleh institusi gereja turut meremehkan realiti bahawa Allah itu sendiri milik semua, malah sudah diguna-pakai ratusan tahun sebelum Islam membawa kerahmatan di bumi

Mekah dan Madinah.

Sindrom ketidakpercayaan ini bukan perkara yang harus dimulikan. Bagi saya, sebagai seorang insan yang dibesarkan di dalam suasana penuh keagamaan melihat tragedi ini sebagai sebuah kesedihan. Kita sendiri lemah dan tidak percaya dengan iman dan tauhid, sehingga kata ‘Allah’ sahaja boleh jauh menggugat akidah yang tertanam di benak ini.

Dilema ini terjadi di kalangan kita. Agama kini benar-benar dijadikan candu. Kita lebih gusar dengan perkataan ‘Allah’ berbanding reputnya nilai-nilai kemanusiaan – yang pada mulanya dibisikkan oleh agama itu sendiri. Islam di Malaysia kini menjadi tumpul. Pemikiran dan kritikan tidak lagi diraikan, malah disepikan atas alasan ‘mengancam’ kedudukan *status quo*.

Memahami realiti masyarakat minoriti di Malaysia, memang menyebarkan. Lebih daripada itu – agama dipinjam untuk menghalalkan penindasan. Jauh sekali untuk kita membahaskan nilai-nilai kebebasan dan hak asasi, sehinggakan rasional untuk melihat pergolakan nama Allah sekalipun, terpaksa diselesaikan di dalam kerangka perlembagaan dan bukan dengan akal fikiran yang sehat.

Mungkin, ada di antara kita yang tidak bersetuju dengan keluhan ini. Tetapi, persoalan yang paling asas adalah – bagaimanakah kita begitu mudah untuk bersorak bahawa ‘Islam sudah menang!’, ‘*Allahu akbar*’ dan sebagainya jika pada hakikatnya kita begitu lemah untuk berhadapan dengan persoalan penting ini dengan serba tidak yakin?

Saya tidak canggung untuk menyatakan bahawa tuhan kini sedang dilenyapkan.

**Salah Erti Terhadap Fatwa Mampu Picu  
Ekstremisme Agama**  
*Mohd Izzuddin Ramli*

Salah satu perkara yang mendasar yang diajarkan oleh mana-mana agama di dunia ini ialah ia sangat menganjurkan kasih sayang antara sesama manusia – baik Islam, Kristian, Buddha dan sebagainya. Dalam agama Buddha misalnya, ia sangat membungai kedamaian bagi seluruh umat manusia. Sedangkan Islam, menjadi agama yang memberi rahmat dalam seluruh aspek kehidupan. Kasih sayang, kedamaian, rahmat ini pula diikat dengan sifat bertoleransi yang turut diajarkan agar keberadaan manusia sentiasa sejahtera.

Toleransi dalam Islam contohnya dapat dilihat melalui ketegasan Islam dalam meletakkan dirinya pada kedudukan yang tidak antagonis dengan hak asasi manusia. Islam sangat mengangkat martabat dan kemuliaan insan tidak mengira bangsa ataupun agama. Syariah Islam sendiri melindungi lima perkara iaitu agama, hidup dan kehidupan makhluk, akal fikiran dan akal budi, kehormatan diri setiap insan, serta harta benda. Dalam soal pentadbiran dan pengurusan umat misalnya, Islam telah meletakkan setiap manusia sebagai kalifah – pemimpin yang diamanahkan untuk mentadbir dunia.

Tidak dapat dinafikan bahawa Islam memandu kehidupan manusia dalam semua aspek. Dalam merungkai sebarang permasalahan dan menguruskan pendapat misalnya, Islam turut menyediakan

aturan-aturan yang amat jelas menghormati kedudukan manusia sebagai khalifah. Sebarang percanggahan pendapat, Islam menyediakan kaedah seperti musyawarah dan syura yang umumnya mengandungi elemen-elemen demokrasi sebagaimana dipraktikkan hari ini.

Dalam menjatuhkan hukuman atau melaksanakan undang-undang ke atas manusia, ada prosedur-prosedur yang juga tidak terlepas daripada mengedepankan kemuliaan manusia. Bermula daripada pembuktian terhadap seseorang yang didakwa bersalah, sehinggalah kepada penjatuhan hukuman, Islam menitikberatkan keadilan dan penghormatan.

Namun, ketika menyoroti kehidupan umat beragama dalam dunia hari ini kegagalan untuk memahami intipati sebenar agama ini akhirnya menyebabkan wujudnya pelbagai bentuk kepincangan dalam masyarakat. Kesalahan tidaklah terletak dibahu agama, tetapi pada bahu umat Islam itu sendiri – umat yang beragama.

### **Isu fatwa-memfatwa**

Dalam persoalan fatwa-memfatwa di Malaysia pada hari ini masih lagi menjadi bahan pertikaian misalnya, masih ramai daripada umat Islam yang belum memiliki pemahaman yang baik terhadapnya. Oleh hal yang demikian, perlu adanya pelbagai usaha untuk membawa umat Islam untuk keluar daripada kebuntuan ini.

Fatwa secara etimologinya adalah merupakan kata yang berasal daripada bahasa Arab yang secara literalnya membawa maksud “pendapat”. Dalam sistem perundangan Islam, ia tidak lebih daripada sebuah pandangan atau nasihat untuk membimbing seseorang muslim dalam menjalani kehidupan menurut Islam. Fatwa pada kebiasaannya dipertanggungjawabkan kepada mufti atau ulama kerana mereka inilah yang dikira berwibawa dalam menjawab persoalan-persoalan yang berkait dengan agama.

Berbeza dengan pendapat-pendapat biasa, fatwa walau

bagaimanapun memikul beban yang lebih berat kerana sesuatu fatwa yang dikeluarkan tidaklah melalui cerapan akal biasa tetapi perlu melalui syarat dan kaedah yang tersendiri. Di dalam Islam, secara umum terdapat empat sumber yang dijadikan rujukan oleh seseorang ulama dalam mengeluarkan fatwa. Pertama adalah melalui sumber al-Quran, kedua adalah daripada sunnah, ketiga kesepakatan daripada para ulama dan terakhir ialah ijtihad.

Sebagaimana yang telah dipertegaskan oleh ramai cendekiawan, sesuatu fatwa juga tidak semestinya wajib diikuti oleh orang Islam. Hal ini kerana, selagi sesuatu fatwa tidak dibawa untuk melalui prosedur-prosedur perundangan maka ia tidak boleh dikuatkuasa kerana masih berada pada peringkat pendapat sahaja.

Walaupun bagaimanapun, masalah timbul apabila kebanyakan daripada kita menganggap bahawa fatwa itu sebagai sebuah jawapan akhir pada sesuatu persoalan dan wajib pula untuk diikuti. Tidak hanya pada fatwa sebenarnya, apa sahaja yang berkaitan dengan agama dan dikeluarkan oleh agamawan baik yang segera ataupun yang lebih berautoritatif, boleh sahaja dituruti secara membuta tuli. Maka tidak pelik jika kita katakan bahawa setiap daripada kata-kata yang dikeluarkan oleh Azhar Idrus dalam ceramah poplarnya juga dianggap sebagai benar dan tidak boleh lagi dipertikaikan bagi sesetengah orang. Yang dilakukan ialah, menerima sahaja tanpa berani berusaha merujuk sumber-sumber lain lagi.

Walaupun kata fatwa dapat diterjemahkan kepada “pendapat”, namun dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia ia seolah-olah memiliki pengertian yang boleh difahami secara berbeza. Pendapat misalnya dapat difahami sebagai buah fikiran atau perkiraan tentang sesuatu hal dan ia masih boleh didebatkan atau dipertikaikan. Akan tetapi, berlainan dengan fatwa ia seakan-akan dianggap sebagai sebuah pandangan yang secara automatik telah menjadi sebuah hukum – apatah lagi sesuatu fatwa itu hanya boleh dikeluarkan oleh para ulama. Kerana mungkin kata fatwa itu berasal daripada bahasa arab, maka ia dianggap memiliki kesucian atau kesakralannya yang tersendiri – jika dilanggar, akan mendapat dosa.



## **Kekerasan dalam membela agama**

Kegagalan memahami erti sebenar fatwa akhirnya akan menyebabkan seseorang boleh bertindak diluar batas undang-undang dan cenderung untuk melahirkan pelampau-pelampau agama. Hal ini berikutan fatwa pada titik ini sudah dianggap sebagai sebuah kewajipan dan kata-kata mutlak oleh ulama atau mufti.

Pelampau agama atau religious extremist secara umum dapat dertikan sebagai individu atau kumpulan yang menganut mana-mana ideologi khususnya agama yang dianggap sebagai terkeluar daripada sikap arus perdana masyarakat ataupun melanggar piawai moral biasa. Yang pada kebiasaannya akan cenderung untuk memilih jalan kekerasan bagi mencapai sesuatu objektif.

Kekerasan atau sikap yang melampau dalam bertindak tidaklah perlu untuk dibuktikan pada hari ini. Lihat sahaja kes yang berlaku ke atas novelis British, Salman Rushdie yang didakwa menghinakan Islam dalam novelnya, *The Satanic Verses* turut berhadapan dengan fatwa haram dan ancaman bunuh. Sekalipun hanya sebuah pendapat untuk memeranginya, telah berlaku kes pembunuhan keatas penterjemah novelnya ke dalam bahasa Jepun, Hitoshi Igarashi, penterjemah bahasa Turki, Aziz Nesin dan penerbit novelnya di Norway, William Nygaard.

Ancaman bunuh juga tidak sedikit diterima oleh Jerry Falwell yang merupakan seorang menteri kristian Amerika setelah Mohsen Mojtahed Shabestari mengeluarkan fatwa mengajak supaya Falwell dihukum mati ekoran kenyataan kontrovesinya yang menganggap bahawa Nabi Muhammad *s.a.w* sebagai pengganas. Begitu juga dengan Taslima Nasreen seorang penulis berketurunan Banggali turut menerima nasib yang sama. Para fundamentalis Bangladesh telah mengeluarkan fatwa untuk memeranginya kerana lantang dalam menyuarakan nasib kaum wanita dalam Islam.

Penggulingan rejim dan pembunuhan diktator Libya, Muammar Ghaddafi meskipun diawali oleh pelbagai kes penyelewengan,

penyalahgunaan kuasa serta kegagalannya dalam mentadbir negara sebenarnya turut juga simbah dengan pelbagai fatwa yang menggesa supaya beliau dibunuh. Antaranya fatwa oleh seorang ulama terkemuka, al-Qardawi yang mengeluarkan fatwa menggesa orang ramai untuk membunuh Gaddafi jika mereka mampu berbuat demikian.

Di Indonesia, Ulil Abshar Abdalla yang merupakan seorang pemikir Islam yang juga berafiliasi rapat dengan Jaringan Islam Liberal (JIL) turut tidak terlepas daripada menerima tentangan hebat daripada kumpulan-kumpulan agama. Pada tahun 2002, sekumpulan ulama Islam Indonesia yang bernaung dibawah Forum Ulama Umat Islam telah mengeluarkan fatwa bunuh terhadap beliau berikutan penulisan sebuah artikel yang bertajuk “Menyegarkan Kembali Pemahaman Islam” yang diterbitkan di akhbar Kompas. Ekoran daripada itu, pada tahun 2011 sepucuk yang bersamanya sebuah bom buku yang dialamatkan kepada Ulil di Komunitas Utan Kayu meletup.

Penyerangan yang dilakukan oleh masyarakat Desa Gempolan, Kabupaten Tulungagung, Indonesia Mei lalu terhadap masjid kelompok minoriti Ahmadiyah turut sama bermuara pada fatwa sesat yang dikeluarkan Majlis Ulama Indonesia (MUI). Hasilnya tidak lebih daripada memberi kepuasan kepada kelompok pelaku yang telah berjaya melepaskan kemarahan. Yang merugikan ialah berlakunya kerosakan banyak harta benda awam serta merenggang lagi permuafakatan antara masyarakat.

Tidak sedikit juga daripada kes-kes yang pernah berlaku di negara ini dapat dijadikan contoh. Fatwa haram menyokong parti politik seperti DAP dan PAS oleh beberapa ulama dan pertubuhan agama awal tahun ini akhirnya misalnya turut melahirkan pelbagai bentuk tindakan ekstrim oleh penyokong-penyokong yang melenan bulat-bulat fatwa berkenaan. Lihat sahaja sekian banyak tindakan politik yang ekstrim seperti perosakan ke atas harta benda parti, pergaduhan antara fanatik-fanatik parti dan sebagainya telah mengambil tempat dalam politik negara ini. Fatwa pengharaman

fahaman syiah di Malaysia yang hangat dibicarakan hari ini juga sedikit-tidaknyalah telah menampakkan bibit-bibit kekerasan – bermula dengan penyuaran pendapat-pendapat yang keras, dan tidak mustahil membawa kepada tindakan yang bernada sama.

Insiden-insiden sebagaimana yang telah terakam ini akhirnya hanya akan mencemarkan kesucian Islam dan merugikan umat Islam sendiri. Kes-kes kekerasan berlarutan oleh pihak pelampau atas nama agama ini sedikit-tidaknyalah telah memaksa masyarakat untuk bersikap tidak toleran dengan mana-mana pihak yang tidak sehaluan dengannya. Sehingga banyak klaim yang menyatakan Islam adalah agama tanpa toleransi, agama kekerasan dan pelbagai klaim negatif lain lagi.

### **Sikap pasif dan kebergantungan**

Masalah ini sebenarnya dapat dikatakan adalah bermuara pada sikap tidak kritikal, suka menerima apa sahaja tanpa berani mempersoal serta sikap umat Melayu-Islam di Malaysia yang ternyata lebih takut kepada tindakan undang-undang oleh kerajaan lebih daripada takut kepada tuhan mereka sendiri.

Ketika fatwa atau pendapat diteguk tanpa ditapis terlebih dahulu, maka kemampuan berfikir secara logik dan rasional disitu hilang. Kita tidak boleh menjelaskan secara objektif bagaimana menyentuh haiwan seperti anjing itu haram, apa logiknya menyokong DAP haram atau bagaimana mazhab syiah dalam konteks Malaysia itu haram. Lumrah mengambil tindakan semberono tanpa berfikir akhirnya hanya akan melampiasikan subjektiviti diri sendiri sahaja dan tidak akan memberi penyelesaian kepada kemaslahatan masyarakat.

Yang menyedihkan, hal ini tidaklah hanya berlaku kepada umat kebanyakan, malahan turut membelenggu para pemimpin dan juga pemuka-pemuka agama kita. Ulama-ulama yang ada kebanyakannya turut mempunyai sikap yang sama. Dalam memikirkan tentang nasib kemunduran dunia dan umar Islam khususnya,

kebanyakannya akan melompat kepada jawapan mudah iaitu dengan menyalahkan dunia barat, menyalahkan yahudi, salahkan cina.

Prof. Tariq Ramadhan seorang ahli akademik dan tokoh pembaharuan Islam terkemuka dalam sebuah syarahannya di Kuala Lumpur suatu ketika dahulu turut mendengungkan hal yang sama. Keresahannya terhadap umat Islam pada hari ini ialah kerana sikap tidak kritikal dan malas sehinggakan hampir semua perkara yang berkait dengan masa depan Islam dilepas dan disandarkan semata-mata kepada orang lain – kepada ulama. Umat Islam jelasnya perlu mengubah cara berfikir bahawa autoriti untuk bercakap tentang Islam tidak lagi perlu diletakkan kepada para ulama sahaja, tetapi juga kepada setiap daripada umat Islam.

Sikap dogmatik, ketaksuban yang melampau haruslah diganti dengan sikap umat yang lebih independen dan menanam kesederhanaan dalam beragama. Dengan cara ini, setidak-tidaknya akan menyucikan kembali nama Islam sekaligus memberikan wajah-wajah positif kepadanya – bahawa Islam adalah agama yang cintakan kedamaian dan relevan untuk semua.

## **Bakar Bible, Siapa Ambil Pot?**

*Haris Zuan*

Tulisan ini disiapkan sehari sesudah acara membakar bible digembar-gemburkan akan berlangsung pada hari Ahad, 27 Januari 2013, jam 10 pagi di Butterworth, Pulau Pinang. Sebagaimana dijangka, tiada sesiapa yang muncul dan tiada bible yang dibakar. Cakap-cakap dan jerit-pekik Ibrahim Ali untuk membakar bible tidak disahut oleh sesiapa. Sepi. Sama sepinya dengan padang Dewan Datuk Ahmad Badawi – tempat acara itu didakwa akan diadakan – pada pagi semalam. Wartawan yang menunggu sedari awal pagi pulang kehampaan. Tiada berita sensasi pagi itu.

Sebaliknya, semalam beribu-ribu warga Pulau Pinang dan warga Malaysia yang lainnya (serta pelancong asing) asyik merayakan sambutan Thaipusam – pernyataan syukur dan penyerahan kepada Tuhan yang telah memakbulkan harapan. Semuanya bergembira dan melupakan segala sengketa – biarpun jalan raya di sekitar Pulau Pinang sedikit macet kerana memberi laluan kepada perarakan kavadi, rata-rata warga jelas bersikap berlapang dada dan saling bertolak-ansur. Berbeza dengan politik struktural-formal parti politik perkauman yang saling berbalah, politik sehari-harian (*everyday politics*) warga Malaysia, kelihatannya lebih waras, muhibah dan penuh tolak ansur.

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Shamsul Amri BA, pakar sosiologi politik Malaysia, membaca kenyataan politik

Malaysia harus hati-hati, kerana terdapat realiti yang saling bertentangan – pertamanya, *authority define* dan keduanya *everyday define*. Huraian penguasa berkenaan realiti politik Malaysia sering melihat hubungan yang sentiasa cemas antara kaum di negara ini bagi mewajarkan wujudnya parti politik berteraskan kaum untuk menjaga kepentingan kaum yang berbeza dan saling bertindan-tindih ini. Bagi penguasa (baca: kerajaan Barisan Nasional), kerjasama antara kaum di Malaysia ini harus dilaksanakan di peringkat elit politik (baca: komponen Barisan Nasional) kerana secara umumnya, masyarakat berbilang bangsa di negara ini, tidak mampu untuk bersatu sebagai satu entiti yang dapat berfikir dan bertindak sebagai satu bangsa; bangsa Malaysia. Ketidakmampuan untuk bersatu-padu ini, sering dinisbahkan kepada andaian bahawa masyarakat negara ini sering terperangkap dalam sentimen perkauman, tidak mampu bersikap rasional dan bersederhana.

Logik yang dibina oleh penguasa ini merupakan sandaran bagi mengabsahkan kewujudan undang-undang dan sekatan lainya terhadap masyarakat negara ini. Oleh kerana masyarakat tidak mampu membuat keputusan yang rasional dan mudah terpancing dengan provokasi, maka perlu kepada regulasi media yang ketat, penapisan maklumat serta sekatan kepada kebebasan bersuara, contohnya melalui Akta Hasutan.

Penulis menyimpan keyakinan jikalau tidak keseluruhan sekalipun, pasti ramai boleh bersetuju bahawa huraian di atas merupakan realiti politik yang dibentuk oleh autoriti (penguasa) di negara ini. Dalam pada itu, penulis juga punya keyakinan yang sama bahawa ramai yang tidak bersetuju definisi politik masyarakat Malaysia yang diberikan oleh penguasa ini.

Tentunya ramai kalangan kita mampu untuk menghadirkan bukti bahawa umumnya, masyarakat Malaysia ini rasional dan mampu untuk membuat keputusan bagi diri mereka tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada elit politik bagi mewakili diri mereka. Contoh terbaik sudah tentunya dengan merujuk anekdot yang diberikan pada perenggan pertama. Ternyata jerit pekik Ibrahim

Ali (yang kemudiannya kendur apabila Hassan Ali pun kurang menyetujui tindakan kurang cerdik tersebut) tidak mampu memancing sentimen masyarakat termasuk orang Melayu Islam untuk turun membakar bible.

Pada zaman lebih ramai menggunakan Iphone berbanding Nokia ini, manusia Melayu Islam di negara ini pun tahu bahawa orang seperti Ibrahim Ali tidak lagi punya tempat dalam negara Malaysia yang makmur ini. Malah ini, bukan pertama kali masyarakat Malaysia menunjukkan 'kewarasan' yang tinggi. Ketika awal isu bible ini muncul, terdapat provokator yang bertindak membakar gereja, kononnya mahu menimbulkan permusuhan antara orang Islam dengan bukan Islam, khasnya orang Kristian. Namun, yang berlaku adalah semua orang tenang dan menunggu siasatan polis dan sedar ini merupakan tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab. Tidak ada pihak yang menuding telunjuk kepada sesiapa.

Maka, jikalau masyarakat kita mampu untuk berfikir dengan rasional dan bertindak waras, mengapa seharusnya ada undang-undang dan sekatan lainnya kepada hak bersuara – termasuk kepada Ibrahim Ali?! Rata-rata mengetahui, sekatan seperti Akta Hasutan 1948 bersifat terlalu umum dan terbuka kepada terjemahan yang luas. Umpamanya sub-seksyen 3 (1) di bawah Akta Hasutan 1948 memperuntukkan kecenderungan menghasut adalah:

*(d) untuk membangkitkan rasa tidak puas hati atau ketidaksetiaan di kalangan subjek Yang di Pertuan Agong atau pemerintah mana-mana negeri atau di kalangan penghuni Melayu atau mana-mana negeri;*

*(e) untuk mempromosi perasaan tidak baik dan permusuhan di kalangan kaum atau kelas berbeza dari populasi Malaysia.*

Apakah yang dimaksudkan dengan membangkitkan rasa tidak puas hati, ketidaksetiaan, dan mempromosikan perasaan tidak baik? Malah, banyak juga kritikan terhadap akta ini yang sering digunakan untuk menutup mulut para pengkritik kerajaan. Asas

kritikannya, jika warga di negara ini mampu untuk menentukan sendiri nilai sesuatu maklumat itu, apa perlunya negara campur tangan?

Sekatan ini jelas menafikan hak bersuara warga Malaysia kerana intepretasinya yang terlalu kabur menyebabkan akta ini terdedah kepada manipulasi. Oleh hal yang demikian, banyak pihak menuntut agar Akta Hasutan 1948 dimansuhkan. Tambahan pula, telah jelas bahawa warga Malaysia mampu untuk bertindak rasional.

Peliknya, Majlis Peguam yang turut menentang Akta Hasutan 1948 ini, telah mengeluarkan kenyataan media pada 23 Januari lalu agar Ibrahim Ali ditahan di bawah akta ini kerana kenyataannya mengenai pembakaran bible. Malah, ini bukan kali pertama. Majlis Peguam mengeluarkan kenyataan yang hampir serupa. Pada Jun 2011, Majlis Peguam juga menggesa hal yang sama kepada Ibrahim Ali kerana kenyataannya berhubung Bersih 2.0.

Hujah penulis begini, jika kita bersetuju bahawa warga Malaysia kini bersikap rasional, dan telah dibuktikan pun, maka apa perlunya gesaan agar Akta Hasutan 1948 dikenakan ke atas beliau? Melainkan, hanya mahu menunjukkan pilih kasih kerana akta ini pernah digunakan kepada pembangkang. Sungguhpun demikian, bertindak negatif dua kali tidak akan menjadikan sesuatu itu positif. Jika Ibrahim Ali ditahan sekalipun, Akta Hasutan 1948 ini secara prinsipnya tetap salah.

Situasi ini dengan deras mengingatkan penulis kepada kata-kata Evelyn Beatrice Hall yang menulis biografi Voltaire, *The Friends of Voltaire* (1906). Dalam bukunya, Hall menulis ungkapan mahsyur yang menggambarkan prinsip Voltaire mengenai hak untuk berbeza pandangan; “I disapprove of what you say, but I will defend to the death your right to say it” – saya tidak bersetuju dengan pandangan kamu, tetapi saya tetap pertahankan dengan nyawa saya akan hak kamu untuk menyatakannya. Maka, marilah kita mengambil semangat Voltaire ini dan pertahankan hak Ibrahim Ali untuk terus mengeluarkan kenyataan bodohnya itu. Jika



Ibrahim Ali dipenjarakan kerana kenyataannya (meskipun jelas dungu), penulis akan segera berada di barisan hadapan untuk mempertahankan beliau. Tidak ada sesiapa yang patut ditahan hanya kerana fikirannya; kerana telah jelas terbukti, masyarakat cukup waras untuk menghakimi beliau.

## **Syiah: Melayu Islam di Malaysia Hidup dalam Ketakutan**

*Haris Zuan*

Ternyata setiap Ramadhan yang dilalui tidak mendamaikan sebagaimana yang didoakan. Seolah-olah lapar kita sepanjang hari jadi sia-sia, dahaga kita tidak berguna, solat terawih kita setiap malam hanya hampa, kerana Ramadhan kami ini tidak mengajar kita untuk menjadi lebih sabar dan berlapang dada. Malah ada pula kalangan kita menjadikan Ramadhan ini sebagai alasan untuk menghukum dengan keras kesalahan orang lain – seakan kita tidak mahu percaya, sesungguhnya Islam itu lebih memuliakan mereka yang memaafkan.

Belum pun sempat reda radang kita kepada Alvin dan Vivian<sup>1</sup>, muncul pula kes makan di dalam bilik persalinan (tandas?)<sup>2</sup>, kemudian kisah anjing<sup>3</sup> dan kini entah dari mana datangnya tiba-tiba seluruh negara gempar dengan Syiah seolah-olah baru semalam kita tahu bahawa setiap sepuluh orang Muslim di dunia ini, seorang pasti Syiah – itu pun jika kita mahu terima bahawa Syiah itu juga Muslim, atau tidak anggap sahaja 93 peratus penduduk Iran itu kafir.

Maaf, tulisan ini bukan mahu menilai sama ada Syiah atau Sunni yang akan ke syurga, itu urusan Tuhan kerana pada akhirnya kita masuk ke syurga bukan kerana amalan kita tetapi atas rahmat Ilahi. Tulisan ini hanya mahu mengajak kita semua kembali

1) Pada 18 Julai 2013, Alvin Tan dan Vivian Lee didakwa mengikut subsekyen 4(1) (c) Akta Hasutan 1948 kerana menerbitkan satu penerbitan di laman Facebook mengandungi gambar dan komen bertajuk “Selamat Berbuka Puasa (dengan Bak Kut Teh.. wangi, enak, menyelerakan!!!” yang mengandungi logo Halal.

menggunakan akal dan berfikir sejenak, daripada mana datangnya rasa cemas ini?

Orang melayu Islam di negara ini bukan sahaja takutkan syiah, malah sejak sekian lama kita takut akan segala yang berbeza dengan kita. Tidak lama dahulu, timbul isu bible dalam bahasa Melayu, isu penggunaan kalimah Allah, dan bible solar. Maka, kita merasakan semua orang kristian itu berniat jahat dan mahu merosakkan akidah umat Islam. Kemudian, seorang mufti mengeluarkan kenyataan bahawa kira-kira 100,000 orang Islam di negara termasuk seorang yang bergelar ‘ustazah’ telah keluar agama (sebut: murtad). Namun, sebagaimana yang dijangkakan, sehingga kini tidak ada bukti yang menyokong dakwaan tersebut.

Kini kita kembali ditakutkan dengan syiah pula. Banyak dakwaan kononnya ajaran syiah ini telah mula masuk ke universiti-universiti tempatan sehingga para timbalan canselor setiap universiti harus mengeluarkan kenyataan bagi menafikan tuduhan ini. Manakala, di dalam laman sosial seperti facebook, giat memburukkan syiah dengan pelbagai tomatan. Apakah kita sedar betapa ceteknya pengetahuan kita berkenaan amalan, kepercayaan dan intepretasi agama orang lain? Sebagaimana dalam kalangan sunni juga, terdapat spektrum pandangan yang lebih liberal, moderat dan ekstream dalam syiah – lalu mengapa kita harus menumpukan kepada mereka yang ekstrim? Seumpama kita mengambil pandangan Ridhuan Tee Abdullah untuk mewakili keseluruhan umat muslim melayu sunni di negara ini – pastinya kita kelihatan dangkal dan bingung!

Dari manakah datangnya ketakutan ini? Pastinya ketakutan ini datangnya daripada kegagalan kita untuk cuba memahami perbezaan antara kaum, agama dan mazhab. Bukankah telah tersurat jelas dalam peribahasa silam, ‘tak kenal, maka tak cinta’? Mari kita tanyakan dengan jujur pada diri masing-masing; berapa ramai kenalan syiah yang kita ada? atau berapa ramai sahabat kristian yang ada di sekeliling kita? Pastinya mereka yang paling membenci agama dan mazhab lain ini, adalah mereka yang paling kurang kenalan

2) Pada 23 Julai 2013, Pelajar bukan Islam Sekolah Sri Pristana, Sungai Buloh, Selangor diarahkan untuk makan di bilik persalinan sekolah pada bulan Ramadhan.

3) Muhammad Azmi Ismail (57,2014) lebih dikenali sebagai Pak Mie didapati mengoperasi pusat jagaan anjing dan kucing, Pak Mie Shelter.

dan tidak pernah ada interaksi dengan mereka ini! Lalu, apakah kebencian dan ketakutan ini berbasas?

Hal yang lebih penting harus ditanyakan dalam umat Islam di negara ini, mengapakah dengan sekian banyak ‘perlindungan’ dan ‘pengawasan’ terhadap intepretasi Islam yang kita senangi di negara ini, masih terdapat begitu besar ketakutannya? Bukankah, setiap negeri punya jabatan agama yang diketuai oleh raja masing-masing? Di peringkat persekutuan pula kita mempunyai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang sentiasa mengawasi iman kita dan kita juga punya Majlis Fatwa Kebangsaan yang akan menasihati kita akan setiap perkara – lalu mengapa kita masih hidup dalam ketakutan? Islam (versi sunni) pula jelas telah dimuliakan di negara ini sebagai agama rasmi.

Di samping itu, ketakutan yang tidak jelas asasnya ini juga, seakan-akan satu penghinaan terhadap agama yang kita percaya. Apakah jika benar, ada golongan syiah yang mahu berdakwah akan kepercayaan mereka, umat Islam sunni ini akan dengan mudah berpaling daripada imam yang empat? Apakah Islam sunni yang kita imani ini tidak mampu dipertahankan dengan hujah sehingga segala ajaran yang berbeza daripadanya harus dihukum haram dan dilarang? Apakah syiah ini terlalu hebat dan canggih kepercayaannya sehinggakan jika kita berdepan dengan mereka, maka akan beralih iman kita? Tidakkah sikap kita ini juga menunjukkan betapa tidak yakinnya kita dengan apa yang kita sendiri percaya benar?

Sejak sekian lamanya kita ditakutkan dengan segala macam – syiah, kristian, yahudi, Amerika, cina – maka kini marilah kita bertanyakan dengan jiwa yang jujur; berasaskan ketakutan kita ini dan apa usaha kita untuk mengukuhkan keimanan kita tanpa perlu memperlecehkan orang lain? Marilah kita kembali kepada semangat Ramadhan yang sebenar – berkasih sayang.

**Bahagian V**  
PENDIDIKAN



## **Semalam di SITC, Hari Ini di UPSI**

*Adam Adli*

Ini bukan cubaan pensejarahan semula apa yang pernah diriwayatkan dalam catatan sejarah. Ini hanyalah sebuah bingkisan, tentang sebuah legasi yang pernah wujud, namun dilupakan. Lebih teruk dari dilupakan apabila langsung dibenam dan ditimbus dalam sebuah penghinaan yang tidak sepatutnya berlaku; apa lagi dimaafkan. Ini adalah kisah sebuah institusi ulung yang pernah, dan masih berdiri utuh di atas tanah warisannya; institusi yang pernah dikenali sebagai bukan sahaja terawal, malah antara terbaik di rantau ini suatu masa dahulu. Sebuah institusi yang telah melahirkan anak-anak kandung yang akhirnya menjadi api nyala kemerdekaan tanah air. Ini adalah sebuah titipan ringkas institusi yang bernama SITC; Sultan Idris Training College.

1922, bumi kita masih tapak semeian dan tuaian imperialis British, yang hasilnya dikorek dan diratah semahunya atas nama peradaban manusia sejagat. Tidak perlu saya menulis bagaimana tergadainya ia ke tangan kolonial British. Anak semua bangsa yang punya kesedaran tidak boleh tidak pasti mengetahui walau sekelumit sekalipun penderitaan penjajahan yang pernah ditanggung oleh bumi ini. Bangsawan bertelingkah, bumi sendiri jadi mangsa. Maka terjuallah tanah dan maruah tanah air kepada imperialis jahat bernama British ini. Sudahlah tanahnya diratah, jiwa-jiwa di dalamnya mahu diperhambakan. Dengan molek dan beradab, dicanangkan oleh orang-orang asing ini bahawa menjadi tanggungjawab dan

beban mereka untuk membawa tamadun ke tanah kita, malah seantero dunia. Membawa kemajuan untuk dinikmati bersama katanya. Dalam keghairahan menjual lebong-lebong peradaban Barat inilah, saya kira; suatu kesilapan dan penyesalan terbesar telah dilakukan oleh penjajah ini apabila mereka mendirikan SITC di sebuah daerah terpencil di hilir negeri Perak bernama Tanjung Malim.

SITC dibina dengan disulam cita-cita agar ia menjadi sebuah pusat untuk mengembangkan daya anak tempatan; tapi bukan pula demi kemajuan anak-anak ini sendiri, sebaliknya tidak lain hanya untuk menjamin “produktiviti” kerja-kerja penjarahan bumi kita dahulu. Maka dilatihnya anak-anak tempatan terutamanya Melayu agar mampu apabila keluarnya menjadi guru, mandur, jurulatih; dan mengajar pula orang-orang tempatan agar tambah mahir; lantas mampu menguntungkan lagi penjajah sendiri. Mungkin si-firnya; kenapa perlu membawa masuk tenaga luar jika anak-anak tempatan sendiri mampu untuk dijadikan kuli dan hamba kepada mereka, berkhidmat demi kemajuan empayar British yang semahumu-mahunya diluaskan ke seluruh dunia. Beri anak-anak tempatan ini ilmu dari Barat, agar mereka jadi sealiran daya fikir dengannya, lantas menyokong peradaban yang dicanang sejak dari awal mereka menjejak kaki di tanah kita. Alangkah malang, mereka terlupa pepatah sendiri. Ilmu-ilmu yang diberi kepada anak-anak tempatan ini menjadi senjata lawan tuan.

Tentulah anak-anak Melayu yang menghuni SITC ini dikurnia akal cerdas. Tentulah mereka ini adalah baka-baka terbaik yang penuh sedar. Alang mustahil, anak-anak Melayu ini mahu terus memperabdikan diri kepada penjajah yang melakukan tanah air umpama lombong mengayakan empayar Tanah Inggeris. Maka lahirlah anak-anak kandung suluh budiman menongkang arus melawan kolonial.

Pendeta Za’ba pemecah dogma lama. Semangat nasionalisme Za’ba, melalui tulisan dan ajaran-ajaran ilmu bahasa dan bangsa menjadi sumber inspiratif anak-anak generasi muda SITC. Za’ba bukan hanya pendeta bahasa dan bangsa, malah jauh lebih besar.



Tidaklah mampu kita bayangkan nasib kita hari ini jika sosok mulia bernama Zainal Abidin Hasan ini tidak wujud di celah-celah lipatan sejarah panjang perjuangan bangsa. Andai Za'ba ini menjadi keras dan kaku ketika waktunya; senyap sunyi, dan mulutnya meratib kata-kata ampu selayak boneka buat Barat, maka hari ini kita masih lagi mengibarkan Union Jack di Padang Kelab Sultan Sulaiman.

Dari jiwa mulia bernama Za'ba, lahirnya seorang permata yang mana mungkin dapat kita cari ganti bernama Ibrahim Yaakob. Berjuanglah Ibrahim Yaakob ini bersama teman-temannya, anak-anak kandung suluh budiman dari SITC, yang segar dan maju mindanya; walau sepanjang hari-hari berjuang, terus-terusan dilukiskan wajah mereka sebagai pengkhianat kepada penguasa.

Bertitik tolak dari Ikatan Semenanjung Malaya/Borneo, akhirnya lahir Kesatuan Melayu Muda. Maka diriwayatkanlah dari surat-surat 'haram' bahawa Kesatuan Melayu Muda inilah manifestasi kesedaran pemuda-pemuda berdarah nasionalis. Siapa sangka, pelajar-pelajar Melayu yang dilatih untuk jadi kuli penjajah akhirnya menjadi wira ketuanan rakyat. Teriak MERDEKA akhirnya bergema setelah ratusan tahun dijajah. Resam pejuang yang menentang kezaliman, berdepan dengan gergasi bersenjatakan wang dan emas; hanya semangat jadi pedoman. Tidaklah pernah disangka, anak-anak yang kecilnya dijajah, akhirnya dewasa menjadi pembebas anak bangsa. Kesatuan Melayu Muda jadi benteng bangsa dan orang miskin yang siangnya dirompak, malamnya dirogol segala maruah dan air muka.

Sayang, matinya di tanah orang, namanya tidak pula dikenang. Ibrahim Yaakob adalah anak kandung suluh budiman yang terbaik pernah dilahirkan di bumi Tanjung Malim.

2009, penulis menjejakkan kaki ke tanah keramat Tanjung Malim. Dulunya SITC, kininya Universiti Pendidikan Sultan Idris. Berdiri teguh, jadi mercu di bumi usang penuh sejarah. Jujurnya, tidaklah tinggi harapan penulis apabila menjadi sebahagian dari keluarga UPSI ini. Kampus hari ini tidak mungkin mampu untuk

melahirkan Za'ba dan Ibrahim Yaakob. Masuk mengaji ibarat duduk dalam penjara besi. Siangnya dikerah, malamnya disanggah. Bercakap tidak boleh, berhimpun jadi larangan, alang berpersatuan sahaja sudah ibarat mahu membuka sawah payahnya. Walau harapan tidak tinggi, tapi saya tahu ada istimewanya UPSI ini. Inilah institusi keramat yang melahirkan cendekia ulung, pejuang terunggul.

Hari pertama, penulis jelajahi seluruh kampus kecil ini. Dan akhirnya langkah kaki itu terhenti di suatu sudut. Tidak jauh dari Bangunan Suluh Budiman, dipagari dengan beberapa pokok bunga kertas yang jelas tidak diindahi, berdiri sebuah rumah kecil. Terpacak di hadapannya sebuah papan tanda lusuh: "Rumah Za'ba" yang masih kelihatan jelas. Terpegun sebentar. Lantas wajah berkumis manis Almarhum Za'ba segera terbayang dalam benak fikiran. Sedari kecil penulis membaca tentang manusia hebat ini, dan hari itu, saya berdiri betul-betul di hadapan rumahnya.

Setelah dihampiri rumah kecil tersebut; siapa tahu akhirnya hanya kecewa dan kesal tertinggal di hati. Mengapa dihina sedemikian rumah bersejarah itu? Sebuah rumah yang menjadi bukan sahaja tinggalan sejarah kepada SITC dan Tanjung Malim, malah seluruh Negara berhutang budi kepadanya. Rumah kecil bertulis Rumah Za'ba itu dengan hinanya kini hanya menjadi ruang lusuh menyimpan barang-barang berkebum dan kadangkala jadi bumbung untuk peronda keselamatan berteduh daripada hujan dan panas.

Bagaimana pula Ibrahim Yaakob? Namanya sahaja sudah dilupakan, apa lagi tinggalannya. Andai tinggalan Za'ba sahaja sudah dihina sedemikian rupa, apa lagi 'pengkhianat' seperti beliau. Pencarian akhirnya berhenti di situ. Takut bertambah lagi luka di hati. Akhirnya penulis pulang dan tidak lagi kembali ke situ.

Semoga Za'ba dan Ibrahim Yaakob dari SITC memaafkan saya dari UPSI yang belum mampu berbuat apa-apa.

## 2

### **Rumah Mewah** *Amir Amin Halim*

Rumah itu sering dikaitkan dengan syurga. Tidak kira sejauh mana kita pergi, rumah juga yang akan tetap kita cari. Teori Abraham Maslow (*A Theory of Human Motivation*, 1943) juga meletakkan tempat berlindung sebagai Keperluan Fisiologi Manusia. Malangnya, beberapa pihak cuba untuk memanipulasikan sistem ini demi kepentingan sendiri tanpa mengendahkan orang lain.

Hari ini, harga rumah semacam tidak masuk akal. Kadang-kala boleh mencecah sehingga jutaan ringgit dengan alasan “tanah makin kurang, harga makin naik” dan “kawasan ini potensinya tinggi.” Ini semua sebenarnya tipu daya pemaju semata untuk menguntungkan diri sendiri. Perniagaan rumah adalah satu urusniaga yang menguntungkan. Pemaju-pemaju ini akan memastikan yang mereka akan dapat mengaut keuntungan yang berlipat ganda dari kesusahan orang lain. Jika kita sedar, kita dapat lihat bagaimana konsep “vertical housing” digunakan secara maksimum di kawasan-kawasan tertentu dengan tujuan dapat membina lebih unit rumah mewah ini. Contoh yang paling dekat ialah kondokondok mewah sekitar KLCC. Bagaimana mereka menjadikan KLCC sebagai satu peluang untuk menaikkan harga rumah dengan alasan potensi kawasan. Tetapi, persoalan yang perlu dijawab adalah siapa yang mampu untuk memiliki rumah ini?

Hakikat adalah sesuatu yang pahit. Dalam isu ini, yang mampu untuk membeli rumah ini hanya taikun-taikun perniagaan, ahli-ahli politik dan kaki-kaki makan rasuah. Golongan ini sahaja yang mampu untuk memilik rumah mewah ini dan menjadikannya sekadar “rumah singgah” semata. Bukan kita. Untuk orang-orang seperti kita, bilik sewa sahaja sebenarnya sudah cukup membuat kita rasa bersyukur. Bagi orang-orang di atas sana, rumah-rumah mewah ini adalah lambang keegoan mereka. Lebih besar rumah itu, maka lebih besar ego mereka. Pemaju pula bagai orang mengantuk disorongkan bantal. Cekap menggarap peluang untuk memenuhi ego mereka.

### **Kontradiksi Realiti**

Rumah mewah ini satu kontradiksi realiti. Penawaran (sebut supply) lebih tinggi daripada permintaan (sebut demand). Kesannya, lebih banyak unit rumah mewah yang kosong kerana tiada pembeli. Untuk mengelakkan kerugian, pemaju-pemaju ini membuka ruang untuk orang luar terutamanya dari Singapura untuk memiliki unit mewah ini. Ini bukanlah satu isu jika orang-orang kelas pekerja dan pertengahan dapat berlindung di rumah yang selesa. Realitinya, orang-orang biasa terpaksa bergantung harap kepada kuarters dan pangsapuri rakyat dan rumah-rumah kos rendah yang lain. Bilangannya pula masih belum mencukupi untuk menampung permintaan tetapi rumah-rumah mewah ini sudah bercambah bagai cendawan selepas hujan di bandar-bandar utama.

Pangsapuri ini juga mempunyai ceritanya. Beberapa syarat yang dinyatakan tidak relevan. Antaranya, pendapatan seluruh isi rumah perlu di bawah angka RM 3,000. Bayangkan. Ada sebuah keluarga yang gajinya melebihi RM 3,000 tetapi bilangan yang ditanggungnya seramai lapan orang. Dengan harga barangan keperluan harian yang melonjak naik hari demi hari dan atas alasan had pendapatan itu, keluarga ini mengalami kesukaran untuk memohon unit pangsapuri rakyat ini dan terpaksa bekerja keras untuk menyediakan tempat berlindung kepada isi keluarga. Lebih mudarat lagi jika keluarga ini terpaksa mengikut jejak golongan “tanpa rumah” yang

memilih untuk berbaring di kaki lima kedai berbanding terikat dengan komitmen kepada rumah. Ini realiti sebenar di Malaysia yang kita sayangi.

Rumah-rumah mewah ini adalah pembaziran yang nyata. Pertama, untuk seseorang mempunyai rumah yang lebih daripada keperluannya walaupun berkemampuan adalah satu pembaziran dari aspek individu secara praktikalnya. Kedua, untuk membina satu-satu unit mewah ini semestinya memerlukan kos yang tinggi. Namun begitu, tidak mudah untuk menjualnya kepada pelanggan berdasarkan harganya dan purata pendapatan isi negara yang masih di tahap tidak berkemampuan untuk membeli unit tersebut. Ini pembaziran daripada segi pelaburan oleh pemaju yang hanya mengharapkan keuntungan tanpa ambil peduli pola pendapatan negara. Ketiga, melihat kepada terhadnya pangsapuri rakyat yang tidak sepadan dengan permintaannya menunjukkan bahawa pangsapuri rakyat harus diperbanyakkan demi menampung kebanyakan permintaan ini. Namun demikian, kebanyakan tapak yang berpotensi untuk didirikan pangsapuri kos rendah ini telah diambil untuk dibinanya sebuah kondominium mewah yang berharga jutaan ringgit. Ini adalah pembaziran penggunaan tanah yang sepatutnya dibina rumah mampu milik dan bukannya unit rumah mewah.

### **Potensi Dicipta, Bukan Sedia Ada**

Rekabentuk unit mewah pula kadang-kadang hanya indah khabar daripada rupa. Rekabentuknya saling tidak tumpah seperti kondominium kos sederhana tetapi dijual pada harga yang lebih tinggi untuk mendapatkan keuntungan berlipat ganda. Ini adalah satu penipuan yang beralasankan “tanah semakin hari, semakin meningkat harganya.” Dengan mencanangkan slogan ini, harga rumah ini dapat digandakan beberapa lipatan daripada harga asalnya. Kebenarannya, yang membuatkan harga sesebuah kawasan itu meningkat adalah kerana potensinya dan potensi ini sebenarnya mampu dicipta tidak kira di mana sekali pun. Bangsar pada satu masa dahulu hanyalah sebuah ladang getah. Sekarang, harga tanah di sini sahaja telah melambung tinggi melalui pembangunan yang telah

dilakukan sekitarnya. Genting Highlands pula asalnya hanyalah sebuah bukit yang ditarah dan tidak mempunyai apa-apa struktur di atasnya. Sekarang, ia menjadi salah satu tarikan dalam Malaysia dan menjana ekonomi pelancongan Malaysia. Dua contoh ini membuktikan yang sebenarnya potensi itu dicipta dan bukannya sedia ada. Alasan potensi ini kemudian dijadikan kesempatan oleh pemaju- pemaju ini untuk membina sesuatu yang eksklusif dan menjana keuntungan dengan mendakwa potensi kawasan itu bagus. Satu lagi strategi pemaju ialah cuba untuk menarik pembeli dari luar negara untuk membeli rumah mewah ini. Tetapi, jujurnya strategi ini secara peribadi dan logik dilihat tidak atau masih belum praktikal selagi mana isi negara ini masih ramai yang tidak dapat hidup selesa di tanah sendiri dan perkara ini tidak sepatutnya berlaku di sebuah negara yang membangun.

Rumah mewah ini sebenarnya hanya untuk memenuhi kehendak orang atasan yang elit dan berkemampuan sekaligus menolak bulat-bulat keperluan rakyat biasa yang hakikatnya lebih ramai dan lebih memerlukan daripada golongan kelas atasan ini. Keadaan ini sebenarnya akan lebih membuka jurang antara golongan elit dan rakyat biasa ini secara tidak langsung dari segi gaya hidup seharian dan taraf miskin-kaya. Pembangunan rumah mewah ini walaupun dilihat mampu untuk menaikkan taraf sesebuah kawasan, tetapi, hakikatnya, bukan taraf sesebuah kawasan yang perlu dinaikkan tetapi, taraf kehidupan rakyat itu sendiri. Pihak kerajaan pusat mahupun negeri seharusnya melihat isu ini sebagai keutamaan sebelum meluluskan cadangan pembangunan mewah yang hakikatnya hanya memberi kepentingan kepada beberapa pihak dan bukan keseluruhan rakyat di negara ini.

Jika ini ceritanya, maka rumah itu bukan syurga. Tetapi beban yang menyeksakan.

## **Menara 118: Warisan Dihempap Warisan?**

*Amir Amin Halim*

Seni bina adalah satu elemen penting dalam membentuk sebuah tamadun atau identiti sesebuah Negara atau kawasan. Perkara ini telah dibuktikan melalui beberapa seni bina peninggalan sejarah yang masih berdiri teguh sehingga hari ini di serata dunia. Contohnya, pembinaan Piramid di Giza, pembinaan Menara Eiffel di Paris, dan pembinaan Tembok Besar China di China. Ketiga-tiga seni bina yang dinyatakan ini adalah warisan bagi Negara-negara mereka. Namun begitu, jika dilihat dengan teliti, ketiga-tiga struktur ini dipengaruhi oleh faktor-faktor utama yang berbeza.

Di dalam pengajian seni bina, terdapat lima faktor yang mempengaruhi sesebuah seni bina itu. Lima faktor itu adalah; iklim, geografi, sosial, agama dan teknologi. Dari lima faktor ini, akan terdapat satu faktor utama yang benar-benar mempengaruhi penghasilan struktur tersebut.

Sebagai misalan, pembinaan piramid di Giza, terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi pembinaannya iaitu sosial dan agama. Untuk menunjukkan kekuasaan firaun pada ketika itu dalam merajai kelompok sosial, beliau telah memaksa rakyatnya untuk menyembahnya dan membina sebuah mercu tanda untuk beliau; piramid. Kemudian, jika dilihat pada sejarah pembinaan menara Eiffel, kita dapat lihat bahawa faktor teknologi memainkan peranan penting di dalam penghasilan menara itu di mana pada era

itu sebuah revolusi industri telah berlaku dan ini bermakna penghasilan besi telah boleh dilakukan secara pukal. Rentetan dari revolusi industri ini, beberapa jurutera dan pihak berkenaan telah mencadangkan untuk membina sebuah menara yang diperbuat dari besi; Menara Eiffel. Di dalam kes pembinaan Tembok Besar China pula, kita dapat lihat yang mana geografi menjadi kunci asas kepada pembinaan raksasa ini. Jika dikaji, tujuan tembok ini dibina pada asalnya adalah untuk menjadi kubu kepada empayar China pada ketika itu berdasarkan bentuk muka buminya yang berbukit-bukau dan kepelbagaian jenis musuh yang menyerang pada ketika itu.

Jika kita lihat secara teliti, di Malaysia juga sebenarnya terdapat beberapa struktur yang mempunyai cerita sehebat mercu-mercu Negara-negara ini. Stadium merdeka adalah salah satu contoh struktur warisan yang mempunyai ceritanya tersendiri. Antara peristiwa yang pernah melakar sejarah di stadium ini dan terpacat di ingatan setiap rakyat Malaysia sehingga hari ini adalah di stadium inilah laungan “merdeka” secara rasminya dilaungkan oleh Tunku Abdul Rahman bersama-sama ribuan rakyat yang memenuhi segenap ruang stadium bagi meraikan hari kemerdekaan tanah melayu pada tanggal 31 Ogos 1957.

Walaupun sejarah dan cerita tersendiri yang dibawa oleh struktur-struktur sejarah ini telah berlalu berkurun lamanya, sisa-sisanya tetap dapat dinikmati oleh golongan sekarang melalui pemuliharaan dan pemeliharaan yang dilakukan terhadap struktur-struktur ini. Malahan, ia menjadi kemegahan bagi pelancong-pelancong dari seluruh dunia untuk menceritakan pengalaman individu mereka tentang struktur-struktur hebat ini dan ianya seakan satu penghormatan kepada mereka sebagai pelancong. Ini adalah perkara yang sebetulnya diamalkan di mana-mana Negara sekalipun dan merupakan satu tanggungjawab di dalam memelihara warisan seni bina ini untuk tatapan generasi masa hadapan dan bukan sebaliknya; memusnahkan atau mengugat warisan tersebut.

Di Malaysia, kita dapat lihat pembangunan seni bina sedang pesat berkembang pada ketika ini terutamanya di pusat-pusat bandar



seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, dan Pulau Pinang. Terdapat beberapa cadangan pembangunan yang sudah mula menampakkan hasilnya. Perkara ini adalah sesuatu yang baik dan menyumbang kepada ketamadunan dan perkembangan Malaysia dalam mencapai status Negara maju. Namun begitu, terdapat beberapa cadangan pembangunan yang mendapat tentangan hebat di dalam proses pembinaannya. Sebagai contoh, Menara Warisan setinggi 118 tingkat yang dianggarkan akan menelan kos sebanyak lima billion Ringgit Malaysia dan dicadangkan dibina berhampiran stadium merdeka dan stadium Negara; dua buah struktur warisan dan mempunyai sejarah yang cukup mendalam bagi rakyat Malaysia sendiri.

Jika dilihat dari segi faktor teknologi di dalam seni bina, untuk membina sebuah menara pencakar langit yang mempunyai ketinggian 100 tingkat dan ke atas, ia memerlukan sebuah teknologi yang tinggi dan terkini pada era ini. Justeru itu, ini adalah satu merit penting kepada Negara untuk membuktikan tahap teknologi Negara ini ke seluruh dunia dan rakyat Malaysia sendiri khususnya. Namun demikian, jika dilihat semula kepada salah satu faktor di dalam seni bina, iaitu sosial, kita dapat lihat perkara yang sepatutnya di ambil kira sebelum pembangunan ini dijalankan tidak diam-bil kira di mana ruang pejabat sedia ada bagi tujuan disewa atau dijual telah melebihi kuantiti yang sepatutnya. Perkara seperti ini harus diselesaikan terlebih dahulu sebelum membina struktur mega seperti menara warisan ini. Kenyataan ini tidak bermaksud untuk menghalang pembangunan, tetapi sebaliknya untuk membuka dimensi pandangan baru dalam pelaksanaan projek mega ini.

Projek seumpama ini sepatutnya dilihat sebagai belum relevan untuk direalisasikan dalam masa terdekat ini ekoran dari status sosial dan kehidupan rakyat Malaysia yang masih di satu tahap yang tidak memuaskan melalui taburan miskin-kaya yang tidak seimbang. Jika projek ini tetap dilaksanakan dalam masa terdekat ini, ini bermakna ianya hanya akan memberi keuntungan kepada sesetengah pihak sahaja dan bukan memberi faedah kepada setiap isi Negara oleh kerana jurang ekonomi antara rakyat biasa dan ahli korporat yang jauh berbeza. Isu-isu inilah seharusnya menjadi isu

pokok yang perlu diteliti sebelum projek ini diteruskan.

Selain itu, tapak cadangan bagi projek mega ini juga merupakan satu kontroversi di mana ianya berdekatan dengan beberapa seni bina warisan seperti Stadium Merdeka, Stadium Negara dan Victoria Institution. Perkara ini dikhuatiri akan mengugat keadaan struktur-struktur ini berikutan usia struktur-struktur tersebut yang sudah lama. Berikutan itu, pihak yang bertanggungjawab seharusnya mengeluarkan beberapa tapak cadangan alternatif bagi merealisasikan projek mega ini. Jika tapak cadangan ini hanya kerana untuk menggunakan nama “warisan”, maka ianya adalah satu strategi yang akan membahayakan warisan sebenar itu sendiri di kemudian hari.

Realitinya, jika diselak kembali sejarah Stadium Merdeka ini sendiri, ia sebenarnya hampir dirobohkan pada lewat 90-an dahulu dan mahu digantikan dengan pusat hiburan dan pejabat bernilai kira-kira RM1 Billion. Namun begitu, atas desakan rakyat dan masalah krisis ekonomi asia, hasrat itu terpaksa dihapuskan.

Di dalam satu sudut pandangan lain, isu Menara Warisan ini adalah satu isu yang patut dikongsi oleh setiap rakyat Malaysia berikutan ancaman kepada warisan sebenar Negara ini kerana ianya bukan milik mana-mana pihak selain rakyat Malaysia sendiri. Namun begitu, isu ini telah dipolitikkan oleh beberapa sosok politikus dari sebelah pihak dan secara tidak langsung telah menutup pintu bagi pihak lain untuk mengambil peduli isu ini. Perkara ini seharusnya tidak berlaku dan sepatutnya diterajui oleh seluruh rakyat Malaysia kerana ia melibatkan warisan Negara seperti yang dinyatakan dan tidak sepatutnya melibatkan pegangan politik masing-masing.

**TITAS - Ini Semua Dosa Mahathir***Haris Zuan*

*Kita adalah angkatan gagap  
yang diperanakkan oleh angkatan takabur.*

Kekusutan polemik kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) berakar jauh lebih awal sebelum kenyataan yang dicetuskan oleh Ahli Parlimen Kampar, Dr Ko Chung Sen semasa sidang Dewan Rakyat pada julai 2013. Perkara pertama yang wajib difahami adalah isu ini bukan tiba-tiba dan terbit begitu sahaja, tetapi isu ini memiliki latar panjang dan berbagai dimensi yang harus dicernakan dahulu agar dapat dihadap seluruhnya. Jika tidak, rasa mual dan memulas yang tersorok dalam hempedu masing-masing itu pasti akan tersilap diagnosis akan puncanya.

Sebenarnya jika kita memahami latar ini, kita tidak akan mudah melatah dengan kenyataan Dr Ko Chung Sen, sebagaimana yang terjadi kepada Dr Mohd Asri Zainul Abidin (Dr MAZA), malah kita pasti akan segera memaafkan kenaifan Ahli Parlimen Kampar tersebut, malah bersimpati terhadapnya.

Seseorang berhak diberi ijazah doktor, dianggap sebagai orang terpelajar, tanpa diuji pengetahuannya akan keadilan. Dan bila ada tirani merajalela, ia diam tidak bicara, kerjanya cuma menyuntik saja.

Pertamanya kerana amalan pendidikan negara ini telah semak-in jauh dengan falsafahnya. Jika kita mengambil sedikit waktu untuk membaca Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pastinya kita akan mendapati bahawa tujuan pendidikan negara ini jelas holistik – yang bukan semata-mata melayakkan seseorang itu mendapat ijazah tetapi yang lebih utama adalah proses pendidikan berterusan untuk mengembangkan potensi diri setiap warga bagi mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani agar dapat menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan negara. Indah!

Malangnya, amalan pendidikan negara ini tidak seiring dengan falsafahnya. Situasi ini berlaku kerana Malaysia pada suatu ketika (1980an-1990an) merupakan negara membangun yang sedang berkembang dan bercita-cita besar untuk menjadi negara industri dengan pantas. Ketika itu, kemasukan modal asing sangat pesat, FDI mencurah-curah dan banyak kilang-kilang didirikan. Kilang-kilang ini memerlukan pekerja mahir dan separa mahir yang ramai. Maka, orientasi pendidikan negara ini pun – entah secara sedar mahupun tidak – dihalakan kepada menyediakan pekerja bagi kilang ini, bukan lagi membina insan sempurna.

Dr Mahathir yang ketika itu berikan jolokan arkitek dan CEO Malaysia benar-benar menjadikan negara ini sebagai sebuah syarikat. Dasar pembangunan Mahathir sangat mudah, pembangunan bererti bangunan – segala-galanya berbentuk fizikal – sehingga menjadikan orientasi sosial dan politik negara ini berteraskan *developmentalism* – teori pembangunan yang berteraskan pembangunan fizikal dan kemasukan modal yang besar. Maka, sumber tenaga kerja negara ini harus dipersiapkan untuk *developmentalism* ini.

Pada ketika itu, malah sehingga kini, mata pelajaran sains dan teknikal adalah jauh lebih terhormat daripada mata pelajaran sastera dan kemanusiaan. Mana-mana anak sekolah yang cerdas fikirannya dikerah mengambil jurusan sains, sehingga menerbitkan stigma bahawa sastera hanya untuk pelajar dungu dan culas belajar. Manakala di peringkat universiti, kebanyakan kursus juga

dipastikan selaras dengan kehendak ‘pasaran’ dan ‘industri’. Kursus teknikal dan iktisas diberikan keutamaan dan kursus sains dan sastera tulen dianggap tiada masa depan kerana tiada prospek cerah dalam industri. Malah, kebanyakan kursus sains kemanusiaan (*Social Sciences*) juga seakan diwajibkan memiliki elemen industri, umpamanya sosiologi industri dan psikologi industri. Maka, perlahan-lahan kemanusiaan terpinggir.

Selain itu, kursus di universiti juga disingkatkan daripada empat tahun untuk ijazah pertama kepada hanya tiga tahun. Malaysia seakan tidak mampu untuk menunggu lama. Jumlah universiti digandakan, malangnya tumpuannya hanya lebih kepada bidang teknikal sehingga mencacatkan makna di sebalik istilah universiti itu sendiri – yang seharusnya mengajarkan ilmu yang universal dan holistik. Buktinya, sehingga kini, tiada satu pun jabatan falsafah di universiti di negara ini, apatah lagi fakulti falsafah.

Lebih daripada itu, mulai tahun 1996 penyertaan swasta dalam pendidikan tinggi mula berkembang melalui pengenalan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Kini pihak swasta menjadi pemain utama untuk menghasilkan buruh-buruh ‘terpelajar’ untuk industri. Tambahan pula pihak swasta pastinya menjadikan pendidikan sebagai satu komoditi untuk diperdagangkan dengan mengenakan yuran yang bukan sedikit.

Bagi mengoptimumkan pasaran universiti dan kolej swasta ini, Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) diperkenalkan setahun kemudian, iaitu pada tahun 1997. Kini, tugas mendidik telah diserahkan sebahagiannya kepada swasta yang berteraskan keuntungan dan hanya berminat untuk memasarkan ‘produk’ keluaran mereka kepada industri secepat mungkin.

Mahasiswa yang sebelum ini bebas daripada hutang, kini menanggung hutang besar pada usia muda. Maka, mereka juga terdesak untuk memastikan mereka diterima masuk ke dalam pasaran kerja (baca: industri) secepat mungkin, setidaknyanya diterima masuk kerja kerajaan!

## Apakah Strategi ini Berjaya?

Jelas strategi Mahathir ini tidak berjaya! Buktinya semakin banyak rungutan daripada industri berhubung dengan ‘produk’ yang dihasilkan oleh universiti negara ini. Pastinya kita sedia maklum berkenaan rungutan kualiti graduan negara ini yang gagal untuk berdepan dengan situasi sebenar bidang pekerjaan. Rungutan utama pastinya kegagalan komunikasi termasuk dalam bahasa melayu, tidak mampu bekerja tanpa pengawasan dan arahan spesifik serta takut membuat keputusan.

Jelas ini merupakan hasil daripada pendidikan negara ini yang mementingkan kemampuan menghafal rumus dan mengikut arahan semata-mata – daripada mana datangnya arahan dan apakah tujuan sesuatu pelajaran tidak penting. Maka sibuklah para ‘pemikir’ negara ini menyelesaikan masalah ini. Malangnya, mereka tidak mahu kembali kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan sebaliknya memperkenalkan pula beberapa kursus tambahan (elektif) di universiti, termasuk teknik berfikir! Setelah lebih 20 tahun barulah diajar bagaimana untuk berfikir dan hanya beberapa jam dalam satu semester!

Strategi ini juga melahirkan graduan yang hanya berfikir dalam kerangka bidang mereka sahaja – mudahnya, mereka gagal menghubungkan antara disiplin ilmu yang pelbagai dengan bidang masing-masing. Sebagai contoh, jika graduan farmasi, mereka hanya tahu mengeluarkan diskripsi ubat kepada anak yang kekurangan zat tetapi gagal menjelaskan kenapa kanak-kanak ini tidak mendapat zat. Demikian juga dengan arkitek yang membina bangunan yang kering sejarah dan budaya, graduan ekonomi yang hanya tahu mengira untung dan rugi tetapi tidak memahami untuk siapa keuntungan ini. Akhirnya, graduan yang kita hasilkan adalah mereka yang mati budaya atau *uncultured*.

Oleh yang demikian satu lagi kursus diperkenalkan untuk memberikan kefahaman latar budaya dan ketamadunan kepada mahasiswa kita yang antaranya kita kenali sebagai TITAS ini. TITAS ini

niatnya baik, namun tidak mampu untuk menyelesaikan masalah paling asas sistem pendidikan kita. Umpama pokok yang hampir mati kekeringan, hanya dibasahkan daun-daunnya, bukan disiram pada akarnya.

TITAS bukanlah kursus berkenaan teologi Islam atau mana-mana agama tetapi adalah pengajian tamandun yang turut juga meliputi tamadun Asia – China dan India. Malangnya, Dr Ko, sebagaimana kebanyakan lain yang terperangkap dalam pendekatan pembangunan Mahathir, gagal untuk melihat kepentingan subjek kemanusiaan dalam sesuatu pengajian profesional seperti perubatan.

### **Mana Puncanya?**

Kekeliruan yang ditimbulkan angkara TITAS ini merupakan manifestasi kebebalan dan kecamukan sistem pendidikan yang diwarisi negara ini. Bagi memahami daripada mana datangnya kebingungan dalam isu TITAS ini kita harus menaiki mesin masa untuk pulang sekitar 30 tahun dahulu – tepatnya 1971. Ya, semua daripada kita tahu bahawa Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dikuatkuasakan sejak 1971 sebelum diperketatkan pada 1974 oleh Dr Mahathir yang pada ketika itu Menteri Pelajaran. Apa kaitannya AUKU dengan TITAS ini? Jangan silap, celaka AUKU ini bukan hanya menyekat aktivisme mahasiswa sahaja, malah yang lebih merosakkan adalah hilangnya autonomi universiti. Tanpa autonomi, pihak eksekutif bukan sahaja boleh campur tangan dalam soal pentadbiran dan pengurusan universiti, malah sebagaimana yang dibuktikan dalam kes TITAS ini, eksekutif boleh campur tangan dalam membentuk subjek akademik dalam universiti.

Mengapa situasi ini tidak sihat? Pertamaanya kerana universiti sebagaimana sifatnya merupakan korpus ilmu yang wajar dihormati akan kedudukannya. Maka silibus dan keputusan yang dibuat dalam universiti harus dibiarkan kepada kakitangan akademik berdasarkan bidang keilmuan mereka, bukan kerana kepentingan sesiapa. Keduanya, bagaimana kakitangan pentadbiran kerajaan yang tidak terlatih dalam disiplin ilmu yang khusus membuat keputusan

untuk mewajib atau tidak sesuatu mata pelajaran? Tanpa ada niat untuk meremehkan pegawai kementerian dan barisan kabinet kerajaan, pastinya tidak masuk akal mereka yang mungkin memiliki ijazah komunikasi atau pengurusan pejabat untuk menentukan silibus di universiti. Bukankah lebih afdal jika perkara ini ditentukan oleh para profesor di dalam universiti tersebut?

Kesimpulannya di sini, isu TITAS ini jauh lebih kompleks daripada apa yang dapat kita sangkakan. Perdebatan berkenaan TITAS ini seharusnya membuatkan kita kembali merenung sistem pendidikan negara ini, ke manakah ingin dibawa anak bangsa ini? Menjadi insan atau menjadi buruh? Kita juga harus berani dan teguh untuk keluar daripada kerangka pendidikan dan pembangunan yang dibina oleh Mahathir. Beliau punya sumbangannya kepada Malaysia dan segalanya akan diadili oleh sejarah. Cuma yang tinggal adalah kita untuk meluruskan kembali arah tuju bangsa Malaysia ini. Jika tidak, maka benarlah kata-kata Rendra dalam Sajak Anak Muda:

*Kita adalah angkatan gagap.*

*Yang diperanakkan oleh angkatan kurang ajar.*

*Daya hidup telah diganti oleh nafsu.*

*Pencerahan telah diganti oleh pembatasan.*

*Kita adalah angkatan yang berbahaya.*



**Penahanan Adam Adli, Akta Hasutan &  
Transformasi Palsu**  
*Rizal Syeikhryz*

*"A hero is someone who understands the responsibility that comes with his freedom" (Bob Dylan: 1985)*

Pada tahun 1969, John Sinclair, seorang aktivis politik aliran kiri (White Panther Party) di Amerika Syarikat telah ditahan dan dikenakan hukuman penjara selama 10 tahun atas tuduhan memiliki dadah jenis Marijuana. Namun, motif sebenar penahanan Sinclair lebih bersifat politik. Hukuman penjara atas tuduhan yang sengaja diadakan bertujuan untuk 'mendingkan' sikap kritikal beliau terhadap kerajaan Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, penahanan John Sinclair ini telah memberikan impak kepada gerakan sivil dan sosial untuk bersatu dalam membebaskan beliau daripada pertuduhan tersebut. Di antaranya melalui penganjuran 'John Sinclair Freedom Rally' di Crisler Arena, Ann Arbor.

Aktivisme gerakan sosial dalam usaha membebaskan John Sinclair ini kemudiannya menjadi sebuah epik, dengan penglibatan John Lennon (1940-1980) yang menciptakan sebuah lagu khas berjudul 'Free John Sinclair'. Selain daripada itu, rakan-rakan aktivis sosial dan politik juga berusaha untuk mengabadikan protes di Ann Arbor dalam filem bertajuk 'Ten For Two'. Hasil usaha dan desakan gerakan sosial ketika era tersebut, kerajaan pimpinan Richard Nixon terpaksa membebaskan beliau tidak lama selepas protes

tersebut diadakan. Kejayaan gerakan sosial ini membuktikan bahawa, mereka berupaya untuk menjadi pengimbang dalam sistem politik Negara.

Di Malaysia, pada tengah hari 18 Mei 2013, penulis dikejutkan dengan berita penahanan aktivis pelajar, Adam Adli di bawah seksyen 4(1)C Akta Hasutan 1948 dan 124B Kanun Keseksaan. Penahanan tersebut berpunca daripada ucapannya di majlis anjuran Suara Anak Muda Malaysia (SAMM) di Dewan Perhimpunan Cina Selangor-KL. Jikalau punca penahanan Adam kerana mengatakannya peristiwa 13 Mei 1969 merupakan suatu konspirasi terancang UMNO, sebenarnya ia bukanlah suatu yang baharu. Umum mengetahui bahawa di antara teori yang terkenal mengenai peristiwa 13 Mei 1969 merupakan rancangan tersusun 'New Guard' UMNO, di bawah pimpinan mantan Perdana Menteri Tun Abd Razak Hussein untuk 'menjatuhkan' kerajaan 'Old Guard' pimpinan Tunku Abd Rahman. Malahan, ia merupakan taktik untuk terus kekal berkuasa walau pun kalah dalam pilihan raya 1969!

Penulis berpendapat, ucapan Adam tidaklah mengandungi unsur-unsur subversif, jauh sekali mengancam kestabilan negara. Menggulingkan kerajaan bukanlah sesuatu yang 'tidak natural' dalam politik. Kerajaan di seluruh dunia sama ada dari Masyrik ke Mahgrib, ditubuhkan dan digulingkan. Selagi Adam tidak mengatakan kerajaan harus digulingkan melalui kaedah militan (seperti menggunakan RPG, M16 dan sebagainya), ia bukanlah sesuatu yang patut dianggap ancaman kepada kestabilan awam. Selain itu, Adam bukanlah sosok yang menjadi pimpinan dalam mana-mana pertubuhan gerila. Sehubungan dengan itu, penulis berpendapat, penahanan Adam Adli merupakan bukti kegagalan proses transformasi kerajaan seperti yang sering dicanang oleh Perdana Menteri Najib Razak selama ini.

### **Aparatus Negara, Hegemoni & Undang-Undang Lapuk**

Pasukan Tentera, polis, RELA dan sebagainya merupakan alat paksaan Negara yang sah (Legitimate Coercion Powers) dan

aparatus negara. Pada teorinya, tugas mereka membolehkan penggunaan kekerasan yang difikirkan perlu untuk memastikan ketenteraman negara terjamin. Namun, di Malaysia, dalam banyak kes, kuasa paksaan yang sah ini disalahgunakan untuk memastikan bukan keselamatan awam, tetapi keselamatan parti pemerintah.

Demokrasi di Malaysia pada dasarnya bersifat '*soft authoritarian*'. Hal ini bermaksud, kita mempunyai sebuah kerajaan yang mengongkong rakyat melalui penguatkuasaan undang-undang zalim dan kekerasan fizikal yang paling minimum. Kerajaan yang terletak di bawah kategori ini sememangnya tidak responsif terhadap tuntutan-desakan rakyat, bahkan menganggap kelompok yang memperjuangkan keadilan dan kesaksamaan adalah penderhaka. Bukan hanya Malaysia, malahan Singapura juga terletak di bawah kategori ini. Kekuatan kerajaan seperti ini terletak pada dominasi maklumat yang menciptakan apa yang dipanggil sebagai 'hegemoni' (tahap pertama). Segala maklumat kepada rakyat akan dipastikan maklumat yang berbentuk propaganda rejim.

Jikalau ada berlaku kebangkitan rakyat, kerajaan '*soft authoritarian*' ini akan mengambil tahap kedua iaitu tindakan '*pre-emptive*' (langkah awal) dengan mendakwa aktivis dan pemimpin politik lawan di bawah akta yang mengongkong. Hal ini ditambah pula dengan ketelusan mahkamah yang dipertikaikan, maka dijamin para aktivis dan pemimpin politik akan disumbatkan ke dalam penjara. Aparatus Negara kebiasaannya akan menangkap malahan memenjarakan mana-mana tokoh aktivis gerakan, agar ia menjadi 'tauladan' kepada pengikut agar tidak meneruskan protes. Walaubagaimana pun, jika dua tahap awal gagal (Hegemoni & undang-undang), rejim akan menggunakan tahap terakhir iaitu kekerasan. Berikutan itu, pada tahap ini kesemua alat pemaksaan negara yang sah seperti Polis dan Tentera misalnya akan digunakan untuk menekan kebangkitan rakyat.

Tiga kitaran di atas merupakan prosedur biasa dalam mana-mana kerajaan '*soft authoritarian*'. Di Malaysia misalnya, tahap pertama (hegemoni) pecah bila mana kemunculan alat sebaran maklumat

alternatif seperti media sosial. Ini berlaku kerana proses globalisasi yang membawa bersama kepesatan teknologi. Kerajaan sudah tidak menjadi pemilik mutlak kebenaran! Hal yang sama turut terjadi di Mesir, Libya dan Tunisia ketika puncak kehangatan ‘Arab Spring’!

Tahap kedua inilah yang sedang dialami oleh Adam Adli. Secara logiknya, penahanan Adam selama lima hari (di bawah seksyen 4(1)C Akta Hasutan dan Kanun Keseksaan 124B) hanyalah bertujuan untuk menimbulkan kegelisahan serta kebimbangan para aktivis lain. Namun, tahap kedua ini semakin retak kerana rakyat seolah-olah tidak menghiraukan ancaman undang-undang sebegini, malahan bertindak memberikan solidariti kepada Adam Adli sepanjang beliau ditahan di Balai Polis Jinjang. Penulis berani menjamin, sokongan dan simpati rakyat kepada beliau akan meningkat daripada masa ke semasa selagi mana beliau terus ditahan oleh pihak polis.

### **Transformasi Kerajaan yang Gagal & Janji Palsu**

Apabila mendapat maklumat Ada Ketika dimaklum oleh kerabat Bangsar Utama bahawa Adam Adli ditahan di bawah Akta Hasutan, penulis hanya mampu tersenyum, kerana terbayang diminda ia merupakan satu lagi contoh “JANJI DICAPATI” pihak kerajaan. Pada 11 Julai 2012, Najib Razak dalam ucapamannya ketika Majlis Makan Malam Jabatan Peguam Negara, di Grand Ballroom KLCC, telah berjanji untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 dan digantikan dengan Akta Keharmonian Nasional.

Beliau sendiri dalam ucapannya mengatakan perlu dihapuskan persepsi rakyat bahawa kerajaan menggunakan Akta Hasutan untuk merencatkan pandangan yang tidak sealiran dengan kerajaan. Namun, pada tanggal 18 Mei 2013, Najib Razak sendiri telah menjilat ludah sendiri dengan menahan Adam Adli di bawah akta yang beliau sendiri katakan sudah berusia 64 tahun. Persoalan yang menerjah minda penulis ialah, apakah makna transformasi yang

beliau laungkan selama ini untuk menjadi kerajaan yang responsif kepada isu rakyat? Apakah ia hanya sekadar janji palsu bagi menghadapi pilihan raya?

Transformasi yang dikatakan beliau, namun jika masih mengekalkan ‘undang-undang lapuk’ yang mencabul hak asasi rakyat, maka hanya layak dikatakan sebagai ‘TRANSFORBASI’. Bayangkan, hanya baru 13 hari mendapat mandat (yang diragukan keabsahannya) membentuk kerajaan, Najib Razak mudah melupakan janji-janjinya sebelum itu. Ini belum lagi ditambah dengan kenaikan pelbagai cukai yang membebankan rakyat. Oleh yang demikian, mana-mana suara yang cuba untuk menyedarkan rakyat akan kepalsuan janji-janji kerajaan, maka akan dikenakan tindakan undang-undang.

Cerita-cerita mengenai transformasi kerajaan juga dinyatakan oleh diktator Filipina, Ferdinand Marcos, di saat-saat rejim pimpinannya bergolak. Namun, segalanya hanya tinggal janji belaka. Tidak syak lagi, transformasi yang dimaksudkan adalah ‘Transaksi Maklumat Korupsi’ agar sistem yang menindas kembali diperkuatkan dan rahsia kelompok borjuis-kroni kekal selamat dan terjamin.

Penahanan Adam Adli bukanlah kerana beliau berpotensi mendatang bahaya kepada masyarakat dan Negara. Namun, anak muda ini berani mencabar ‘hegemoni’ rejim pemerintah yang semakin retak. Selain itu, ia juga membuktikan betapa ‘transformasi’ yang dilaungkan oleh Najib Razak hanyalah janji-janji palsu malahan ia gagal sebelum bermula!

*Free Adam Adli!..Let him be, Set him free, Let him be like you and me. (John Lennon: 1971)*

**Bahagian VI**  
BUDAYA



## **Hanya Kerana Nama**

*Adam Adli*

Maka bergegak-gempitalah dunia umat Melayu buat entah kali ke berapanya bercakaran merebut nama Allah; Tuhan Yang Maha Esa. Ini bukan kali pertama, namun bukan juga kali yang sudah hilang angka bilangannya. Isu ini bukan isu lama seperti perbalahan kolot Melayu-Cina tak boleh makan sepinggan. Ini perbalahan yang baru-baru lahir entah dari mana. Entah di mana silapnya, entah di mana salahnya; polemik nama Allah mulai jadi resah gelisah rakyat sekelian bumi sekangkang kera ini. Dari Ulama sehingga ke Perompak, semuanya merebut nama Allah. Ya, namanya saja.

Dibukakan cerita kononnya makalah terbitan kafir Kristian berjudul Herald inilah pemula segala dosa dan bayang kiamat kecil atas muka bumi Bani Melayu yang kerdil ini. Digunakan kalam Allah dalam tulisan-tulisan di makalah Bahasa Melayu Kristian ini; kononnya untuk membisikkan dakwah Kristiniah agar terbuai umat Melayu membacanya, lalu memeluk cium agama kafir mereka ini. Konon untuk menyantau umat Melayu agar percaya bahawa itulah Allah yang sekian lama dirindu dan dicari umat Melayu yang mahu mencium harumnya syurga Firdausi. Cita-cita laknat kaum Kristian bahan api neraka ini untuk menarik lebih ramai umat mulia Melayu ikut terjebak ke dalam api neraka bahana jadi murtad. Betapa celakanya niat kafir Kristian penyembah Jesus anak Maryam ini.



Tiga kali bumi mengorbit penuh matahari; agenda penghancuran umat Melayu Islam oleh kafir Kristian masih terus ditiup lewat corong-corong radio buruk di kampung-kampung hujung limpahan lampu bandar. Sumpah seranah pemimpin Melayu bersongkok tinggi dan berserban lilit lima inci tebalnya jadi bahan anggukan dan sorakan pejuang-pejuang *fisabilillah* yang siap siaga untuk berperang habis-habisan. Habis dicemari rumah-rumah ibadat orang kafir Kristian. Ada yang dibaling bom petrol, ada yang dsimbahnya cat minyak, ada yang digantungnya kain-kain bertulisan amarah dengan tinta merah. Atas nama Allah mereka bermati-matian berjuang. Ya, hanya atas namanya sajalah! Nama itu penting, isinya tidak! Alang lucu; malamnya nanti, habis lelah berikat kain di kepala sepanjang siang, berpusu-pusu pula mereka berasak di kelab-kelab dangdut milik kafir harbi Kristian dengan minuman bercukai tinggi di tangan. Tak mengapa, tempat ini tidak menghidangkan daging babi. Haram!

### **Al-Kitab Berkuasa Solar**

Di helaian akhbar; didedahkan lagi agenda-agenda jahat kafir Kristian ini. Gempar seluruh dunia melayu bila seorang pemimpin yang dicongak-congak; cukup sifatnya untuk menjadi imam buat bani melayu akhir zaman ini mendedahkan seribu satu bukti kejahatan kafir laknat bahan api neraka ini. Menangislah makkik-makkik berselendang merah di hujung kampung mendengar khabar buruk yang boleh menghancurkan akidah umat melayu. Sejelasa-jelasnya dipaparkan; tidak cukup dengan cubaan merampas kalam Allah dari baani melayu, anak-anak melayu mulai disesatkan dengan al-Kitab berkuasa solar. Lebai dan siak di masjid-masjid baru hasil janji pilihan raya yang lalu mulai bermesyuarat. Ternyata, kafir kristian laknat ini benar-benar mahu menghancurkan akidah bani melayu. Ada yang mencadangkan supaya digelegahnya kedai-kedai elektronik milik kafir kristian, takut ada yang senyap-senyap menggantikan alat kawalan jauh televisyen baru dengan al-Kitab berkuasa solar ini. Ada juga yang mencadangkan agar dibinanya bumbung-bumbung gergasi biar al-Kitab ini mati tak mendapat cahaya matahari. Namun, ada juga yang masih terpinga-pinga

bertanya; kuasa solar itu apa? Maccik-maccik berselendang merah di kampung masih terus menangis meratap doa agar anak-anak yang belajar Matematik Tambahan dengan guru kafir kristian di sekolah tidak disesatkan dengan al-Kitab berkuasa solar yang berselindung di sebalik kalkulator mereka.

### **Lord, God dan Jesus**

Di Utara Semenanjung; yang di negerinya bulatan jalan pun cuma ada satu; apa lagi gereja Kristian, seorang pemimpin tinggi yang berkebolehan rubat secara ghaib juga mulai berfatwa. Jelas; pemimpin ini menyatakan di dalam al-Kitab yang asli; al-Kitab berbahasa Inggeris, bukan berbahasa Hebrew mahupun Arab; tidak tersebut nama Allah; melainkan disebutnya Lord, God, dan Jesus. Tidaklah pula diketahui kalau sang pemimpin zahir batin ini tahu bahawa Jesus itu Isa al-Masih, dan tidaklah pernah disembahnya Jesus ini sebagai Tuhan oleh kafir Krisitian. Tuhan itu Tuhan, Jesus itu Jesus. Maka, didedahkanlah lagi sebab-musabab hanya di bumi ini kafir Kristian mahu menggunakan nama Allah, tidak lain kerana mahu memurtadkan umat Melayu. Kemudian diselak pula Quran al-Karim berbahasa Arab; bukan terjemahannya yang berbahasa Inggeris atau sebagainya, tidak disebut Tuhan sebagai God atau Lord mahupun Dewa melainkan Allah. Hanya Islam menyembah Allah, dan Allah itu hanya dari Islam, dan untuk Islam. Seorang anak muda jurusan teologi dari Universiti Singapura yang sedang bercuti di kampung halamannya di Marang baru selesai menonton video pemimpin tersebut. Terkeliru dengan apa yang dipelajarinya di kuliah, mulai dicari titik buta kenyataan pemimpin tersebut. Diselaknya terjemahan Quran al-Karim berbahasa Inggeris, tidak disangka perkataan Lord dan God wujud tercetak. Diselak pula al-Kitab berbahasa Arab yang jauh lebih lama usianya berbanding yang lain, yang dicetaknya juga berganda banyak berbanding al-Kitab Bahasa Melayu di Borneo; hairan dirinya melihat Allah pula digunakan semaksima mungkin; malah huruf ejaannya juga dieja sama seperti dalam Quran al-Karim. Dalam benaknya, tidak mungkin pemimpin ini menipu tentang kebenaran. Ah, ini pastilah muslihat oleh kafir Kristian di kampusnya. Pecah terburai segala yang

yang dipelajarinya di Singapura. Temberang belaka rupanya.

### **Nasib Si Tuai Rumah**

Di sudut yang lain, jauh di kepulauan Timur Malaysia, sekeluarga Iban yang menganut Kristian selepas meninggalkan sembah nenek moyangnya dahulu mulai jadi gusar. Anak tuai rumah sendiri baru sahaja memeluk Islam selepas berkahwin dengan pemuda dari kampung seberang beberapa purnama yang lalu. Sekeluarga mulai berkumpul di depan pintu rumah tuai. Al-Kitab digenggamnya oleh tuai seerat-eratnya. Inilah kitab yang selama ini dibaca bersama oleh anak-anak dan cucu mereka; termasuklah anak yang baru memeluk agama baru Islam. Tuai rumah masih ingat, 40 tahun yang lalu, waktu awal bumi kenyalang diserahkan kepada Melaya, dijanjikan setiap amalan mereka tidaklah akan diganggu oleh sesiapa pun. Mereka bebas beragama dan mengamalkan apa yang diamalkan sekian lama. Doa, kitab dan sebagainya yang dipegang mereka tidaklah pernah diganggu. Segalanya difahami, segalanya dihormati. Hanya kini; baru-baru ini segala yang dipegang bersama secara aman jadi berubah. Tuai rumah memandang ke arah anak dan menantunya. Apa lagi yang tinggal buat kita semua? Hairan tuai rumah; mengapa orang-orang Islam di Semenanjung sana yang meroyan mengecam kafir Kristian seperti dirinya, sedang anaknya yang asal Kristian sendiri akhirnya memeluk Islam. Tidak pula si menantu yang memilih jadi murtad. Akhirnya, tuai akur; al-Kitab disimpan, Herald tidak dibeli lagi. Esok pagi akan dibeli kamus Dewan Bahasa, supaya boleh dibaca al-Kitab dalam bahasa Rajah Brooke. Menantunya hanya diam dan termalu.

Huru-hara di sana sini. Hanya kerana nama, segala yang selama ini terletaknya molek dan tenang jadi bilau. Hanya kerana nama, habis runtuh segenap pemikiran yang selama ini tidak diganggu-gugat. Semuanya mahu menjadi mujahidin yang berani mati mempertahankan nama Allah; mungkin sekurang-kurangnya mati yang dimaksudkan itu cukuplah dengan ditutup akaun sosial mereka. Kadang jadi tertanya; nipsis sungguh iman dan akidah mereka-mereka ini, mudahnya umat Melayu jatuh jadi murtad hanya

kerana Allah itu digunakan oleh kafir Kristian yang cuma beberapa peratus kecil di negara sekangkang kera ini.

Hanya kerana nama; segenap pusingan hidup umat manusia di bumi ini mulai jadi kalut. Al-Kitab, Herald, dan sebagainya ini adalah ancaman baru kepada umat Melayu. Mereka tidak hairan dengan hal-hal yang berlalu. Tidaklah mereka peduli pabila ditanya dari agama mana datangnya perkataan syurga; tempat yang menjadi idaman mereka itu sendiri. Yang dikira oleh mereka hanyalah mengumpul pahala; yang gagal ditemui juga asal perkataan tersebut oleh mereka. Semuanya hanya kerana nama.

Di Tanjung Malim, sekumpulan penganut Sikh berserban tinggi sedang bermesyuarat. Di tangan Gyani pemegang kunci Gurdwara sudah tersedia Sri Guru Granth Sahib. Apakah mahu dipadam juga nama Allah di dalamnya, fikir mereka.

## **Melayu Hilang Di Dunia**

*Lingswaran Singh*

Ada apa dengan Melayu? Itu persoalan yang timbul ketika sesat dalam buku *Melayu Hilang di Dunia* olahan Khalid Salleh. Secara jujurnya buku tersebut pada pandangan saya adalah propaganda untuk menyemarakkan semangat perkauman. Saya cenderung untuk bersetuju dengan pandangannya bahawa identiti Melayu itu semakin hilang dan sebahagian besar puncanya adalah ahli politik Melayu. Jika anda percaya sejarah Melayu bermula dengan kota Melaka 1515, maka buku ini sesuai untuk memperkukuhkan ilusi-ilusi kemelayuan anda. Malangnya saya enggan melihat Melayu itu sebagaimana yang digambarkan oleh Khalid Salleh dalam buku tersebut.

Persoalan yang dibangkitkan Khalid Salleh dalam buku ini semata-mata rintihan puitis seorang seniman Melayu yang termakan propaganda perkauman. Dalam penelitian saya, Khalid Salleh cuba menyampaikan suatu kebimbangan akan kehilangan identiti kaumnya. Namun dalam semangat itu beliau gagal sama sekali mengupas apa sebenarnya Melayu itu.

Saya akui bahawa Khalid Salleh bukan seorang politikus. Dalam buku ini kritiknya pada golongan atasan Melayu yang pada pandangannya telah membinasakan identiti Melayu itu. Saya melihat rintihan ini sebagai satu ilusi yang sia-sia, dan tiada makna, kerana Melayu itu sifatnya memang berubah-ubah. Kehilangan identiti menurut Khalid Salleh berpunca daripada pemimpin Melayu yang

sudah kehilangan “ketuanan Melayunya” sehingga sanggup mengadai “maruah” dan jejak bangsa sendiri hanya demi meraih undi daripada bangsa.

Pada saya Khalid Salleh adalah legasi pengaruh propaganda elit Melayu, secara lebih tepat lagi legasi penipuan United Malay National Organisation (sebut Umno). Beliau terus terperangkap dalam ilusi yang kononya Melayu ini satu ras yang padu, sedangkan Melayu itu etniknya pelbagai dan perpaduan Melayu yang dibincangkannya itu, tidak lebih daripada sekadar cereka rekaan elit Melayu untuk melegitimasikan pengaruh dan kuasa mereka terhadap masyarakat Malaya pada ketika itu.

Khalid Salleh cenderung menggunakan ayat-ayat al-Quran untuk mengolah sokongan terhadap pendapat-pendapatnya, namun saya melihat kecenderungan itu sebagai suatu fahaman yang tersasar jauh daripada logik hujahanya. Saya tertanya-tanya mengapa orang Melayu seringkali lupa bahawa identiti mereka ini terbentuk hasil daripada pengaruh pelbagai budaya dan kepercayaan lain.

Identiti bangsa Melayu itu telah mengalami perubahan yang drastik berkali-kali. Pada hemat saya sifat dinamis Melayu yang dapat menyerap elemen-elemen pelbagai budaya adalah kekuatan Melayu yang memberi maksud kepada kata-kata “takkan Melayu hilang di dunia”. Maknanya Melayu itu sukar hilang kerana sifatnya yang dinamis bukan kerana sifatnya yang berpegang teguh kepada adat-istiadatnya.

Menurut Khalid Salleh, orang Cina dan orang India adalah pendatang, dibawa oleh Inggeris untuk kepentingan ekonomi mereka. Walaupun mereka lama tinggal di sini, mereka tetap orang Cina atau India dan tidak jadi Melayu. Kononya mereka tidak layak tuntutan hak orang Melayu. Kuasa politik dan ekonomi yang mereka pegang, menjadikan mereka angkuh dan tidak berterima kasih. Pandangan seperti ini jelas menunjukkan Khalid Salleh bukan orang akademik, dan tidak faham konsep keperlembagaan dan demokrasi.

Dari zaman Gengga Negara, Langkasuka sehinggalah ke

pemerintahan Raja-raja Chola, yang kemudiannya menjadi Kedah Singgora, terus berkembang menjadi empayar Melaka dan anda tahu kesudahannya. Kemana hilangnya pengaruh Hindu Buddha Melayu? Ke mana hilangnya tulisan Nagiri dan Palava? Dan apakah Melayu sebelum Islam itu bukan Melayu? Dan apakah hanya mereka dari Tanah Melayu itu Melayu?

Apa yang cuba dipertahankan oleh Khalid Salleh adalah identiti Melayu ciptaan golongan elit Melayu. Beliau juga membincangkan kehilangan Singapura sebagai bukti penghakisan kuasa politik Melayu. Ini sekali lagi satu hujah yang tidak berpaksi kepada realiti semasa. Kehilangan Singapura daripada Persekutuan itu menandakan kemenangan kuasa pemodal British dan pandangan dari sebalik kaca mata perkauman itu semata-mata retorik kosong untuk memainkan sentimen yang tiada manfaat kepada masa depan negara kita. Sentimen kemelayuan itu telah lama dimanipulasi oleh British dalam strategi pecah dan perintah.

Saya hampa bila beliau dapat melihat bahawa British telah mengubah landskap sosio ekonomi Malaya pada ketika itu demi kepentingan ekonomi mereka, akan tetapi beliau gagal melihat agenda “ketuanan Melayu” itu sebagai sambungan kepada muslihat British dalam memastikan golongan elit Melayu terus menjaga kepentingan ekonomi mereka di Malaya. Umno, MCA, MIC merupakan agen-agen yang diletakkan oleh British untuk memastikan rakyat sentiasa mencurigai satu sama lain. Dengan itu, mereka dapat terus mencuri kekayaan negara kita.

Faktor sebenar mengapa kad “ketuanan Melayu” dimainkan adalah semata-mata untuk mengekalkan kekuasaan golongan elit Melayu. Hanya dengan memainkan sentimen perkauman mereka memastikan rakyat tidak bersatu, dan terus tidak percaya terhadap satu sama lain, dan pada waktu yang sama cuba memberi legitimasi kepada kefeudalan golongan elit Melayu. Hakikatnya adalah untuk mempertahankan kekayaan mereka, dan Melayu itu hanya alat untuk memastikan kedudukan mereka.

Percubaan Khalid Salleh untuk memainkan kad perkauman dalam mekap yang lebih manis tetap tidak boleh dibezakan dengan suara-suara sumbang pemimpin Melayu yang terus menggunakan emosi perkauman itu untuk kepentingan politik mereka. Rasis tetap rasis walau sekalipun berselindung dibalik doa, dan itulah analogi yang sesuai untuk menggambarkan buku Melayu Hilang di Dunia ini.

Saya tersenyum sinis bila sampai ke Bab 19: Melayu Tidak belajar Sejarah. Pada hemat saya, bukan Melayu yang tidak belajar sejarah, mungkin Khalid Salleh yang kurang peka. Pada pandangan saya cukup dangkal untuk kita bincangkan sama ada Melayu itu akan kekal atau tidak. Umpama membicarakan sama ada Umno itu benar-benar dulu kini dan selamanya.

Saya berpendapat, buku ini adalah percubaan baik untuk terus menanam kecurigaan dikalangan rakyat kita yang saya lihat semakin sedar bahawa politik perkauman sebenarnya merugikan kita. Mungkin buku ini akan menyemarakkan lagi semangat perkauman orang Melayu yang mudah termakan analisis cetek golongan-golongan yang terus menjaja rasisme dalam pelbagai bentuk yang lebih manis, yang berselindung di sebalik alasan akademik, sains, budaya dan sastera.

Sekalipun jika kita perlu bersatu, percayalah penyatuan itu harus bertapak dengan niat untuk melawan segala macam bentuk penindasan terhadap rakyat. Pada abad ke-21 ini, kita tidak mampu untuk membawa racun perkauman yang diberikan oleh British dahulu, kita perlu menumpukan usaha dalam membina negara yang kuasanya terletak di tangan rakyat, bukan pada segelintir golongan elit yang terus menipu atas nama agama, bangsa dan negara.

Akhir kata, buku ini adalah percubaan yang baik untuk memberi prespektif yang lebih tersusun dalam permainan politik perkauman, jauh lebih baik daripada permainan politik pemerintah. Namun, masih tidak lebih daripada sekadar retorik kosong yang rapuh dan tiada asas yang baik. Saya melihat buku ini sebagai karya seorang



seniman yang sesat dalam propaganda golongan elit Melayu. Harapan saya, kita sebagai rakyat Malaysia dapat melihat lebih jauh daripada politik perkauman. Penderitaan golongan bawahan sama sahaja tiada beza biar apa sekalipun warna kulit mahupun agama.

**Tutup Mulut: Air Bah Ini Bakal Menderas  
Menjadi Tsunami**  
*Lim Hong Siang*

Sejak kecil kita dididik bahawa isu perkauman adalah “isu sensitif” di negara kita. ”Sensitif” maknanya tidak boleh dipersoalkan. Jikalau disentuh isu perkauman dan agama, maka jawapannya huru-hara. Saya masih ingat seorang rakan saya meluahkan ketidakpuasan dalam sebuah karangan yang ditulisnya ketika tingkatan lima. Antara pertikaiannya termasuklah pembinaan rumah ibadat yang tidak mengikut nisbah, dan sesetengah masjid yang dibina terlalu mewah. Heboh satu kelas membincangkan karangannya itu. Saya lupa bagaimana kesudahannya. Cuma saya dimaklumkan, selepas tamat pendidikan sekolah menengah, teman tersebut melanjutkan pengajiannya di Amerika Syarikat, dan terus memperkembangkan bakatnya dalam bidang komputer di luar negara.

Setelah dewasa saya menganggap adalah sesuatu yang biasa, seandainya timbul ketidakpuasan sesama kaum lantaran perbezaan cara hidup, budaya, amalan agama dan sebagainya. Misalnya saya jangka komuniti bukan cina semestinya tidak tahan dengan bunyi mercun pada Tahun Baru cina. Bahkan keluarga cina yang mempunyai bayi pun merungut kerana pembakaran mercun itu memang menakutkan bayi, atau kanak-kanak yang kecil. Dari masa ke masa berlaku juga kes-kes aduan tentang bunyi azan. Ada kala ia diselesaikan dengan mesyuarat tertutup, ada kala ia diselesaikan dengan demonstrasi.

Inilah realitinya hidup di Malaysia. Masing-masing perlu mengakui bahawa amalan hidup atau adat komuniti sesuatu kaum mungkin menimbulkan ketidakselesaian atau gangguan terhadap komuniti kaum yang lain. Hakikat ini menyedarkan diri kita bahawa kita perlu juga bertolak-ansur apabila diri kita terasa “diganggu”. Bagaimana kita menggariskan piawaian itu supaya diterima semua orang, bergantung kepada kematangan dan kebijaksanaan antara komuniti kaum yang terlibat.

Cuma pendekatan kita selama ini lebih kepada “menutup perbincangan”, malah hampir tiada ruang untuk diutarakan pertikaian, mahupun diluahkan perasaan tidak puas hati yang terpendam. Secara luaran, isu sedemikian dianggap tidak “timbul”. Padahal buaya yang marah sedang menyelam di bawah air yang tenang. Apa yang berlaku adalah ketidakpuasan atau kemarahan ini tertimbun dalam hati, bagai air yang tertakung di empangan. Kita tidak tahu bilakah benteng empangan ini runtuh. Mungkin hanya apabila jari dipetik oleh politikus, ataupun satu kejadian yang secara kebetulannya menjadi batu api untuk mencetuskan satu letupan.

Maknanya, perasaan ini jikalau tidak diluahkan atau dilepaskan sedikit demi sedikit apabila timbul, maka ia terdedah kepada risiko untuk dipergunakan bagi agenda dan motif tertentu. Lebih-lebih lagi, kita mungkin masih boleh mengawal air yang dilepaskan empangan dari masa ke masa, tetapi mustahil kita mengawal air bah yang telah meruntuhkan benteng empangan.

Masyarakat kita cenderung untuk mendukung penggunaan undang-undang, sebagai jalan penyelesaian kepada semua masalah. Kita menganggap akta adalah penawar yang paling mujarab untuk menangani segala penyakit. Dari isu perkauman sehinggalah gejala sosial, kita menggubal seribu satu akta untuk mengubati penyakit masyarakat. Apa yang tidak difahami sesetengah pihak dalam perkara ini adalah, undang-undang sekeras manapun, gagal membendung sentimen yang bermain dalam hati. Sama ada Akta Keselamatan Dalam Negeri (sebut ISA), mahupun Akta Hasutan, apabila sentimen itu meledak dalam hati, menular dari seorang ke

seorang, air bah ini bakal menderas sehingga menjadi tsunami.

Sudah tiba masanya kita memikirkan pendekatan baru untuk menangani isu perkauman, ataupun agama. Tujuannya adalah untuk mencegah kejadian di mana politikus memperalatkan sentimen masyarakat akar umbi demi kepentingan diri. Pertama kita perlu mengakui, bahawa sememangnya akan timbul sentimen dan kemarahan di kalangan mana-mana komuniti kaum, sama ada disebabkan ketidakadilan dasar, mahupun perbezaan amalan hidup yang mengganggu kehidupan harian. Jadi, apa yang perlu dilakukan adalah membenarkan perasaan ini diluahkan secara dua hala agar kedua-dua pihak memahami masalah masing-masing. Kemudian, dicari persefahaman dan muafakat, agar masalah yang dihadapi bersama diselesaikan.

Peringkat yang paling mencabar sepanjang proses ini adalah ketika “ketidakpuasan” diluahkan. Mungkin terkeluar kata-kata yang dianggap “menghina”, atau sekurang-kurangnya, tidak sedap didengar. Namun, beberapa tahun kebelakangan ini saya melihat masyarakat Malaysia sebenarnya memiliki kematangan untuk berdepan dengan situasi sebegini. Saya masih ingat apabila “Bulan Hantu” orang Cina secara kebetulan bertindih dengan “Bulan Pua-sa” masyarakat Islam pada tahun 2010.

Biasanya “Bulan Hantu” akan disambut dengan persembahan pentas di sebelah malam. Maka penampilan sesetengah penyanyi dengan pakaiannya, ditambah lagi bunyi lagu – dianggap sesuatu yang tidak elok dalam bulan yang suci untuk masyarakat Islam. Isu ini timbul dan diselesaikan oleh kedua-dua pihak masjid dan penganjur sambutan “bulan Hantu”, di Pulau Pinang. Dialog tertutup diadakan, dan kemudian kedua-dua pihak bersetuju untuk mengenalpasti lingkungan tertentu supaya kesan gangguan diminimalkan.

Saya menganggap usaha yang murni ini sebagai langkah besar dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia. Minggu lalu saya terbaca lagi satu laporan mengenai Sinar Harian, yang memohon maaf

setelah menyiarkan artikel Ridhuan Tee Abdullah, yang dianggap “menghasut kebencian kaum”. Apa yang terharu buat saya apabila Penasihat Editoriannya, Abdul Jalil Ali tampil untuk bersemuka dengan penunjuk perasaan, dan memohon maaf secara terbuka di depan mereka. Menurut laporan Malaysiakini (<http://www.malaysiakini.com/news/222039>), “...Abdul Jalil kemudiannya didakap oleh Indran Sagar dari Kelab Peminat Kamal Hassan yang kelihatan terharu dengan permohonan maaf beliau.”

Isu ini reda begitu sahaja, sungguhpun saya menganggap ia sebagai satu langkah yang positif dalam perkembangan hubungan kaum Malaysia. Seringkali kita menganggap penunjuk perasaan bermotif jahat, dilabelkannya sebagai musuh, malah dijangka akan menggunakan keganasan terhadap pihak yang disasarkan. Dihantui dengan tanggapan sedemikian, maka pihak yang disasarkan kebanyakan enggan tampil untuk menemui penunjuk perasaan, dikhuatiri keselamatan dirinya. Di sebaliknya, penunjuk perasaan akan meragui keikhlasan pihak yang disasarkan. Ketidakpuasannya gagal diluahkan, maka mereka datang dengan kemarahan, pulang dengan kemarahan yang bertambah.

Kes yang berlaku di depan pintu masuk pejabat Karangkraf pada 22 Februari 2013 mungkin tidak terpahat dalam sejarah, tetapi telah memahat sesuatu yang terharu dalam hati kita. Penunjuk perasaan datang dengan ketidakpuasan, dilepaskan, dan kemudian pulang dengan penuh rasa terharu.

Sebagai warga Malaysia, dengan rekod-rekod negatif yang dicatat sepanjang tahun-tahun kebelakangan ini, tidak banyak perkara yang membuatkan diri kita bermegah. Saya bersyukur kerana Abdul Jalil Ali dan penunjuk perasaan di luar pejabat Karangkraf, telah mengubati kelukaan kita, dan melakukan sesuatu yang membuatkan kita terharu dan bermegah.

**Thaipusam: Penganugerahan kepada Dewa  
Murugan**  
*Lingswaran Singh*

Pada 27 haribulan Januari 2013, rakyat Malaysia khususnya yang beragama Hindu telah menyambut perayaan keagamaan yang penuh dengan budaya dan adat tempatan. Thaipusam adalah perayaan keagamaan Hindu yang disambut oleh dua komuniti yang sama tapi tak serupa iaitu komuniti Tamil dan Chetty. Apa yang menarik adalah hakikat bahawa perayaan Thaipusam terbesar dan paling meriah di dunia bukannya di India tetapi di Batu Caves, Malaysia. Singapura, Thailand dan Burma turut menyambut perayaan ini, namun tiada yang boleh dibandingkan dengan jumlah pengunjung yang mencecah angka dua juta di Batu Caves atau Batu Malai dalam bahasa Tamil yang bermaksud “gunung batu”. Perayaan Thaipusam di Tanni Malai atau Gunung Air di Pulau Pinang mampu menandingi jumlah pengunjung di Batu Caves pada hari perayaan.

Perkataan Thaipusam adalah gabungan dua perkataan, iaitu Thai nama bulan dalam kalendar Tamil dan Pusam nama sebuah bintang yang mengufuk dan paling terang pada hari Thaipusam. Perayaan ini adalah untuk memperingati peristiwa penganugerahan vel oleh Dewi Parvati kepada Dewa Murugan untuk menghapuskan raksasa bernama Soorapadman. Dewi Parvati ada kaitannya dengan istilah Ibu Pertiwi, penganut Hindu percaya bahawa Dewi Parvati juga adalah Dewi Bumi.

Jika anda peka anda akan perasan bahawa laungan popular Thaipusam iaitu “Murugan’ku arogara!” yang disambut dengan laungan “*vel vel vetri vel*”, bermaksud Murugan menerima anugerah iaitu senjata vel atau lembing yang berjaya. Perkara ini juga turut menjelaskan mengapa perarakan vel Thaipusam bermula di Kuil Seri Maha Mariaman (nama lain untuk Dewi Parvati) ke Kuil Batu Caves (Kuil Murugan). Pada hari ini Vel menjadi simbol senjata memerangi kezaliman, dan ketidakparwaan.

Dewa Murugan adalah dewa khusus bagi ras Tamil yang berasal dari India Selatan. Juga dikenali dengan nama Skanda, dewa ini dianggap sebagai dewa penjaga orang Tamil. Disebabkan kepercayaan itu, Murugan tidak popular sebagai dewa utama dan jarang dikenalpasti oleh penganut Hindu bukan Tamil. Walau bagaimanapun, sejak dua dekad yang lepas populariti Dewa Murugan terus memecah tembok-tembok perkauman. Pada hari ini penganut Dewa Murugan terdiri daripada pelbagai lapisan etnik India, Cina, Siam dan juga bangsa Eropah. Bagi yang teliti memerhati, anda akan perasan bahawa kebanyakan dewa-dewi agama Tao mempunyai persamaan dengan dewa-dewi Hindu.

Agak janggal apabila kelihatan pegawai-pegawai Polis berbangsa Melayu yang bertugas menjaga keselamatan di perayaan Thaipusam. Satu fenomena yang jarang kita lihat, iaitu masyarakat India Malaysia berinteraksi dengan Polis Raja di Malaysia tanpa apa-apa ancaman keganasan, sebaliknya pihak Polis menjaga keselamatan mereka. Komuniti Melayu biasanya menjauhi perayaan Thaipusam kerana ramai yang percaya ritual-ritual yang dijalankan adalah melibatkan semangat-semangat jahat dan juga kerana ajaran Islam yang mengharamkan partisipasi dalam upacara keagamaan bukan Islam.

Satu lagi perkara yang menarik di Thaipusam adalah keadaan kebanyakan penganut yang seperti dirasuk. Sebilangan besar penganut Hindu yang menunaikan nazar di Thaipusam, menjemput semangat-semangat dewa tempatan untuk membantu dalam melakukan aksi-aksi yang mengingkari kesakitan. Dalam perayaan

Thaipusam, kesakitan itu dilihat sebagai satu bentuk pembersihan jiwa. Pada masa yang sama, ramai juga penganut Hindu yang menolak amalan seperti itu kerana mereka percaya ada semangat-semangat jahat yang turut serta dalam Thaipusam. Namun sedemikian, perkara seperti itu tidak mendapat perhatian ramai kerana sifat agama Hindu itu sendiri yang percaya bahawa semangat jahat juga mempunyai hak untuk mendapatkan pencerahan dan pengampunan dosa.

Antara semangat-semangat yang popular dipanggil untuk membantu dalam aksi-aksi Thaipusam adalah semangat separuh dewa seperti semangat Madurai Veeran, dewa penjaga masyarakat miskin yang boleh dikenalpasti dengan pemakaian serban dan dhoti, serta meghisap cerut. Selain itu semangat Dewi Kali yang mengerunkan dengan rambut terurai dan lidah terjelir yang disapu kumkum boleh dikenalpasti dengan pemakaian pavadai merah atau hitam juga popular. Semangat Dewa Hanuman, dewa monyet boleh dikenalpasti dengan memerhati penganut-penganut yang menunjukkan gerak-geri ala-ala monyet.

Dalam kalangan masyarakat Cina yang turut serta dalam menunaikan nazar pula ada yang menjemput semangat-semangat Sembilan Dewa Maharaja Cina untuk membantu dalam ritual tersebut. Perayaan Nine Emperor Gods yang disambut masyarakat Cina di Pulau Pinang amat menyerupai sambutan Thaipusam. Istilah "*mah song*" yang digunakan dalam perayaan tersebut menggambarkan penganut yang menjemput roh-roh dewa-dewi untuk masuk badan mereka. Mah bermaksud kuda dalam bahasa Siam, dan istilah "*mas song*" pula merujuk kepada cara semangat-semangat dewa-dewi ini menggunakan badan manusia sebagai pengangkutan seperti menunggang kuda.

Tradisi "*mah song*" dalam perayaan Nine Emperor Gods dipercayai diadaptasi daripada amalan dalam perayaan Thaipusam. Istilah itu juga menggambarkan dengan tepat apa yang berlaku dalam tarian Kuda Kepang masyarakat Melayu. Ritual tarian Kuda Kepang berkait rapat dengan rasukan semangat halus, namun kesan



daripada Islamisasi budaya Melayu tarian Kuda Kepang hari ini cuma sekadar tarian yang dipadankan dengan mitos ‘Sembilan Ulama Jawa’ yang menyebarkan Islam di Java Indonesia.

Perayaan Thaipusam di Pulau Pinang pula agak unik berbanding yang lain. Di Pulau Pinang, perayaan Thaipusam dimulakan oleh masyarakat Chetty dalam satu ritual yang dikenali sebagai Chetty Pusam. Kaum Chetty adalah peranakan India yang banyak ditemui di negeri-negeri selat. Seperti Peranakan Cina, kaum Chetty tidak fasih bertutur Tamil, sebaliknya mereka bertutur bahasa Melayu yang penuh dengan istilah-istilah pinjaman dari bahasa Tamil. Kaum Chetty sudah menetap di negeri-negeri Selat sejak 1500’an.

Chetty Pusam agak berbeza dengan ritual Thaipusam yang lazim kerana masyarakat Chetty menunaikan nazar dengan menggunakan kavadi yang dihiasi bulu burung merak dan mereka tidak gemar akan ritual mencucuk tubuh dan aksi-aksi mengikari kesakitan. Lazimnya perarakan Chetty Pusam disertai dengan pemain gendang, dan trumpet India serta penari-penari kavadi kecil.

Sudah tentu rencana berkaitan Thaipusam di Batu Caves tidak lengkap dengan cerita rakyat Si Tanggang Anak Derhaka. Cerita rakyat tersebut mengkisahkan tentang Si Tanggang yang disumpah oleh ibunya setelah Tanggang enggan mengaku ibunya yang miskin sesudah kembali dari perantauan. Ada yang percaya bahawa Si Tanggang menjadi batu akibat sumpahan ibunya dan kononnya peristiwa ini berlaku di Batu Caves. Kebetulan pula Dewa Murugan juga dipercayai tidak sebulu dengan keluarganya dan sering bertengkar dengan Dewa Sivan, Parvati dan Ganesha, kemudian meninggalkan keluarganya dan menetap di gunung-gunung yang tinggi bersama burung meraknya.

Batu Caves adalah bukti kepada toleransi agama yang diamalkan rakyat Malaysia. Thaipusam pula telah menjadi antara perayaan keagamaan yang besar di Malaysia. Thaipusam juga merupakan cuti umum di beberapa buah negeri dalam persekutuan. Saya percaya Thaipusam telah menjadi sebahagian daripada

identiti kebudayaan unik masyarakat Malaysia dan akan terus menjadi tarikan pelancong dan penganut agama Hindu dari seluruh dunia.

*\*Bagi yang berminat, cerita rakyat Si Tanggang direkodkan buat kali pertama pada tahun 1900 dalam sebuah buku yang diterbitkan oleh The Macmillan Company : New York, berjudul Malay Magic dan ditulis oleh Walter William Skeat sebagai Charitra Megat Sajibang.*

## **Keramat Datuk Keramat**

*Lingswaran Singh*

Pernahkah anda mendengar nama Jalan Datuk Keramat? Jalan Datuk Keramat, terdapat dua yang popular di Malaysia. Satu di Air Itam Pulau Pinang dan yang kedua di Kuala Lumpur. Siapakah Datuk Keramat ini? Pastiya bukan ahli politik, tetapi Datuk Keramat adalah gelaran bagi kepercayaan kultus yang agak popular di Negeri-negeri Selat. Kepercayaan Datuk Keramat adalah gabungan kepercayaan animisme sebelum kedatangan Islam, dengan amalan Islam Sufi serta kepercayaan Tao masyarakat cina di Malaysia.

Penyembahan berhala-berhala keramat telah memainkan peranan yang penting dalam penyebaran ajaran mistik Islam di Tanah Melayu. Mungkin anda memandang amalan-amalan ini sebagai bertentangan dengan Islam, malah dengan jelasnya syirik, dan khurafat akan tetapi adalah tidak wajar jika hanya kerana sebab itu, sejarah dan pengaruh kepercayaan Datuk Keramat ini dilenyapkan begitu sahaja. Walau apa pun, amalan tersebut adalah sesuatu yang unik dan menggambarkan kepelbagaian kepercayaan yang wujud di Malaysia.

Keramat adalah perkataan yang berasal daripada bahasa arab, yang membawa erti kudus. Bergantung kepada sinteks penggunaan perkataan keramat juga merujuk kepada tempat yang dipercayai mempunyai elemen mistik. Menurut legenda, kesemua semangat-semangat Datuk Keramat dianggap roh tempatan yang dahulunya hidup sebagai manusia dan mendalami ilmu Sufi. Namun

sedemikian, Islamisasi yang berlaku dalam 20 tahun yang lalu telah menyebabkan amalan ini dijauhi.

Segelintir kecil masyarakat Melayu masih percaya dengan semangat-semangat Datuk Keramat, namun pengikut terbesar terdiri daripada kalangan orang Cina. Masyarakat India juga turut terlibat dalam penyembahan semangat-semangat Datuk Keramat. Malah, Datuk Panglima Hitam dipercayai berketurunan India Muslim.

Jika difikirkan, Islam Sufi merupakan bentuk Islam yang mula-mula bertapak di rantau penuh mistik, rantau Nusantara. Pada pendapat penulis, raja-raja Melayu yang dahulunya dianggap sebagai jelmaan dewa-dewa dapat menerima Islam Sufi kerana sifatnya yang harmonis dengan agama-agama lain.

Bukan mudah untuk raja-raja Melayu untuk meninggalkan agama yang mana mereka dianggap sebagai jelmaan tuhan dan menjadi Khalifah yang merupakan hamba Allah (*s.w.t.*) Ironinya Islam Sufi telah membantu penyebaran dan penerimaan Islam di rantau yang padat dengan kepercayaan animisme, Hindu dan Buddha.

Mengikut kepercayaan, terdapat sembilan jenis Datuk Keramat yang popular, lapan daripada mereka dianggap sebagai pahlawan-pahlawan yang menguasai ilmu persilatan, kecuali Datuk Panglima Bongsu. Semangat-semangat ini dipercayai mempunyai kuasa mistik dan amalan menyembah Datuk Keramat dijalankan untuk memperoleh pelbagai jenis hajat.

Namun, masyarakat Melayu semakin menjauhi amalan kepercayaan Datuk Keramat kerana memahaminya sebagai suatu unsur khurafat dan syirik. Walaubagaimana pun, masyarakat Cina beragama Tao merupakan golongan yang paling banyak mengamalkan kepercayaan seperti ini. Jika difikirkan, adalah agak ganjil, kerana masyarakat Cina menyembah semangat yang dipercayai sebagai Melayu Islam untuk kesihatan baik, keselamatan, tuah, dan macam-macam lagi hajat. Mungkin ini selaras dengan kepercayaan Tao yang percaya pada konsep dewa-dewi tempatan.

Masyarakat cina mengamalkan penyembahan nenek moyang kerana mereka percaya bahawa wujudnya kebergantungan antara yang hidup dan yang sudah mati. Masyarakat cina percaya roh juga mempunyai keperluan yang sama seperti masa hidup. Oleh itu, upacara penyembahan berhala Datuk Keramat sering melibatkan persembahan seperti nasi kunyit, rokok daun, kuih lapis, kopi atau teh kosong, kari ayam atau kambing, pisang rastali, berserta dengan kopiah putih (bagi Datuk Putih), songkok hitam (bagi Datuk Hitam), dan keris.

Arak dan daging babi adalah pantang larang kepada upacara tersebut, dan ayam atau kambing yang disembahkan perlu disembelih mengikut cara Islam. Oleh yang sedemikian, orang cina yang menyembah Datuk Keramat, membeli sahaja daging ayam atau kambing daripada penjual daging beragama Islam.

Sebilangan orang cina, percaya bahawa semangat-semangat ini adalah penyayang dan lemah-lembut. Namun ada juga yang menajaja bahawa semangat-semangat ini sangat tegas dan mampu menghukum pengikutnya yang makan daging babi atau minum arak dengan kemalangan jalan raya atau masalah dengan pihak polis.

Di beberapa kawasan di Pulau Pinang dan utara Perak, masyarakat cinanya turut mempunyai versi perempuan Datuk Keramat yang dikenali sebagai nenek keramat. Nenek Keramat pula disembah dengan persembahan seperti mekap, dan minyak wangi, ini selaras dengan pemahaman masyarakat cina yang percaya bahawa roh atau semangat juga mempunyai ragam manusia. Nenek Keramat biasanya diseru untuk mengubat pengikut-pengikut perempuan, apabila melibatkan perkara-perkara yang berkaitan tubuh badan perempuan.

Di Teluk Intan pula, terdapat Datuk Haji Tua yang juga merupakan satu semangat keramat. Selain itu terdapat juga Datuk Kaki Bukit yang dikatakan penunggu di kawasan kaki bukit. Cuma terdapat dua datuk yang dipercayai berbangsa cina iaitu Panglima Ah Chong, yang dipercayai bekas ketua kongsi gelap Gee Hin, dan

Datuk Zhang yang dipercayai berasal dari wilayah Fujian China, yang kemudian memperoleh gelaran ‘Datuk’ daripada kesultanan Brunei.

Penulis berkesempatan untuk menyaksikan upacara konsultasi Datuk Keramat berhampiran satu tokong Datuk Harimau, di tengah-tengah hutan berhampiran pekan Baling Kedah. Penulis diberitahu bahawa adalah dilarang untuk berbicara soal nombor ekor di sana. Apa yang menarik perhatian adalah penjaga tokong tersebut adalah seorang lelaki india muslim, manakala penganut kepercayaan itu pula rata-rata terdiri daripada orang cina dan india.

Saya menyaksikan ragam “menurun” oleh Sami tokong tersebut iaitu seorang lelaki cina. Sebaik sahaja bermula, kedengaran ngauman harimau yang kuat dari sami tersebut diekori dengan gerak-geri seakan-akan harimau. Setelah setengah minit sami berkenaan pun menjadi tenang dan memberi salam “*assalamualaikum*” lalu dijawab oleh orang-orang cina “*walaikum salam Tok*” dan kemudian mereka bersalaman. Konsultasi berjalan dengan menggunakan bahasa melayu. Dua orang cina, bercakap bahasa melayu di dalam tokong cina di tengah-tengah hutan belantara lebih kurang jam 12:00 tengah malam, pengalaman yang sukar untuk dilupakan.

Daripada pemerhatian penulis, sami yang tidak fasih berbahasa melayu boleh bercakap melayu dengan fasih setelah “menurun” dan gaya lagaknya turut berubah seolah-olah menjadi seorang melayu tua. Penulis juga memerhati bahawa sami berkenaan membacakan apa yang pada pendengaran penulis bunyinya seperti bacaan al-Quran yang fasih sementara menghembus-hembus pada dulang yang berisi air kosong dengan kelopak-kelopak bunga dan limau purut.

Setelah selesai semua pengikut berkonsultasi, penulis diberi peluang untuk berbicara dengan semangat Datuk Harimau yang dikatakan merasuk badan sami tersebut. Mulanya penulis agak skeptikal, namun setelah berbicara dengannya didapati bahawa sami itu seolah-olah dapat membaca apa yang penulis fikirkan dan rasa.

Mereka berbicara tentang nusantara, lalu dikisahkan tentang satu zaman di mana nusantara menjadi pusat dunia. Menurutnya, suatu kala dahulu keagungan nusantara begitu luas sehinggakan bahasa melayu umpama bahasa inggeris sekarang.

Sebelum “berangkat” Datuk Harimau berbisik, katanya hanya satu perkara yang pasti dalam hidup ini, iaitu perubahan. Malah, maut itu pun satu ketidakpastian, tetapi perubahan itu sentiasa. Setelah itu sami itu bersalaman dengan penulis lalu pengsan, dan setelah beberapa minit sami itu pun kembali normal seperti seorang lelaki cina. Kepercayaan Datuk Keramat atau kultus tersebut memberi gambaran politik dan hubungan diantara kaum di negara kita sebenarnya.

## 6

# **Masjid Sebagai Pusat Komuniti, Bukan Rumah Tuhan**

*Mohd Izzuddin Ramli*

*Senibina yang terdapat di dalam sesebuah negara berbicara penuh tentang masyarakatnya. Tidak seperti lain-lain “bahasa”, senibina tidak pernah menipu. Dalam apa jua keadaan sesebuah bangunan itu dibina, ia akan sentiasa menyimpan niat atau kejahilan pemerintah, arkitek atau penggunaanya (Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, *Rethinking Islamic Architecture*).*

Memang perjalanan seseorang untuk mencari kebenaran di atas muka bumi ini tidak akan pernah selesai. Keresahan manusia terhadap rasa kurang, baik individu mahupun masyarakat membuatkan mereka akan sentiasa mencari-cari. Daripada rasa tidak pernah siap dan mencari-cari itulah manusia dan umat beragama membina diri dan mengubah nasib. Bermula dengan agama yang sekadar difahami sebatas alat untuk berkeluh kesah kepada Tuhan, sehinggalah kepada agama sebagai alat untuk mengubah nasib masyarakat – sebagai alat untuk memangkin revolusi.

Bagi masyarakat Islam, adalah menjadi suatu kewajipan bagi mereka untuk keluar daripada kejahilan. Tidak sedikit ayat yang terukir di dalam al-Quran menyeru supaya manusia meneroka dan terus memajukan diri. Surah Ar-Ra’du ayat 11 misalnya, Allah telah berfirman bahawa, “...sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu, melainkan mereka sendiri yang mengubah nasib mereka”.



Tanthawi Jauhari di dalam bukunya *Al-Jawahir fi at-Tafsir al-Quran al-Karim* menjelaskan bahawa terdapat lebih daripada 750 ayat di dalam al-Quran yang berbicara tentang ilmu pengetahuan dan kepentingan untuk memilikinya. Surah an-Nahl misalnya, mengajak manusia belajar dan mengkaji. Allah memerintahkan, “Dan Dialah yang menundukkan lautan (untukmu) agar kamu dapat memakan daging yang segar (ikan) darinya, dan (dari lautan itu) kamu mengeluarkan perhiasan yang kamu pakai. Kamu (juga) melihat perahu berlayar padanya, dan agar kamu mencari sebahagian kurnia-Nya, dan agar kamu bersyukur”. Ajakan-ajakan yang terdapat didalam kitab suci ini menandakan bahawa Islam sebenarnya bukanlah sebuah agama yang stagnan, tetapi idea-ideanya sentiasa mengalir ke dalam kehidupan masyarakat.

Namun, timbul sedikit kekecewaan apabila melihat kedudukan dan nasib yang dihadapi oleh rata-rata masyarakat Islam di negara ini. Sekalipun Islam bukanlah suatu hal yang baru bagi mereka, tetap ada sebilangan umatnya yang masih bergulat dengan hal-hal yang *furu'iyah* – antaranya wajib bela janggut atau tidak, wajib memakai jubah dan jilbab, bagaimana hukum solat jika tidak menggunakan sejadah, – dan jelas bahawa kesemua itu bukanlah perkara-perkara pokok yang harus dipeningkan. Tetapi, hal-hal inilah yang dianggap paling utama dalam Islam dan seolah-olah tidak cukup Islam jika mengabaikannya.

Tidak cukup sekadar soal-soal kulit seperti itu dipolemikkan, soal hubungan dan pemahaman antara agama belum juga selesai. Kita seringkali mendakwa bahawa Islamlah yang paling banyak dianut di negara ini, kita hidup di dalam masyarakat yang multi-etnik, multi-agama dan multi-budaya. Tetapi apabila timbul sesuatu isu antara agama, mulalah panas punggung dan tidak senang duduk. Malangnya, yang dilakukan bukanlah diajak duduk dan berbincang bersama, tetapi langsung menjatuhkan hukum kerana yang penting, kitalah yang paling benar.

Terbaru, umat Islam di negara ini dikhabarkan dengan isu di mana sekumpulan penganut agama Buddha telah menggunakan

sebuah surau untuk bermeditasi. Umum tahu, ia berlaku di sebuah resort di Tanjung Sedili, Johor. Belum reda satu isu, timbul pula isu-isu lain. Pernah juga suatu ketika dahulu isu seorang bekas ahli parlimen Serdang dari DAP, Teo Nie Ching yang memasuki surau untuk memberi ucapan diperbesar. Tidak sedikit daripada kumpulan-kumpulan yang dikatakan mewakili umat Islam tampil membuat bantahan keras. Disamping itu, ada juga orang menjadikan isu masjid kristal di Terengganu tidak sah digunakan kerana arkiteknya ialah orang cina. Pergulatan dalam hal-hal yang remeh ini akhirnya telah mengaburkan Islam sebagai agama yang memudahkan, akan menjadikan Islam hanya difahami sebagai agama sebatas ritual tapi tiada fungsi-fungsi sosial dan pembebasannya.

### **Menyemak kembali fungsi masjid, surau**

Polemik penggunaan surau oleh penganut agama Buddha dan beberapa isu berkait yang berlaku ini menarik kita untuk kembali memahami fungsi dan peranan sebenar masjid dan surau di dalam Islam. Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi dalam bukunya *Rethinking Islamic Architecture* sekurang-kurangnya telah memberi huraian terperinci dalam menjawab persoalan ini. Dengan memberi fokus kepada masjid sebagai salah satu binaan yang terdapat di dalam Islam, beliau menegaskan, masjid sebagai bahagian asas (sebut; fundamental) dalam masyarakat muslim telah berhadapan dengan krisis dalam dua hal iaitu organisasi dan juga senibina. Organisasi yang merujuk kepada peranan dan tujuan sebenar masjid, manakala senibina merujuk kepada rekabentuk masjid yang dihasilkan tidak mengambilkira konteks setempat.

Di dalam buku *The Role of the Mosque*, Sheikh Omar Bakri Muhammad menjelaskan bahawa syariat Islam telah menetapkan bahawa masjid perlu memainkan banyak peranan penting dalam masyarakat muslim bukan sekadar tempat untuk menunaikan solat. Para ulama klasik juga turut menggarisbawahi peranan-peranan penting ini di dalam sebahagian besar buku perundangan (fiqh) Islam. Antaranya ialah masjid sebagai ibu pejabat

kepimpinan tertinggi kerajaan Islam, menjadi tempat letaknya jabatan penerangan dan kebudayaan, sebagai mahkamah, sebagai institusi pendidikan, sebagai ruang untuk berpidato, pusat tahanan, rumah untuk pelarian, pemusafir dan orang miskin serta tempat untuk sebarang perayaan, bersosial dan hiburan dijalankan.

Masjid di zaman Rasulullah (*s.a.w*) juga memainkan peranan yang sedemikian iaitu bukan sahaja menjadi tempat untuk bersolat atau beriktikaf, tapi untuk pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Oleh kerana masjid paling utama memainkan peranan ini, pada zaman Rasulullah *s.a.w* juga, masjid dibenarkan bukan sahaja untuk orang Islam, tapi juga untuk orang bukan Islam. Masjid menjadi tempat untuk pelbagai aktiviti penyatuan masyarakat, berdialog dan sebagainya.

Dengan kata mudah, masjid dan surau menjadi pusat kegiatan komuniti – bukan rumah tuhan. Ismail Serageldin dalam *Faith and the Environment* menjelaskan bahawa terdapat kecenderungan bagi masyarakat Islam kontemporari untuk menganggap bahawa sifat-sifat masjid sama seperti “kuil”. Kuil, misalnya bagi penganut agama Pagan, Hindu atau agama-agama Mesopotamia dianggap sebagai tempat atau rumah yang didiami oleh Tuhan ataupun dewa. Kuil Mesir purba contohnya dibina sebagai tempat tinggal atau persinggahan Tuhan di bumi. Kehadiran Tuhan atau dewa di dalam kuil akan menghubungkan manusia dengan alam ketuhanan melalui pelbagai ritual keagamaan. Oleh hal yang demikian, kuil dalam keberadaannya dianggap suci.

Namun, jelas Tajuddin rujukan melalui sumber al-Quran dan hadis yang menunjukkan bahawa masjid sebagai “rumah Tuhan” adalah sangat terhad. Ketiadaan konsep rumah tuhan di dalam Islam menjadikan masjid tidak sekadar tempat untuk menjalan pelbagai ritual keagamaan, tetapi menjangkau lebih daripada itu. Rasulullah *s.a.w* pernah bersabda, “Bumi telah diciptakan kepadaku serta pengikutku sebagai tempat untuk bersolat dan melakukan tayammum. Oleh itu, sesiapa sahaja daripada pengikutku boleh bersolat di mana sahaja apabila waktu sudah tiba”. Asalkan tempat

untuk bersolat itu bersih – sekalipun di gereja – tetap dibenarkan. Perkara ini pernah dilakukan sendiri oleh sahabat nabi, Saidina Umar al-Khattab (*r.a*).

Konsep masjid sebagai pusat komuniti sebagaimana difahami ini akhirnya menjelaskan bahawa sesebuah masjid atau pun surau harus dibina di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan ramai – tempat orang sibuk melakukan kerja-kerja harian. Agar ketika lelah bekerja, umat Islam mudah untuk berhenti dan ke masjid untuk bersolat dan mengingati Tuhan disamping dapat merehatkan badan dan bersosial. Sebaliknya, masjid tidak harus dibina di kawasan-kawasan yang jauh dari masyarakat – dibina jauh di atas bukit. Apalagi dibina bagaikan sebuah mahligai tetapi tidak memiliki apa-apa fungsi, baik dari aspek rekabentuk mahu pun organisasi. Akhirnya, masjid menjadi jauh dari sifat-sifat manusiawi.

### **Masjid, surau hanya tempat solat**

Di dalam Islam, telah jelas termaktub bahawa terdapat dua kategori ibadah yang perlu dilakukan oleh setiap penganutnya. Pertama ialah ibadah fardhu ain, dan kedua fardhu kifayah. Di dalam fardhu ain, manusia diajar untuk mengakui tentang keesahaan Allah dan taat kepada-Nya. Tanggungjawab yang terlaksana pada tingkat individu ini merangkumi kewajipan solat, zakat, puasa, haji dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Islam juga telah mengajarkan bahawa kehidupan beragama ini tidak hanya terhenti pada ruang individu sahaja, tetapi ia harus dialirkan bersama dalam kehidupan bermasyarakat. Setiap individu dalam Islam berkewajipan ke atas yang lain. Maka di dalam fardhu kifayah, tanggungjawab manusia dalam aspek politik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya menjadi penting. Lebih lanjut, kedua-dua ibadah ini harus sejalan dan seimbang.

Seperti agama-agama lain, Islam juga memiliki faham teologi pembebasannya. Dalam hal ini, Islam juga harus difahami dalam ruang lingkup sosial. Dalam bahasa lain, perlunya sebuah pengkontekstualisasian ajaran dan nilai Islam pada masalah-masalah

keturunan india dalam bukunya *Islam and Liberation Theology* menjelaskan, teologi sebagaimana yang dianuti oleh kebanyakan umat Islam pada hari ini mengandungi kepasifannya dalam menghadapi realiti kehidupan. Agama menjadi terlucut daripada menyentuh masalah-masalah masyarakat ketika ia hanya diambil secara terlalu metafizik dan abstrak.

Kegagalan untuk memahami kewajipan sebenar umat Islam menyebabkan berlakunya juga kegagalan kita untuk menyeimbangkan tuntutan antara fardu ain dan fardu kifayah. Pembebasan inilah yang akan banyak ditemui di masjid ketika kita sudah kembali memahami fungsi dan peranan sebenarnya.

Namun dalam masyarakat Islam Malaysia secara umum, masjid dan surau pada hari ini seakan-akan sudah mengalami pereduksian makna. Ia hanya menjadi tempat untuk beribadat sebatas solat dan berzikir sahaja. Masjid sebagaimana dijelaskan sebelum ini telah dianggap sebagai rumah tuhan yang memiliki kesakralannya. Maka tidak pelik ketika ada iman ataupun tok siak yang ditugaskan untuk menjaga sesebuah masjid melarang untuk menggunakan masjid sebagai tempat untuk bermusafir, rehat atau menumpang tidur.

Kita sering beranggapan bahawa, semakin besar masjid atau surau yang kita bina, maka semakin kuat dan dihormatilah Islam. Apalagi masjid sekarang dijadikan alat untuk bermegah-megah. Satu mukim jika sudah ada satu masjid besar masih tidak mencukupi, perlu dibina yang lain lagi. Ironinya, kita hanya mampu melihat binaan masjid sahaja yang besar, tapi jumlah jemaah atau orang yang mendapat manfaat daripadanya adalah kecil. Yang melucukan, ketika kita sudah menjauhi masjid dan buta akan peranannya, dengan tiba-tiba kita melompat marah apabila ada orang lain yang mengambil manfaat daripadanya.

Kekuatan Islam adalah terletak pada sejauhmana umatnya mampu memahami dan menghayati pesan-pesan yang diajarkan. Kemampuan untuk bertoleransi antara agama dan hidup aman bersama orang lain. Kekuatan Islam terletak pada kemampuan umatnya

untuk mencintai orang lain dan menjadi model untuk diteladani. Islam dihormati ketika ia mampu untuk memastikan kebajikan rakyat terjaga, rasuah dihapuskan, ketidakadilan dihancurkan dan bukan dihormati pada monumen-monumen indah tapi kosong makna.

## Kosmopolitanisme & Epok-epok

*Haris Zuan*

Apabila kita merasakan sesuatu itu hak kita kerana berasal daripada kita, maka fikirkan semula, termasuklah dalam hal seremeh hidangan minum petang. Berkenaan hidangan minum petang, setidaknya, ada dua jenis kuih yang sebelum ini, semasa kecil, penulis fikirkan memang berasal daripada negara ini – karipap dan juga donut. Bagi penulis, jika karipap dan donut bukan sesuatu yang ‘sangat Melayu’ setidaknya pasti kedua makanan kegemaran rakyat Malaysia ini sangat ‘sangat Malaysia’. Namun, apabila penulis menonton filem Terminator lakonan Arnold Schwarzenegger (kurang pasti *sequel* yang beberapa) penulis mula menyedari bahawa donut juga ‘sangat Amerika’. Lebih daripada itu, donut atau *doughnut* (di Amerika donut merujuk kepada variasi *doughnut*, manakala di United Kingdom donut merujuk kepada *doughnut* versi Amerika!) merupakan antara *confectionery* yang sangat popular di seluruh dunia – dan tiada apa-apa yang sangat Malaysia pun dengan donut, melainkan kuih keria; bentuk seakan donut itu diperbuat daripada keledak dan disira dengan gula. Sebaik menyedari hakikat ini, penulis menerima donut bukan lagi (semata-mata) hak orang Melayu atau Malaysia.

Namun, untuk sekian lama selepas itu, penulis masih merasakan karipap atau epok-epok memang berasal daripada negara ini atau paling tidakpun daripada rantau ini – Malaysia, Indonesia, Singapura atau paling jauh pun India (kerana perkataan kari itu). Penulis sangat yakin kerana nama epok-epok itu hanya digunakan di belah selatan semenanjung, di Johor khususnya. Maka, mudahnya

pastilah karipap atau epok-epok ini berasal daripada belah sini. Tak akan boleh silap lagi kali ini!

Malangnya, betapa pun penulis enggan mengakuinya, penulis ternyata tersilap lagi. Epok-epok boleh dijumpai sejauh La Pampa di Argentina – sebuah negara di Amerika Latin! Cuma namanya sahaja berbeza, sebagaimana kita di sini – epok-epok atau karipap, kuih gulung atau kuih ketayap, jempot-jempot atau cucur. Sedangkan kita yang duduk dalam satu negara dan berkongsi bahasa ini pun boleh menerbitkan banyak nama untuk kuih yang sama, apatah lagi jika karipap tersebut jaraknya di balik bumi.

Di Argentina, karipap disebut *empanada*. Bentuknya hampir sama seperti karipap di sini dan sangat popular. Malah di bandar Famaillá di wilayah Tucumán, setiap bulan September akan diadakan Fiesta Nacional de la Empanada atau Festival Empanada Kebangsaan. Peserta festival akan mempertandingkan empanada buatan tangan masing-masing untuk merebut gelaran Empanada de Oro atau Empanada Emas – Epok-epok Emas! Anugerah buat menghargai *empanada* dengan inti terbaik, kulit yang rapuh dan rangup.

Resepi Empanada ini juga terdapat dikebanyakan negara di Amerika Latin dengan nama yang berbeza. Di Brazil dan negara kepulauan Cape Verde, resepi ini dinamakan Pastel atau *pastéis*. Di Costa Rica pula, ‘epok-epok’ dipanggil patí manakala di Aruba, Bonaire & Curaçao dan Republik Domicia *pastelitos* atau *catibías*. Umumnya, bentuknya hampir sama, cuba berbeza daripada segi inti, sama ada lebih pedas atau sebaliknya. Cara penyediaannya juga hampir sama, digoreng. Terdapat juga variasi yang menyediakan resepi ini dengan membakarnya dalam ketuhar – seperti penyediaan pizza. Sebelum kita semua mula percaya bahawa empanadas atau karipap berasal daripada Amerika Latin, izinkan penulis menyambung kisah ini.

Khabarnya, *empanada* dibawa oleh masyarakat Galicia di Portugal ke Argentina. Kenyataan ini ada asasnya, kerana bangsa



Eropah pertama yang tiba di Argentina adalah bangsa Sepanyol – bersebelahan dengan Portugal. Malah, di kebanyakan negara Eropah, terdapat versi epok-epok mereka sendiri! Umpamanya di Scotland, epok-epok mereka disebut *bridie*, manakala di Britain disebut *pasty*, dan di Itali pula epok-epok dipanggil *calzone*.

Empanada ini boleh dikesan kemunculannya semenjak zaman Andalusia lagi – wilayah terletaknya Sepanyol, Portugal, Gibraltar dan Perancis kini. Sebuah buku masakan pada tahun 1520 dalam bahasa Catalan yang berjudul *Libre del Coch* karangan Ruperto de Nola, menyatakan bahawa empanada adalah pastri (tepung yang diuli dengan air) yang dilipat dengan inti yang berbagai – ayam, daging, sayuran, dan makanan laut. Ada pandangan yang mengatakan resepi ini berasal daripada Samosa di India. Akan tetapi, jika kita ke Vietnam, pasti kita akan berjumpa dengan ‘epok-epok’ sebagaimana di Malaysia bentuknya, cuma di sana makanan ini dipanggil *Bánh xép*.

Rupa-rupanya epok-epok berada di mana-mana sahaja di seluruh dunia, maka pastinya sukar untuk mendakwa epok-epok lebih asli daripada *empanada* atau *calzone*. Makanan, sebahagaimana produk lain kebudayaan – tarian, pakaian, dan lain-lain – merupakan hasil daripada pertembungan dan perkongsian kebudayaan yang berbeza. Budaya tidak pernah tunggal atau statik. Sepanjang pengamalan sejarah, manusia bertemu, berkongsi dan saling berbagi rasa serta makna. Begitulah halnya dengan karipap. Jika kita boleh bersetuju berkenaan karipap ini, maka akan lebih mudah untuk membincangkan persoalan kebudayaan yang lebih sulit – kerana asasnya adalah sama, tiada yang seluruhnya milik kita.

Apa yang lebih penting daripada mencari tempat asal-usul epok-epok ini adalah untuk menikmati dan merayakan semuanya – karipap, *bridie*, *pasty*, *calzone*, *pastelitos* dan *catibias* serta *Bánh xép*.

## **Orhan Pamuk Melawan Hitam dan Putih**

*Muhammad Nazreen*

Kerim Alakusoglu, atau lebih dikenali sebagai Ka adalah watak yang kita sering temukan di dalam hidup. Hidup tidak semudah hitam dan putih. Namun, itulah realiti yang dipancarkan menerusi media massa. Di balik itu, ada ruang kelabu untuk kita memilih dan mengerti bahawa kebenaran itu sulit dan pahit.

Membaca novel ‘Snow’ yang diilhami oleh Orhan Pamuk, sebenarnya menjawab beberapa tuntutan kita untuk berfikir, dan akhirnya kita akan berjumpa dengan sebuah realiti yang rumit untuk dilalui. ‘Snow’ merupakan percubaan Orhan Pamuk yang paling hampir dengan desakan realiti di antara dua dunia yang saling bergelora.

Para pengkritik sastera melihat ‘Snow’ sebagai model kesusasteraan pasca-modernisme yang bercorak politikal. Namun, di dalam satu temubual bersama jurnal *The Paris Review* pada April 2005, Pamuk menjelaskan bahawa ‘Snow’ merupakan manifestasi kegelisahan yang dialami warga Turki akibat daripada kecelaruan identiti. Kekosongan ini menyebabkan Turki berdepan dengan ancaman fundamentalisme agama dan pada masa yang sama – tekanan anti-agama akibat gagasan sekularisme ‘laicite’ yang diperkenalkan oleh bapa pemodenan Republik Turki, Mustafa Kemal Attaturk semakin sebat.

Dalam temubual yang sama, Orhan Pamuk menjelaskan bahawa

sebagai seorang penulis, sudah menjadi bagian daripada tanggungjawab menulis dengan penuh kesedaran tentang tanggungjawab sosial untuk menganjurkan unsur-unsur politikal dan moraliti. Ketika ditanya-kan oleh wartawan dari akhbar *Der Tages-Anzeiger* berkenaan Turki, Orhan Pamuk menyatakan: “*thirty thousand Kurds and a million Armenians were killed in these kands and nobody but me dares to talk about it*”. Pamuk juga bukanlah kali pertama mencetuskan polemik. Pamuk merupakan penulis terawal yang mengeluarkan kenyataan mengkritik fatwa ‘hukum bunuh’ terhadap Salman Rushdie setelah menulis *The Satanic Verse* oleh Ayatollah Khomeini lewat tahun 1989, disusuli oleh beberapa penulis lain seperti Naguib Mahfouz.

Mengambil latar sekitar tahun 1992, pengaruh sekularisme ‘*laicite*’ di Turki masih berkembang. Gagasan sekularisme versi Mustafa Kamal Attarturk yang sangat tidak mesra agama menghantui sebilangan masyarakat minoriti keagamaan, terutamanya masyarakat Muslim di Anatolia. Tahun yang sama, kerajaan yang dikuasai golongan militari melancarkan serangan besar-besaran ke atas minoriti Kurdish. Turki juga berdepan dengan imigrasi berskala besar kelompok imigran yang datang dari negara-negara bekas Soviet seperti Georgia dan Armenia.

Tahun itu juga merupakan detik kemuncak pertembungan ideologi-ideologi radikal seperti sekularisme politik, komunalisme etnik (Kurds), Islamisme dengan nasionalisme aliran kanan bangsa Turki. Percubaan Orhan Pamuk di dalam ‘*Snow*’ merakam beberapa pertembungan ini dan melihat bagaimana akhir-nya pergeseran ideologi menjadi ironi menuju plot-plot pengakhiran cerita.

Jika diteliti, ‘*Snow*’ ini seakan-akan eksperimentasi yang sama direncanakan oleh George Orwell menerusi *Homage To Catalonia* (1932), di mana Orwell menceritakan bagaimana terjadinya pertembungan ‘ideologi dalam ideologi’ semasa Spanish Civil War di antara International Brigade (Stalinisme) dan The Worker’s Party of Marxist Unification, POUM (Trotskyisme). Hakikatnya kedua-dua adalah musuh, tetapi mereka berkongsi tujuan untuk menjatuhkan regim Franco.

### **“SNOW” : Realiti di sebalik (bukan) hitam dan (bukan) putih.**

Kars adalah sebuah kota lesu. Kota ini semakin tersisih dan jauh tertolak ke hujung timur Anatolia. Pamuk mengisi cerita-cerita sedih, ketawa dan tragedi yang tersorok yang tersirat di dalam gedung kota ini. Inspirasi novel ‘snow’ juga sebenarnya adalah terjemahan bahasa Turki yang membawa maksud salji, atau ‘Snow’ di dalam bahasa Inggeris. Kars tidak pernah lelah daripada gelombang kemiskinan, yang diisi oleh majoriti masyarakat Islam berketurunan Kurdish. Kurdish merupakan etnik buangan, dan jauh terbuang di dalam kota ini.

Pekan kecil ini sebenarnya tenteram dengan latar sejarah yang besar. Kota buangan ini lah yang menyajikan perkongsian budaya, kearifan dan idealogi yang rencam. Kebanyakannya adalah warga buangan etnik Kurdish, pelarian negara bekas jajahan Soviet dari Georgia dan Armenia. Saki baki mereka adalah kelompok komunis tua atau ‘old left’ yang lari selepas rampasan kuasa oleh pihak tentera lewat tahun 1980.

Ceritanya bermula apabila Ka mendapat sebuah tugas untuk menyiasat kes bunuh diri melibatkan beberapa orang gadis di pekan kecil bernama Kars akibat daripada larangan berhijab di sekolah. Ka bertugas sebagai wartawan akhbar bernama ‘Cumhuriyyet’ atau ‘Republik’, sebuah akhbar aliran kanan yang mendokong sekularisme a-la Attarturk. Ka bertugas untuk mendapatkan cerita sensasi tentang berita ini. Di situ, dia kembali mencari sahabat lamanya yang kini terlibat aktif di dalam gerakan fundamental Islam. Dia bertemu semula Ipek, bekas kekasihnya yang kini sudah berkeluarga. Orhan Pamuk sempat merakam detik-detik berahi Ka dan Ipek dengan erotis, akibat perhubungan lama yang terputus tetapi disatukan kembali di bawah cerita yang berbeza.

Kembara Ka ke kota Kars, seolah-olah memberi nyawa kepadanya untuk memperbaharui kenyataan-kenyataan hidup. Kars bukan sekadar mengisi cerita tentang Ka selaku seorang wartawan investigatif, tetapi sempat merakam perjalanan spiritual Ka yang sudah

lama hanyut dengan kekecewaannya pada Tuhan. Pamuk bijak menyelit beberapa dialog keimanan. Salah satunya apabila Ka bertemu anak muda bernama Necip. Necip merupakan pelajar jurusan agama di kota Kars. Semasa itu, Ka bertanya :

Ka : Apakah Tuhan itu wujud? Kalau ya, mengapa penindasan dalam dunia ini tidak pernah selesai?

Necip: Kalau Tuhan itu tiada, nescaya syurga dan dunia itu tidak wujud buat mereka yang tertindas. Jadi tinggallah mereka diperlakukan zalim dan mati dengan penuh kesia-siaan.

Perjalanan di kota Kars, tidak hanya membibitkan pertemuan kembali Ka dan Ipek. Dia berkenalan dengan beberapa watak penting yang mengisi keseluruhan plot cerita ini. Turgut Bey, ayah Ipek adalah seorang komunis tua yang kini sudah insaf. Watak ini direka Pamuk sebagai si tua yang kuat mendengar dan memebel. Di sepanjang dialognya, Turgut Bey hanya menceritakan tentang keluh kesah menjadi komunis, tetapi akhirnya bercerita tentang keimanan komunismenya yang lama sudah reput.

Dari situ, borak-borak tentang agama dan spiritual, ideologi dan kemusnahan merobah cara pandang Ka dalam melihat dunia. Masyarakat Kars di mata Ka, hidup dengan penuh kepura-puraan. Misalnya, perkenalan beliau dengan adik Ipek, bernama Kediff memperlihatkan betapa ketidakjujuran berlaku. Kediff adalah seorang penggiat teater. Dalam suatu dialog, Ipek menceritakan bagaimana Kediff hanya menyarungkan hijab di kepalanya sekadar untuk menyenangkan hati ketua Islamis di situ, supaya acara teaternya tidak diganggu oleh kelompok fundamentalisme agama.

Hijab dijadikan alat munafik, kerana agama bukan lagi keikhlasan tetapi sebuah ketakutan dalam pembohongan yang disembunyikan. Peristiwa bunuh diri kini semakin menjadi-jadi di kalangan pelajar perempuan. Jabatan Hal Ehwal Agama Kars terpaksa mengeluarkan fatwa ‘Suicide is Blasphemy!’ bagi mencegah tragedi pandemik ini daripada berterusan. Peristiwa ini melihatkan bagaimana

agama hanya sebagai aturan hukum, bagi masyarakat yang serba tidak ikhlas. *(Ini adalah interpretasi penulis. Pembaca lain layak menawarkan hujahan yang lebih baik.)*

Tetapi, masyarakat di situ tidak diberi pilihan khusus. Ada cerita juga diselitkan dengan teks ‘The Fatherland and The Headscarves’. Teks ini seolah-olah memunculkan dikotomi hitam dan putih – pilihan A atau B buat masyarakat Kars. Mereka tertekan. Tiada ruang yang lebih rasional untuk dimiliki. Begitulah dilema yang dihadapi rata-rata warga kota Kars, yang seperti bernyawa dalam keadaan ruhani yang serba tidak bernyawa.

Klimaks di dalam ‘Snow’ bermula dengan suatu petang – ketika Ka sedang mencicipi teh. Dia menyaksikan peristiwa tembak-membak di hadapan matanya. Seorang mangsa gugur. Si mati adalah Pengarah Pendidikan di sebuah sekolah yang telah mendapat arahan daripada kerajaan untuk melarang pemakaian tudung.

Dari situ, Ka tertanya-tanya dan akhirnya mendapat perkhabaran bahawa pembunuh tersebut merupakan anggota gerakan pembebasan Islam yang berang dengan kejahatan kerajaan pimpinan militari. Ka mendapati hal ini semakin rumit. Fundamentalisme agama kini semakin memuncak, namun di sudut yang lain; tentera seolah-olah hilang perikemanusiaan – memperlakukan masyarakat beragama di bawah lindungan agama autoritarianisme yang diwarisi semenjak pemerintahan Kemal Attaturk.

Kemuncaknya di suatu malam yang dingin, ketika warga Kars sedang asyik menikmati persembahan teater. Sekelompok tentera menyerang panggung terbabit. Beberapa tembakan rambang dilepaskan. Ada di antara penonton malam itu gugur, dirobek butir-butir peluru tersebut. Tragedi balas dendam ini kena-mengena dengan pembunuhan pengarah pendidikan tersebut. Pihak tentera membalas dengan kejam dan menangkap beberapa orang yang dipercayai terlibat secara langsung dengan gerakan fundamentalis agama.

Begitulah Snow. Di sebalik putihan salju-salju yang turun dari langit, tersorok cerita sedih yang dipinggirkan realiti. Saya teringat suatu babak apabila Ka mula-mula tiba di bandar itu – dia berkata, “The desolation and remoteness...hit him with such force that he felt God inside him.” Permulaan ini sudah cukup untuk memanggil pembaca supaya tekun membaca Snow sehingga ke helaian terakhir.

Snow merupakan novel ke tujuh Orhan Pamuk. Novel ini antara yang terlaris di pasaran sehingga-kan lebih 11 juta naskhah berjaya diterbitkan dan diterjemahkan ke dalam 40 puluh bahasa. Dan demikian-lah, Orhan Pamuk berjaya menangkap erti ‘kehidupan ini bukan sekadar hitam dan putih!’

## **Antara Baha Zain dan Dunia Anak Muda**

*Meor Yusof Aziddin*

Apabila Datuk Baharuddin Zainal atau nama penanya Baha Zain dinobatkan sebagai Sasterawan Negara yang ke-12 pada 15 Mac 2013 yang lalu, pelbagai respon dan pendapat yang saya terima daripada rakan-rakan. Ada yang suka dan ada yang tak suka. Ada yang bersetuju dan ada juga yang tidak...

Untungnya saya punya ramai kawan bijak pandai yang berada di kanan dan kiri. Cuma yang saya pasti kecuali Sasterawa Negara A.Samad Said (Datuk), ramaikah anak-anak muda hari ini yang kenal Baha Zain?

Saya tanya juga pendapat kawan-kawan yang sealiran seperti SM Zakir (setiausaha agung PENA) juga kepada Zainal Rashid Ahmad (penulis, penerbit dan pemikir Melayu) tentang kelayakan Baha Zain sebagai penerima anugerah Sasterawan Negara. Rata-rata mereka bersetuju dan berkata itu adalah pilihan yang paling tepat.

Pun bagi penerima anugerah Sasterawan Negara tahun 1982, Shahnon Ahmad seperti saya baca pendapatnya dalam portal Malaysiakini pada pada 18 Mac 2013, agak kurang bersetuju dan menolak pemilihan tersebut. Emel yang dihantarnya melalui Dr Faisal Tehrani ke portal berita itu juga menyatakan :

*“Shahnon melihat Baha Zain, yang diumumkan penganugerahan itu oleh Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin,*



*tidak berupaya dalam kritikan sastera”.*

Begitu juga bila saya tanyakan kepada Jimadie Shah Othman (penulis dan penyair) yang katanya:

*“Kalau ditanya apa perasaan saya dengan penganugerahan anugerah Sastera Negara kepada Baha Zain, jawapan saya tiada perasaan. Saya tak mengikuti dengan dekat, kecuali yang di dalam Teluk Gong, saya tak pernah jatuh cinta dengan karya-karya Baha.*

*Bagaimanapun, bagi saya itu soal nombor dua. Saya tak pertikaikan soal kualiti. Ia hanya soal rasa atau selera. Kedua, bidang seni bukan pencak silat. Dalam seni tidak ada nombor satu atau nombor dua. Cuma, masalah yang merunsingkan saya apabila orang tak ambil kisah lagi dengan anugerah ini. Ia menjadi tidak lebih penting daripada pemenang Maharaja Lawak atau Anugerah Bintang Popular.*

*Ini gelanggang sebenar Baha, untuk menempatkan dirinya dalam masyarakat sebenar. Jika itu boleh dilakukan, prestij itu akan datang sekali. Seperti beliau menyumbang dalam Telok Gong lama dahulu.” - Jimadie Shah Othman*

Maka, saya pun terpanggil dan diberi peluang untuk mengulas tentang beliau dalam konteks kefahaman yang saya selesa, berterus terang dan terbuka.

Saya tidak akan mengulas seperti para bijak pandai yang bijak berkata dan bermadah seloka. Saya hanya akan mengulas dalam konteks yang biasa-biasa saja.

Beliau dilahirkan pada 22 Mei 1939 dan berasal dari Hutan Melintang, Perak. Beliau telah menerima pelbagai anugerah Sastera seperti Tokoh Pena pada 17 Disember 2011 kerana sekian lama terlibat dalam penulisan dan aktif dalam PENA (Persatuan Penulis Nasional Malaysia).

Saya juga peminat sastera Melayu dan saya tahu Baha Zain adalah sasterawan penting yang banyak berjasa kepada negara dan atas sebab jasanya itulah beliau dianugerahkan dengan pelbagai anugerah dan darjat sesuai dengan jasanya.

Tahun 2000 dahulu, terutamanya pada setiap Jumaat pertama awal bulan, saya sering berkunjung ke PENA yang lokasinya terletak berdekatan dengan bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Saya ke sana kerana belajar membiasakan diri dengan bernyanyi dan berlagu di hadapan khalayak. Tidak ada bayaran, pun itu tidak mengapa kerana saya menyanyikan lagu ciptaan sendiri. Maka, itu saya anggap satu ruang promosi untuk saya dikenali, pun selama setahun saya di situ, nama saya mereka pun ingat-ingat lupa juga. Yang menerima saya itulah anak-anak muda yang moden dan terbuka yang asing dari PENA.

Pun begitu, kesannya saya kenal dengan beberapa nama besar penggiat dalam dunia sastera dan puisi Melayu seperti SM Zakir, Zainal Rashid Ahmad, Sutung Umar RS( yang waktu itu menjadi setiausaha agungnya) Rahimidin Idris dan beberapa nama lagilah.

Datuk Baha Zain sering ke PENA kerana beliau memang orang penting, dihormati dan diraikan di sana. Saya selalu juga menonton beliau bersajak dalam bahasa yang indah tapi berkesan. Caranya cara orang lama, kiasnya cara orang lama yang banyak makan garam, gitulah...

Membaca wawancara eksklusifnya dalam majalah Dewan Sastera dalam keluaran beberapa bulan yang lepas, tokoh penyair, pemikir sastera dan penulis ini agak terbuka dalam banyak hal. Tidak dinafikan beliau juga punya hubungan yang baik dengan mereka-mereka yang bertaraf legenda dan bergelar Sasterawan Negara seperti Usman Awang dan Keris Mas. Salah satu sebabnya mereka bekerja di bawah satu bumbung di DBP waktu itu di awal tahun 70an dulu.

Menariknya juga dalam isu tersebut ada dikupas tentang peristiwa 13 Mei dan isu Teluk Gong di tahun 1969 dan dasar mereka yang menentang kerajaan tentang isu bahasa waktu itu.

Baha juga terlibat dalam isu pemansuhan PPSMI (Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris) sehingga tercetusnya demo pada 7 Mac 2009. Antara yang terlibat dalam demo tersebut selain beliau Sasterawan Negara Datuk A.Samad Said dan pengerusi GMP (Gerakan Mansuhkan PPSMI) juga bekas pengarah DBP Datuk Dr Hassan Ahmad (Allahyarham).

Hari ini, seperti saya melihat PENA itu seperti sebuah pentas yang jauh di kayangan sana, yang terpencil dan yang tinggal hanyalah mereka yang seakan para dewa-dewa yang hanya memuji antara sesama mereka, begitulah saya melihat jarak antara Datuk Baha Zain (yang pernah menjadi Presiden PENA pada 2008-2010) dan anak-anak muda hari ini.

Seperti yang dikatakan; Baha Zain itu PENA, PENA itu Baha Zain. Persoalan dan cabarannya, masih relevankah PENA untuk mewakili suara anak-anak muda hari ini yang nyata dan nampaknya semakin jauh dan tersisih dari mereka?

Berbeza sekali apabila saya melihat sikap dan rasa kemanusiaan yang terdapat dalam diri Datuk A.Samad Said. Beliau masih akan menyapa dan bertanya khabar saya seadanya ketika tiap kali bertembung di KL Sentral mahu pun di dalam LRT. Bahkan bukan hanya saya, sesiapa saja yang menyapanya akan disambutnya dengan rasa hormat dan sifat kemanusiaan yang terpuji.

Di kalangan semua Sasterawan Negara sejak zaman Keris Mas (1981) sehinggalah ke zaman Datuk Baha Zain (2013), bagi saya yang paling merakyat dan dekat dengan masyarakat terutamanya di kalangan masyarakat marhaen itu lah Bapak A.Samad Said.

Dunia sastera dan budaya hari ini semakin terbuka. Ini bukan masanya kita bermadah seloka sambil mengajak masyarakat

menerima dan datang kepada kita dalam bentuk yang kita mahu. Ini zaman di mana kita harus belajar bagaimana mahu memahami kehendak dan mahu mereka.

Apa pun diucapkan tahniah kepada Datuk Baha Zain sebagai Sasterawan Negara yang ke – 12.

**Papa a la Huancaína, Bibir Beruk dan Asam  
Laksa: Resepi Menghilangkan Rasa  
Perkauman**  
*Haris Zuan*

Di sebuah cafe kecil di tengah-tengah kota besar Sofia, ibu negara Bulgaria penuh sesak dengan orang ramai. Ada demonstrasi! Ya, tetapi kali ini bukan demonstrasi jalanan tetapi demonstrasi masakan oleh seorang chef terkemuka daripada Peru, Chef Carlos Porten yang mempunyai sebuah restoran bernama Lomo juga di kota Sofia.

Chief Carlos Porten mulakan demonstrasi hari itu dengan Papa a la Huancaína, salad daripada kentang rebus bersama dengan sos Huancayo yang dinamakan sempena wilayah Huancayo di tengah tanah tinggi Peru. Resepi kedua hari itu adalah Halibut Ceviche, ikan segar yang disediakan bersama jagung. Manakala resepi terakhir adalah Bolitas dengan Chicharrons. Bolitas adalah bebola daging berintikan nasi, jagung dan kekacang manakala Chicharrons adalah daging bahagian dada babi yang dimasak dengan api yang perlahan sehingga empuk.

Acara ini merupakan antara program bulanan sekumpulan sukarelawan yang menggelar diri mereka Multi Kulti Kitchen. Sehingga kini telah ramai pelarian, pendatang dan warga asing lainnya telah berkongsi resepi masakan masing-masing dengan warga Bulgaria. Zvezda Vankova, salah seorang pengasas Multi Kulti Kitchen,

yang memulakan program ini pada tahun 2009 sebagai sebahagian daripada sambutan World Tolerance Day, hasil interaksinya dengan pendatang dan warga asing di Bulgaria. Beliau berasa sedih kerana kefahaman mengenai kebudayaan asing sangat rendah dalam kalangan masyarakat Bulgaria. Kini, program Multi Kunti Kitchen ini telah diterima baik dan mendapat sokongan United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) serta Pertubuhan Palang Merah.

Jelas bahawa makanan mampu untuk menghubungkan kebudayaan dan juga kemanusiaan. Malah, makanan bukan sahaja memperbaiki hubungan di peringkat individu, tetapi juga di peringkat antara dua kebudayaan besar dan telah dilaksanakan sejak zaman dahulu kala lagi. Festival Diraja Manchu Han (Manhan Quanxi, Manchu Han Imperial feast) merupakan pesta terbesar yang pernah direkodnya dalam sejarah China. Apabila Manchu berjaya menawan China semasa Dinasti Qing, puak Han berasa kedudukan mereka merosot dan tergugat. Hubungan antara Manchu dan Han menjadi tegang. Lalu semasa perayaan ulang tahun keputeraan Maharaja Kangxi ke-66, baginda telah mengarahkan agar diadakan satu jamuan makan besar-besaran selama tiga hari yang menghidangkan makanan terbaik daripada puak Han dan Manchu dengan lebih 320 hidangan makanan termasuk hidangan paling istimewa seperti otak monyet, bonggol unta, tapak tangan beruang, bibir beruk, usus harimau kumbang, dan ekor badak.

Sehingga kini, tradisi makan mewah ini masih wujud dalam kalangan masyarakat cina meskipun kemungkinan otak monyet itu telah ditukar dengan bahan lain. Namun bukan itu isunya, sejak sekian lama, makanan telah menjadi simbol penyatuan masyarakat yang kukuh. Demikian juga selepas tragedi 13 Mei, banyak usaha ambil untuk memulihkan keharmonian kaum di negara ini, antaranya diadakan pesta makan durian untuk benar-benar menunjukkan bahawa negara telah kembali pulih dan rakyat dapat hidup aman sentosa. Barangkali juga kerana durian adalah representasi hubungan kaum di negara ini yang terbaik – nampak keras dan penuh duri di luar tetapi tetap lemak dan manis di dalamnya.

Malah, dalam masyarakat Malaysia yang turun naik suhu perkau-  
mannya, suatu yang jelas, asimilasi kebudayaan itu jauh lebih mu-  
dah meresap pada anak tekak berbanding akal fikiran masing-mas-  
ing. Manusia melayu paling rasis dalam negara ini tidak mungkin  
dapat menolak apabila dihidangkan nasi ayam. Begitu juga dengan  
orang cina paling cuavinistik juga tidak mampu untuk menolak se-  
pinggan nasi lemak dan semua kita di negara ini. Biar betapa pe-  
semis pun terhadap hubungan kaum di negara ini pasti akan seng-  
sara jika tidak dapat menikmati roti canai kegemarannya.

Malah, oleh kerana asimilasi kebudayaan melalui makanan ini  
terlalu berjaya, pengenalan kaum terhadap makanan itu hampir  
tiada. Kini sesiapa sahaja menjual nasi ayam hainan biarpun dia  
bukan berketurunan cina. Nasi lemak juga dijual di medan selera  
bersama daging babi salai dan roti canai ada di mana-mana. Jauh  
lebih daripada itu, makanan di negara ini telah pun sampai ke ta-  
hap *syncretism* di mana terdapat viarasi budaya dalam penyediaan  
resipi. Sebagai contoh, kini variasi asam pedas menjadi bertambah  
banyak termasuk asam pedas peranakan nyonya. Demikian juga  
halnya dengan laksa Penang.

Di sinilah letaknya keindahan masyarakat yang berbilang kebu-  
dayaan kerana konsep ini bukan bererti semua kaum daripada latar  
yang berbeza duduk bersama dan mengamalkan adat budaya mas-  
ing-masing secara berasingan. Itu pemahaman yang paling singkat  
dan naif. Budaya sentiasa saling meminjam dan berubah. Budaya  
sangat cair dan aktif, bukan kaku dan statik. Contoh yang terbaik  
pastinya mee goreng mamak.

Kita maklum bahawa mee bukan berasal dari India, malah kip-  
cap juga bukan berasal dari India. Akan tetapi entah bagaimana,  
keturunan India yang berhijrah ke Malaysia ini terkenal pula den-  
gan mee goreng mamaknya – sedangkan mee itu jelas-jelas berasal  
dari China. Lihat bagaimana kebudayaan beradun dan membentuk  
sesuatu yang baru – dan pastinya menyelerakan!

Kita pastinya tidak dapat menolak hakikat bahawa kedai mamak

jauh mencerminkan nisbah komposisi kaum di negara ini berbanding dengan sekolah kebangsaan yang kelihatannya semakin mono-etnik. Jika dalam struktur rasmi seperti sekolah, parlimen dan parti politik kita semakin terasing kerana amalan perkauman, setidaknya kita masih punya harapan di meja yang melimpah hingga ke bibir jalan di restoran mamak.

Kepelbagaian kebudayaan sesungguhnya nikmat, bukannya kelemahan kita. Selamat menjamu selera!



## **Pembuatan Tradisional Mistik**

*Lingswaran Singh*

Perubatan tradisional sebenarnya merupakan satu cara yang baik untuk mencari sumber asal ubat-ubatan. Perubatan tradisional memberi kita kesempatan untuk memahami hidup dan falsafah kemanusiaan yang asas.

Di Malaysia, masyarakat berbilang kaum kita masih mengamalkan perubatan tradisional mengikut kepercayaan masing-masing sehinggakan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2012 telah digubal untuk mengawal amalan perubatan tradisional.

Nenek moyang kita bukanlah lulusan universiti, tetapi mereka mempunyai ilmu perubatan yang dipelajari secara turun-temurun dan melalui interaksi dengan alam sekitar. Selain itu, konsep semangat, atau chi menjadi asas kepada perubatan berbentuk mistik.

Mungkin anda perlekehkan pandangan saya ini sebagai karutan, tetapi karutan inilah yang menjadi kajian Walter William Skeat, seorang antropologis yang menulis buku *Malay Magic; An introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsular*. Walter William telah mendokumenkan amalan magis Melayu di Semenanjung.

Menurut Prof. Dr. Roland Werner , seorang doktor perubatan moden yang mengkaji perubatan tradisional di Asia Tenggara dalam bukunya *Bomoh, Dukun, Poyang : The Wisdom of Tradisional*

Medicine of West Malaysia, dengan menghidupkan semangat, kita boleh memperolehi kuasa hidup, kerana kuasa ini mempunyai suatu penentangan terhadap sebarang penyakit.

Sebelum pengubatan moden wujud, di seluruh dunia terdapat pelbagai bentuk perubatan tradisional. Pengaruh terhadap semangat boleh dilakukan dengan banyak cara – dengan cara membaca al-Quran, dengan falsafah barat, falsafah buddha, hindu atau sebarang jenis kepercayaan selagi ianya dapat membantu mempengaruhi semangat.

Bomoh, dukun, atau poyang boleh ke peringkat menurun untuk berhubung dengan makhluk halus. Tetapi ini bergantung kepada cara perubatan tersebut, andainya perubatan melalui bacaan ayat-ayat al-Quran untuk memulihkan semangat maka jaranglah bomoh atau dukun menurun. Ini adalah kerana perubatan mereka adalah berdasarkan ajaran Islam, berbeza dengan poyang, iaitu dukun orang Asli.

Poyang mempunyai hubungan animisme dengan ribuan macam semangat dan hubungan ini dizahirkan melalui amalan menurun. Poyang akan menjadi pengantara di antara semangat halus dan pesakit. Lebih rumit lagi, poyang biasanya tidak bercakap terus dengan pesakit tetapi melalui seoran biduan. Di sinilah perbezaan perubatan orang asli dan melayu. Namun, matlamatnya adalah sama iaitu untuk menguatkan semangat pesakit. Elemen-elemen yang serupa juga ditemui dalam amalan mistik pelbagai agama dan kaum lain.

Seorang bomoh atau poyang biasanya menggunakan beratus jenis tumbuh-tumbuhan, akar kayu, kulat dan sumber hutan sebagai ubat. Ilmu tentang nilai perubatan tumbuh-tumbuhan ini menjadi persoalan, bagaimanakah mereka tahu pokok mana yang sesuai untuk sakit apa. Ada yang mengatakan bahawa ilmu itu diperolehi daripada interaksi dengan semangat-semangat halus.

Masih tidak yakin bahawa perubatan tradisional selain

daripada mengubat semangat kita turut mempunyai ilmu tentang tumbuh-tumbuhan yang dapat menyembuhkan pelbagai penyakit? Napo Pharmaceuticals San Fransisco, telah memperoleh dana sebanyak US200 juta untuk mengkaji tumbuh-tumbuhan yang digunakan oleh pawang-pawang Amerika Selatan dalam perubatan tradisional mereka.

Pemiliknya Lisa Conte, telah melaporkan bahawa mereka telah menemui pelbagai ubat daripada yang semudah untuk mengubati sakit perut sehinggalah yang dipercayai boleh mengubati kanser, yang sedang menantikan kelulusan FDA. Syarikatnya menjangkakan keuntungan mencecah USD14 billion. Di Malaysia, penulis menghadapi cabaran untuk meyakinkan orang ramai bahawa perubatan tradisional berkesan.

Masyarakat Cina di Malaysia masih lagi mengamalkan perubatan akar kayu seperti ini. Kedai-kedai ubat tradisional Cina masih boleh ditemui di pekan-pekan di kawasan majority Cina. Namun perubatan seperti ini masih diragui oleh orang ramai, khususnya yang bukan berbangsa Cina. Ini mungkin kerana sikap mengangap segala yang dihasilkan orang Cina adalah tidak halal, malah haram.

Kita harus lebih terbuka kepada keberkesanan amalan-amalan perubatan tradisional. Jika kita fikirkan secara saintifiknya, perubatan tradisional menggunakan pelbagai kaedah dalam mengubat pesakitnya ini termasuk mengubat semangat pesakit tersebut. Pantang larang pemakanan, amalan dan sebagainya dapat dikaitkan kepada perubatan secara menyeluruh.

Kita tidak boleh nafikan bahawa manusia adalah makhluk yang mempunyai sifat spiritualisme yang telah menjadi asas kepada perubatan tradisional untuk berkurun lamanya. Jika diketepikan mekapnya, kita dapati fungsi atau matlamat setiap perubatan itu adalah untuk menyembuhkan. Melalui pemerhatian itu, kita dapat hipotesiskan bahawa wujudnya hubungan di antara psikologi manusia dan kesihatannya.

Kebanyakan masalah kesihatan kita pula berpangkal kepada tekanan-tekanan dalam hidup (sebut; *stress*). Kesan daripada kegagalan mengawal stress, kita mula mengamalkan cara hidup yang tidak sihat seperti makan berlebihan, tidak bersenam, pengambilan alkohol dan sebagainya yang seterusnya mempengaruhi kesihatan kita. Ekspektasi kehidupan, keadaan ekonomi, sosial, politik dan banyak lagi faktor mempengaruhi kesihatan kita secara tidak langsung.

Jika kita berfikiran sempit dan hanya mengharapkan perubahan moden melalui pelbagai jenis ubat tahan sakit untuk “tahan sakit” dan menolak faktor-faktor lain, maka perubahan kita itu sebenarnya tidak menyeluruh. Keyakinan itu sebahagian besar daripada tamadun manusia. Tanpa keyakinan, tidak mungkin manusia boleh mendaratkan *curiosity* di Marikh.

Panggil apa sahaja, imaginasi, keyakinan, kepercayaan, sihir, magis, kreativiti atau pun sains. Sejarah telah membuktikan bahawa manusia mampu menghasilkan apa yang difikirkan. Semangat tidak berputus-asa, kepercayaan yang utuh bahawa suatu hari nanti doa atau hasrat kita akan tercapai jarang menghampakan. Mungkin itu sebenarnya yang tersorok di sebalik unsur-unsur mistik yang menjadi amalan turun-temurun.

Pada hemat penulis, nusantara ini suatu ketika dahulu dikenali sebagai kawasan yang penuh misteri dan mistik. Terdapat pelbagai amalan mistik dan ilmu tentang pelbagai tumbuhan, akar kayu dan bahagian-bahagian binatang yang boleh digunakan untuk pelbagai aspek kesihatan. Selain daripada itu, terdapat juga kitab-kitab yang mengandungi jampi-jampi dan mantera-mantera yang digunakan untuk pelbagai tujuan dari mengubat sehinggalah mengkhianat.

Kita sewajarnya mengkaji dan merekodkan amalan-amalan ini dan cuba memahami bagaimana perubahan seperti ini berfungsi. Kajian-kajian seperti ini harus diperluas kerana kita harus memahami mengapa dan bagaimana perubahan seperti ini boleh dimanfaatkan oleh manusia sejangat. Jika kita sendiri tidak dapat meng-

harga kehalusan perubatan tradisional kita, maka saya khuatir kita bakal kehilangan sumber ilmu spiritual yang penting.

Janganlah kita menolak secara langsung amalan-amalan seperti ini semata-mata kerana bias keagamaan. Sewajarnya, amalan seperti ini direkodkan dan dikaji secara saintifik. Perubatan tradisional seperti ini berkemungkinan mengembangkan lagi sains perubatan moden. Baik dari segi sains penghasilan ubat mahu pun dari sains psikologi, penulis yakin ada banyak yang boleh dimanfaatkan daripada perubatan tradisional.

Sudah tentu amalan berkurun lamanya ada keberkesanannya. Jika tidak, amalan seperti itu tidak akan diteruskan secara turun-temurun. Hanya kerana kita sudah moden tidak bererti segala yang diamalkan dahulu karut-marut semata-mata. Mungkin melalui keterbukaan kita boleh pelajari rahsia-rahsia tumbuh-tumbuhan dan rawatan berbentuk rohani yang dimiliki pelbagai etnik di Malaysia.

**Mahathir, Kurafat dan Filem Melayu***Haris Zuan*

Sebenarnya bukan suatu yang mengejutkan apabila Dr Mahathir mengkritik amalan masyarakat Melayu yang banyak dipengaruhi oleh amalan dan kepercayaan kurafat seperti kewujudan hantu, jembalang, toyol dan sebagainya yang banyak diterjemahkan lewat tema filem-filem Melayu kini – kalau bukan kisah samseng pasti kisah hantu.

Menurut Dr Mahathir, filem dan televisyen, cerita yang paling popular di kalangan orang Melayu ialah berkenaan dengan hantu, pelesit, orang halus dan berbagai-bagai makhluk ghaib. Mereka bukan sahaja suka lihat dan dengar cerita-cerita berkenaan makhluk ghaib ini tetapi mereka amat mempercayai adanya makhluk ini dan kuasa luar biasa mereka ke atas manusia.

Tambah beliau lagi, watak makhluk halus dalam filem-filem ini diberi kuasa yang kadang-kadang menyamai Tuhan. Mereka mencari jalan supaya dilindungi daripada makhluk ghaib. Dalam usaha ini mereka kerap menggunakan doa daripada agama Islam yang mereka anuti. Walaupun mereka percaya Allah boleh melindungi mereka tetapi kepercayaan bahawa makhluk ini juga memiliki kuasa ke atas mereka bertentangan dengan ajaran Islam yang menekankan bahawa hanya Allah sahaja yang berkuasa ke atas segala-gala yang ada di dunia dan akhirat.

Penulis tidak pasti berapa lama masa yang Dr Mahathir luangkan

sehari untuk menonton televisyen atau berapa filem Melayu yang beliau tonton sebulan untuk membuat kesimpulan sebagaimana di atas. Apa yang pasti, ini bukan kali pertama Dr Mahathir (dan barangkali juga bukan yang terakhir) mengkritik pemikiran masyarakat Melayu sama ada dalam filem, drama, novel dan sebagainya. Dr Mahathir sering kali menekankan kepentingan pemikiran rasional dan saintifik. Malah, kita juga maklum bahawa Dr Mahathir amat-amat menghargai sains gunaan lebih daripada sastera – barangkali kerana latar beliau daripada seorang doktor perubatan.

Namun, inilah paradoks Dr Mahathir, beliau banyak merungut berkenaan pemikiran Melayu yang sukar untuk bersifat rasional dan saintifik tetapi banyak yang beliau laksanakan pada zamannya menutup ruang untuk pemikiran Melayu ini berkembang. Dua perkara yang paling ketara adalah mengawal media dan juga tidak menggalakkan (atau mematkan?) sebarang wacana dalam masyarakat.

Ingat, jangan bincang soal agama, kaum, dan raja-raja kerana ini akan menimbulkan kacau-bilau dan huru-hara dalam masyarakat. Berbincang; maka akan huru-hara. Apakah ini bukan kurafat?

### **Mahathir Punca Kurafat?**

Pada sebahagian besar orang, pernyataan di atas amat ceroboh dan mendadak sifatnya untuk terus terjun kepada kesimpulan bahawa kegagalan besar mentaliti Melayu – termasuk dalam filem – sukar untuk keluar daripada elemen tahyul. Namun, sebelum anda menghukum penulis sebagai menghina negarawan, izinkan penulis membentangkan hujah ini dahulu.

Pertamanya, bagi satu genius untuk berkembang dan menghasilkan karya – dalam rupa apa pun – haruslah disokong dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan kebudayaan, baik dalam sains tulen mahupun kesusasteraan. Ilmu ini didasari dengan kefahaman mengenai asas falsafah yang kemudiannya membantu untuk menyusun pengetahuan dan mengembangkannya. Hanya melalui cara ini

ilmu dapat diterjemahkan dalam bentuk praktis kebudayaan yang kompleks – baik dalam bentuk apa pun, filem, novel, lagu, puisi dan lain-lain.

Kemampuan masyarakat untuk menghargai karya yang berkualiti datangnya daripada kemampuan mereka untuk mencernakan kompleksiti ini – harus diingat, kompleksiti dalam karya bukanlah semata-mata dalam filem atau novel yang ‘berat’ tetapi juga dalam bentuk umum jangkakan remeh seperti lawak pentas dan majalah kartun.

Malangnya kerencaman (*complexity*) ini semakin sukar ditemukan apatah lagi untuk dihargai kerana kebanyakkan pembuat karya kita tidak lagi memiliki kemampuan untuk membaca dan menghadam ilmu serta mencermati kebudayaan. Apakah asas kepada tuduhan ini dan apakah kaitannya dengan Dr Mahathir?

Semasa awal pentadbirannya, Dr Mahathir telah menunjukkan kecenderungan yang amat terhadap sains yang sebenarnya terhad kepada sains gunaan/ teknikal (*applied science*). Dr Mahathir memandang dengan penuh prejudis terhadap kesusasteraan dan kebudayaan. Sikap ini bukan terhenti setakat pegangan peribadi sahaja, malah turut terbancuh larut dalam dasar yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri paling lama dalam sejarah Malaysia ini.

Sistem pendidikan baik di peringkat rendah, menengah dan universiti sangat menekankan sains gunaan ini dan semua pelajar dengan kualiti terbaik diarahkan (perkataan paksa mungkin terlalu berat) untuk mengikut aliran sains, menyebabkan aliran sastera seolah-olah hanya untuk pelajar lembab sahaja.

Dasar ini dipacu bersama dengan situasi ekonomi negara pada waktu itu (akhir 1980an hingga tahun 1997) yang sedang membangun dengan rancak kerana menerima kemasukan modal asing, khususnya daripada Jepun. Maka tenaga mahir dan separa mahir yang ramai amat diperlukan untuk memenuhi keperluan industri.



Maka ramailah para pembuat filem kita yang bijak dalam soal teknikal, CGI dan lain-lain yang tidak pernah penulis fasih. Namun mereka amat lemah dalam aspek penceritaan dan kandungan – banyak filem dan rancangan televisyen yang disadur daripada filem lain. Malah filem epik Melayu yang kononnya di ambil daripada hikayat klasik juga berakhir sebagai filem *Pirates of the Caribbean* versi bajet. Oleh kerana sistem pendidikan kita hanya menciptakan pekerja teknikal yang mahir dan bukannya pemikir, maka terbitlah filem tentang Viking meskipun alam Melayu ini penuh dengan lagenda dan epiknya yang tersendiri. Kita hanya peniru, itu pun tidak mahir.

### ***Rentier capitalism***

Pada masa yang sama kerancangan ekonomi ini berjalan sekali dengan dasar yang memberi keutamaan kepada orang Melayu dan Bumiputera – dengan keutamaan kemasukan di universiti, peluang pekerjaan di sektor awam, dan penganugerahan kontrak-kontrak kerajaan. Selama 40 tahun dasar ini berjalan, Malaysia berjaya menciptakan kelas menengah Melayu yang besar – terdiri daripada para pegawai kerajaan dan peniaga Bumiputera.

Malangnya, kelas menengah melayu yang besar ini tidak seluruhnya mandiri (*independent*) dan berbudaya (*cultured*) kerana sebahagiannya sangat bergantung kepada negara (baca: kerajaan). Hal ini menyebabkan kelas menengah Melayu ini tidak kritikal dalam analisa mereka, termasuklah dalam hal seni dan sastera. Perkara yang lebih mengesankan lagi adalah kewujudan kelas menengah Melayu yang bukan berasal daripada kapitalis sebenar tetapi kapitalis penyewa (*rentier capitalism*).

Mereka ini adalah golongan yang mendapat penganugerahan se-kian banyak tender atas nama Melayu Bumiputera dan kemudian menyewakannya atau menjualkannya kepada pihak ketiga – biasanya bukan Melayu Bumiputera. Contoh mudah adalah Rahim yang mendapat lesen membuka gerai pakaian di bazaar Ramadhan, namun telah menyewakan lesennya itu kepada seorang Mat Bangla untuk berniaga karpét. Urus niaga ini bukan hanya berlaku dalam

skala kecil, malahan juga dalam skala besar – fikirkan permit import kenderaan, permit teksi dan lesen memungut sampah.

Maka mereka ini adalah kelas menengah yang korup dan tidak berbudaya. Maka demikian, iktibar daripada kemunculan dan kepesatan perkembangan seni kebudayaan serta keilmuan semasa zaman Renaissance di Eropah pada kurun ke-14 hingga 17 hasil daripada sokongan modal kebanyakan jutawan dan hartawan di Milan, Venice dan Florence, tidak berlaku di negara ini, kerana hartawan di negara ini yang berasal daripada kelas *rentier capitalism* tidak memiliki kemampuan untuk menghargai seni budaya, apatah lagi untuk melabur dalam bidang ini.

Jika mereka terlibat sekali pun, hanyalah untuk memburukkan lagi seni dan budaya itu dengan menjadikannya jalan mudah untuk mempromosikan diri serta produk jualan mereka. Maaf, penulis sesekali tidak merujuk Dr Rozmey yang merupakan penerbit filem Dua Alam.

Maka, filem dan segala acara televisyen termasuk rancangan lawak yang menyasarkan masyarakat Melayu sebagai penonton utama mereka, akan memastikan segala kandungan mereka mudah, longgar, slaptik dan kasar – kerana demikianlah masyarakat Melayu pada pandangan mereka.

Oleh sebab inilah, masyarakat Melayu yang lebih sofistikated berasa akan terhina dan dibodohkan apabila menonton filem dan acara televisyen seumpama ini. Penulis masih lagi terkesan dengan ulasan para juri dalam dua rancangan lawak popular dalam kalangan masyarakat Melayu negara ini – Maharaja Lawak dan Bintang Mencari Bintang. Mereka seboleh-bolehnya menyarankan agar peserta mengurangkan unsur semiotik (mudahnya, unsur perlambangan dan makna) dan unsur ambiguous dalam persembahan mereka.

Samalah halnya dengan filem, pastinya kita masih dapat mengingat dengan jelas akan pandangan seorang pengarah yang juga penasihat filem mengenai tujuan membikin filem,

“Saya hanya mahu filem saya laku, tiada gunanya membikin filem yang orang lain tidak faham dan akhirnya tidak laku di panggung”, inilah persamaan antara kedua-dua contoh di atas, mereka seolah-olah berasakan bahawa masyarakat Melayu ini terlalu rendah kapasiti intelektualnya (atau mereka sebenarnya yang tidak mampu untuk menghasilkan karya yang berkualiti?).

Analisa ringkas ini mungkin tidak tepat dan bermasalah di sana-sini kerana tiadanya kajian mendalam , namun pada penulis, jangan kita sesekali membuat kesimpulan tanpa melihat gambaran besarnya terlebih dahulu. Semoga Dr Mahathir tidak lagi lupa atau buat-buat lupa akan hal ini.

**Puasa, Nikmat, Derita...***Firdaus Zolkifli*

*“Puasa dan berbuka, puasa dan berbuka, saling tak tumpah bagaikan Sisyphus mengangkat batu dan jatuhkannya di lereng bukit berulang-ulang. Namun apa yang dapat kita temukan, perjuangan dan nilai untuk berontak” – Firdaus*

Mati akibat kemalangan jalan raya bukanlah satu cara menemukan kematian yang mempersona, namun Camus cukup mempesona jika dilekatkan namanya dengan tema kematian. Kematian, boleh jadi hal yang menghentikan penderitaan hidup, boleh jadi juga penderitaan dari segala maha derita, sakit dari segala maha sakit. Camus, tidak sekali seperti imam-imam Terawih yang menjawab apa yang ada selepas kematian, tetapi meresahkan kehidupan sebagai jalan menuju kematian yang meresahkan. Barangkali senada dengan filsuf eksistensial yang lain seperti Nietzsche, lelaki pesimis terhadap hidup, Camus juga mendatangi kita dengan pesimis, pesimis sampai mati, dan nikmatilah.

Gagalnya sistem demokrasi di Malaysia, dasar-dasar negara yang mengada-ngada, masalah kemiskinan yang tidak selesai, agamawan yang menanam kebencian, teknologi yang membunuh adalah masalah yang tidak pernah selesai, bermula dari zaman manusia mengobjekkan dirinya pada Tuhan hinggalah zaman manusia berdiri sebagai tuhan, dari zaman gelap hinggalah pencerahan. Kita selalu berharap semuanya hilang, selalu juga kita tenggelam dengan harapan. Percayalah, derita-derita ini bukan saja derita aku

atau kita, derita ini milik semua yang hidup. Begitu juga Camus, hidup dalam keterasingan, kegagalan Marxisme Humanis di Perancis, penyembahan manusia terhadap berhala (yang lain) adalah masalah zaman yang tidak punya jalan. Maka, apa gunanya lagi perjuangan jika semuanya sama, tidak pernah selesai? Apa gunanya hidup kalau mesti melelahkan dengan derita?

Soalan di atas membawa kita kepada dua konsep dasar Camus yang berhubungan erat antara satu sama lain, “absurd” dan ‘pemberontakan’. Konsep tentang yang absurd ditulis oleh Camus menerusi novel *The Stranger* (1940), dan dihuraikan melalui tulisannya *The Myth of Sisyphus* (1941). Tentang pemberontakan pula ditulis melalui *The Plague* (1947) dan dihuraikan dalam *The Rebel* (1951).

### **Yang Absurd**

Ramadhan datang, dengan penuh keterujaan kita persiapkan diri untuk melakukan satu ibadah yang dikenal sebagai puasa. Dimulakan dengan semangat bangun sahur untuk persiapan diri menempuh derita kelaparan keesokkan harinya. Menghadapi derita dengan menahan keinginan tubuh untuk makan dan minum ditambah lagi dengan larangan merokok agak menyakitkan. Terutama larangan merokok. Waktu Maghrib tiba, lalu bersilatlah kita di hadapan makanan. Pengulangan ini berlaku selama lebih kurang 30 hari sebelum kita benar-benar merayakan tanggal 1 Syawal. Maka melonjaklah kita dengan baju raya warna warni termasuklah ada yang berjubah dan dipadankan dengan kasut Dr Marten untuk tambah lebih berjaya mengharungi Ramadan lepas. Kesakitan berlapar dan dahaga berlalu, ingatan terhadap mereka-mereka yang lapar hanyalah sebahagian ritual Ramadan, bukan ingatan tentang kemanusiaan.

Nah, peristiwa seistimewa Ramadan juga kita jalani dengan absurd. Hanya pengulangan dan diulang pada Ramadan berikutnya sampai mati dengan penuh bangga kerana berjaya selesaikan rukun Islam ketiga dengan jayanya.

Menjalankan ritual sehari-hari selama sebulan, saban tahun atau menjalani kehidupan itu sendiri bila disadari merupakan satu absurd. Berjuang dan kembali seperti semula. Kesemuanya dilakukan hinggalah kita sampai kepada pertanyaan, ‘ mengapa semua ini dilakukan?’. Melalui pertanyaan ini timbul satu keadaan betapa lelahnya kita bercampur dengan kehairanan sekaligus terbit kesadaran, bahawa kita menjalani satu kehidupan, yang absurd.

Di mana letaknya absurd? Bagi Camus, dunia itu sendiri bukanlah suatu yang absurd. Begitu juga dengan manusia, manusia itu sendiri bukanlah absurd. Yang absurd itu hadir di antara hubungan antara manusia dengan dunia. Antara keinginan manusia dalam menjalani hidup ialah bertungkus lumus untuk memperoleh pengertian, memperoleh makna dan kejelasan. Malangnya apa yang ditemui di dunia ini? Namun manusia hanya menemui hal-hal yang paradoks, ketidakjelasan, kemisterian hidup yang tidak putus malahan menemui hidup di dunia yang irasional. Misalnya, manusia menemui kesengsaraan yang berganda besar dalam pertemuan sains yang meneguhkan harapan untuk kebahagiaan umat manusia. Manusia menemukan tragedi-tragedi kebencian dalam rasa cinta. Tanpa ada penghujung, semuanya hanya kelelahan dan gagal. Ketidakjelasan ini lebih menderitakan apabila akhirnya juga tidak dapat dipastikan. Hendak meletakkan harapan untuk hidup sekalipun hanyalah hal yang sia-sia. Inilah yang disebut sebagai ‘yang absurd’. Camus memaknai ‘yang absurd’ di dalam bukunya *The Myth of Sisyphus* sebagai ‘konfrontasi antara dunia yang irasional dengan keinginan dahsyat yang terus menerus bergema dalam hati manusia, keinginan akan kejelasan’.

Seburuk manapun suatu penjelasan, adalah lebih baik daripada tidak mempunyai apa-apa penjelasan. Malahan hal yang jelas walaupun tidak membahagia itu lebih nyaman. Malangnya, dalam dunia yang tidak mempunyai kejelasan, manusia hidup bagaikan orang asing. Keinginan-keinginan manusia dibatasi kerana dunia menyajikan keterbatasan terhadap manusia. Penyakit, peperangan, penderitaan, dan akhirnya kematian membuatkan manusia menjadi cemas. Camus berkata lagi dalam *The Myth of Sisyphus* “Yang

absurd timbul kerana konfrontasi manusia dengan kebuisan dunia yang tak dapat diterangkan”.

### **Menghadapi Yang Absurd**

Telah aku terangkan, yang absurd tergantung kepada dua kenyataan, manusia dan dunia. Yang absurd tidak boleh hadir hanya pada satu kerana sikap-sikap yang absurd selalu hadir dan berhubungan dengan dua kenyataan ini. (Martin Sardy)

Barangkali kebanyakan kita menyedari bahawa hidup ini dijalani dengan adanya absurd. Menyedarinya akan hal ini menyebabkan kita berusaha untuk keluar dari kenyataan bahawa adanya absurd. Camus namakan keadaan ini sebagai “lompatan”. Mereka melompati manusia dan dunia begitu sahaja untuk sampai pada Yang Transenden. Rentak nada Camus dalam memberi sebab mengapa manusia pergi kepada Yang Transenden kedengaran senada dengan Ludwig Feuerbach, bezanya fokus Feuerbach adalah kepada manusia-manusia yang kalah, Camus pula mengangkat dengan nada yang lebih pesimis, hidup itu sendiri adalah kekalahan. Bagi Leo Chestov, lelaki dari Rusia berpendapat bahawa satu-satunya pemecahan persoalan adalah tepat ketika pemikiran manusia tidak dapat menemukan pemecahan apapun, kerana dari Tuhan manusia mengharap apa yang tidak mungkin. Chestov kata lagi, “manusia harus melompat kepadaNya dan dengan ini membebaskan diri dari tipuan-tipuan rasional”.(Martin Sardy. 1983)

“Lompatan” adalah cara pertama manusia menghadapi yang absurd. Barangkali boleh kita panggil sebagai ‘lompatan iman’ atau ‘lompatan menuju Tuhan’. Cara kedua, yang sama tragisnya dengan mencampakkan diri kepada Tuhan ialah menyelesaikan kenyataan tentang yang absurd ini dengan membunuh diri. Adanya yang absurd merupakan hasil konfrontasi antara manusia dengan dunia. Maka bila diri seorang manusia itu sendiri ditiadakan dengan membunuh dirinya sendiri, yang absurd pun menghilang. Manusia tidak dapat menemukan erti hidupnya kerana beranggapan bahawa hidup tidak berguna lagi, maka kematian adalah satu-satunya jalan

keluar, atau jalan pemutus. (John Cruickshank. 1970)

Camus, dengan lagak bagaikan seorang revolusioner parti menganggap kedua usaha manusia ini menghadapi yang absurd adalah suatu pelarian sang pengecut. Dengan lompatan kepada Yang Transeden, orang tidak menghadapi yang absurd sebagaimana semestinya melainkan menenang-nenangkan dirinya dengan menjadikan yang absurd itu sebagai Tuhan. Ketidakmampuan untuk memahami dianggap manusia sebagai terang yang menyinari kegelapan absurd. Sependapat dengan kata Kierkegaard “di dalam keagalannyalah manusia percaya mereka menemukan kemenangan”.

Bunuh diri, yang kedengarannya macam hanya dilakukan oleh si pemberani juga adalah satu tindakan pengecut apabila menjadikan tindakan ini sebagai pelarian menghadapi yang absurd, bagi Camus. Meniadakan salah satu unsur (mematikan/meniadakan diri) penyebab yang absurd tidaklah menyelesaikan masalahnya. Camus tegas, manusia harus menghadapi yang absurd dengan tabah, manusia perlu bertahan dalam perjumpaan yang penuh pertentangan tanpa gentar. Style!

Sesungguhnya, menyadari adanya yang absurd mencampakkan manusia dalam satu keadaan nihilisme. Apabila kesemuanya tidak lagi boleh dipercayai, apabila semuanya tidak bermakna, apabila semuanya tidak bernilai, maka segalanya juga boleh dilakukan. Baik dan jahat hanya soal kebetulan yang ada di dalam hidup. Manusia tidak lagi bersalah untuk membunuh, kerana ‘salah’ itu sendiri tidak ada. Semuanya absurd. Namun, ini juga sebuah dilemma. Bunuh diri tidak dapat dibenarkan kerana ini merupakan pelarian sang pengecut terhadap yang absurd. Manusia harus kental menghadapi yang absurd kerana manusia harus tetap hidup untuk berjuang, walaupun bagi sebuah perjuangan yang penuh kesia-siaan. Mungkin inilah erti hidup bagi Camus, hidup menjadi bererti kerana dengan hidup manusia terus dapat menghadapi absurd, dengan kata lain “untuk dapat mengatakan hidup itu absurd, manusia harus hidup”. Tentang hidup ini yang membawa kita kepada kontradiksi pemikiran Camus, pembunuhan dibolehkan kerana kita dihumban



ke dalam nihilisme sekaligus dilarang untuk manusia terus menghadapi absurd.

Albert Camus, sesungguhnya percaya, manusia harus menghadapi yang absurd. Manusia harus menghadapi absurd dengan pemberontakan. Manusia mengatakan bahawa mereka tidak percaya pada apapun dan segala-galanya adalah absurd. Namun dia tidak dapat meragukan kebenaran, penyertaannya sendiri dan perlu percaya bahawa “ di tengah-tengah pengalaman yang absurd adalah pemberontakan”. Mengapa? Kerana kesedaran akan yang absurd itu sendiri sebenarnya sudah merupakan pemberontakan.

Albert Camus, sememangnya ingin mencari dasar dari segala nilai yang ada dengan menyatakan bahawa segala-galanya absurd. Segala-galanya tidak beerti. Menyedari yang absurd adalah protes terhadap yang sedia ada. Memberi penyangkalan terhadap hidup yang banal. Barangkali, hal ini yang terungkap dalam proses kita menjalani kelaparan/haus berpuasa, memberi penegasan bahawa ada penderitaan yang harus kita nikmati dan hadapinya. Pengulangan berlapar dan berbuka, berlapar dan berbuka menemukan kita kepada satu tindakan yang absurd. Kita mencampakkan diri kepada derita dan ‘berbuka’ untuk dapat puasa lagi. Di mana letaknya pemberontakan di sini? Di dalam diam dan teguhnya manusia menghadapi puasa, kerana dalam senyap itu juga adanya protes, adanya pemberontakan terhadap kehendak tubuh yang kebiasaannya minta dipenuhi dan dibuang semula. Dan proses ini bukan dilakukan secara perseorangan, melain secara solidariti, mengatakan bahawa kita semua menghadapi yang absurd, dan kita harus berontak. Kata Camus “ aku berontak, maka kita ada”. Manusia harus berani menghadapinya, walaupun tanpa ganjaran dari syurga, menjadi “orang suci tanpa adanya Tuhan”.

---

*Sisyphus adalah mitos Yunani yang diangkat oleh Camus untuk menerangkan tentang absurd dalam falsafahnya. Sisyphus adalah Raja Kronite yang menjalankan pemerintahan tirani bahkan menipu para dewa hingga Sisyphus dihukum untuk menolak sebongkah batu besar ke atas bukit dan turunkannya apabila tiba di puncak. Hukuman terhadap Sisyphus ini berulang-ulang, tiada penghujung. Situasi ini digelar sebagai absurd atau kesia-siaan.*

**Aidilfitri Dan Cemas***Firdaus Zolkifli*

*Selamat hari raya, kepada batin yang telah hilang,*

Setiap peristiwa besar, pasti punya cerita-cerita epik di belakangnya. Barangkali mengukuhkan kebesaran peristiwa dengan mitos-mitos kerana mitos perlukan mitos yang lain untuk terus segar. Aidilfitri, barangkali juga sebuah mitos atau alat, seperti Durkheim melihat ‘agama’ sebagai alat membentuk solidariti masyarakat. Barangkali juga sebagai mitos perlawanan, jika puasa menjadikan sekalian manusia sebagai mustadafin. Apakah Aidilfitri? Pesona apa yang menarik manusia muslim yang terpecah kepada satu arah, perayaan. Bahkan dirayakan dengan cara yang sama – dengan hidangan, pakaian, simbol hinggalah kepada lafaz maaf. Semuanya seragam. Memakai kata Herbert Marcuse, “semuanya menuju kepada manusia satu dimensi”.

Berbobot dari persoalan tentang manusia, pesona dan perayaan, ada sebuah cerita kecil. Cerita ini sentiasa berulang setiap kali menjelang Syawal dalam kalangan penduduk Semangar, nama sebuah kampung kecil di Kota Tinggi. Sama ada cerita ini mengukuhkan lagi mitos perayaan, entahlah. Cerita ini tentang seorang Johan, anak kampung yang bekerja sebagai buruh industri. Sama seperti lelaki buruh yang lain, Johan meresapkan tubuhnya bersama mesin industri untuk meletakkan hidupnya dalam kepastian – gaji hujung bulan sebagai rezeki yang pasti. Rumah kecil di belakang surau ditemani hanya seorang anak kecil, ekoran isterinya disimpan

Tuhan menjadi sebab untuk Johan fokus kepada kerja, agar semuanya kecukupan untuk mereka berdua. Walaupun tidak dengan semangat sosialis, kita semua pasti menerima kenyataan bahawa sistem industri mengikat waktu. Ikatan industri tidak terlihat, tetapi ikatannya kemas ke atas tubuh pekerja, kerana tubuh (keringat) adalah satu-satunya modal atau alatan yang dicagarkan sebagai tukaran kepada wang. Memberi waktu dan tubuh bagi kepastian sesuatu harapan menyebabkan hak sang anak untuk diberi perhatian terpaksa dirompak. Keadaan ini berlarutan, hinggalah sang anak sakit dan dikutip Tuhan tanggal 1 Syawal. Inilah tragedi. Hari yang sepatutnya dirayakan ditukar dengan hari berkabung. Takbir bukan lagi kalimah suci, melainkan pisau tajam yang menyiat-nyiat hati. Kasut comel, baju raya dan sampin songket yang dibeli untuk sang anak bagaikan belati hukum. Sebanyak mana tubuh dan waktu yang ada, adalah jauh untuk berbagi. Tragedi, yang digambarkan Albert Camus dalam karyanya – *The Plague*, akan melahirkan dua akibat, keputus-asaan, dan perjuangan. Johan boleh memilih keduanya, putus asa dengan hidup atau terus berjuang dengan hidup. Meskipun keduanya nihil, tanpa makna kerana hujung di kedua-dua keadaan ini adalah kematian, namun bagi Camus “lebih baik mati berdiri dari hidup dengan tunduk”. Kisah Johan tidak berhenti di sini. Syawal berikutnya, bermakna selepas setahun sang anak pergi, Johan menujam pisau besi tepat ke jantungnya, saat orang ramai bersiap solat sunat Aidilfitri, ketika takbir berdiri di angkasa. Johan akhirnya tunduk dengan kesedihan dunia. Johan bunuh diri.

Tentang Johan tidak tertulis atas mana-mana kitab, hanya jadi cerita bual orang kampung menjelang Syawal. Ceritanya hanya berjejak di permukaan, tetapi tidak berbekas kerana semuanya menyambut perayaan dengan riang gembira. Selain kematian sang anak dan Johan, mungkin dapat kita bertemu dengan satu lagi kematian dalam memberi makna terhadap Syawal, kematian rasa cemas. Jargon-jargon besar sekolah Frankfurt menamakan krisis moden ini sebagai kematian manusia kritis. Camus menamakan kematian ini sebagai ‘*philosophi suicide*’. Masyarakat moden mati cemas.

Cemas, sebuah kata yang tidak nyaman. ‘Cemas’ juga adalah

musuh anak muda. Anak muda mesti 'kool', tidak perlu cemas. Barangkali 'cemas' dilihat sebagai milik orang lemah. Cemas, atau angst memiliki pesonanya sendiri. 'Cemas' ini bukanlah tentang sebuah kata yang terlekat di rumah sakit 'wad kecemasan'. 'Cemas' ini ialah pergulatan diri yang tidak pernah berhenti pada satu titik yang bernama kepastian. 'Cemas' ini adalah persoalan eksistensial yang diberhenti dengan kematian manusia. Berhenti, bukan dijawab sempurna. Keadaan cemas selalu menjadi titik kepada kemajuan manusia. Bayangkan sekejap bagaimana cemasnya Muhammad menerima wahyu pertama, cemasnya Siddharta meninggalkan kekayaannya lalu mencari tenang di bawah pohon Bodhi, cemasnya Immanuel Kant terhadap kebenaran yang didapati lewat gereja dan cemasnya Marx melihat kelas manusia tertindas. Cemas tidak punya tempat untuk zaman ini. Cemas sudah hilang dan telah diganti, dengan perkara yang kononnya dikenali sebagai 'kepastian'.

Bagaimana 'cemas' boleh menghilang? Dahulu, ada seorang lelaki dikenali sebagai Augustus Comte meletakkan tingkat kebenaran. Kebenaran pertama diawali dengan perkara yang didapati dari intusi, atau senang kita terima sebagai agama. Kemudian tingkat kebenaran naik setingkat, dikenali sebagai falsafah atau kata lainnya metafizik. Proses akhir kebenaran ialah sains positivisme. Kebenaran perlu dicapai lewat kajian empirisme dan rasional. Kalau tidak mengalami kaedah saintifik bagi menentukan sesuatu kenyataan, kenyataan itu tidak ilmiah. Kaedah sains ini tidak silap, malah membuka cahaya kegelapan Eropah menuju pencerahan. Kalimat 'Cogito ergo sum' adalah kalimat radikal, manusia menarik kekuasaan Tuhan, menentukan dirinya sendiri – ada aku adalah diakui oleh aku. Eropah bersinar. Manusia mula melawan cemas dengan kudratnya. Dunia disingkap. Kenyataan-kenyataan alam yang misteri dijawab. Manusia adalah haiwan penakluk, menakluki dunia dari sebesar-besar angkasa hingga zarah-zarah terkecil. Hasilnya, teknologi berkembang. Sains adalah jawapan, sebagai kepastian.

Tetapi, Comte mempunyai 'dosanya' sendiri. Sains yang

menjawab ini ditarik ke atas manusia. Manusia memandang sesamanya sama; sama seperti manusia menandang logam, minyak, air, tumbuhan herba, burung, serangga dan yang bukan manusia. Manusia diklasifikasikan. Manusia disusun, diatur dan ditentukan. Kolonial menggunakan logik ini untuk menjajah manusia lain, sebagaimana manusia menjajah dunia. Positivisme berkembang, ilmu pasti diangkat. ‘Kebenaran perlukan kepastian’ dituang ke dalam cara fikir manusia moden, seawal manusia sudah tahu membaca dan menulis. Apa atau siapanya kita ditentukan sebelum kita dilahirkan. Misi manusia untuk hidup telah ditentukan oleh sains, misi manusia ialah menuju kepada teknologi lebih canggih, sebagai tanda manusia itu progres. Contoh mudah, seorang pelajar Tingkatan Tiga di Malaysia telah ditentukan aliran pelajarannya. Misi negara jelas, mahu mencapai Wawasan 2020 – menuju masyarakat saintifik. Dengan kata lain, manusia ditentukan apa yang perlu mereka fikirkan. Apa yang benar, bahagia, kejayaan dan cinta ditentukan oleh sains/negara tanpa manusia itu telaaahnya. Manusia tidak lagi cemas, manusia hanya dicipta untuk mengerjakan, sama seperti sebuah mesin dalam kilang.

‘Esensi melampaui eksistensi’, lebih kurang beginilah nada Jean Paul Sartre, seorang lelaki Perancis melihat manusia moden. Manusia moden ditentukan nilainya sebelum kewujudannya. Bagi Satre, keberadaan perlu datang dahulu, dan keberadaan itu yang mencari nilainya. Esensi perlu dicari, bukan ditentukan oleh yang lain. Seperti perayaan Aidilfitri, esensinya perlu dicari, kekuatan puasa perlu dipikirkan lagi, agama perlu diresahkan supaya sentiasa menjadi sebagai hikmah. Malangnya, sekali lagi, manusia sudah hilang cemas, Aidilfitri dilihat sebagai perayaan, dan patinya ditentukan. Jika ditanya siapa yang menentukan cara begini raya disambut? Barangkali boleh dijawab, perayaan disambut dengan kemegahan material, pembaziran dan saling tunjuk menunjuk kekayaan kerana ‘kemenangan’ sering dimaknakan dengan hal yang tampak, mudahnya melalui material. Inilah cara kita ‘meraikan kemenangan sebulan puasa’, dengan hal yang dilihat pasti, dan dilihat serta diakui oleh orang lain – sama seperti sains yang perlu dilihat dan diperakui oleh yang lain, objektif.

Cara menikmati sesuatu yang sakral melalui pengamatan positivisme ini tidak pernah selesai, sehinggalah manusia terperuk dalam tragedi, yang menandakan hidup tidak punya kepastian, dan akhirnya manusia rasa bahawa material atau kepastian sebagai lambang raikan kemenangan tidak punya makna lagi. Waktu itu, kita diberi pilihan, sama ada terus menerus mencari makna hidup lagi atau tewas lalu membuang dunia, seperti Johan yang bunuh diri.

**Bahagian VII**  
PILIHAN RAYA





## **Politik Melangkaui Pergelutan Kuasa**

*Lim Hong Siang*

Politik tidak lebih menarik berbanding perlawanan bola jika-lau hanya tinggal pergelutan kuasa. Biarpun kecewa apabila Lee Chong Wei tewas pada saat-saat akhir, tetapi warga Malaysia atau peminat Lee akan kembali menjalani hidup seperti biasa pada keesokan harinya. Namun seseorang anggota Pakatan Rakyat atau penyokong perubahan boleh jadi terbelenggu dalam kemurungan untuk berbulan-bulan, setelah kemenangan rakyat dirompak pada malam 5 Mei 2013.

Jelas, terdapat sesuatu yang lebih besar maknanya berbanding “menang-kalah” dalam politik, meskipun dari kaca mata sesetengah orang, “menang-kalah” menjadi segala-galanya. Selain perebutan kuasa untuk menggubal dasar pengagihan sumber, politik juga bermakna persaingan nilai. Sejauh manakah kebebasan didukung, mahupun sejauh manakah kesamarataan sesama manusia dijunjung – kesannya membentuk suasana masyarakat yang berbeza. Sejauh manakah kita bertoleransi dengan kemajmukan, bagaimana nilai tradisional diwarisi dalam zaman moden – kesemuanya memerlukan keseimbangan yang diresmi melalui keputusan peti undi.

Senario politik Malaysia kini memasuki babak pasca 505. Pemilihan parti politik yang bakal berlangsung sudah tentu akan mencorakkan, kalau bukan mengubah lanskap politik pada masa depan. Ramai yang tidak sabar-sabar menunggu percakaran dalam parti pemerintah terbesar, UMNO yang sudah dirasai bahangnya. Apa-

kah kedua-dua jawatan tertinggi bakal dicabar – desas-desus terus berlegar-legar di antara Najib Razak, Muhyiddin Yassin, Zahid Hamidi malah Tengku Razaleigh Hamzah.

Bagaimanapun, pemilihan UMNO tidak akan lebih menarik daripada pemilihan PAS dan KeADILan, dari satu seginya. Pertarungan pemimpin UMNO akan berlangsung dalam batas Mahathirisme. Jikalau Mukhriz Mahathir melonjakkan diri ke jawatan Naib Presiden, maka Zahid Hamidi perlu menyelamatkan diri daripada tersingkir, memandangkan kedudukan beliau paling tergugat kerana pernah melawan Mahathir pada zaman Reformasi. Ironinya, senjata yang digunakannya untuk menyelamatkan diri daripada Mahathir adalah “Mahathirisme” – menuntut agar lebih kuasa diberikan kepada kerajaan untuk mengekalkan kestabilan negara (baca: kuasa UMNO). Ini adegan lucu yang dipersembahkan pemimpin UMNO – melawan Mahathir dengan Mahathirisme.

Maka tiada yang lebih daripada itu. Menang atau kalah orang Mahathir, Mahathirisme tetap pemenang UMNO – dulu, kini dan selama-lamanya. Dengan kuasa dan sumber yang ada, perbalahan sedemikian semestinya menggegarkan pentas politik Malaysia. Tetapi apabila pemilihan melabur tirai pada penghujung tahun ini, UMNO masih UMNO yang dikenali – perintah dengan slogan yang molek, dan kemudian merobek keharmonian masyarakat Malaysia dengan politik perkauman dan agama yang sempit.

### **PAS ke mana?**

Namun, pemilihan PAS pada hujung tahun 2013, dan pemilihan KeADILan pada tahun depan bakal menentukan halatuju politik Pakatan Rakyat selepas ini. Untuk pemilihan parti PAS, tidak kurang analisa yang meramalkan pertarungan antara “golongan UG” (Unity Government) dengan “golongan pro-Pakatan Rakyat”. Kekalahan beberapa orang tokoh seperti Mohamad Sabu, Dzulkefly Ahmad, Salahuddin Ayub dan Husam Musa (di kerusi parlimen Putrajaya) dijangka menyukarkan golongan pro-Pakatan. Di samping itu, kemenangan Nasrudin Tantawi, Nik Abdul dan sebagainya, dilihat

menyukarkan “transformasi” PAS – untuk mentafsir perjuangan Islam yang diwarisi sejak dahulu dalam perspektif yang lebih terbuka pada alaf ke-21.

Masalah PAS padahal melangkaui tokoh-tokoh seperti Tuan Guru Hadi Awang, Tok Guru Nik Aziz, Ustaz Haron Din dan sebagainya. Kuncinya, bagaimana PAS berdepan dengan cabaran kini dan masa depan? Misalnya dalam isu agama dan gender, sejauh manakah penerimaan pemimpin PAS untuk menerapkan unsur hak asasi manusia dalam pendirian politiknya? Isu murtad, LGBT, hukum hudud, sekular, hak wanita padahal paling meruncing untuk menguji sejauh manakah asas persemuafakatan di kalangan Pakatan Rakyat. Lebih-lebih lagi, isu seperti politik kiri (komunis, sosialis) bakal timbul dari masa ke masa, yang sememangnya bakal menyaksikan perbezaan pandangan yang ketara antara PAS, KeADILan dan DAP, malah dalam PAS sendiri.

Isu-isu tersebut cuba dielakkan, atau sekurang-kurangnya tidak ditonjolkan sepanjang lima tahun yang lalu, supaya tidak memberi persepsi “lebih perbezaan daripada persamaan”. Sungguhpun Pakatan Rakyat masih berkongsi lebih persamaan daripada perbezaan buat setakat ini, namun isu-isu di atas bagai bom yang bakal meletup bila-bila masa sahaja. Malah, kesannya bakal mencetus kesan yang lebih besar.

Misalnya, kita terpaksa terima hakikat kewujudan golongan LGBT dalam masyarakat kita. Mengambil pendekatan keras terhadap golongan ini sebenarnya bercanggah dengan prinsip menghormati hak asasi manusia. Barangkali pemimpin Islam mahu isu ini ditangani mengikut pendekatan Islam, tetapi bagaimana pula LGBT yang bukan beragama Islam? Situasi menjadi lebih rumit, apabila tidak kurang juga golongan LGBT adalah penganut agama Islam. Jadi, apakah tindakan yang akan diambil ke atas golongan minoriti yang dilahirkan sebegini?

Jikalau pemimpin PAS mengambil pendekatan keras untuk menindas golongan LGBT, sudah tentu ia dilihat tidak

berperikemansiaan dari kaca mata pejuang hak asasi. Sebaliknya, jikalau pemimpin PAS bersedia untuk melembutkan pendekatan-nya, mereka mungkin akan diserang UMNO, barangkali dengan tuduhan “tunduk kepada DAP atau Ambiga”, yang dilabel dengan niat jahat sebagai “anti-Islam”.

Jadi, inilah dilema PAS, yang juga dilema kepada Pakatan Rakyat. Seperkara lagi, seandainya pemilihan parti PAS seterusnya menampilkan barisan pimpinan yang menjuarai isu Hukum Hudud, barangkali ia mengundang risiko kepada PAS. PAS sememangnya berhak memperjuangkan matlamat partinya, tetapi tumpuan yang keterlaluan dalam isu Hukum Hudud boleh mengundang risiko yang besar.

Misalnya, jikalau satu hari nanti UMNO terdesak dalam usahanya untuk melanjutkan kelangsungan partinya, dan akhirnya mereka menawarkan Hukum Hudud sebagai asas kerjasama antara PAS dengan UMNO – bagaimana pemimpin PAS menolak tawaran tersebut? Mungkin ada yang meragui sama ada UMNO akan berbuat demikian, kerana boleh jadi pemimpinnya dipotong tangan kerana salahlaku rasuah. Persoalannya, jikalau kuasa masih dalam genggaman, dan sistem kehakiman tetap dikawal penuh UMNO, apakah yang ditakutkan UMNO?

Justeru itu, pemilihan parti PAS kali ini akan menentukan sama ada langkah “transformasi” PAS bergerak ke depan, undur ke belakang, atau berhenti di situ sahaja – selepas lima tahun sejak 8 Mac 2008. Semua parti komponen terutamanya PAS dan DAP mengalami perubahan yang mendadak setelah menyertai Pakatan Rakyat pada 1 April 2008. DAP perlu menampilkan diri sebagai parti berbilang kaum, lantas menghakis “kecinaan”-nya, yang sememangnya menimbulkan ketidakelesaian sesetengah penyokong tradisionalnya. DAP dilemparkan tuduhan yang sama, berbunyi “boneka PAS” oleh MCA.

Begitu juga dengan PAS, setelah diberi mandat pengundi bu-kan Islam untuk mewakili suara mereka. Maka bermulalah PAS

kan dasar-dasar yang memenuhi keperluan seluruh rakyat Malaysia. Sepanjang proses ini PAS cuba membuang imej ekstremis, konservatif, kolot dan sebagainya, yang dilabel kepada partinya. Dari isu penggunaan kalimah Allah, hinggalah beberapa isu yang membabitkan agama, misalnya sama ada bukan muslim boleh memasuki surau dan masjid – PAS berjaya menampilkan diri sebagai parti yang lebih terbuka berbanding UMNO – dari kaca mata bukan Islam, barangkali buat kali pertama dalam sejarah.

Namun pada masa yang sama, pendirian PAS di atas mungkin menimbulkan ketidakselesaan di kalangan penyokongnya, lebih-lebih lagi apabila mereka diasak dengan propaganda UMNO siang dan malam. Dalam perjuangan politik, ada yang tercicir sementara sesuatu yang baru diperolehi. Sokongan dari pengundi kampung mungkin terhakis, tetapi pada masa yang sama PAS boleh mendabik dada dan melaungkan slogan “PAS Untuk Semua”, kerana meraih sokongan bukan Islam yang tertinggi tahapnya dalam sejarah.

Mungkin ada persamaan dengan pengalaman DAP yang kehilangan sokongan tradisional pada tahun 1999, sehingga Lim Kit Siang dan Karpal Singh kecundang dalam PRU10. Perlu diingatkan bahawa DAP mula diterima di kalangan Melayu pada ketika itu, dan ia adalah hasil politik yang besar. Bagaimanapun, DAP menarik diri daripada Barisan Alternatif pada tahun 2001, apabila gagal menangani sesetengah perbezaan yang wujud di antara partinya dengan PAS, secara khususnya.

Akibatnya kita menunggu kira-kira sedekad lagi untuk menyaksikan “tsunami” yang membadai UMNO-BN. Pengajarannya, perubahan lanskap politik hanya berlaku secara mendadak apabila ketiga-tiga parti bekerjasama untuk menentang BN. Kekurangan sama ada DAP, PAS atau KeADILan dalam Pakatan Rakyat (atau Barisan Alternatif sebelumnya), semestinya sukar untuk mencetuskan perubahan besar dalam politik tanahair.

Terpulanglah kepada penyokong PAS sama ada mahu melihat

perubahan besar dalam lanskap politik Malaysia, atau mahu terus terperangkap dalam permainan yang sengaja direka UMNO-BN. Pengalaman pada tahun 1970-an menjelaskan segala-galanya. Tiada parti politik yang boleh berkembang dalam kerangka BN melainkan UMNO – setelah UMNO diselamatkan parti-parti komponen yang ditarik masuk ke dalam BN. Kekalnya UMNO-BN bermakna kekalnya kezaliman dan ketidakadilan. Maruah manusia dipijak, hak asasi manusia ditindas, hubungan antara kaum dirobek, jurang kaya-miskin diperlebarkan. Dalam konteks ini, pemilihan parti PAS lebih besar maknanya daripada sekadar pergelutan kuasa.

**Tipu Pilihan Raya: Kesalahan yang  
Harus Dihukum**  
*Lingswaran Singh*

Tiada kata yang dapat menggambarkan kekecewaan yang melanda apabila Suruhanjaya Pilihan Raya mula mengumumkan satu demi satu keputusan pilihan raya yang lepas. Penipuan sekali lagi mencemari amalan demokrasi kita. Saya secara peribadinya telah belajar bahawa perubahan melalui kotak undi itu satu illusi. Kita hanya menipu diri sendiri, entah mengapa 5,623,984 rakyat Malaysia boleh meyakini pengkhianat negara yang sebatu dengan korupsi, penyelewengan dan kebodohan untuk bertanding dalam proses demokrasi kita.

Suruhanjaya Pilihan Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, Jabatan Peguam Negara, Polis Di Raja Malaysia, Kehakiman Negara, semuanya busuk, rosak, dan merbahaya. Keputusan kali ini jelas menunjukkan pihak kerajaan cuba memainkan api nperkauman. Mereka ingat kita mudah lupa, sejak 2008 lagi pelbagai usaha telah dilakukan untuk mencetuskan huru-hara.

Pada 8 Mei 2013 yang lalu tidak kurang daripada 100,000 rakyat pelbagai bangsa dan agama telah ramai-ramai berhimpun di Stadium Kelana Jaya menolak penipuan pilihan raya serta melahirkan sokongan padu kepada Dato Seri Anwar Ibrahim dan Pakatan Rakyat. Najib Razak pula cuba menyalahkan pengundi cina bagi kelemahan partinya, sedangkan tidak lama dulu dia sibuk menunding jarinya dengan slogan 1 Malaysia.



Penulis berasa amat bimbang bila menyedari kebodohan atau ilusi realiti Najib Razak. Bagaimana seorang pemimpin negara boleh menyalahkan corak pengundi sebagai alasan untuk kelemahan sendiri? Jika anda lihat sebelum pilihan raya Najib telah menzahirkan beberapa tindakan kurang siuman, antaranya; meletakkan Zulkipli Nordin sebagai calon Barisan Nasional di Shah Alam.

### **“Apa Cina Mahu”**

Tanpa teori konspirasi penulis melihat dengan jelas betapa rasisnya Najib Razak ini. Namun itu, saya tidak berapa terkejut kerana pada hemat saya tiada yang lebih rasis daripada Tun Mahathir Mohammad dan Ibrahim Ali. Akan tetapi, kebodohnya amat memeranjatkan. Ramai terperanjat apabila Najib mengumumkan tentang polarisasi pengundi dan pelan penyatuan nasional.

Penulis turut ambil kesempatan ini mengkritik kebodohan PAS. Ingat rakyat tidak tahu akan sayap “*Unity Government*” dan sayap yang menolaknya. Memainkan isu hudud sewaktu hampir dengan pilihan raya itu jelas menunjukkan sabotaj. Saya tidak hairan jika Barisan Nasional dengan sengaja memilih kerusi-kerusi calon PAS yang menentang “*Unity Government*” untuk dimangsakan. Mereka ingat rakyat bodoh, tidak nampak siapa ahli UMNO dan siapa ahli PAS.

Sewaktu meninjau kempen pilihan raya di Johor, penulis melihat rakyat berbangsa cina dengan penuh semangat berkempen bagi calon-calon PAS. Jika Najib Razak masih mahu bermain politik 1969, maka dia bodoh kerana politik seperti itu sudah lapuk dan hanya memakan diri. Rakyat Malaysia rasis hanya kerana UMNO dan Utusan, namun secara umumnya rakyat masih bersatu padu.

Gerakan Bersih, Himpunan Rakyat Kuala Lumpur, dan perhimpunan di Kelana Jaya telah berjalan dengan aman sekali disertai semua lapisan bangsa. Jika benar berlaku polarisasi, mengapa boleh masyarakat berbilang bangsa berkempen bersama untuk perubahan tanpa seekor pun kucing atau gagak yang cedera. Saya tidak nafi-

kan masih ada ramai yang rasis, tetapi itu berpunca daripada akhbar milik UMNO yang tidak habis-habis memainkan api perkauman, sementara kerajaan menyanyikan lagu IM4U.

Tatkala rakyat berbangsa cina dan india menyokong PAS, di mana berlakunya polarisasi yang digembar-gemburkan itu? Bukankah fenomena itu adalah menentang polarisasi? Yang berpolar-polar ini Barisan Nasional, parti rasis yang terdiri daripada satu-satunya parti cina di Malaysia, parti Malaysian Chinese Association. Namun yang dimangsakan sebagai cina adalah parti yang terbuka kepada semua bangsa Democratic Action Party.

### **Henry Gurney**

Barisan Nasional mempunyai hubungan yang buruk dengan pelbagai kumpulan masyarakat. Dari kumpulan-kumpulan aktivis, seniman, pelajar, ahli akademik, ulama, pekerja, orang asal, peguam, malah orang kurang upaya dan LGBT semuanya mempunyai masalah dengan kerajaan Barisan Nasional. UMNO hanya mempunyai hubungan baik dengan rasis Melayu, pertubuhan-pertubuhan india muslim, lembu-lembu, rakyat Bangladesh, Nepal, Burma (sebut Myanmar), Indonesia, Kazakhstan, Zulkifli Nordin, Sultan Esmail Kiram II dan syarikat pemprosesan nadir bumi Australia Lynas.

Politik perkauman itu politik orang zalim, politik pecah perintah ini strategi yang digubah oleh pegawai atasan Henry Lovell Goldsworthy Gurney. Tahukah anda Henry Gurney merupakan antara pegawai yang bertanggungjawab dalam pembentukan Negara Israel? Henry Gurney Setiausaha Agung bagi Kerajaan Mandat Palestin (1946–1948) yang kemudiannya menjadi kerajaan Israel yang juga merupakan satu-satunya negara yang kita enggan adakan hubungan diplomatik.

Henry Gurney dibunuh dalam perjalanan ke Bukit Fraser oleh pejuang-pejuang komunis. Tidak seperti yang digambarkan oleh media yang dikawal UMNO, komunis hanya membunuh Henry

Gurney sahaja. Isteri dan pemandunya tidak diapa-apakan. Pembukaan kampung-kampung baru untuk mengasingkan masyarakat cina dan kemudian memainkan sentimen perkauman di kalangan orang melayu, sementara komunis dituduh sebagai cina, sedangkan ramai sahaja melayu yang menjadi komunis. Hakikatnya Komunis Malaya bukanlah pengganas, mereka radikal dalam melawan kezaliman.

Pada hari ini, kita faham bagaimana kerajaan menggunakan mediana untuk menyebarkan propaganda dan menipu rakyat. Lihat sahaja iklan-iklan bersifat rasis yang digunakan Barisan Nasional dalam kempen mereka yang lalu. Ini adalah legasi amalan pecah dan perintah Henry Gurney. Lantas masyarakat cina menjadi mangsa sekali lagi, ketakutan dicipta dengan suara-suara gila yang kononnya dahagakan darah cina. Memang persepsi itu yang tercipta jika pakai songkok, menjulang keris, di perhimpunan agung UMNO. Cuba pakai sut, pegang gelas, berteman anak dara tua cina yang pandai berkungfu di Hollywood. Keris mana yang dahagakan darah cina?

Penulis selalu mengatakan bahawa UMNO ini umpama suatu saka yang berbahaya, ramai itu perbuatan merapu. Tapi fikirkan sahaja sejenak saka ini boleh menjanjikan anda, apa sahaja selagi anda menyembahnya. Saka ini mahu anda percaya bahawa dahulu, kini selamanya ia akan hidup. Saka ini berupaya mencipta hantu-hantu raya yang keluar pada musim pilihan raya. Saka ini bersifat munafik, dan suka memberi kemenangan loteri kepada orang ramai. Saka ini menggunakan jampi serapah yang semuanya berakhir dengan irama IM4U. Saka ini ada menyebabkan beberapa kematian.

Kata orang tua, saka ini sesuatu yang sukar dibuang, kadang-kadang tubuh badan sudah mati dan mula berbau tapi saka terus menggunakan tubuh itu. Negara kita umpama tubuh badan itu, dan saka yang menghantuinya telah memusnahkan organ-organ penting seperti Kehakiman, Polis, Suruhanjaya Pilihan Raya, dan Suruhanjaya Pencegah Rasuah. Saka ini harus dibuang, ia

merompak kekayaan negara, menindas keadilan, merosakan akidah, dan membunuh demokrasi.

Negara kita tiada mekanisma seperti referendum untuk rakyat “memecat” kerajaan yang buruk, kita hanya ada mekanisma untuk melantik kerajaan melalui pilihan raya. Oleh yang sedemikian, kita harus menambah tekanan terhadap kerajaan yang tiada mandat ini supaya akur dengan kehendak rakyat. Kita tidak boleh biarkan kegilaan ini berterusan. Penipuan dalam pilihan raya umum adalah pengkhianatan terhadap negara. Suatu kesalahan yang dikira harus dihukum.

## **Demokrasi, Pilihan Raya dan yang Tertunggak**

*Muhammad Nazreen*

Demokrasi di Malaysia berada di tahap yang sangat membimbangkan. Penahanan beberapa tokoh politik tanahair atas tuduhan hasutan, sebermulaanya budaya tirani di dalam politik kekuasaan negara ini. Mahasiswa Adam Adli menjadi mangsa pertama selepas Pilihan Raya Umum ke -13 melabuhkan tirainya. Pidato kemarahan beliau terhadap strategi penipuan di dalam pilihan raya kini dianggap sebagai kesalahan jenayah yang serius. Bukankah, dia sebagai seorang warganegara, dijamin hak untuk bersuara di dalam perlembagaan demokrasi?

Kemenangan tipis Barisan Nasional pada pilihan raya lepas, kini menjadi alasan untuk mereka bertindak lebih rakus. Saya membayangkan bahawa penangkapan beramai-ramai tokoh politik Pakatan Rakyat – termasuklah berita terkini penangkapan trio – Haris Ibrahim, Tian Chua dan Dato Thamrin Ghaffar adalah episod terbaru Operasi Lalang 1987. Ketika itu, alasan yang sama digunakan. Tun Mahathir mengatakan wujudnya konspirasi untuk menggulingkan kerajaan melalui jalan revolusi.

Berikutan kekalahan selepas kemenangan Parti Bersatu Sabah (PBS) di dalam pilihan raya 1986 begitu merunsingkan UMNO-BN, penangkapan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bermula dengan tertangkapnya Jeffrey Kittington dan beberapa tokoh politik Sabah yang lain – mereka dituduh sebagai dalang konspirasi untuk memisahkan Sabah keluar dari Malaysia.

Di Semenanjung Malaysia pula pada tahun berikutnya — ratusan pemimpin politik, gerakan sivil dan pemimpin masyarakat ditangkap dengan alasan yang langsung tidak masuk akal. Menumbangkan kerajaan? Detik itu bermulalah Operasi Lalang untuk melumpuhkan gerakan politik seteru mereka.

### **Tsunami Cina**

Jikalau kita membaca strategi politik mereka dalam nada yang sama — kekalahan untuk mendapat undi popular di dalam pilihan raya kali ini adalah kekalahan tercorot Barisan Nasional (BN). Mereka kalah undi keseluruhan dengan mendapat 49% manakala Pakatan Rakyat memenangnya dengan peratusan 51%. Kerajaan minoriti 49% Barisan Nasional sudah mula terdesak. Selepas pilihan raya umum 1969 — ini adalah kali kedua BN (ketika itu Perikatan) kalah undi popular dengan pakatan politik pembangkang. Tidak lama selepas itu — tragedi hitam pertumpahan darah 13 Mei berlaku. Ianya juga bermula dengan permainan politik perkauman yang akhirnya menjadi tidak terkawal. (Pilihan raya tahun 2013) — setelah pengumuman kemenangan BN dengan majoriti mudah 112 kerusi parlimen, perkara pertama yang dibangkitkan oleh Penerusi BN, Najib Tun Razak adalah fenomena tsunami cina.

Isunya juga sama — sebagai tekanan kepada majoriti pengundi Cina yang sudah berpaling daripada Barisan Nasional. Keesokan harinya, akhbar Utusan Malaysia mula mengeluarkan kenyataan-kenyataan sensitif berbaur perkauman. Dan, muncul pula NGO-melayu yang menggesa orang Melayu untuk memboikot perusahaan perniagaan yang dimiliki kaum tionghua (dikatakan untuk memboikot syarikat milik taikun perniagaan terkenal, Robert Kuok yang dipercayai mesra Pakatan Rakyat). Tidak berakhir di situ, bekas hakim Mahkamah Rayuan, Tan Sri Muhammad Noor mengeluarkan kenyataan rasis yang bakal mencetuskan polarisasi kaum yang meluas. Begitulah strategi mereka.

Namun, situasinya pada hari ini cukup berbeza. Hantu perkauman tidak lagi disambut dengan meriah oleh rakyat Malaysia.

Teknik ugutan sudah ketinggalan zaman. Namun, akibat pemusatan kuasa di bawah payung BN, mereka gagal untuk mengesan perkara ini. Mereka terlalu lama di pencak kekuasaan sehingga buta pada realiti masyarakat pada hari ini. Atas kesilapan mereka – ombak kebangkitan rakyat semakin berpadu. Jika Reformasi 1998, ombak kebangkitan Melayu gagal untuk menjatuhkan daulah UMNO-BN, kini pada rentetan peristiwa pasca PRU ke-13 – ombak kebangkitan rakyat muncul dari segenap lapisan masyarakat. Kebangkitan rakyat Malaysia semakin berpadu. Orang melayu, cina dan india semakin erat bersahabat. Semuanya kerana satu iltizam untuk melihat Malaysia yang baru.

Tekanan politik yang bertimpa-timpa menyebabkan mereka mula bertindak di luar kawalan dan rasional. Institusi kekuasaan yang meliputi badan keselamatan seperti Kementrian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dijadikan sebagai perisai politik mereka. Jikalau diteliti kemas perkembangan sejarah politik negara – penangkapan politik sebegini adalah skrip lama yang dikitar semula. Agaknya, kita sendiri boleh meneka apa yang bakal terjadi seterusnya. Malahan, mereka yang bakal dikenakan tindakan juga boleh diramal tanpa memerlukan perhatian yang begitu teliti. Kenapa?

Rejim yang sedang bergolak dengan kepercayaan rakyat sendiri biasanya boleh diramal. Fi'il-nya juga hampir sama. Tetapi yang pasti – kebebasan rakyat mula dikongkong supaya mereka tidak mempersoalkan kelemahan pemerintah. Akta Hasutan, Akta Perhimpunan Aman dan SOSMA tidak lain tidak bukan, kekal sebagai apparatus yang diwartakan untuk membungkam kebangkitan rakyat. Bagi mereka, istilah “raja adalah rakyat” adalah ancaman sebenar ke arah pembentukan sebuah negara berasaskan pemerintahan autoritarian yang digemari.

Louis Dembitz Brandeis (1856-1941) – Bekas Hakim Mahkamah Agung Amerika (*supreme court*) yang paling terkenal pernah menyusun kemas kata-kata berkenaan definisi demokrasi. Beliau menyebut,

*“Demokrasi sebenar bukan sekadar patuh pada tradisi pilihan raya (pengundi, kertas undi dan kotak undi) – ia mempunyai makna yang lebih berbanding penyertaan di dalam pilihan raya yang tidak mengubah apa-apa: ia bermakna kesabaran, kecelikan budaya politik, penguasaan ilmu pilihan raya, hak untuk menuntut kesaksamaan dan menjatuhkan ahli politik yang mengkhianati amanah rakyat.”*

Sebenarnya, BN sudah mula kusut, dek keyakinan rakyat terhadap politik lama mereka sudah semakin terhakis. Mereka gagal menerima tuntutan rakyat dengan bijak dan berwaspada. Siri penangkapan beberapa aktivis dan pemimpin politik, merupakan episod baru bagi sebuah cerita lama yang diceritakan kembali. Demokrasi kini sudah nazak, tinggal menuju mati.



## **Resah Hegemoni, Pilihan Raya, dan...**

*Adam Adli*

Akhirnya gendang pilihan raya mulai dipalu selepas berkali-kali diuji dengar sebelum ini. Dengan pembubaran secara rasmi Parlimen Malaysia seperti yang diumumkan oleh Najib Razak tempoh hari, maka dengan rasminya juga bermula pergelutan merebut kuasa. Pilihan Raya Negara yang ke 13 dalam tempoh 55 tahun Negara ini berdiri dibayangkan sebagai ibu segala pilihan raya setakat sejarah ditulis sehingga saat ini.

Pilihan raya kali ini seolahnya pilihan raya yang paling dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat dari segenap lapisan. Sekurang-kurangnya, tiga generasi pengundi bakal memangkah kertas undi; simbol terhadap penyuaran hasrat dan pilihan politik mereka sebagai warganegara. Najib Razak membubarkan parlimen setelah empat tahun memegang tampuk kuasa sebagai Perdana Menteri Malaysia. Apa sekali pun canangan yang dijual kepada rakyat jelata, yang pastinya saat tersebut akhirnya sudah tiba.

Pilihan raya kali ini berlaku dalam sebuah suasana yang tidak pernah kiranya dilihat berlaku dalam sejarah Negara dan dunia. 2011 dan 2012 adalah tahun kebangkitan rakyat seluruh antero dunia. Sesiapa sekali pun pasti akan terus mengenang catatan-catatan berita dalam dan luar negara yang menyaksikan bibit-bibit aksi keberanian, kesungguhan, dan pergolakan yang dicipta di celah-celah kancah masyarakat dan pemimpin. Sebut sahaja Arab Spring, biar positif atau negatif, Arab Spring sudah menjadi satu

indikator baru pergerakan perubahan yang sedang dilakarkan oleh majoriti sebenar; rakyat yang tidak memegang kuasa. Hawa panas yang ditiup dari Timur Tengah itu sama sekali telah terlalu banyak mempengaruhi kotak-kotak pemikiran terutama sekali anak-anak muda di Negara ini sendiri.

Melihat kejatuhan rejim-rejim yang kalau diukur tapak kekuasaannya jelas lebih kukuh dan kuat berbanding Negara kita; tentu sekali menggusarkan pemerintah khususnya. Tidak hairanlah bila kita jadi terbiasa melihat tingkah perkataan pemimpin negara yang tidak putus-putus menasihati rakyat Negara ini supaya tidak mencontohi apa yang berlaku dan dilakukan di Timur Tengah. Kegusaran mereka ini berasas; Negara ini majoriti Muslim, dan Arab Spring terlalu popular dan kedengaran salah dan aneh jika ada yang menentang atau mencela kebangkitan rakyat menentang hegemoni di Timur Tengah tersebut. Seluruh rakyat dunia termasuk rakyat Negara ini faham dan akur dengan fakta bahawa yang digulingkan di Timur Tengah tersebut adalah rejim zalim yang telah menguasai dan menyusahkan rakyatnya sendiri. Mungkin pemerintah Negara kita merasakan bahawa rejim yang terguling di sana itu mempunyai banyak persamaan sikap dengan mereka di sini; dan rakyat Negara ini juga cenderung untuk mempunyai sikap yang sama seperti rakyat di sana.

Najib Razak sebagai Perdana Menteri selepas Abdullah Badawi melalui pengalaman yang buruk dan sukar sepanjang berkhidmat di Putrajaya. Siri-siri demonstrasi yang terpaksa dilalui Najib Razak sepanjang tempoh perkhidmatannya memangkin lagi rasa takut dan paranoid dalam dirinya. Cuma, beliau mungkin tidak menyedari hakikat mudah; biar ratusan ribu berjaya dikumpul di atas jalan raya, belum pernah sekalipun golongan rakyat yang berani ini memintanya meletak jawatan. Malah BERSIH; ibu segala demonstrasi pasca Reformasi 1998 yang menghimpun ratusan ribu rakyat sendiri hanya terus kekal dengan tuntutan pilihan raya berintegriti; tidak lebih dari itu. Tidak pernah jadi dmeonstrasi untuk menggulingkan beliau dan kabinet beliau. Begitu juga dengan Himpunan Kebangkitan Rakyat yang sebenarnya lebih bersifat sebagai pameran kuasa

oposisi dan persefahaman janji penyokong oposisi sendiri. Tidak pernah lebih dari itu.

Berbalik kepada persoalan di sini, apakah setelah setiap peristiwa yang menyaksikan aksi-aksi massa yang secara jujur telah berjaya mengganggu gugat keselesaan kerajaan di Putrajaya; rakyat terbabit yang rata-rata adalah pengundi benar-benar mampu untuk bawa perubahan seperti yang cuba dibuktikan dengan pelbagai cara dewasa ini? Mampukah cita-cita memenangkan kerajaan baru melalui pilihan raya; bukan jalan raya mampu untuk benar-benar direalisasikan? Atau mungkin hanya akan tinggal terus jadi mimpi yang gagal?

Dalam sebuah orator politik yang pernah kedengaran di Dataran Merdeka sewaktu Himpunan Hijau tahun lalu, salah seorang pemimpin politik oposisi menyebut bahawa terdapat orang besar di Putrajaya yang mendakwa; oposisi boleh terus mengumpul massa, namun hanya kerajaan hari ini mampu mengaut undi. Mungkin yang dirujuk oleh orang besar ini adalah majoriti senyap yang taat kepada kerajaan seperti yang disebut-sebut Najib Razak sewaktu baru memegang tampuk pemerintahan. Boleh jadi juga kerajaan sendiri sudah pun mempunyai mekanisme kotor untuk mengekalkan kuasa biar pun terpaksa melalui hatta seribu kali pilihan raya sekali pun. Walau apa pun tekaan liar untuk memahami pesanan orang besar tersebut; tiada yang mustahil buat mereka di Putrajaya. Melepaskan kuasa bukan perkara yang mudah untuk dilakukan selepas 55 tahun selesa dilingkari kemewahan bergelar pemimpin negara.

Oposisi kian rancak dewasa ini. Sungguh pun ribut-ribut kecil yang dilihat melanda koalisi mereka, tidak mungkin untuk kita nafikan bahawa barisan oposisi yang sedang dilihat hari ini adalah yang terbaik pernah dimiliki Negara ini. Gandingan tiga parti yang mempunyai kekuatan dan keistimewaan masing-masing memberi kemungkinan baru buat Negara ini. Peralihan kuasa dari orde lama kepada orde baru bukan lagi hanya fantasi; ia adalah realiti yang sedang disusun dengan rapi. Mac 2008 menyaksikan pembuktian nyata bahawa oposisi Negara ini bukan lawan yang boleh

dipandang enteng. Penguasaan ke atas lima negeri penting dalam negara, sebelum dirampas salah satunya membuktikan keupayaan dan kesediaan mereka. Apa lagi apabila saban tahun, terus menerus diakui bahawa negeri yang dipimpin oleh pihak oposisi jauh lebih cemerlang daripada yang ditadbir lama oleh pemerintah sedia ada. Tinggal lagi hanya rakyat mereka sendiri yang menilai refleksi sebenar terhadap prestasi yang ditonjolkan oleh mereka.

Kita sedang berhadapan dengan titik penting dalam pembentukan sejarah baru Negara ini. Setiap keputusan yang bakal terjawab menjelang pilihan raya kelak bakal menjadi peristiwa maha penting. Negara ini, tidak kira siapa bakal menang pada pilihan raya kali ini; bakal menjadi sebuah Negara yang mungkin tidak pernah dilihat sebelum ini. Terdapat dua hala tujuan besar yang sedang dihidangkan kepada rakyat, dan setiap antara duanya bakal membawa Negara dan rakyat ke masa depan yang berbeza.

Penting buat kerajaan untuk menang; supaya mampu untuk mengekalkan rancangan hala tuju Negara acuan mereka, dan harta karun yang dikumpul selama ini. Penting pula buat oposisi menang; supaya dapat merebut takhta yang telah terlalu lama diidamkan, dan untuk memastikan kewujudan mereka relevan dalam landskap politik Negara. Hanya satu kenyataan yang boleh kita fahami; pihak yang kalah dalam pilihan raya nanti bakal jadi abu. Momentum yang dipacu dalam perebutan kuasa hari ini tidak mungkin boleh dianjakkan lagi untuk pilihan raya yang akan datang.

Mudah kata; jika kerajaan kalah, mereka akan terkubur dan terpaksa bertapa lama untuk kembali jadi relevan kepada rakyat. Jika oposisi kalah; tidak keterlaluan rakyat terpaksa menyusun semula oposisi baru untuk melawan hegemoni lama. Kegagalan mereka untuk menumbangkan hegemoni bermaksud sistem, formula, atau wadah yang dibawa oposisi bukan resepi yang tepat dalam perlawanan ini. Atau, jika rakyat yang percaya bahawa ada keperluan segera untuk menumbangkan kerajaan hari ini, selepas tidak mampu bergantung harap kepada oposisi; boleh mencontohi sikap yang ditonjolkan Arab Spring, dan kembali turun ke jalan raya.

**Pengundi Pulau Pinang***Lingswaran Singh*

Sebelum penulis mulakan rungutan, ingin dijelaskan di sini bahawa penulis bukanlah penganalisis politik yang neutral, penulis pendokong politik pembangkang. Penulis umpama pion hitam dalam permainan catur, atau pun koin gelap dalam permainan river-si, ataupun yin yang melengkapi yang dalam Taijitu. Bila penulis mengakui mendokong politik pembangkang itu tidak bererti penulis menyokong parti-parti dalam Pakatan Rakyat yang bakal menjadi kerajaan tidak lama lagi. Penulis mendokong institusi pembangkang dalam sistem demokrasi kita. Pada hematnya, peranan pembangkang, seperti juga kerajaan adalah sama pentingnya dalam pembangunan negara. Interaksi di antara kerajaan dan pembangkang inilah yang membentuk minda masyarakat.

Dari segi sokongan kepartian, penulis berpendapat bahawa itu bukan lagi satu persoalan. (Tun) Mahathir Mohammed sudah mengaku memberi kewarganegaraan kepada orang asing, sudah jelas lagi bersuluh bahawa parti Barisan Nasional sudah mengkhianati kepercayaan rakyat, telah melaga-lagakan rakyat dengan isu perkauman, walhal sendiri merosakan bangsa melayu dengan memberi kewarganegaraan kepada rakyat asing dengan sewenang-wenangnya.

Jika anda sakit hati membaca pendahuluan ini, percayalah anda tidak mahu terus membaca perenggan-perenggan berikutnya.

Penulis pengundi berdaftar di Parlimen Permatang Pauh, juga sudah beberapa kali mengundi pembangkang di Permatang Pauh. Pada pendapat beliau, rakyat Pulau Pinang pengundi paling matang di Malaysia. Ini bukan kenyataan “syok sendiri”. Ini hakiki, rata-rata penduduk Pulau Pinang mempunyai kesedaran politik yang lebih tinggi kerana mereka kaya dengan sejarah dan menyambut baik budaya demokrasi tulen.

Penduduk Pulau Pinang tidak bodoh. Malahan, mereka pandai berpolitik. (Datuk Seri) Najib Abdul Razak telah melakukan kesilapan besar dengan cuba mendapat sokongan pengundi Pulau Pinang dengan membelanjakan lebih RM2 juta untuk hiburan. Bagi pengundi Pulau Pinang, itu umpama menghina intelek mereka, tetapi tidak mengapa lebih baik daripada beli kondo untuk lembu-lembu yang gemok tidak sedar diri dan bodoh. Kebodohan Najib Razak bagi pengundi Pulau Pinang adalah pada tahap yang amat memalukan. Penulis tertanya-tanya, apakah politik kita sudah jadi begitu picis sehinggakan Perdana Menteri perlu meraih sokongan dengan bertanya soalan bodoh, seribu kali bodoh.

“Are you ready for BN?” Itu soalan paling bodoh untuk ditanyakan kepada pengundi Pulau Pinang. Saya yakin pengundi Pulau Pinang akan dengan sengaja memastikan Pulau Pinang bersih daripada Barisan Nasional (BN) sebagai reaksi menghina kami. Kebiasaannya kami balas hinaan seperti ini dengan makian kasar yang dicampur aduk dengan kata-kata kesat pinjaman dari bahasa hokkien dan tamil, tetapi kali ini akan disalurkan maki-makian melalui kotak undi.

Mengapa hairan? Budaya memaki perkara bodoh ini satu sifat pengundi-pengundi di Pulau Pinang. Pengundi di Pulau Pinang pantang dengan sifat kebodohan. BN telah menunjukkan kebodohan melampau yang mana dalam pendapat orang utara sudah cukup syarat untuk dikelaskan sebagai mereng. Menghabiskan RM2 juta dalam masa 10 minit itu bagi pertimbangan pengundi Pulau Pinang adalah sifat menunjuk yang melampau dan sifat yang terlampau buruk untuk mereka yang menguruskan hasil negara.

Masih tidak percaya bahawa BN akan kalah semua kerusi di Pulau Pinang? Pengundi Pulau Pinang berani mencorak perubahan. Maaf mungkin seluruh negara sudah bersedia untuk menerima BN sebagai pembangkang, tetapi mereka tidak cukup layak untuk berperanan seperti itu di Pulau Pinang. Untuk menjadi pembangkang di Pulau Pinang, anda harus bijak. BN ternyata tidak pandai urus sumber yang mereka miliki. Kami akan pastikan BN tidak bertapak di Pulau Pinang lagi.

Jika mana-mana parti bukan komponen BN dan tidak mesra BN yang bukan juga parti komponen Pakatan Rakyat, bertanding di Pulau Pinang dalam pilihan raya yang akan datang, penulis yakin mereka boleh membentuk barisan pembangkang baru di Pulau Pinang. Masalahnya masih belum ada pembangkang yang bermutu di Pulau Pinang. Parti Sosialis yang baru berjaya mendaftarkan parti mereka pula mahu bersama Pakatan Rakyat.

BN sudah tiada harapan di Pulau Pinang. Mereka akan kehilangan wang taruhan jika terus berdegil untuk bertanding. Saya yakin BN akan terus meletakkan calon di Pulau Pinang. Mereka ini tidak pandai politik, mereka bodoh sombong, dan gemar membazirkan wang. BN sudah tidak relevan lagi dengan pengundi di Pulau Pinang. Pengundi Pulau Pinang tidak akan memberi muka kepada pengkhianat bangsa yang bukan sekadar mengkhianat tetapi juga bodoh.

Tidakkah soalan “are you ready for BN?” di Pulau Pinang itu menggambarkan betapa dalam dilusi Perdana Menteri (PM) kita? Apakah PM hidup dalam realiti yang berasingan? Budak darjah enam turut mengatahui bahawa itu soalan yang bukan setakat bodoh tetapi amat hina untuk diajukan kepada pengundi-pengundi di Pulau Pinang. Penulis tidak mahu negara kita diterajui seorang yang hidup dalam ilusinya sendiri. Apakah Malaysia tiada anak muda yang mampu menerajui negara? Apakah kita tidak dinamik dalam menerima perubahan? Apakah kita masih membenarkan ke-bodohan menjadi ruh negara?

Pengundi Pulau Pinang akan mencipta sejarah sekali lagi dalam PRU-13 yang akan datang. Anak muda akan pacu perubahan politik, ekonomi dan sosial Malaysia. Pertama sekali anak muda akan lesapkan Barisan Nasional daripada tanah kami. Ingat pengundi Pulau Pinang apa? Kami disegani sebagai pengguna yang bijaksana, ini boleh diukur dengan keaktifan Persatuan Pengguna Pulau Pinang, dan juga dengan meneliti strategi pemasaran produk-produk harian di Pulau Pinang. Pegawai-pegawai pemasaran biasanya perlu memikirkan strategi khas dalam meyakinkan penduduk Pulau Pinang untuk membeli sebarang produk mereka.

Selain itu, kalau anda teliti peniaga makanan di Pulau Pinang, anda akan perasan cara peniaga-peniaga menguruskan kenaikan harga barang. Di Pulau Pinang, kenaikan harga makanan dihadapi dengan mengurangkan bahan ramuan dan bukannya dengan menaikkan harga makanan. Fenomena ini menunjukkan interaksi dan hubungan peniaga-peniaga Pulau Pinang dengan penduduk Pulau Pinang. Interaksi ini telah mewujudkan satu rasa hormat yang mendalam terhadap penduduk Pulau Pinang.

Penduduk Pulau Pinang amat peka terhadap perubahan dalam harga pasaran, dan mereka menggunakan tindakan politik pasif dalam mengawal kualiti kehidupan mereka. Sedangkan, harga bayam di pasar mereka pertikaikan, inikan pula belanja RM2 juta. Sudah tentu mereka tidak akan tutup sebelah mata. Mereka ini tiada nilai-nilai setia, taat, patuh, dan bersyukur. Jangan cuba perbodohkan mereka ini dengan konsep-konsep lapuk sebegitu.

Anak muda faham apa itu demokrasi, mereka juga faham apa itu korupsi, mereka sedia maklum siapa yang memberi makna kepada legitimasi dan siapa yang mencipta daulat. Cubaan *psy-kologi* untuk memenangi hati pengundi Pulau Pinang amat meriah, namun implikasinya amat parah untuk Barisan Nasional dan imej Najib Abdul Razak. Barisan Nasional dan konco-konconya akan terus hidup dalam realiti mereka sendiri. Pengurusan negeri dan negara adalah satu perkara yang serius. Anak muda memang pandai berpesta tapi mereka tidak gila.



Ayuh Pengundi Pulau Pinang, cukup sudah gelombang biru, mai kita pakat humban *depa keluaq* Pulau Pinang! Ayuh sebarkan, pastikan Barisan Nasional tumbang habis di Pulau Pinang! *Biaq pi tak apa*, PM baru dari Permatang Pauh. *Tak dak* untung kita simpan *depa* lagi, pembangkang pun *depa* tak layak. Tak percaya pengundi Pulau Pinang mampu lakukan? Kita tunggu dan lihat.

## 6

# **Peluang Demokrasi Dalam Pilihan Raya Malaysia** *Adam Adli*

Tamat sudah perlawanan merebut takhta kekuasaan paling sengit yang pernah berlaku dalam sejarah Negara berusia hampir 56 tahun ini. Kemenangan rejim tua; UMNO-Barisan Nasional dalam pesta yang baru sahaja melabuhkan tirainya meletakkan satu lagi titik pencapaian baru buat Negara serba boleh bernama Malaysia di mata dunia. Barisan Nasional kini diangkat sebagai gabungan parti politik paling lama dan masih menduduki kerusi pentadbiran sebuah Negara yang merdeka. Dengan kemenangan berterusan Barisan Nasional selama separuh abad yang merangkumi 13 kali perjalanan politik pilihan raya mereka dalam Negara ini, timbul persoalan penting yang harus difikirkan semula oleh semua orang; apa nasib demokrasi dalam Negara kita?

Semenjak tamat pilihan raya bersejarah 2008, momentum yang dibina oleh gabungan parti-parti pembangkang di bawah payung Pakatan Rakyat telah berjaya meletakkan satu harapan, atau mungkin juga kekusaran buat hampir seluruh umat manusia yang mempunyai kaitan langsung dengan negara ini. Pemerhati, peminat, pelabur, dan termasuklah terutama sekali 'stakeholder' dalam ruang lingkaran arena politik Negara kita buat pertama kalinya terpaksa berkali-kali membuat telahan, kajian, dan analisa secara teliti dalam meramal masa depan politik serta masa depan mereka sendiri. Meletakkan pertaruhan masing-masing ke atas pemain-pemain di

dalam gelanggang politik bukan lagi semudah yang pernah dialami oleh mereka suatu masa dahulu. Pelabur-pelabur baik besar mahupun kecil yang bergantung harap kepada kuasa dan saluran politik untuk kepentingan dan keuntungan masing-masing hampir-hampir menjadi buntu dalam membuat pilihan dalam memperoleh semula pulangan selepas usai pilihan raya. Malah ada yang sanggup melabur kepada kedua-dua pihak untuk memastikan survival masing-masing. Begitulah serba serbi gambaran tentang kocakan yang berlaku selepas 2008. Dalam erti kata lain; buat pertama kalinya, rakyat dan pengundi dalam Negara ini dihidangkan dengan proses demokrasi yang lebih terbuka di mana mereka perlu membuat pilihan, bukan hanya membuang undi secara membabi buta.

Kemenangan UMNO-Barisan Nasional pada pilihan raya yang lepas jelas dan hampir pasti tidak diterima oleh majoriti rakyat yang turun mengundi. Dakwaan ini benar kerana majoriti rakyat yang bergelar pengundi berdaftar, mengikut undian popular keseluruhan iaitu sebanyak lebih kurang 5.5 juta orang telah pun meletakkan kepercayaan melalui kertas undi mereka kepada Pakatan Rakyat, berbanding hanya 5.2 juta yang memilih Barisan Nasional. Fakta ini nyata tidak boleh disanggah oleh mana-mana pihak; maka tidak menjadi kehairanan apabila penyokong Pakatan Rakyat terus menerus kecewa dan menolak keputusan yang diumumkan oleh SPR dalam pilihan raya yang lalu. Kemenangan Barisan Nasional dianggap hanya berlaku hasil daripada kepincangan sistem pilihan raya, dan kempen berat sebelah yang telah pun secara bersama-sama didedah dan dibuktikan oleh banyak pihak selain dari Pakatan Rakyat sendiri. Malah, terma seperti 'gerrymandering' yang selama ini hampir tidak pernah didengari oleh masyarakat umum mulai dibincangkan hatta di meja-meja kopi daerah hujung peta seperti Kuala Nerang. Dengan segala macam kerenah dan kepincangan ini, masyarakat yang nyata sudah mempunyai akses maklumat yang lebih luas mulai menilai kembali perjalanan demokrasi Negara ini. Persoalan pokok; adakah demokrasi yang sedang diamalkan ke atas rakyat benar-benar berfungsi dan memberi faedah kepada mereka?

Demokrasi bukan hanya diukur melalui pilihan raya semata-mata; ia jauh lebih meluas dan dalam. Buat yang benar-benar menelaah sistem demokrasi tentu sekali faham refleksi demokrasi dalam cerminan sistem yang sedang diguna pakai dalam Negara ini sendiri. Demokrasi tidak mampu berfungsi dan membawa faedah kepada Negara dan masyarakat apabila berlaku secara paksa. Ringkasnya, sejak dari tahun 1959 hingga 2013, pilihan raya yang dijalankan dalam negara boleh jatuh sia-sia andai rakyat tidak faham bagaimana dan sebab musabab berlakunya pilihan raya. Menyelak kembali sejarah awal pilihan raya dalam Negara; pada 1955, pilihan raya majlis perundangan Tanah Melayu menyaksikan kemenangan Perikatan (hari ini Barisan Nasional), kecuali satu kerusi di Krian, Perak. Kemenangan Perikatan tersebut telah pun sebenarnya meletakkan satu pasak penting yang menjadi dogma hampir kekal dalam persepsi masyarakat umum Negara ini. Idea yang cukup mudah; hanya Perikatan atau Barisan Nasional adalah pilihan relevan dan harus kekal sinonim dengan Negara ini. Dogma awal ini berjaya diutuhkan dengan keberhasilan penuntutan kemerdekaan oleh Perikatan dua tahun selepas itu. Kemenangan dalam PRU 1959 menyaksikan Perikatan berjaya mengunci pemikiran sedemikian. Akhirnya, hampir setiap pilihan raya selepas pada itu hanya jadi proses mengolah persetujuan untuk mengemas kini watak perlington Perikatan/Barisan Nasional sebagai pemegang kunci pejabat pentadbiran Negara.

2013 sebenarnya bukanlah kali pertama rakyat cuba untuk membuka ruang demokrasi yang lebih adil buat diri mereka sendiri. Percubaan DAP pada tahun 1969 membuahkan hasil lumayan yang mana mereka berjaya mengimbangi kuasa yang dipegang oleh Perikatan selama ini. Sehingga berlakunya peristiwa 13 Mei 1969 yang menyaksikan bukan sahaja perpecahan kaum; sebaliknya pembunuhan ke atas peluang demokrasi sebenar untuk bernafas dalam Negara kita. Buat yang memahami sejarah gelap ini, pastilah sedia maklum tentang niat dan agenda sebenar di sebaliknya peristiwa hitam tersebut. Hasilnya, Barisan Nasional selepas itu berjaya mengekalkan kembali penguasaan melalui dogma sempit yang turut disulam pula bersama dengan sentimen perkauman yang

mungkin tidak wujud sebelum 1969. Maka, tanpa disangka, apabila Tsunami 2008 muncul; semua orang yang terlibat dalam proses politik dan demokrasi Negara ini akhirnya sedar bahawa harapan baru untuk menyalakan kembali obor demokrasi yang adil telah muncul. Kesedaran ini jugalah yang menjadi titik tolak kepada kebangkitan Pakatan Rakyat yang sebenarnya telah mengungguli PRU13 kali ini. Hakikat demokrasi ini tidak mampu untuk diterima oleh UMNO-Barisan Nasional. Atas sebab ini, percubaan baru untuk menguburkan demokrasi telah dijalankan.

Jika 1969, rusuhan antara kaum dan keganasan ke atas sifat-sifat manusiawi digunakan untuk menghukum dan menguburkan demokrasi yang tidak memihak kepada Perikatan/Barisan Nasional; hari ini, manipulasi licik dan rancangan-rancangan sabotaj proses demokrasi pula digunakan oleh waris rejim lama tersebut. Manipulasi dan pencabulan integriti proses pilihan raya berlaku secara jelas. Dalam lebih 10 juta pengundi yang membuang undi pada hari 5 Mei 2013; hampir pasti semuanya menyedari kegelisahan yang jelas berlaku sepanjang proses pilihan raya yang dilalui mereka. Dakwat kekal tidak kekal, senarai undi yang meragukan, pengundi hantu, peraturan yang tidak adil, putus bekalan elektrik, kotak undi hilang atau muncul tiba-tiba, serta segala macam kerenah lain tidak mampu disembunyikan dari pengetahuan masyarakat yang rata-rata mempunyai senjata baru bernama internet. Atas sebab inilah, percubaan dan rancangan Barisan Nasional untuk cuba menguburkan semula demokrasi yang sedang mekar dengan niat yang sama seperti 1969, bakal gagal. Kegagalan ini bukan hanya berlaku disebabkan mereka berhadapan dengan masyarakat bermaklumat, sebaliknya juga kerana kegagalan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sendiri untuk memahami bahawa dalam proses demokrasi yang sebenar; yang wujud bukan hanya keadilan, sebaliknya juga kesaksamaan. Walaupun dengan segenap kekuatan dan kelebihan yang dimiliki oleh parti pemerintah ini, dalam sebuah demokrasi yang utuh, majoriti pasti akan tetap menang. Dalam hal ini; mereka kini adalah minoriti, dan tidak mungkin mampu untuk mereka terus mengekalkan kesombongan memiliki kuasa seperti yang pernah ditanam dalam fikiran rakyat melalui dogma sempit selama ini.

Kini, walaupun kenduri sudah tamat, pengantin sudah masuk be-radu; kompang masih terus dipalu. Bukan hanya Pakatan Rakyat sahaja yang sedang agresif mengasak dan mengembleng kembali semangat penyokongnya; banyak lagi pihak lain yang turut kece-wa melihat bagaimana demokrasi dibuli sedang mulai menyusun kembali perlawanan untuk memastikan demokrasi diberi peluang untuk kembali bernafas. Seperti yang diajukan awal tadi; demokra-si tidak pernah hanya terbatas dalam pilihan raya. Pilihan raya hanya saluran demokrasi. Matlamat demokrasi tidak lain adalah untuk mengumpul suara majoriti untuk membuat keputusan, dan dalam konteks Malaysia, majoriti sedang kalah. Maka datanglah satu kesedaran; kertas undi boleh dimanipulasi, namun tubuh ba-tang manusia itu sendiri tidak boleh ditipu. Mungkin hanya jalan raya boleh menghidupkan demokrasi yang tidak pernah sebenarnya diberi peluang bernafas.

**Bahagian VIII**  
POLITIK





## **Kangkung, Satira dan Keterlibatan Politik**

*Mohd Izzuddin Ramli*

Tidak disangka-sangka kangkung sejenis sayur yang senang ditemui di tepi-tepi parit dan sungai menjadi sayur yang sangat popular di Malaysia akhir-akhir ini. Tidak kerana keenakan rasanya ketika digoreng bersama belacan atau timbul resepi baru yang menjadikan kangkung sebagai bahan asas, tetapi kerana kangkung kini telah membawa makna baru bukan sekadar sebagai ulam-ulaman tetapi turut menjadi simbol kepada kebodohan, ketidaktercerdikan atau gambaran terhadap sesuatu yang tidak berisi. Sepertimana Bobo dan Sasya Solero yang telah menjadi “selebriti” segera di internet, kini kangkung pula mengambil tempat dan trending di mesin carian Google, Youtube malah di laman-laman sosial seperti Facebook dan Twitter. Hal ini berikutan kenyataan lucu Najib Razak baru-baru ini ketika cuba untuk menepis isu kenaikan harga barang dengan kritikan demi kritikan yang diterima oleh barisan pentadbirannya.

Najib secara jelas gagal memberikan contoh yang baik di dalam kenyataannya sepertimana berbunyi “kangkung dulu naik, sekarang dah turun. Bila turun apa pasal tidak puji kerajaan?”. Kenyataan ini – bagi banyak pihak – sekurang-kurangnya telah memberi gambaran tentang ketidakpekaan beliau terhadap kehidupan rakyat yang semakin dihimpit dengan peningkatan kos sara hidup hari demi hari. Apa lagi ketika rakyat tampaknya perlu mengakui bahawa lain yang dijanjikan oleh Barisan Nasional (BN) di dalam

manifesto pilihanrayanya, lain pula yang ditunaikan. Harga kereta yang dijanjikan turun, sebaliknya semakin naik. Begitulah dengan harga gula, tarif elektrik, minyak, tol lebuhraya dan sebagainya.

Sememangnya yang dipermasalahkan oleh rakyat bukanlah kangkung sebagai seikat sayur semata-mata. Akan tetapi, masalah kenaikan harga barang hari ini yang seakan-akan sedang mengalami kesan domino apabila satu persatu harga barangan diumumkan mengalami peningkatan. Kangkung bukanlah seperti beras atau gula yang menjadi makanan ruji dan mendapat permintaan yang tinggi di negara ini. Malah kangkung kerana senang untuk diperolehi dimana-mana, menyebabkan orang kebanyakannya tidak terlalu mengambil peduli. Namun, oleh kerana tersilap kata dari seorang menteri maka seikat kangkung menjadi simbol kepada masalah-masalah kenaikan kos sara hidup dan akhirnya menjadi bahan jenaka dan senda.

Kangkung sebagai simbol di Malaysia bukanlah sesuatu yang baru. Malah sebelum ini sudah ada ungkapan seperti “Professor Kangkung” untuk merujuk kepada ahli akademik yang lemah intelektualnya lebih-lebih lagi jika hanya tahu mengampu pemerintah. Hal ini kerana sifat kangkung sendiri yang dilihat tegap dan keras pada batang, tetapi kosong pada isinya. Ternyata, Najib dan pentadbirannya tidak hanya perlu menghadapi serangan isu “kangkung” yang bertubi-tubi, akan tetapi turut menghadapi isu-isu lain yang telah sedikit sebanyak mencemarkan imej politiknya. Tidak sedikit daripada isu-isu yang timbul telah dijadikan bahan ketawa oleh rakyat. Bermula dengan isu pemborosan Rosmah, Scorpene yang tidak mampu menyelam, pembunuhan Altantuya, nama Allah sehinggalah kepada isu pembaziran dalam projek-projek pembangunannya.

### **Isu dalam satira**

Apa yang menarik, daripada segenap isu yang berlaku ini, hampir kesemuanya direspon tidak hanya melalui diskusi-diskusi ataupun protes jalanan, tetapi turut di respon dalam bentuk satira-satira

politik. Satira-satira politik ini bagi sesetengah pihak dilihat sebagai membuang masa, menghina atau jika ia terus dimainkan akan menjadikan isu-isu yang lebih penting dilupakan. Namun pada sisi yang lain, satira-satira politik seperti inilah sebenarnya telah memberikan kesan yang lebih positif lebih-lebih lagi ketika satira politik telah berfungsi sebagai suatu bentuk advokasi terhadap isu-isu tertentu.

Satira atau sindiran adalah sebuah genre di dalam sastera. Pada hari ini, satira telah mengambil pelbagai jenis bentuk baik di dalam bentuk lukisan, seni persembahan seperti teater, filem dan lain-lain. Melalui satira, kegagalan atau kelemahan sifat semulajadi manusia akan dipersenda atau dipermainkan dengan tujuan untuk pembetulan. Satira walaupun di dalam sesetengah keadaan bukanlah bertujuan untuk menjadi bahan ketawa, namun ia kadang-kala sering juga digunakan secara bertukar ganti antara komedi, jenaka ataupun parodi.

Di Greek misalnya, satira telah menjadi suatu elemen penting di dalam kehidupan sosial dan politik masyarakat mereka. Sejak zaman kuno, satira dan komedi telah berkembang dengan pesat di dalam persembahan-persembahan teater dan sehingga ke hari ini, satira semakin berkembang di dalam segala bentuk media baik dalam sinematografi komedi, karikatur, majalah mahupun surat khabar. Namun demikian, perkembangan bentuk-bentuk satira ini tidak hanya menjadi sebatas alat untuk berjenaka. Akan tetapi, turut menjadi sumber bagi mendapatkan maklumat-maklumat dan juga sebagai bentuk lain penyertaan politik.

Di Malaysia sendiri bukanlah menjadi sesuatu yang baru untuk melihat jenaka-jenaka yang digambarkan melalui kartun-kartun. Ketika sumber berita di negara ini masih tertumpu kepada media-media cetak seperti surat khabar atau risalah-risalah kecil, sudah terdapat isu-isu sosial atau politik yang dijenakakan melalui lukisan-lukisan kartun. Majalah-majalah kartun terkini antaranya seperti Gedung Kartun, Sandiwara di Mahkamah ataupun Ngaraku adalah antara majalah yang berbentuk satira yang tidak hanya

menjadi hiburan namun tetap kritikal kepada isu-isu politik semasa. Tidak hairan, dengan kemajuan teknologi dan perkembangan yang pesat media sosial, satira-satira politik hari ini juga tidak hanya dimainkan oleh orang-orang tertentu sahaja, akan tetapi telah menyebar kepada segenap warga internet.

Melalui satira, ahli-ahli politik atau para menteri yang dahulunya dianggap seperti seorang raja dan dijunjung kesana kesini, kini tidak lebih daripada pelawak apabila sudah mula dicitrakan di dalam kertas-kertas ataupun video-video satira. Ini jelas sekali adalah perkembangan yang baik kerana setidak-tidaknya, kita sudah mula mempersoalkan segala apa yang berlaku disekeliling. Sekalipun dalam bentuk jenaka, isu-isu yang berputar sehari-hari yang awalnya tidak pernah kita peduli kini sudah mula menjadi bualan.

### **Bentuk baru keterlibatan politik**

Sekalipun belum ada data-data empirik yang boleh digunakan untuk mengukuhkan pernyataan ini, namun secara umum dapat dikatakan bahawa jenaka-jenaka politikal yang digambarkan melalui kartun-kartun, lagu-lagu mahupun video-video pendek – baik isu kangkung, lembu NFC atau cincin berlian Rosmah – secara tidak langsung telah mampu untuk sampai kepada pengguna-pengguna laman sosial. Lebih menarik ketika ada pengguna Facebook yang sememangnya apolitical, kini turut sedar atau sekurang-kurangnya memiliki pandangan sendiri terhadap sesuatu isu. Hal ini kerana, isu sosial atau politik pada konteks ini tidak lagi dijelaskan di dalam bentuk-bentuk konvensional dan membosankan, tetapi di dalam bentuk yang lebih interaktif malah menghiburkan.

Kepekaan politik (*political sensitivity*) serta keterlibatan politik (*political engagement*) menjadi suatu hal yang penting dalam memastikan masyarakat terus berfungsi dengan baik. Melalui kedua-dua aspek ini, setiap warganegara setidak tidaknya akan mampu untuk membuat pilihan terhadap kuasa-kuasa politik yang akan memberi pengaruh keatas kehidupannya. Namun, bentuk-bentuk keterlibatan politik dari semasa ke semasa akan

mengalami perubahan. Jika awalnya politik hanya di fahami sebatas menyertai proses pilihanraya, kemudian turun berdemonstrasi di jalan raya atau menjadi ahli pada mana-mana parti politik. Kini penyertaan di dalam politik sudah mula mengambil bentuk baru melalui penciptaan satira-satira politik yang melucukan tapi sarat dengan makna.

**Listen, listen, listen: Harga Sebuah  
Keberanian**  
*Adam Adli*

Dalam sebuah negara demokrasi tempang seperti Malaysia, bukan mudah menjadi berani. Beraninya bukan berani mempamerkan kekuatan fizikal; yang itu sangat diraikan dalam Negara ini. Anda boleh diangkat menjadi tokoh penting dan ikon hebat dalam Negara ini jika mampu untuk mengangkat sebuah kereta menggunakan hanya tulang empat kerat. Nama anda akan dipahat di buku-buku rekod sejarah dan tidak mustahil jua akan dipanggil ke sekolah-sekolah dan universiti untuk memberi ucapan semangat kepada anak-anak yang masih sedang mengaji. Menjadi berani yang dimaksudkan adalah berani untuk menyatakan yang hak dan yang benar. Betapa tingginya harga yang perlu dibayar untuk menjadi berani menyatakan kebenaran, apa lagi jika bercanggahan dengan apa yang suka didengari oleh orang-orang besar Negara.

Lebih setahun yang lalu, saya sendiri pernah mencuba untuk jadi berani dengan menyata dan menzahirkan sikap serta ekspresi saya terhadap pemerintah. Akhirnya, saya melalui tempoh-tempoh yang saya kira antara paling sukar pernah dilalui sepanjang 24 tahun bernafas di atas muka bumi ini. Diugut, dikejar, ditahan, dikasari, didakwa, dan dihukum oleh sistem dan sesetengah masyarakat; itu yang akhirnya jadi harga yang perlu saya bayar kerana cuba untuk jadi berani, apa lagi di hadapan pemerintah.

Hari ini, pada lebih kurang dalam tempoh yang sama seperti

setahun yang lalu, iaitu awal tahun; muncul satu lagi percubaan untuk memmanifestasikan keberanian bukan fizikal. Kita digemparkan dengan rakaman sebuah forum yang berjalan di celah sebuah tempat bernama Universiti Utara Malaysia. KS Bawani bertembung suara dengan Sharifah Zohra. Akhirnya, tersebar luas dan menjadi bahan bualan hampir setiap warga maya dan warga fizikal Negara ini. “Listen, listen, listen” sudah jadi satu trend yang mudah difahami oleh sesiapa sahaja. Ada orang yang melihat dan meraikan fenomena ini atas nilai komersial manusia yang dipaparkan; telatah lucu tapi menjengkelkan yang terhasil dari kebodohan dan sifat taksub kepada diri sendiri. Namun lebih ramai yang meraikan rakaman kejadian tersebut atas sifat berani yang dipaparkan. Berani untuk menyatakan kebenaran; yang mana harganya sangat tinggi dan mahal.

Dari dahulu lagi, jika saya memberi ucapan dan hasutan di mana-mana tempat sekali pun; sama ada di kampung, bandar, mahupun kampus; pasti ada yang tertawa sinis bila saya sebutkan tentang bagaimana anak-anak mahasiswa di dalam kampus suaranya dibungkam sistem tajaan pemerintah. Katanya, saya menjual lebohong untuk mengiyakan perjuangan palsu saya dan rakan-rakan lain. Kononnya, tidak pernah sebenarnya suara pelajar disekat; hanya mitos ciptaan untuk menghalalkan penentangan kepada sistem. Katanya, ini Negara demokrasi terbaik dunia; tidak mungkin dan alang mustahil sampai bicara guna mulut pun mahu dihalang di dalam kampus. Akhirnya, saya menghela nafas lega dan memanjatkan kesyukuran bila KS Bawani berjaya membuka pekung sepi yang selama ini cuba saya buktikan. Cuba-cubalah berani untuk bersuara, mulut kamu akan ditutup. Jika tidak berjaya pula untuk menutup mulut; masa depan kamu pula akan digelap.

Tidak mudah sebenarnya menjadi seberani KS Bawani; apa lagi dalam situasi dewasa ini yang mana iklim politik Negara makin panas dan bakal meletup pada bila-bila masa. Mencabar kewibawaan pemerintah hatta wakil-wakil kecilnya pun memberi isyarat bahawa kamu cuba menjadi musuh kepada mereka. Menjadi musuh kepada orang yang punya segala macam jentera dan

kekuatan berbilang bererti menempah dan mencari susah. Saya kira, KS Bawani sudah pun mengambil kira risiko ini. Harga yang mahal untuk hasil yang boleh jadi lumayan atau merugikan kembali diri sendiri. Akhirnya pertarungan sukar yang dibuat KS Bawani ternyata berhasil. Beliau berjaya dan melaksanakan keberanian tersebut dengan penuh bergaya. Ternyata keberanian beliau akhirnya jadi berbaloi. Membuka mata masyarakat, mencalarakan imej orang-orang yang mengawal sistem, dan akhirnya apa yang dinyatakan beliau jadi perdebatan semula dalam masyarakat. Andai kata KS Bawani mengambil keputusan tidak bertaruh untuk bersuara ketika kejadian tersebut, saya kira hari ini masyarakat umumnya masih lagi belum mampu untuk sedar dan memikirkan kembali tentang realiti sistem demokrasi dan sistem pendidikan Negara.

Ada satu lagi sisi gelap yang berjaya sebenarnya ditimbulkan oleh keberanian KS Bawani tempoh hari; betapa bukan sahaja sistem pendidikan dan demokrasi Negara yang tempang, sebaliknya ada kerisauan yang lebih berat dari pada itu. Waktu setiap lensa teropong menghalakan fokusnya kepada kebodohan dan keangkuhan Sharifah Zohra, kita hampir pula terlepas pandang terhadap lebih dua ribu watak lain di dalam rakaman video tersebut; pelajar yang berada di dalam forum tersebut sendiri. Saya hanya pernah menonton rakaman tersebut sebanyak sekali atau mungkin dua, malah tidak habis. Saya tidak mampu menontonnya secara penuh kerana benar-benar tidak mampu menanggung kejengkelan terhadap bukan sahaja Sharifah Zohra, sebaliknya kepada tepukan tangan oleh pelajar-pelajar yang mengikuti forum tersebut sendiri. Bagaimana lebih dua ribu orang yang bersama dalam forum tersebut mampu meraikan kebodohan yang terpapar jelas?

Kerisauan dan kegusaran kita terhadap sistem yang teramal di dalam kampus-kampus kita hari ini perlu untuk kita akui bukan hanya termaktub dan terhala kepada sistem dan penajanya semata-mata; sebaliknya penerima dan pengamalannya. Ibarat seperti budaya pemesongan fikiran melalui media hiburan murah; dalam kita mengecam penaja dan penjajanya, kita terlupa bahawa konsumernya sendiri yang akhirnya telah menjadi sebahagian dari punca



permasalahan yang sedang berlaku, bukan lagi hanya hasil dari penjaan pemesongan fikiran tersebut. Andai kata 2000 pelajar yang terlibat dalam forum tersebut tempoh hari tidak bertepuk tangan meraikan kebodohan yang dipaparkan agen kepada sistem rosak itu, kita tidak perlu risau apa-apa. Tapi apabila mereka menyukai, menyanjung, dan merayakannya; masalah lebih besar sedang menanti kita. Keberanian dan daya fikir waras yang dipaparkan KS Bawani sahaja tidak mencukupi untuk memperbaiki masalah yang satu ini. Ks Bawani seorang diri mampu jadi pencetus, namun untuk mengubah dan mengubatkan permasalahan ini, memerlukan lebih ramai tampil membantu beliau.

Berterima kasihlah kita kepada mahasiswi berani bernama KS Bawani ini. Pertaruhan beliau akhirnya berhasil buat banyak pihak. Jika KS Bawani gagal jadi berani tempoh hari; kita hari ini bakal terus jadi bangsa yang meraikan kebodohan. Jika KS Bawani gagal jadi berani tempoh hari; kita hari ini tidak mampu membongkar-kan kebobrokan sistem yang diamalkan dalam kampus. Jika KS Bawani gagal jadi berani tempoh hari; kita mungkin belum mampu menyedari permasalahan yang lebih besar sedang melanda pusat-pusat ilmu harapan Negara. Maka yang demikian, kita harus salut kepada KS Bawani yang berani!

## Dewan yang Jarang Kita Peduli

*Haris Zuan*

Beberapa hari dahulu sahabat saya mengusulkan satu perbincangan yang sihat di facebook, bertitik tolak daripada kenyataan mendiang Karpal Singh (ahli parlimen Bukit Gelugor) yang mahukan Dewan Negara dihapuskan. Kemudian, baru-baru ini nampaknya kenyataan Karpal itu tidak juga reda apabila Ikatan Rakyat Insan Muslim Malaysia (IRIMM) pula membuat laporan polis terhadap kenyataan Karpal itu. Sebagaimana penulis tidak pernah tahu akan kewujudan IRIMM ini, penulis juga tidak tahu tujuan mereka. Namun yang jelas pada penulis, Karpal nampaknya benar-benar bengang dengan tindakan Najib Razak menggunakan Dewan Negara sebagai platform untuk melantik mereka yang tidak dipilih oleh rakyat – sama ada tidak bertanding atau kalah pilihan raya – bagi menjawab jawatan menteri.

Bagi mereka yang hanya gunakan facebook untuk naikturon (sebut: *upload*) gambar makanan dan kongsi (sebut: *share*) kata-kata hikmah nikmatnya bercinta sesudah nikah, Perdana Menteri Najib Razak telah melantik lima anggota kabinet yang bukan anggota Parlimen dan belum mengangkat sumpah sebagai senator. Mereka yang dilantik: Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Datuk Paul Low Seng Kwan (kedua-duanya Menteri di Jabatan Perdana Menteri), serta tiga timbalan menteri, iaitu pemimpin Hindraf P. Waythamoorthy (Jabatan Perdana Menteri), Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan) dan Datuk Dr Loga Bala Mohan Jaganathan (Kementerian Wilayah Persekutuan).

## **Pintu Belakang**

Sebagai tambahan, Najib Razak juga pernah menggunakan Dewan Negara sebagai ‘pintu belakang’ untuk melantik Raja Nong Chik bagi membolehkan Nong Chik menjawat jawatan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Dewan Negara juga pernah menyaksikan Ezam Mohd Nor dilantik sebagai senator. Mungkin atas perkembangan inilah, mendiang Karpal Singh ketika itu menzahirkan kehampaannya beliau kerana putar-belit undang-undang digunakan dan menjadikan fungsi Dewan Negara tercemar. Penulis tidak pasti sama ada cadangan Karpal itu – hapuskan Dewan Negara – benar bersungguh atau hanya melampiaskan kekecewaan semata-mata. Penulis juga langsung tidak berminat untuk menyokong Karpal atau mencemuh beliau atas sikapnya ini. Lantak dia lah.

Malah, pada awalnya, penulis memang agak keberatan (keberatan adalah terma diplomatik untuk malas) ikut pusing dengan ulasan-ulasan di facebook yang kadang-kala kabur hujung pangkalnya. Akan tetapi, kenyataan mendiang Karpal ini rupanya telah membenarkan satu wacana politik yang sihat dan jauh daripada perbincangan politik seharian negara ini – liwat, Rosmah, yahudi dan video seks; mereka mula bertanyakan mengapa adanya Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Apa bezanya, apa perlunya?

Huraian penulis tidak akan bersifat teknikal dengan menyatakan segala akta dan kurungan; cuma untuk memberikan gambaran bagaimana seharusnya Parlimen negara ini yang dibiayai sepenuhnya oleh duit pembayar cukai di negara ini berfungsi.

## **Dewan Rakyat vs Dewan Negara**

Di negara ini, undang-undang persekutuan digubal di parlimen. Manakala, undang-undang negeri digubal di Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing. Ya, ini kenyataan bertaraf nota sejarah Tingkatan Tiga. Baik, Parlimen dibahagikan kepada dua bahagian; Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Bagi membolehkan kita memahami dengan lebih baik akan fungsi, peranan dan

**keterbatasan** kedua-dua dewan ini, eloklah kita kembali kepada asas demokrasi. Secara teorinya, melalui *representative democracy* (demokrasi perwakilan), setiap daripada warganegara yang layak (cukup umur, mendaftar sebagai pemilih dan lain-lain) akan memilih seorang wakil bagi mewakili kawasan masing-masing di peringkat DUN dan juga parlimen; untuk terlibat dalam proses pembuatan keputusan akhir bagi pihak mereka.

Wakil rakyat di peringkat parlimen akan bersidang dalam Dewan Rakyat. Jumlah ahli Dewan Rakyat ini bergantung kepada jumlah kerusi parlimen di negara ini. Di dalam parlimen ini, para wakil rakyat yang dipilih akan berbahas untuk meluluskan undang-undang persekutuan, membuat pindaan kepada undang-undang Persekutuan yang ada, memeriksa dasar-dasar kerajaan, meluluskan perbelanjaan kerajaan dan meluluskan hasil-hasil cukai baru.

Manakala, menurut Perkara 45 Perlembagaan Persekutuan, Dewan Negara mempunyai 70 orang ahli. 44 daripadanya dilantik oleh Yang di Pertuan Agong – berdasarkan nasihat Perdana Menteri – daripada kalangan profesional, pakar sesuatu bidang, dan mereka yang terhormat dalam kalangan masyarakat, di samping juga wakil kaum minoriti seperti wakil orang asal. Manakala bakinya, seramai 26 orang, dipilih oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing bagi mewakili 13 negeri (setiap negeri diwakili oleh dua orang ahli).

Tugas utama Dewan Negara adalah membahaskan sesuatu rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan juga bagi membincangkan perkara-perkara yang menjadi kepentingan umum. Menurut Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan, Dewan Negara tidak mempunyai kuasa menolak undang-undang tetapi mempunyai kuasa menengguh sesuatu rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat sebelum dikemukakan kepada Yang di Pertuan Agong untuk diperkenankan. Tempoh penangguhan oleh Dewan Negara ialah 30 hari bagi rang undang-undang kewangan. Bagi rang undang-undang yang lain pula, tempohnya ialah setahun.

## Dewan Negara Hanya *Rubber Stamp*?

Sebagaimana dibincangkan di atas, jelas Dewan Negara ini tidak terlalu berkuasa, malah semua pindaan terhadap rang undang-undang yang dibawa daripada Dewan Rakyat harus kembali ke Dewan Rakyat untuk mendapatkan persetujuan Dewan Rakyat. Malah jika akhirnya Dewan Rakyat tidak bersetuju dengan Dewan Negara, rang undang-undang ini tetap boleh dibawa kepada Agong untuk diwartakan. Inilah yang mewujudkan pandangan bahawa Dewan Negara hanya *rubber stamp*. Sedangkan, hakikatnya bukan begitu.

Pertamanya, sebagaimana yang dijelaskan pada bahagian awal tadi, dalam sistem demokrasi, hanya wakil rakyat yang dipilih secara demokratik (mudahnya melalui pilihan raya) sahaja yang berhak untuk membuat keputusan bagi pihak rakyat kerana mereka secara teorinya mewakili rakyat. Namun, sebagaimana kita tahu, wakil rakyat kita ini tidak semuanya pakar dan bijak pandai, malah tidak kurang juga yang bengap – ada perkara yang memerlukan penelitian pakar serta profesional di peringkat Dewan Negara.

Sebagai contoh, apabila Dewan Rakyat mengusulkan rang undang-undang berkaitan Dasar Automotif Nasional, adalah diharapkan pakar-pakar dan tokoh-tokoh pentadbiran awam yang mahir serta berpengalaman lagi dipandang tinggi masyarakat yang berada dalam Dewan Negara itu tadi membahaskan segala perincian dan hal teknikal yang bersabit dengan perlaksanaan serta kesan dasar tersebut terhadap ekonomi, sosial dan politik. Maka, sebab itu, perbincangan di peringkat Dewan Negara biasanya lebih serius, dan bersifat teknikal.

Akan tetapi setinggi manapun kepakaran mereka dalam Dewan Negara, mereka tidak berhak untuk meminda atau membatalkan sesuatu rang undang-undang itu kerana mereka tiada ada mandat daripada rakyat dan tidak mewakili rakyat – hanya Dewan Rakyat yang berhak dan mewakili suara rakyat. Maka, Dewan Negara hanya boleh menagguhkan dan mohon Dewan Rakyat

membahaskan semula rang undang-undang tersebut jika mereka dapati berdasarkan penilaian profesional mereka, rang undang-undang itu bermasalah.

Keduanya, Malaysia mengamalkan sistem persekutuan – federalisme – secara teorinya setiap negeri menyerahkan sebahagian (bukan semua) daripada kedaulatan dan kuasanya kepada kerajaan persekutuan bagi membolehkan kerajaan persekutuan ‘membantu’ mentadbir setiap negeri. Melalui pendekatan ini, adalah dihasratkan pentadbiran dan agihan pembangunan di setiap negeri dapat diselaraskan. Oleh yang demikian, setiap negeri mengirимkan dua orang wakilnya ke Dewan Negara bagi memastikan undang-undang serta dasar yang digubal tidak menjejaskan negeri masing-masing.

Demikianlah fungsi dan peranan Dewan Negara secara ringkasnya – mendukung amalan demokrasi serta Persekutuan. Malangnya, tugas mulia Dewan Negara ini telah dirosakkan sepanjang 55 tahun ini apabila, mereka yang dilantik ke Dewan Negara ini bukan lagi dalam kalangan mereka yang pakar atau terhormat dalam bidang-bidang iktisas dan kemasyarakatan tetapi mereka yang kalah dalam pilihan raya. Ini telah merosakkan semangat Dewan Negara. Keduanya, wakil setiap negeri yang seharusnya mewakili kepentingan negeri masing-masing cenderung pula untuk mengambil posisi kepartian yang keterlaluan sehingga kepentingan negeri menjadi persoalan sampingan.

Semua permasalahan inilah mungkin yang menjadi alasan kepada kemarahan mendiang Karpal ketika itu. Ya, jika kita serius untuk membaiki sistem pentadbiran dan tata kelola negara ini, kewibawaan Dewan Negara harus dikembalikan, dan tidaklah sampai perlu dihapuskan.

## **Impak Politik Generasi Pornografi**

*Rizal Syeikhryz*

*It's a violent pornography, choking chicks and SODOMY! The kind of shit you get on your TV! (System of a Down: 2005)..*

Pengundi yang dibawah umur 37 tahun kini (sekurang-kurangnya), atau paling tepat mereka yang membesar atau lahir ketika zaman kegilaan terhadap genre muzik rock sudah hampir ke penghujung (munculnya kumpulan rock jiwang dalam industri muzik), generasi yang menyaksikan kemunculan 'boy band' antarabangsa seperti Backstreet Boys, Take 5, Westlife (mahupun kumpulan tempatan yang sewaktu dengannya seperti GT Boyz dan X-Factor). Ia juga zaman yang mana kumpulan muzik jiwang melanda industri hiburan Malaysia (New Boyz, Spoon, Spin) yang tidak mahir bermain alatan muzik, namun hanya berbekalkan muka 'jambu' dan lagu meleleh-leleh. Penulis beranggapan ini merupakan generasi yang paling gagal sekali dalam sejarah pembangunan Negara moden Malaysia, kerana dibesarkan dalam situasi kemerosotan bukan sahaja daripada konteks ekonomi, sosial bahkan politik. Apa yang paling celaka ialah, penulis sendiri turut tergolong dalam generasi ini.

Penulis merasakan bahawa, generasi ini boleh digelar sebagai generasi 'pornografi'. Jangan salah tafsir, penulis tidak mengatakan bahawa mereka adalah kelompok yang gemar menonton filem porno, namun inilah kelompok yang dibesarkan dalam suasana yang mana kelucahan merupakan modal utama dalam politik nasional.

Setiap hari, samada di kaca televisyen mahu pun dalam surat-khabar, mereka didedahkan dengan istilah seperti ‘liwat’, ‘homoseksual’, ‘main pelacur’ dan ‘biseksual’. Hal ini belum ditambah dengan perkataan kolokial yang sering dituturkan di kedai kopi seperti ‘balas belakang’, ‘karung kunyit’, ‘lubang acar’ dan sebagainya.

Pada hemat penulis, inilah situasi yang boleh kita gelarkan sebagaikan ‘*state sponsored pornography*’ dan akan terus kekal dalam memori kolektif generasi ini sepanjang zaman. Persoalan yang paling penting sekali ialah, apakah impak yang mampu dihasilkan oleh ‘projek jangka panjang tajaan Negara’ ini? Penulis berpendapat, hanya ada dua kemungkinan hasil daripada projek ini, iaitu melahirkan generasi muda yang politikal atau sebaliknya mereka terus menjauhkan diri daripada politik sebagai salah satu aktiviti kemasyarakatan, berikutan jejak dengan kelucahan melampau yang terkandung dalamnya (politik).

### **Seks Dalam Politik: Projek Tajaan Negara**

Barangkali, penerapan isu seks dalam politik merupakan sebuah projek tajaan Negara yang berlangsung paling lama sekali. Percaya atau tidak, ia mencakupi empat kali Rancangan Malaysia (1998-2013). Selain itu, ia turut merupakan modal yang paling popular di kalangan ahli politik (sama ada pembangkang atau kerajaan). Bukan sahaja melibatkan aktor ‘regular’ iaitu Anwar Ibrahim, malahan juga Azmin Ali, Chua Soi Lek dan Najib Razak sendiri. ‘Aktor’ terbaru yang akan ditampilkan melalui projek ini ialah Setiausaha Agung PAS, Mustafa Ali. Jika para pembaca bernasib baik, kemungkinan besar ‘video debut’ Nurul Izzah akan menemui anda sedikit masa nanti.

Selama lebih satu dekad, tanpa mengenal penat dan lelah, rejim pemerintah terus menerus memainkan plot politik yang basi dengan mengaitkan Anwar Ibrahim dengan pelbagai kegiatan seks (daripada hetero kepada biseksual). Kadangkala penulis tertanya-tanya, apakah resepi rahsia beliau (Anwar Ibrahim) sehingga mempunyai nafsu yang begitu ‘kuda’ sekali? Apakah mungkin be-



liau mengamalkan memakan jamu ‘Kukubima komplit’, ‘Gali-gali’ atau ‘Sehat Pria’ yang sering dijual di kedai-kedai jamu di Hentian Kajang dengan harga RM3 sekali minum (campur kos madu lebah asli, telur ayam kampung dan air halia)?

Lama sebelum itu, kita dihidangkan dengan kes khalwat Mat Sabu pada tahun 1995 dan tuduhan skandal Najib Razak dengan seorang artis terkenal pada tahun 1995 di Port Dickson. Perbezaan di antara kedua-dua kes ini ialah, kes berkaitan Mat Sabu mendapat perhatian yang meluas dalam media massa, manakala kes yang kedua ‘digelapkan’ langsung daripada pengetahuan masyarakat. Namun, ini bukanlah hal yang ingin penulis kedepankan dalam artikel ini, tetapi bagaimana jeliknya politik nasional kerana menjadikan ‘pornografi’ atau ‘kelucahan’ sebagai modal politik bagi menjatuhkan lawan.

Tidak dapat penulis pastikan apakah tercatat dalam teks kesusasteraan klasik kita mengenai kegiatan seks digunakan untuk menjatuhkan aktor politik. Namun tercatat kisah bagaimana Sultan Mahmud Shah tertangkap berikutan ‘mencemar duli’ menziarahi (baca:bersetubuh secara haram) dengan isteri Tun Biajid ketika suaminya tiada dirumah.

Namun, ini kisah yang mana seorang aktor politik menggunakan seks sebagai cara memuaskan nafsu serakahnya tanpa menggunakannya untuk menjatuhkan musuh politik. Jika terdapat kes yang mana seks digunakan untuk menjatuhkan seseorang, jika tidak salah hanya Hang Tuah yang terperangkap, bila mana beliau dijatuhkan hukuman atas tuduhan ‘bersuka-sukaan’ dengan Dayang Istana. Walaubagaimana pun, kes sebegini jarang sekali berlaku dalam era politik feodal (kerana setiap orang mempunyai ramai isteri dan gundik). Namun, dalam era politik neo-feodal, seks bertukar menjadi senjata yang sangat ampuh untuk memusnahkan karier politik seseorang.

Seks dalam usaha menjatuhkan karier politik seseorang sudah pasti taktik begitu efektif dalam masyarakat yang konservatif,

yang menganggap seks seharusnya berlegar dalam ruang lingkup kehidupan peribadi. Namun, hari ini, kehidupan seks seseorang sudah lagi tidak bersifat peribadi kerana ia terbuka kepada tatapan masyarakat berikutan penyalahgunaan teknologi seperti kamera video.

Moral merupakan hal utama dalam masyarakat yang konservatif dan hal ini menyebabkan seseorang yang berhadapan dengan isu moral (skandal seks khususnya), walaupun sangat progresif dalam membanteras rasuah, pro kepada kerajaan yang responsif, akan ditolak oleh pengundi. Mengapakah hal ini terjadi? Pada pendapat penulis, hal ini terjadi kerana perbincangan mengenai isu seksual dalam masyarakat kita tidak pernah bersifat ilmiah (kesihatan) dan hanya sebatas isu nafsu semata-mata.

Berikutan itu, kelucahan dan pornografi menjadi modal utama dalam menjatuhkan musuh politik masing-masing. Perlu kita fahami, isu seksual yang tidak ilmiah akan mendatangkan isu kelucahan dan kelucahan inilah yang akhirnya menyebabkan isu moral peribadi seseorang pemimpin politik lebih menjadi kriteria utama dalam mengukur keberkesanan kepimpinan mereka.

### **Generasi Pornografi Sebagai ‘King Makers’ PRU 13**

Statistik pengundi muda di antara umur 21-29 tahun berjumlah lebih kurang 2.3 juta pengundi, manakala pengundi berumur di antara 30-39 pula mencatatkan angka 2.8 juta. Hal ini menjadikan jumlah pengundi di bawah umur 40 tahun adalah seramai 5.1 juta orang. Jumlah pengundi baru atau pertama kali mengundi pula adalah seramai 2.9 juta orang (membentuk 22 peratus daripada jumlah keseluruhan pengundi berdaftar).

Statistik ini membuktikan bahawa ‘generasi pornografi’ berpotensi menjadi ‘*king makers*’ dalam Pilihan Raya Umum ke-13 pada 5 Mei 2013. Berdasarkan unjuran peningkatan luar biasa khususnya di kalangan pengundi muda, membuktikan tesis pertama artikel ini bahawa insiden kelucahan dalam politik negara melahirkan

generasi yang politikal. Kelompok ini merupakan generasi baru yang sudah muak dengan pergolakan politik lama yang menjijikkan.

Mereka menuntut perubahan politik yang lebih segar seperti budaya perdebatan dalam meyakinkan pengundi. Namun, malangnya pemimpin utama parti pemerintah khususnya, menolak budaya politik baru sebegini dengan alasan ‘debat bukan budaya kita’. Pada hemat penulis, alasan ini mampu menjadi ‘*political suicide*’ kepada mana-mana pemimpin politik dalam zaman ini. Generasi ini sudah tidak betah digula-gulakan dengan program politik yang bersifat hedonism seperti anjuran konsert (oleh artis yang sudah tidak laku di pasaran) dan cabutan bertuah (periuk elektirik dan gelombang mikro) yang diselangselikan dengan ceramah politik.

Walaupun pihak parti pemerintah mencuba untuk melakukan ‘transformasi politik’ dengan mendekati pengundi muda melalui berbagai-bagai bantuan kewangan atau program yang ‘mengada-ngada’ seperti IM4U dan sebagainya, namun ia tidak begitu ‘menghairahkan’. Penulis berpendapat, seharusnya parti pemerintah mengambil langkah yang lebih responsif dengan menangani isu yang lebih memberikan kesan kepada generasi ini seperti beban hutang melampau, pengangguran yang tinggi serta yang lebih utama mengambil nilai baru dalam berpolitik iaitu budaya diskusi dengan pelbagai pihak (stakeholder) dalam masyarakat.

‘Generasi pornografi’ bukanlah generasi yang mudah dilekakan dengan sogokan sementara seperti ‘BR1M’ dan sebagainya, sebaliknya, sebagai suatu generasi yang paling politikal dalam sejarah Malaysia. Pemimpin politik tanahair tidak seharusnya melayan mereka dengan metod politik era 50an dan 60an seperti menggunakan budaya lucah. Seiring dengan proses globalisasi, generasi ini harus dilayan dengan lebih demokratik yang mana parti politik menjelaskan isu yang mendesak dalam Negara seperti ekonomi, ketelusan dan integriti.

Ironinya, generasi paling politikal dalam sejarah Negara ini terlahir daripada projek pornografi tajaan Negara selama sedekad. Projek yang menjadikan mereka lebih tinggi kesedaran politiknyanya dan mungkin lebih radikal berbanding generasi yang terdahulu. Kepada mereka yang tergolong dalam ‘generasi pornografi’, penulis mengucapkan selamat menjalangkan tanggungjawab anda sebagai pengundi pada 5 Mei ini...Generasi pornografi, bersatulah!....

*“Still...We’re the people right? (Megadeth: 1986)*

**Syed Mokhtar Al-Bukhary dan Watak  
Tertawan**  
*Haris Zuan*

“Tak apalah, biar satu sen pun aku tak merasa duit dia, biar tak pernah belanja aku seteguk teh o pun, tak apa..asalkan dia melayu, kurang-kurang pun aku bangga,” kata Pak Hassan (bukan nama sebenar), suaranya separuh menjerit, entah kerana kkuatir suaranya tenggelam dalam riuh kenduri petang itu atau kerana menahan radang akibat ‘hero’ bangsanya diremeh-remehkan.

Marah Pak Hassan itu bukan aneh, sebab Pak Hassan orang kampung, jarang benar keluar kampung. Pak Hassan hanya sekali tinggalkan kampung, itu pun tidak sampai setahun, tahun 80an dulu, waktu kerja buruh di Singapura. Tetapi sikap Pak Hassan ini bukan hanya ada pada mereka yang terperap dalam kampung, malah juga ada pada anak-anak muda yang punya ijazah sarjana muda ekonomi (bukan sahaja lulusan Universiti Sintok) yang kini menjawat jawatan eksekutif di syarikat anak negeri, juga beriman dengan perkara yang sama.

Mereka sangat berbangga dengan kekayaan dan kemahsyuran hartawan, jutawan dan dermawan melayu, Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhary. Bagi mereka Syed Mokhtar adalah simbol kejayaan melayu. Makin kaya beliau, makin banggalah orang melayu.

Fenomena ini adalah hasil daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB), khasnya semasa zaman Tun Dr Mahathir yang mengubah orientasi

DEB daripada objektif awalnya untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan kepada melahirkan jutawan Bumiputera. Namun, Tun Dr Mahathir punya hujah tersendiri pada waktu itu. Menurut fikiran Tun, adalah lebih baik memberikan wang kepada orang kaya supaya mereka mampu untuk menggandakan wang tersebut dan membantu orang miskin dengan memberi peluang pekerjaan dan sebagainya. Berbanding dengan memberi kepada orang miskin yang kemudiannya akan menghabiskan wang tersebut. Dengan cara ini, Tun percaya agenda untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan pegangan ekonomi orang Melayu.

Malangnya sebagaimana yang kita maklum kini, pendekatan Tun Dr Mahathir ini hanya menciptakan kroni-kroni maha kaya seperti Syed Mokhtar al-Bukhary dan gagal untuk mencapai 30% ekuiti Bumiputera. Malah, lebih malang lagi daripada segi kesenjangan pendapatan antara paling kaya dengan paling miskin (perbezaan antara 10% paling kaya dengan 10% paling miskin) semakin melebar di negara ini semenjak tahun 1980an.

Kesenjangan ini diukur melalui Gini Coefficient Index, sebagai bandingan, Malaysia mendapat 0.431 mata pada akhir 2012, jauh lebih teruk berbanding negara di rantau ini seperti Thailand (0.40), Indonesia (0.37) dan India (0.33).

Jangan juga tersilap dalam isu ini, selama ini Malaysia bukan sahaja mencipta manusia maha kaya dari kalangan Melayu seperti Syed Mokhtar (Melayu?), malahan juga daripada kaum lain seperti Vincent Tan, Robert Kuok dan Ananda Krishnan. Jangan tersilap dan jangan mudah dikelirukan dengan hujah perkauman.

Penjelasan sebegini pun belum tentu dapat memuaskan hati Pak Hassan, malah Pak Hassan pernah usulkan soalan, “sudah lebih se-penggal DAP (nota: sebenarnya Pakatan Rakyat) perintah Penang, berapa jutawan Melayu dah DAP lahirkan?”. Pak Hassan bangga, yakin hujahnya tepat tidak terlawan.

## **Tugas Negara Bukan Mencipta Jutawan**

Kepercayaan Pak Hassan ini adalah silap, malangnya kepercayaan ini dianuti sekian ramai orang melayu di negara ini yang sejak lebih 40 tahun lalu dibayangi oleh logik Tun Dr Mahathir yang obses mencipta maha jutawan. Tugas negara adalah memastikan kesemua rakyat (tepatnya warga, rakyat ada konotasi feudal) punya mempunyai peluang saksama untuk bersaing dengan adil dan memajukan diri. Bagi membolehkan wujudnya peluang yang saksama ini, jurang antara paling kaya dengan yang paling miskin tidaklah boleh terlalu mencolok, terlalu ekstrem. Prinsip ini penting kerana sudah pasti anak orang miskin tidak mampu memiliki kesempatan seperti kualiti pendidikan, mutu persekitaran, dan zat makanan yang serupa dengan anak orang kaya. Justeru, tugas negara adalah untuk memastikan anak miskin dibantu untuk mendapat pendidikan, persekitaran dan makanan yang selayaknya untuk membolehkannya menduduki peperiksaan yang sama dengan anak kaya dan dinilai kemampuannya dengan adil kemudiannya.

Prinsip inilah yang merupakan konsep asas tugas negara, bukan perkara lain – sama ada melalui pendekatan liberal mahupun sosialis yang harus diperdebatkan, bukan perkara lain. Hal ini kerana, apabila kerajaan lebih berminat untuk mencipta maha jutawan, kerajaan hanya akan mewujudkan persaingan tidak seimbang dan memberi kelebihan kepada individu tertentu (bukan mana-mana kelompok ekonomi pun) yang sepatutnya mampu untuk bersaing sama adil dengan pemodal lain.

## **Syed Mokhtar menyumbang kepada orang melayu?**

Ya benar, dan adalah berdosa untuk menafikan sumbangan Syed Mokhtar terhadap masyarakat. Beliau, melalui Yayasan Bukhari telah membina sekian banyak masjid di negara ini dan memberikan sekian jumlah biasiswa untuk anak-anak sekolah menyambung pengajian. Malah beliau juga mempunyai sebuah universiti sendiri, Universiti Antarbangsa al-Bukhary (AIU).

Namun, ini bukan sikap istimewa yang hanya ada pada Syed Mokhtar sahaja, jutawan Lim Goh Tong juga pernah memberikan puluhan juta untuk pembinaan kuil Chin Swee Caves di Pahang. Beliau juga melalui Lim Foundation telah memberikan banyak bisiswa kepada pelajar di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dan lain-lain universiti setiap tahun. Malah, Yayasan Lim juga pernah mendanai pengubahsuaian dewan kuliah Fakulti Perniagaan dan Perakaunan Universiti Malaya, dewan itu kemudiannya dinamakan Dewan Kuliah Lim Goh Tong. Tidak dapat dipastikan sama ada nama ini kekal kerana wujud bantahan kemudiannya.

Demikian juga dengan Ananda Krishnan yang pernah membelanjakan puluhan juta ringgit untuk pendidikan, seni, sukan dan usaha kemanusiaan melalui anak syarikat beliau, Usaha Tegas. Salah satunya adalah Projek Ilham yang membantu lebih 500 buah sekolah Tamil di seluruh negara, malah pada tahun 2003, Usaha Tegas telah menubuhkan Harapan Nusantara yang menaja 100 orang pelajar Bumiputera memasuki program berkembar universiti swasta tempatan dengan universiti antarabangsa. Harapan Nusantara juga membelanjakan RM1.3 juta setahun untuk menghantar pengurus Bumiputera syarikatnya untuk mengikuti program eksklusif di Harvard Business School.

### **Watak Tertawan**

Memang tiada salahnya dengan sumbangan ini meskipun kita semua maklum dan tidak terlalu naif untuk menyedari bahawa sumbangan ini adalah sebahagian daripada program *corporate social responsibility* (CSR) mereka yang membolehkan mereka mendapat pengecualian cukai. Salahnya apabila kita menghalalkan monopoli jutawan maha kaya ini terhadap pelbagai projek pembangunan dengan kepentingan nasional seperti sektor tenaga, makanan dan komunikasi.

Sebenarnya kitalah yang membolehkan mereka ini sedemikian kaya. Mereka ini mendapat keistimewaan dan sentiasa dilindungi kerajaan. Tulisan ini tidak akan membincangkan kesan monopoli



ini tetapi cuba menjelaskan daripada mana sikap terlalu menyanjung dan mendewakan hartawan maha kaya ini muncul.

Semasa zaman British dahulu, ada yang terlalu menyanjung British dan tidak berminat dengan idea kemerdekaan kerana merasakan British terlalu baik kepada mereka. Kata mereka:

“Setidaknya zaman British ini ada juga jalan raya, jalan keretapi. Anak-anak yang cerdas dapat pula belajar dengan biasiswa kerajaan, masuk ke sekolah-sekolah moden. Waktu hari raya dapat susu pekat setin”.

Ya, Syed Mokhtar dan Vincent Tan bukan penjajah tetapi hakikatnya dalam kedua-dua situasi ini kita merelakan mereka membina kekayaan semahu-mahunya dengan mengambil sebanyak-banyaknya daripada kita dan memberikan sedikit buat kita. Kita gagal untuk melihat gambaran yang lebih besar.

Syed Hussein Alatas dengan cermat menjelaskan bahawa watak tertawan adalah satu keadaan di mana masyarakat itu akan melihat tindakan elit (dalam analisa Syed Hussein adalah penjajah) memonopoli segala kekayaan negara (termasuk ilmu pengetahuan) yang akhirnya merugikan masyarakat terbanyak itu sendiri sebagai sah dan hak. Segala kesusahan yang mereka alami kesan daripada penindasan dan ketidakadilan itu diterjemahkan sebagai kegagalan diri sendiri akibat keperibadian bangsa itu sendiri yang kononnya tidak lemah, malas, sentiasa iri hati dan tidak mampu untuk maju.

Sikap ini pastinya tidak asing kepada kita apabila ramai pemuja manusia maha kaya di negara ini yang menggunakan hujah;

“Inilah melayu, tidak boleh tengok bangsa sendiri senang, sentiasa ada hasad dengki”.

Oleh kerana wujudnya watak tertawan ini, maka si kaya akan memonopoli kekayaan tanpa sebarang halangan manakala miskin akan terus memuja si kaya dan terus miskin. Akhirnya si miskin

hanya hidup dalam kebanggaannya sendiri,

“Tak apa lah, yang kaya pun bukan orang lain, bangsa kita juga”,  
kata Pak Hassan.

## 6

### **RCI Sabah Yang Diabaikan**

*Adam Adli*

Sejak dari 1957, Umno-Barisan Nasional; pemerintah ‘tetap’ Negara ini pernah dan sudah melalui beberapa episod getir dalam percubaan mengekalkan kekuasaan mereka. Siri-siri pilihan raya yang dilalui mereka pernah hampir-hampir mejadi titik penamat kepada karier politik pemimpin-pemimpin parti dan koalisi tersebut. Malah, untuk golongan yang celik dengan sejarah perkembangan politik dan Negara, pastilah tidak akan lupa bagaimana Umno sendiri pernah dikuburkan pada 1988 sebelum dihidupkan semula oleh Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri dan Presiden Umno paling lama memegang tampuk kekuasaan dalam sejarah negara. Maka yang demikian, perlu bagi Umno mengambil inisiatif luar biasa bagi mengekalkan kemandirian politik mereka dalam Negara ini.

1994 mungkin bukan angka bilangan tahun segah 2008, 1998, mahupun 1957; namun telah berlaku satu peristiwa maha penting yang tidak sepatutnya dilupakan oleh semua anak bangsa dalam Negara ini. Kedaulatan Negara telah pun dicalar, dan dijual sewenangnyanya melalui ‘Projek IC’ di Sabah. Ia bukan lagi rahsia. Seluruh yang memerhati dan terlibat baik secara langsung mahupun tidak, tahu hujung dan pangkal tentang apa yang telah berlaku. Imigran, atau pendatang asing yang mencelah masuk ke bumi Sabah di kepulauan Timur Negara ini telah secara borong diberikan taraf kewarganegaraan melalui jalan singkat. Ini bukan suatu tohmahan yang sengaja dibikin untuk mencacat dan mengotorkan

nama kerajaan yang terlibat, sebaliknya adalah realiti yang sentiasa diketahui oleh sesiapa pun, terutamanya warga asal di Sabah. Tanya sahaja kepada anak-anak tempatan dari bumi tersebut, isu kewarganegaraan segera ini bukan isu yang asing dan rahsia buat mereka.

Kebanyakan yang bermigrasi dari negara asal masing-masing bukanlah pelarian perang yang memerlukan tempat berteduh pada kadar segera dan terdesak, melainkan hanya mangsa kepada kesempitan ekonomi di tanahair masing-masing. Sabah bersempadan dengan dua buah negara yang rakyatnya secara umum diketahui terhimpit oleh permasalahan ekonomi domestik. Maka, tiada cara lain selain daripada mencuba masuk, baik secara sah mahu pun tidak ke Sabah untuk mencari rezeki.

### **Projek Umno Kekal Berkuasa**

Kesempatan inilah yang telah diguna oleh kerajaan pimpinan Umno-Barisan Nasional, di bawah telunjuk Mahathir Mohamad bagi mengekalkan kekuasaan mereka. Pemberian kewarganegaraan secara massa kepada pendatang-pendatang asing ini bukan semata-mata dengan hak untuk tinggal menginap di Sabah, sebaliknya disertai juga dengan hak untuk mengundi, sama seperti yang dimiliki oleh warga asal di sana. Namun yang menjijikkan, hak mengundi ini pula ternyata bukanlah hak mengundi yang bebas, sebaliknya hak untuk mengundi hanya Umno-Barisan Nasional di dalam sebarang pilihan raya. Dengan cara inilah, Sabah mendapat jolokan “deposit tetap Barisan Nasional”.

Hari ini, di zaman teknologi maklumat yang ternyata lebih memihak kepada golongan yang mencari kebenaran, telah pun memecahkan tembelang pemerintah tersebut. Projek IC, mahupun Projek M seperti yang disebut oleh beberapa pihak yang lain; bukan lagi perkara yang boleh disembunyikan terus menerus daripada pengetahuan khalayak ramai. Dengan tekanan yang konsisten daripada massa, serta pendedahan tanpa henti oleh pihak-pihak yang mahu mengembalikan semula maruah dan integriti negara, hasilnya,

projek IC di Sabah mulai disiasat secara serius. Siasatan Suruhanjaya diRaja yang disebut RCI mengambil tempat untuk menyiasat ehwal yang berlaku disebalik krisis ini.

### **RCI Sabah Isu Tempatan?**

Setiap hari, saksi demi saksi dibawa ke pengadilan untuk mengupas setiap pekung yang pernah dilakukan di bawah projek IC tersebut. Sayangnya, RCI di Sabah yang seharusnya menjadi wacana penting dalam memahami pergolakan politik dan kedaulatan negara akhirnya kekal lesu dan terperosok daripada perhatian masyarakat. Ramai yang mungkin menganggap ini adalah pemasalahan terpendcil kerana berlakunya siasatan dan pendedahan penting ini terlalu jauh di timur tanah air. Atau mungkin ada yang menganggap siasatan RCI ini jauh dari kepentingan masyarakat di Semenanjung; ia hanya masalah tempatan rakyat Sabah. Inilah pandangan-pandangan yang melegakan pemerintah hari ini walau pun RCI di Sabah telah mendedahkan terlalu banyak penyelewengan besar yang dilakukan pemerintahan kerajaan selama ini, terutama sekali resipi penting mengekalkan kemenangan mereka dalam pilihan raya.

RCI di Sabah seharusnya diberi suluh perhatian yang lebih besar oleh masyarakat umum. Portal-portal berita internet tanpa putus melaporkan hampir setiap perkembangan baru di sebalik siasatan tersebut, namun masyarakat kelihatannya tidak memberi perhatian sewajarnya. Sudah sepatutnya masyarakat umum memahami sebab-musabab RCI di Sabah dilaporkan hampir setiap hari. Buat kelompok yang percaya dan yakin bahawa ada kepincangan teruk dalam negara ini, RCI Sabah sedang mendedahkan kepincangan tersebut. Penyalahgunaan kuasa dan kerja-kerja menjual kedaulatan Negara yang dilakukan di Sabah inilah antara penyumbang kepada kepincangan besar yang sedang dilalui oleh negara ini.

### **Penipuan Pilihan Raya**

Pada pilihan raya yang lalu, banyak pihak yang percaya bahawa berlaku penipuan dan manipulasi besar-besaran yang telah sekali

lagi memenangkan Umno-Barisan Nasional, walaupun gelombang besar rakyat dari serata pelusuk negara jelas menunjukkan protes terhadap mereka. Namun kepercayaan ini sering terhenti dan tersekat dari dihamburkan apabila ditanya tentang bukti. Video, gambar, laporan polis dan sebagainya gagal untuk meyakini malah diri mereka sendiri bahawa telah berlaku penipuan pilihan raya. Kerajaan dilihat seolah-olah tidak ada sebab untuk menyekat proses demokrasi memandangkan Suruhanjaya Pilihan Raya kononnya bukan badan yang mampu bekerjasama untuk menipu dalam pilihan raya. Di sinilah, ramai pihak terlepas pandang daripada bukti terbesar penipuan pilihan raya oleh kerajaan. RCI di Sabah sudah pun menunjukkan bagaimana segala penipuan pilihan raya dilakukan untuk memenangkan Umno-Barisan Nasional tanpa gagal. Lupakan bukti-bukti kecil yang gagal memenangi keyakinan terutama ‘tuduhan’ terhadap penipuan pilihan raya. RCI di Sabah adalah bukti terbesar penipuan pilihan raya. Bagaimana masih ramai yang gagal melihat bukti ini?

RCI Sabah perlu dijadikan wacana umum yang dibincangkan dengan lebih meluas lagi. RCI di Sabah adalah senjata terbesar pernah dimiliki dalam merobek pembohongan dan sandiwara yang dilakukan kerajaan selama ini, namun disebabkan masyarakat tidak mejadikannya isu tumpuan, dengan sikap masih gemar membincangkan perihal seluar dalam pemimpin berbanding hasil-hasil siasatan besar tersebut, walau telah didedahkan segala pekung yang boleh membunuh penipuan kerajaan selama ini; mereka iaitu kerajaan, masih mampu menarik nafas lega.

Skandal jualan borong kedaulatan Negara di Sabah adalah jenayah besar yang tidak boleh dilepas pandang dari dibincangkan oleh masyarakat. Bukti terbesar penipuan pilihan raya sedang dibentangkan hari ini di hadapan kita. Apabila lebih ramai lagi yang membincangkan ia, maka lebih banyak tekanan yang menghimpit kerajaan di atas sana. Siasatan yang jauh beribu batu dari kita di Sabah tersebut perlu dihidupkan perbicangannya di sini. Khalas.

## **Antara Perjanjian Dan Rakyat**

*Amir Amin Halim*

Di Malaysia, senaskah perjanjian di antara beberapa individu itu tarafnya lebih tinggi daripada nasib berjuta rakyat yang menanggung akibat perjanjian ini. Tidak cukup “ditarik” subsidi bahan bakar, dinaikan pula harga siling barangan harian dan tariff elektrik. Kemudian, hari ini kita sekali lagi mendapat hadiah dari golongan atasan. Hadiah yang membuktikan bahawa mereka ini sikit pun tidak peduli dengan nasib rakyat seperti kita. Mulanya mereka akan menabur sejuta janji demi terus menjadi tampuk pimpinan negara agar mudah untuk memperbanyakkan asset peribadi. Kemudian, sebaik selesai sahaja pilihan raya, mereka kembali seperti sediaakala. Rakyat dihumban jauh dan dibiarkan tertindas sehingga lelah melawan.

Isu perjanjian antara kerajaan dan syarikat konsesi tol hari ini seperti goreng pisang panas rancaknya. Segenap rakyat Malaysia membincangkan tentang isu ini. Tidak kira di mana-mana pun. Antara yang dibincangkan ialah konsistensi kerajaan dalam menghancurkan harapan rakyat yang mengundi mereka. Kegagalan kerajaan dalam mengawal kenaikan perbelanjaan harian rakyat ini ternyata membuka mata rakyat untuk bangkit mempersoalkan kuasa mereka sebagai rakyat di sebuah negara demokrasi. Di dalam isu tol ini, yang menjadi persoalan utama adalah bagaimana kerajaan begitu daif ketika menandatangani perjanjian tersebut. Adakah kesilapan kerajaan ialah tidak menyatakan jumlah keuntungan maksimum yang boleh dikutip seperti didakwa Menteri Besar Selangor<sup>1</sup>?

1) Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Menteri Besar Selangor pada ketika itu.

Adakah kerajaan kita ini sebuah kerajaan yang lalai? Persoalan-persoalan ini tidak dapat dielakkan daripada terlintas di fikiran rakyat.

### **Kenaikkan tanpa batasan**

Rentetan kenaikan kadar tol ini berbalik pada tahun ketika Tun Mahathir masih lagi menjadi Perdana Menteri. Ketika itu kerajaan telah bersetuju untuk mengikut garis panduan dan perjanjian seperti yang dibentangkan oleh syarikat konsesi tol. Makanya, selang beberapa tahun, kadar tol akan dikaji semula dan akan dinaikkan mengikut kesesuaian. Kesesuaian ini tidak merujuk kepada poket rakyat seperti kita sebaliknya bergantung kepada poket empunya syarikat konsesi tol itu. Jika mereka melihat asset mereka semakin surut, maka mereka akan terus menaikkan kadar tol mengikut kehendak mereka. Kerajaan dilihat seperti tiada kuasa untuk menghalang dari hasrat syarikat konsesi tol ini terlaksana tetapi, berapa ramai antara kita yang sedar yang saham di dalam syarikat konsesi tol ini banyaknya dimiliki oleh kerajaan dan individu di dalam sektor kerajaan itu sendiri. Semua drama ini telah dirancang sekian lama lagi untuk terus menindas rakyat yang sedia ditindas.

Kuda peliharaan juga akan mengamuk andai tidak diberikan makanan dan keperluan yang mencukupi. Inilah situasi yang sedang berlaku dalam politik kita hari ini. Ramai antara penyokong kerajaan yang tersentak dengan kenaikan harga barang secara berterusan. Keadaan menjadi lebih parah untuk kerajaan apabila turut gagal menghalang kenaikan kadar tol. Ramai penyokong dan ahli politik dari kerajaan sendiri bangkit mengingatkan kerajaan dengan janji-janji yang ditabur sebelum pilihan raya. Mereka-mereka ini sedar yang kerajaan berada di landasan yang terpesong dari matlamat asal. Mereka-mereka ini mahu kerajaan sedar silapnya. Satu cadangan yang mungkin boleh dipertimbangkan oleh kerajaan dan syarikat konsesi ialah cadangan dengan tidak menaikkan kadar tol atas dasar CSR (Tanggungjawab Sosial Korporat).

Kerajaan kita harus sedar bahawa dana kerajaan yang mengalir kepada syarikat konsesi tol itu telah lebih dari yang sepatutnya.



Mengikut laporan, syarikat konsesi tol ini telah mengaut keuntungan bersih sebanyak 13 billion ringgit. Ini bukan satu jumlah yang kecil. Jumlah ini datangnya dari poket rakyat biasa. Syarikat konsesi tol Berjaya merompak wang rakyat melalui perjanjian yang dipersetujui kerajaan. Di dalam pembentangan ketika itu, syarikat konsesi tol mengeluarkan satu statistik yang jauh berlainan dengan keadaan asal. Statistik itu menunjukkan percambahan pengguna jalan raya meningkat dalam kadar tertentu. Tetapi, kadar peratusan pengguna jalan raya hari ini jauh lebih tinggi dari apa yang dijangka syarikat konsesi tol ketika itu. Melalui peningkatan pengeluaran kereta inilah yang menyumbang kepada keuntungan atas angin oleh syarikat-syarikat konsesi ini. Makanya, alasan bahawa kerajaan tidak mampu menghalang peningkatan kadar tol ini adalah satu penipuan. Berdasarkan saham yang dipegang kerajaan di dalam syarikat konsesi dan dikuatkan lagi dengan fakta peratusan pengguna jalan raya meningkat, maka kerajaan mempunyai hak untuk menyemak semula perjanjian dan memperbaikinya agar sesuai dengan keadaan semasa.

### **Malaysia Negara dunia ketiga**

Malaysia adalah negara dunia ketiga. Ini adalah fakta. Maka, pemimpin mungkin melihat ini sebagai satu bahan gurauan dan memberikan jawapan dunia ketiga kepada kita untuk menjawab isu-isu hari ini. Kita imbas semula jawapan menteri di dalam isu kenaikan harga gula. Menteri itu berseloroh dengan jawapan “subsidi gula dinaikkan untuk mengurangkan penyakit kencing manis dalam Negara”. Kemudian menaikkan harga ayam. Kita disuruh berhenti membeli ayam dan bertukar kepada daging. Hari ini, menteri sekali lagi menjawab dengan berseloroh untuk isu kadar tol. “Boleh guna jalan biasa jika tidak mampu bayar tol.” Adakah ini jawapan yang paling kritis mampu diberikan oleh seorang pemimpin kepada rakyatnya? Apa yang rakyat ingin tahu ialah usaha kerajaan dalam menghalang kenaikan kadar tol. Bukannya menjawab seperti seorang motivator yang optimis. Kerajaan mempunyai kuasa di dalam mentadbir Negara dan sepatutnya ia merangkumi setiap aspek dan bukan sekadar menjaga keamanan Negara.

Ternyata, keamanan sebuah negara tidak menjamin rakyatnya keluar dari jurang kesempitan. Kenaikan kadar perbelanjaan harian ini seharusnya datang bersama beberapa faedah dan bukannya terus dikerah sehingga menyeksa rakyat. Misalannya, gaji isi rumah haruslah setimpal dengan kenaikan harga barang secara berterusan ini. Mungkin kerajaan tidak dapat mengawal bayaran yang dikeluarkan oleh syarikat swasta, tetapi kerajaan mampu untuk menaikkan bayaran kepada penjawat awam. Dasar tangkai jering oleh kerajaan ini sebenarnya juga adalah faktor mengapa para graduan baru memilih untuk bekerja di luar negara atau sektor swasta. Akibatnya, produksi negara menjadi kurang berkualiti berbanding produksi syarikat swasta dan Negara terpaksa memilih jalan mudah dengan menaikkan harga barangan dan mengurangkan subsidi keperluan harian.

Jika kerajaan masih terus-terusan menaikkan harga barangan dan kadar perbelanjaan harian tanpa diringi pampasan, nasib rakyat di Malaysia ini akan berubah menjadi “kais pagi makan pagi, kais petang makan malam” dek kerana kesempitan hidup. Mungkin ramai antara kita melihat ini secara optimistik dan menganggap ia sebagai satu usaha kerajaan dalam menjana ekonomi Negara. Hakikatnya, rakyat terus tertekan dengan usaha kerajaan ini dan terpaksa membanting tenaga demi menyara keluarga.

Rakyat itu adalah nadi Negara. Rakyat yang memilih pemimpin. Kemudian, pemimpin yang dipilih itu seharusnya bekerja untuk rakyat dan bukan sebaliknya seperti yang berlaku hari ini. Rakyat itu perlu ditatang secermatnya seperti minyak yang penuh dan bukannya dihalau keluar dari Negara sendiri. Maka, kerajaan haruslah memilih dengan tepat antara sebuah perjanjian dan nasib rakyat.

**Hegemoni Agama, Reformisme dan  
Politik Islam**  
*Muhammad Nazreen*

Sayyid Vali Reza Nasr, seorang saintis politik beketurunan Iran di dalam bukunya, 'Islamic Leviathan: Islam and The Making State Power' terbitan Oxford Press tahun 2004 telah memikirkan satu persoalan tunggal, dimana gerakan Islam setelah mereka berjaya mengemudi kekuasaan politik yang dominan. Persoalan tersebut merungkai keadaan beberapa pemikiran politik gerakan Islamis, bermula daripada lanjutan Ikhwanul Muslimin di Mesir, Jamaat El-Islami di Pakistan dan Majlis Syura Muslimin Indonesia (MAS-JUMI) seterusnya Parti Islam SeMalaysia (PAS) di Malaysia yang ditanggapi sebagai gerakan politik utama dan terawal untuk terlibat secara langsung di dalam neraca politik-kekuasaan.

Agenda politik Islam dan cabarannya di dalam sistem politik kontemporari adalah sesuatu yang segar dan menarik. Bahkan, kebanyakan penggemar dan pengkaji konsep politik Islam termasuk pengkaji-pengkaji dari barat mula secara pragmatiknya memerhatikan tren perkembangannya dengan isu politik yang lebih kontemporari. Politik Islam, dari latar institusi moden barangkali bukanlah wacana yang baharu. Misalnya, di dalam memerhati pergerakan politik mereka, tidak dapat dinafikan kemunculan secara organik gerakan-gerakan Islam ini dapat dikesan menerusi beberapa paradigma yang berbeza .

Berkisar daripada kejayaan Revolusi Islam Iran 1979, yang

menyaksikan gerakan sosial yang didominasi aktor Islamis seperti Ayatollah Khomeini menumbangkan Shah Reza Pahlevi menarik minat pengkaji politik dunia. Tahun 1977 pula, Jeneral Ziaul Haq memimpin coup de etat dan menyaksikan Jamaat Islami merintis ke puncak kuasa. Begitu juga kisahnya di Tunisia, Rashed Ghanoushi dibuang negeri oleh rejim Habib Bourguiba. Ali Benhadji memimpin National Salvation Front di Algeria, Hasan Turabi di Sudan dan seterusnya, pemimpin Ihwanul Muslimin, Sayyid Qutb dijatuhi hukuman mati.

Kemunculan idea Islamisme di Turki turut dikesan daripada gerakan sosial seperti Milli Gorus (National Outlook Movement) di bawah pimpinan Necmettin Erbakan pada tahun 1969, yang menekankan aspek moral dan Islamik di dalam bidang pendidikan – pada masa yang sama, bertindak sebagai respons kepada pembangunan, industrialisasi dan kemandirian ekonomi. Lantas, Necmettin Erbakan serta beberapa pimpinan Milli Gorus yang lain menubuhkan National Salvation Party (NSP) yang ditubuhkan pada tahun 1972 selepas National Order Party (MNP) diharamkan penubuhannya setelah hampir setahun beroperasi, setelah ditubuhkan pada tahun 1971.. Hasil pecahan parti Refah seterusnya menubuhkan dua ‘faction’ gerakan Islam iaitu Virtue Party (Fezilet) dan AKP Party pada tahun 1998 dimana akhirnya mengukir kejayaan politik Islam.

Sehingga kini, AKP di bawah pimpinan Recep Tayyip Erdogan adalah sebahagian daripada kejayaan agenda politik Islam dimana ia dapat diukur daripada kedudukan dan kestabilan politik Turki hari ini. Malah, perkembangan ekonomi yang baik berikutan peningkatan Gross Domestic Product (GDP) di Turki mengunjur sebanyak 7% setiap tahun dan kadar kemiskinan yang berkurangan hampir 20% menyebabkan Turki disebut-sebut sebagai model politik Islam yang cemerlang pada cerminan para Islamis secara keseluruhan.

Namun, kebangkitan insurgensi gerakan Islam ini bangkit secara serentak berdasarkan permukaan sejarah dengan latar belakang politik yang berbeza. Sekitar tahun 1952-1961, Indonesia

mengalami ancaman gerakan fundamentalis Islam, yaitu Darul Islam yang memimpin pemberontakan Islam untuk menegakkan undang-undang Syariah di Sulawesi Selatan. Mereka menganggap sistem sekular-sosialisme yang dipimpin Soekarno melalui rukun Pancasila bertentangan dengan ajaran Islam.

Lantaran, kelompok gerakan nasionalis gerilla yang dipimpin Kahar Muzakkar bertindak untuk mengadakan pakatan konsolidasi yang dikenali sebagai Darul Islam-Tentara Islam Indonesia (DI-TII) menyaksikan presiden Indonesia ketika itu, Soekarno bertindak lebih keras dengan golongan Islamis di Indonesia. Pertengkaran Soekarno dan tokoh Islamis Indonesia, Mohamad Natsir yang memimpin Majelis Syura Muslimin Indonesia (Masjumi) menyaksikan akhirnya Masjumi diharamkan pada tahun 1961 daripada menyertai politik. Akibat daripada pengharaman tersebut, wacana politik Islam menemukan dimensi-dimensi yang berbeza untuk dikaji.

Hal yang sama berlaku di Malaysia, Parti Islam SeTanah Melayu (PAS) ditubuhkan pada tahun 1951. Pada awalnya, PAS lebih bertindak sebagai parti politik yang mengimbangi neraca politik melayu dan status quo di bawah pimpinan Haji Ahmad Fuad dan Dr Abbas Elias. Namun, pelantikan Presiden ketiga PAS, Dr. Burhanuddin Helmy (1911-1969) dimana pemerhati politik terkemuka, Dr. Farish A Noor di dalam bukunya, "Islam Embedded: Historical Development of Pan-Malaysian Party (PAS) 1951-2003" menanggapi era kepimpinan beliau di dalam PAS bersama Professor Dzul-kifli Muhammad (1927-1964) merupakan zaman kegemilangan politik Islam di Malaysia malahan ia membuktikan bahawa PAS di bawah pimpinan Dr. Burhanuddin Helmy memberikan kesan kepada paradigma politik di Malaysia sehingga ke hari ini.

### **Politik Islam vs Politik Barat?**

Trend yang dapat disaksikan daripada pergelutan politik Islam ini membuktikan bahawa paradigma politik Islam ini adalah kesan daripada perlawanan ideologi Islam dan Barat. Malah, Samuel P.

Huntington di dalam 'The Clash of Civilisation' membangkitkan beberapa persoalan kontemporari yang perlu diulang-kaji. Huntington menjelaskan ia adalah sebahagian respon kebudayaan terhadap manifestasi peradaban barat moden, yang terhasil daripada revolusi Protestanisme Kristian pada awal abad ke 17, dengan kemunculan pemikir seperti Martin Luther dan Charles Zwingli yang secara langsung mempersoalkan kekudusan para agamawan gereja untuk menentukan apa yang terbaik untuk umat Kristian. Max Weber di dalam tesis 'Protestant Ethic and Spirit of Capitalism' mengemukakan manifestasi protestanisme sebagai peradaban moden Barat dan asas kepada sistem kapitalisme moden, dan Max Weber turut melihat 'modeniti' adalah sebahagian daripada tindak balas para penganut mazhab Protestan yang lahir daripada budaya individualisme dan utilitarianisme masyarakat Eropah.

Di dalam respon kebudayaan Islam terhadap Barat, neraca pemikiran Islam yang dibentuk daripada hegemoni budaya dan pendidikan meninggalkan kesan perlawanan kebudayaan Islam-Barat yang ketara. Namun, menurut eksperimen pemikir terkemuka, Tariq Ramadan di dalam bukunya, 'Western Muslim dan The Future of Islam' menjelaskan sebaliknya. Dia melihat ajaran yang ditekankan Islam dan keselariannya dengan peradaban barat terutamanya di dalam membela isu-isu hak asasi dan tatakelola kerajaan, adalah sebahagian daripada aspirasi politik Islam yang ideal.

Ini seterusnya melirik kepada analisa dan pandangan Syed Farrid Alatas di dalam syarahan beliau pada 25/1/2013 yang bertajuk 'Muslim Contemporary Revivalism: The Case of Protestant Islam' dimana beliau mengkaji persamaan di antara peristiwa di antara Reformasi Protestanisme pada abad ke 17 di Barat dan keselariannya dengan kemunculan para reformis Islam yang ditunjangi Syed Muhammad Abduh dan Jalaluddin Al-Afghani.

Reformasi Islam menerusi Abduh dan Al-Afghani bermula daripada seruan kebangkitan semangat Islah atau 'Reform' menerusi tiga prinsip ; dinamisme, fleksibiliti dan adaptasi dimana prinsip ini ditemukan sebagai pemikiran nahdah (renaisans) yang berupaya

membangkitkan umat Islam daripada kemunduran. Malah, Abduh menulis lebih lanjut di dalam Tafsir Manar dan Risalah At-Tauhid yang secara khusus menyedarkan umat muslimin untuk berfikir menggunakan akal dan rasional dalam menghadapi cabaran dunia moden.

Farid Alatas menekankan bahawa kebangkitan reformasi Islam ini sama sekali berbeza daripada Reformasi Protestanisme di Eropah akibat beberapa faktor. Pertama, reformasi Protestanisme pada abad ke-18 di Eropah berpunca daripada latar yang berbeza. Kemunculan ide dan mazhab Protestan yang dipelopori Martin Luther berpunca daripada hegemoni agama dan kekuasaan yang dimonopoli golongan gereja. Luther, menerusi kajian dan pemahaman teologi beliau adalah merupakan tindak balas dominasi golongan gereja ini yang zahirnya mula berlaku korup dan menyeleweng.

Tradisi Kristianiti memperlihatkan peranan gereja yang merupakan sumber autoriti hubungan mereka dengan tuhan. Jadi, Luther membawa ide baharu dimana dia memperkenalkan konsep teologi, 'The Spirit of Calling' yang merubah paradigma lebenswelt (dunia-kehidupan) masyarakat Kristian di Eropah. Dimana, Luther memecahkan paradigma ajaran Katolik asal, yang sepertimana difahami menerusi idea St. Thomas Aquinas yang melihat pandangan 'sola fide' individu terhadap agama adalah bertentangan dengan konsep 'concilia evangelica' iaitu golongan agamawan merupakan penghubung di antara manusia dan tuhan. Menerusi '*Spirit of Calling*' cetusan Martin Luther, masyarakat Kristian terhisab dengan sifat individualisme dan utilitarianisme yang kuat – semangat agama adalah untuk menjadikan manusia lebih rajin bekerja di dunia.

Kedua, motivasi reformasi keagamaan yang terjadi di dalam kedua-dua manifestasi iaitu Reformasi Protestanisme di Eropah dan Ide Reformasi dan Islah yang bermula di Mesir menerusi seruan Syed Muhammad Abduh mempunyai beberapa persamaan iaitu kedua-dua gerakan ini menolak monopoli kekuasaan agama yang menyebabkan berlakunya budaya korup yang penyelewengan pada jubah agama dan menyeru ke arah penggunaan akal rasional yang

waras untuk menentukan determinisme agama mereka menurut penalaran masing-masing.

Persoalannya, adakah kebangkitan gerakan Islam di abad ke-19 merupakan sebahagian daripada idea reformasi agama yang dibawa Syed Muhammad Abduh dan Jamaluddin Al-Afghani mendokong wujudnya politik Islam atau kebangkitan politik Islam merupakan sebahagian kesan pertembungan idea Barat moden dan Islam?



## Masa Tidak Menunggu PAS

*Lim Hong Siang*

Barangkali PAS perlu diasak dengan lebih keras untuk berdepan dengan dunia politik yang terpampang di depan matanya. Sudah tentu tempoh lima tahun terlalu lama buat sesebuah parti politik untuk terjerumus dalam lumpur polemik “muzakarah / muqabala”, “kerajaan perpaduan (UG: Sebut *unity government*)”, dan kini “kepimpinan ulamak / profesional”. Muktamar, seminar politik (cadangan asalnya EGM, Mesyuarat Agung Luarbiasa), dan sebagainya telah dijadikan platform untuk merungkaikan pertikaian ini. Keputusan atau resolusi telah diluluskan, pendirian untuk bersama dengan Pakatan Rakyat ditegaskan oleh Presiden, dijamin berkali-kali oleh Mursyidul Am tetapi polemik tetap berlanjutan sehingga hari ini.

Sudah tentu pergelutan ini boleh dianalisa dengan hujah-hujah yang positif, misalnya ia memperlihatkan kedinamikan, penyuburan demokrasi dalam parti, kerana suara berbeza diizinkan. Namun dari kaca mata umum ia bukan “kedinamikan”, tetapi pendirian yang tidak konsisten, flip-flop dan kecoh. Bukan kita mahu mematahkan perbincangan supaya parti ini dilihat “bersatu-padu”, tetapi mutu dan tahap perbincangan ini sendiri menjurus kepada persepsi bahawa perdebatan ini “tidak tentu pasal”.

Biar kita berterus-terang, apakah perbincangan tentang “pro-UM-NO / pro-Pakatan Rakyat” selama lima tahun ini membuahkan hasil yang lumayan, misalnya mencerahkan minda, atau menyuntik wacana baru yang segar di kalangan ahli PAS? Mungkin

mengambil contoh KeADILan. Sudah menjadi rahsia terbuka bahawa Timbalan Presiden KeADILan Azmin Ali tidak sehaluan dengan Menteri Besar Selangor Khalid Ibrahim. Tetapi apabila Azmin bersilat dengan Khalid, Dewan Undangan Negeri Selangor dijadikan gelanggangnya. Belanjawan Negeri dijadikan senjatanya. Sama ada ia memberi persepsi “bercelaru” atau tidak itu soal lain, yang penting rakyat tahu apa yang sedang berlaku, dan tidak menafikan bahawa ianya satu persaingan politik sihat yang gagal dielakkan. Sesiapa sahaja rakyat Malaysia boleh mencelah, atau memberi pandangannya kerana ia membabitkan soal pengurusan ekonomi, ketelusan, keberkesanan, keadilan pengagihan sumber dan sebagainya.

Namun, bagaimana seorang bukan-muslim, berkongsi pandangannya apabila diajak untuk mengulas pertarungan politik dalam PAS? Bagaimana “kepimpinan ulama” boleh dikaitkan dengan hidup hariannya; atau dengan kata lain, apa perbezaan untuk seorang rakyat biasa, sama ada ulamak atau bukan ulama’ yang memimpin PAS? Saya tetap perlu menghormati kekhuatiran dan keprihatinan pemimpin PAS dalam isu kepimpinan parti ini. Masalahnya, PAS secara tidak sedar telah tersisih daripada pentas politik arus perdana kerana terjat dalam perangkap yang dipasang UMNO. Pertikaian yang berlanjutan dalam satu isu yang hanya menggarap imaginasi satu kelompok yang khusus, malah dalam bahasa yang hanya difahami segelintir manusia, telah menafikan sendiri slogan “*PAS for All*”.

Penulis menganggap pertikaian yang berulang perlu dibubuh noktah setelah kata dua melalui mekanisme yang sedia ada. Sudah tentu ada suara yang akan membangkitkan soalan “takkan mengkaji semula pun tak boleh?”, tetapi mereka perlu sedar bahawa semua individu terikat dengan disiplin apabila anda berada dalam satu organisasi. Misalnya, apabila PAS berada dalam Pakatan Rakyat, semestinya pendirian PAS terikat dengan muafakat yang diestui bersama. PAS masuk bertanding dalam PRU13 bersama Pakatan Rakyat, dan Pakatan Rakyat telah menyajikan Manifesto Rakyat PRU13 sebelum pembubaran parlimen. Maka, seandainya mana-mana parti komponen Pakatan Rakyat cuba menonjolkan agenda sendiri

yang tidak direstui rakan sekutunya, namanya melanggar disiplin. PAS patut mengambil tindakan jikalau mana-mana pemimpinnya membangkitkan isu Hudud sepanjang tempoh kempen, dan begitu juga dengan DAP, seandainya ada yang membangkitkan isu sekular atau Malaysian Malaysia sepanjang tempoh kempen pilihan raya.

Perkara ini tidak diberi perhatian yang serius, kerana sama ada PAS mahupun Pakatan Rakyat menggalas misi yang lebih besar, iaitu untuk menumbangkan regim UMNO-Barisan Nasional. Maka kejadian sebegini diketepikan sementara waktu selagi ia tidak menjadi halangan yang terlalu besar sepanjang jalan menuju Putrajaya.

Apabila pemimpin-pemimpin PAS ini dimanjakan sebegini, mereka seolah-olah mahu melakukan apa-apa dengan sewenang-wenangnya. Sebarang teguran terhadap mereka akan dilihat sebagai ancaman yang menggugat kedudukan ulamak dalam parti mahupun Pakatan Rakyat, lantas didesaknyanya agar golongan ulamak diberi peranan yang lebih mustahak dalam PAS ataupun Pakatan Rakyat. Misalnya, dalam *Multaqa Ulama'* pada 14 September yang lalu, Dewan Ulama' PAS menyeru agar Tahaaluf Siyaasi dengan KeADILan dan DAP dinilai semula, dengan alasan bahawa gandingan Pakatan Rakyat telah merugikan PAS. Dakwaan ini seandainya direnung untuk kali kedua, tidak akan timbul sama sekali. Mustahil PAS melangkah keluar dari utara dan timur Semenanjung, malah menembusi kubu BN di Johor tanpa DAP dan KeADILan. Padahal kita tidak terbayang berapa kerusi DUN Selangor yang mampu dipertahankan oleh PAS dalam PRU13, seandainya Hasan Ali yang menjadi Menteri Besar sejak 8 Mac 2008.

Seandainya dikupas lagi statistik PRU13, PAS meskipun kehilangan dua kerusi parlimen berbanding PRU12, tetapi menambah dua kerusi DUN. Kekecewaan itu timbul bukan kerana kemerosotan prestasi PAS, tetapi kerana dibandingkan dengan kecemerlangan yang dicapai DAP. Persoalannya, PAS kehilangan lima kerusi parlimen dan tujuh kerusi DUN yang asal di Kedah, negeri yang tampuk kuasa kerajaannya didominasi PAS pada tahun 2008. Bukankah PAS juga perlu bermuhasabah dalam isu ini?

Perkara-perkara sedemikian sebenarnya disadari umum, lantas timbul keraguan terhadap golongan yang membangkitkan isu “kaji semula *tahaaluf siyaasi*”. Kita bukan mempertikaikan hak PAS untuk mengkaji hubungannya dengan KeADILan dan DAP, tetapi kita cukup meragui motif di sebaliknya. Bukankah sesuatu yang ironi apabila Tahaaluf Siyaasi dengan KeADILan dan DAP mahu dikaji semula, di samping itu tuntutan disusuli agar “diberikan ruang yang munasabah dan sesuai” untuk golongan ulamak dalam pentadbiran negeri Pakatan Rakyat?

Jadi, kita semua sedar bahawa ia sebahagian daripada pergelutan kuasa. Tetapi “persaingan” ini gagal melonjakkan PAS ke mana, kerana sudah lima tahun ia bergelut di tempat yang asal. Sepanjang lima tahun ini, golongan demokrat, atau moderat dalam PAS terpaksa bergantung kepada kewibawaan mursyidul am Tuan Guru Nik Aziz untuk menghalang kerjasama antara PAS dengan UMNO. Susuk badan tok guru yang uzur ini menjadi perisai paling kukuh untuk menangkis serangan *UG*, ataupun cadangan PAS bekerjasama dengan UMNO.

Golongan demokrat atau moderat bernasib baik, kerana Tuan Guru Nik Aziz masih bersama dengan PAS sehingga hari ini. Namun sebelum “nasib baik” ini ketandusan, golongan demokrat atau moderat (atau dilabel sebagai Erdogan) seharusnya memikirkan, dan bersiap sedia untuk berdepan golongan yang masih menyimpan niat untuk bersama UMNO. Kita semestinya tidak terbayang bagaimana satu hari nanti apabila jawatan mursyidul am disandang Ustaz Haron Taib atau Ustaz Haron Din. Apakah pendirian PAS untuk bersama Pakatan Rakyat akan “dikaji semula”?

Di samping itu, pertikaian “kepimpinan ulama” sebenarnya juga memberi impak kepada barisan pimpinan PAS. Penyandang timbalan presiden PAS, Mohamad Sabu kini diasak dari kiri dan kanan dengan label “syiah”. Untuk penggal ini, PAS memerlukan seorang Timbalan Presiden yang bakal menjadi pengganti Presiden pada masa depan. Lantaran daripada perbahasan “kepimpinan ulama”, maka disarankan agar seorang ulamak menyandang jawatan

kedua tertinggi kali ini. Persoalan timbul, ulama' mana yang layak dan berkebolehan untuk jawatan tersebut?

Untuk seketika dahulu PAS dilihat lebih berpotensi dengan barisan kedua pimpinannya, misalnya Mohamad Sabu, Khalid Samad, Dzulkefly Ahmad, Husam Musa, Hatta Ramli, Salahuddin Ayub, Kamaruddin Jaafar dan lain-lain lagi. Bakat kepimpinan mereka terserlah, diperlihatkan melalui kepetahan mereka berhujah, kualiti perbahasan dalam Dewan Rakyat, menggubal dasar, berforum, berceramah, memobilisasi dan sebagainya. Namun, nama-nama yang menggarap dan melakar imaginasi masyarakat Malaysia ini jugalah yang akan disekat dalam PAS semata-mata kerana bukan ulama'.

Masa itu amat mustahak dalam politik. Hanya dalam tempoh lima tahun, kekuatan boleh bertukar menjadi kelemahan. Kewibawaan yang tidak tercabar milikan "mursyidul am" tidak semestinya memihak kepada "golongan Erdogan" selama-lamanya. Saya tidak pasti bilakah PAS akan terkeluar dari pertikaian "kepimpinan Ulama'", atau sekurang-kurangnya menyuntik sesuatu yang baru untuk menafsir semula konsep ini dalam alaf ke-21. Masa tidak menunggu, malah kita tidak bernasib baik selama-lamanya.

## **Pemuda dan Sumpah Pencelikan**

*Muhammad Nazreen*

### Anak Muda Kuda Pilihan Raya?

Serangan mahasiswa di Pekan, Kuantan oleh samseng kampung beberapa minggu yang lalu, adalah biasan daripada dua realiti yang sedang bergelut di Malaysia. Realiti pertama, budaya reaksionari masyarakat kita yang berpandangan bahawa anak muda ini mentah dan tak tahu apa-apa. Realiti kedua pula, sebahagian masyarakat merasakan politikus oposisi memperkudakan anak muda untuk dijadikan sayap kempen pilihan raya untuk kepentingan politik mereka.

Dalam mana-mana hukum sejarah, anak muda adalah simbol penghormatan pada idealisme, naratif tentang perlawanan dan senjata menuju perubahan. Malah, Soe Hok Gie pernah menyimpulkan “Seorang filsuf Yunani pernah menulis ... nasib terbaik adalah tidak dilahirkan, yang kedua dilahirkan tapi mati muda, dan yang tersial adalah umur tua. Rasa-rasanya memang begitu. Bahagialah mereka yang mati muda.”

Membaca ‘Catatan Sang Demonstran’ karangan Gie cukup merealisasikan, terutamanya menerusi kanta seorang anak muda Malaysia. Ia pasti melihatkan bagaimana sekonyol-konyol anak muda pada hari ini, tidaklah lain tidaklah bukan, bermuara daripada dialektika pembodohan Mahathirisme, Dulu – Kini – Selamanya . Dulu sebagai ‘Tesis’, Kini sebagai ‘Antitesis’, maka Selamanya

adalah ‘Sintesis’. Begitulah semputnya anak muda kita pada hari ini. Akibat pembodohan, melawan kekalutan pemerintah, menuntut autonomi universiti dan perjuangan mendapatkan pendidikan percuma dianggap sebagai buang masa, manakala menonton filem cintan-cintun Razak Mohideen pula suatu kepuasan abadi.

Anak muda yang melawan seperti ‘Jebat Derhaka’ diremehkan-remehkan pemikiran mereka, manakala konyok-konyok ‘Sarip Dol’ semacam PERKASA pula digelar perwira ‘melayu’ (bukan Panglima Ludah). Ini bukan sebarang cubaan, tetapi inilah hakikat zaman yang serba penuh dengan kegilaan ini.

Masyarakat ‘status quo’ yang berusaha mengekalkan definisi konservatif, merasakan mereka lebih arif dalam dunia politik tanahair akan melihat kebangkitan anak muda sebagai ancaman terhadap mereka. Anak muda bagi mereka, dikaburi dengan idealisme dan utopia. Mereka juga tidak pragmatik dan sistematik. Jadi, mereka hanyalah alat untuk diperkudakan. Sebarang lontaran dan idea anak-anak muda adalah remeh, sama sekali usah dilayan. Apatah, anak muda ini masih ‘menyusu’ dengan sepak terajang hidup – kenapa pula suara mereka perlu didengari hendaknya.

Bidasan seperti ‘kami lebih lama makan garam daripada kalian’ diulang-ulang untuk mengingatkan anak muda bahawa mereka umpama anak kucing yang mengiau mencari ibunya. ‘Politik baru?’ ‘Gagasan idea?’ ‘Budaya debat?’ adalah mimpi. Sudah turun-temurun tradisi politik kita ditekuni dengan politik ‘duit bawah meja’, ‘karpet merah untuk YB’ dan ‘bersongkok tinggi’. Kenapa “Bughah” –kata lain untuk ‘golongan pemberontak’ – pula yang perlu dilayan?

Dilema orang tua melawan orang muda bukanlah sesuatu yang asing. Sejak berzaman lamanya, golongan konservatif seperti ‘Kaum Tua’ cenderung untuk memusuhi golongan perubahan ‘Kaum Muda’. Kaum Muda adalah golongan terpelajar dari Timur Tengah yang menyahut seruan pembaharuan Syeikh Muhammad Abduh. Di mana mereka menekankan penggunaan akal dan

rasional di dalam mentafsir agama, bukan menerusi kekusutan budaya taqlid . Tok Guru Nik Aziz Nik Mat, Mursyidul Am PAS juga merupakan sebahagian daripada idealisme dan gerakan Kaum Muda yang masih hidup. Malah sehingga kini, sebahagian kecil mudir sekolah pondok di Kelantan masih berselisihan faham dengan Tok Guru akibat kemelut Kaum Tua-Kaum Muda.

Perdebatan yang hangat golongan Muda-Tua bermula seawal tahun 1900an lagi di Tanah Melayu. Pemuka Kaum Muda seperti Syed Sheikh Al-Hady, Syed Tahir Jalalludin Al Falaki, Syeikh Bas-yuni Imran Sambas dan Pendeta Za’ba tidak pernah terlepas daripada kutukan dan labelan Kaum Tua. Malah, istilah ‘Kaum Muda’ itu adalah bahasa ejek-ejekan orang tua reaksionari yang memberi bidalan, ‘ Kau ini orang muda, manakan kami ini lebih lama bersabung nyawa. Jadi, hanyutlah dengan khayal-khayalmu itu’.

Malahan, akhbar terbitan Kaum Muda seperti Al-Imam, Al-Ikhwah, Lembaga dan Pengasuh diharamkan penerbitan di Tanah Melayu kerana dikatakan menyeleweng daripada amalan agama turun-temurun. Manakala, akhbar yang ‘konservatif’ seperti Majlis , Lidah Benar dan Suara Benar menuduh bahawa Kaum Muda adalah gerakan ajaran sesat dan berfahaman radikal Wahhabi, yang jika tidak dihabisi – bakal menjadi ‘duri dalam daging’ perpaduan orang Melayu.

Pendeta Za’ba juga dituduh berfahaman Mu’tazilah. Ini berikutan buku-bukunya – Falsafah Takdir (1932), Pendapatan Perbahasan Ulama Pada Kejadian Perbuatan dan Perusahaan Hamba (Berkenaan dengan Qada’ dan Qadar) yang diterbitkan oleh Syeikh Tahir Jalauddin (Jelutong Press, 1934), Perangai Bergantung kepada Diri Sendiri (DBP, 2009) dikatakan sebagai usaha mentarbiyahkan orang Melayu ke arah fahaman Mu’tazilah, atau lebih ekstrim daripada itu – seorang Atheis yang hanya percayakan rasionalisme dan akal.

Jika seawal itu, golongan muda ditekan. Seawal itu jugalah mereka menggerakkan semangat nasionalisme di Tanah Melayu. Tahun



1942, berdiri Sultan Idris Training College adalah mercu tanda kebangkitan anak muda melawan pembodohan kolonialisme sekalipun Direktur pertama SITC adalah Sir R.O Winstedt, seorang birokrat terkemuka Inggeris.

Berkat kelahiran SITC, Kesatuan Melayu Muda (KMM) ditubuhkan tahun 1938 oleh sekumpulan anak muda yang prihatin akan nasib bangsa. Didokongi oleh Ibrahim Haji Yaacob, Mustapha Hussein, Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) dan ramai lagi tokoh kemerdekaan Tanah Melayu. Ibrahim Haji Yaacob di dalam bukunya, *Melihat Tanah Air* (1941) menyeru ke arah kesedaran rakyat jelata watan ini supaya bangun dari tidur yang lena. Gerakan muda inilah juga yang menjadi tunjang ke arah membebaskan tanah kita daripada belenggu penjajah.

Testamen Politik API yang dicanang Ahmad Boestamam pada tarikh 17 Februari 1946 cukup menghargai idealisme kepemudaan. Boestamam ketika mengarang testamen tersebut mengungkap bagaimana peran anak muda mampu mengutuhkannya lagi agenda perubahan. Jika omongan orang-orang tua menganggap anak muda sebagai lekeh. Pasti akan tiba masanya sumbangan anak muda ini dihargai. Dalam coretan Boestamam, beliau melihat anak muda dengan amarah yang menggerakkan perjuangan. Barangkali, dia begitu terkesan dengan kepemimpinan pemuda seperti Soekarno di Indonesia – bersama- sama bapa mertuanya, yang juga penggerak Sarekat Dagang Islam iaitu Haji Omar Tjokroaminoto memulakan semboyan revolusi anti-kolonial melawan Belanda. Akhirnya, atas keperwiraan Soekarno jualah menyebabkan perjuangan mereka berhasil memerdekakan Indonesia pada tarikh 6 Ogos 1945.

Idealisme anak muda, dari latar Malaysia sendiri menunjukkan perlawanan mereka terhadap penindasan belum pernah malap. Tanpa seorang pemuda bernama Anwar Ibrahim, Demonstrasi Baling 1974 yang menjadi manifestasi kebangkitan kaum tani yang kebuluranbelum tentu berhasil. Akibatnya, Anwar ditangkap dan dipenjarakan di bawah ISA. Aktivis lain seperti Kamaruzzaman Yaacob dan Dr. Syed Husin Ali turut serta. Manakan pula, Hishamuddin

Rais bersama-sama aktivis mahasiswa berpihak kepada golongan peneroka miskin bandar yang ditipu penguasa di Tasek Utara, Johor Bahru. Peristiwa Tasek Utara diingati sebagai salah satu kisah pencabulan terhadap hak rakyat miskin.

Peristiwa serangan ke atas mahasiswa di Pekan, Kuantan tempohari adalah episod kecil pemerkosaan golongan penguasa juga masyarakat reaksionari terhadap pergerakan mereka. Tidak usah mengadu domba, tekanan yang dihadapi anak muda berlaku di seluruh dunia lebih dahsyat lagi. Malahan, salah seorang daripada aktivis muda Amerika, Aaron Schwartz akhirnya membunuh diri retetan daripada tekanan yang dihadapi beliau selaku seorang aktivis sosial.

Namun, peristiwa ini tak harus dilupakan. Setidaknya, walaupun kelompok mereka yang punya idealisme ini kecil – semangat mereka harus disokong. Bukan dengan tindakan mereka berkempen untuk parti politik yang harus didokongi, tetapi semangat mereka untuk bergerak mendemokrasikan ruang awam di Malaysia yang tidaklah begitu demokratik membibitkan kesedaran kita untuk menyokong usaha-usaha mereka.

Ugutan dan ancaman yang mereka terima malahan jika dibandingkan dengan anak muda yang mengadu kesakitan dibelasah samseng di Pekan, Kuantan adalah lebih serius dan menakutkan. Maka, itu bukanlah alasan untuk anak-anak muda kita sekarang mengeluh suara mereka tidak didengari. Dongeng anak muda sebagai ‘Jebat Derhaka’ ini bukan lagi kesahihan yang perlu ditakuti. Mereka adalah agenda masa hadapan. Jika anak muda masih direndahkan semangat mereka, selagi itulah kita terperangkap dengan dialektika pembodohan DULU- KINI – SELAMANYA.

Jika kesedaran emansipasi anak muda Indonesia diabadikan di dalam Soemph Pemuda Indonesia tanggal 28 Oktober 1928, apatah kita warga Malaysia yang punya anak muda pemberani wajar mengarang suatu lagi sumpah kepemudaan, misalkan sebagai contoh – ‘Sumpah Pencelikan Anak Muda Malaysia’ sebagai peringatan

keintelektualan anak muda yang pernah dimarakkan pejuang-pejuang terdahulu?

**Manifesto Rakyat vs ‘manifesto rakyat’***Adam Adli*

Sejak dari awal 2012 hingga ke hari ini, kecuali Sarawak; saya telah menjelajah ke hampir seluruh negeri yang berada di dalam peta Malaysia. Memberi ucapan bernahu politik bukanlah untuk mewakili mana-mana parti, sebaliknya hanya mewakili tuntutan diri saya sendiri ke atas masyarakat dan bakal-bakal calon pilihan raya. Saya juga tidak pernah layak untuk mendakwa bahawa saya mewakili seluruh mahasiswa yang berada di dalam negara ini.

Mengunjungi ke pelusuk-pelusuk daerah yang kadang namananya sendiri saya tidak pernah dengar memberi peluang buat saya tambah mendalami masyarakat yang sedang menghadam ide-ide perubahan landskap politik negara.

Bukan kutipan tersebut yang bakal diceritakan, sebaliknya tutur perkataan yang sering kali saya dengari dari mulut penceramah-penceramah yang mewakili parti masing-masing; MANIFESTO yang sedang dipromosikan sebagai modal untuk menarik undi masyarakat buat pihak mereka.

Ternyata tidak lama sahaja lagi tarikh yang begitu dinanti-nantikan oleh sekalian rakyat bakal menjelma akhirnya. Saat rakyat akhirnya berpeluang untuk meletakkan sedikit suara mereka di celah-celah ruang demokrasi tempang Negara tanpa dilemparkan tuduhan-tuduhan seperti yang dilemparkan ke atas demonstran yang turut sebenarnya meraikan peluang untuk bersuara yang sama

haknya; kecuali berbeza caranya.

Mendepani tarikh tersebut, setiap parti politik berhempas pulas untuk menonjolkan betapa setiap mereka mempunyai mekanisma dan tawaran serba menarik buat rakyat negara ini. Maaf, saya mungkin masih gagal untuk mendapat peluang mendengar manifesto daripada pihak kerajaan sedia ada. Yang ada cuma kilasan-kilasan terhadap dakwaan pembangkang kepada mereka, yang diselangi dengan tidak lain hanya perkataan “fitnah” dan “liwat”. Saya cuma berpeluang mendengar tawaran dan manifesto daripada parti-parti pembangkang atau Pakatan Rakyat. Dalam hal ini, mereka telah bersedia beberapa tahun lebih awal. Ertinya, kempen untuk menarik undi sebenarnya sudah dijalankan oleh mereka sejak dari 2008 lagi.

Dari agenda koalisi Pakatan Rakyat, membawa kepada Buku Jingga dan terbaharu, Manifesto Rakyat yang dieja dengan huruf besar, rakyat telah diberi peluang untuk betul-betul menilai setiap perkara yang cuba ditawarkan oleh mereka. Manifesto Rakyat mungkin masih belum menjadi sebutan seperti Buku Jingga, namun secara umumnya, pelbagai agenda dari segenap sektor telah disentuh dengan lebih teliti berbanding versi sebelumnya; dari sekecil-kecil isu seperti kamera AES, sehinggalah ke isu berkaitan pemecahan hegemoni ekonomi, rombakan sistem Parlimen, mahu pun proses rekonstruksi pemikiran masyarakat berbilang agama dan etnik yang pastinya memakan usaha bukan kepalang.

Buat penyokong yang tegar, letaklah apa sekalipun manifesto dalam bentuk apa jua sekali pun, pastilah ia bakal diterima sebulat-bulatnya oleh golongan ini. Dalam keadaan dan situasi yang semakin panas dan genting seperti hari ini; tidak mungkin mereka mahu dan punyai masa untuk membincangkannya. Maka, secara bulat-bulatnya juga ia akan terus dijaja ke seluruh negara; baik oleh wakil-wakil kecil kawasan-kawasan seperti kampung mahu pun oleh gedebe-gedebe handalan yang sering menyampaikan ceramah merata-rata tempat seluruh negara.

Meringkaskan ulasan pandangan, sehari selepas dibentangkan Manifesto Rakyat tersebut, ternyata ia tidak lagi dilambung dengan pujian seperti yang pernah diterima oleh Buku Jingga suatu masa dahulu. Yang pertama terguris perasaan adalah golongan orang-orang kelainan upaya, yang mana kemudiannya disambut pula kekecewaan rasa tercicir oleh beberapa lagi golongan termasuk masyarakat India (melalui Hindraf), pendokong-pendokong tuntutan royalti minyak di Pantai Timur Semenanjung, dan beberapa yang lain termasuk segolongan mahasiswa yang masih sebenarnya cuba mencuri peluang meletakkan cap jari mereka dalam perdebatan tersebut. Maka dari itu, kita sedari, Manifesto Rakyat tidak lagi mudah ditelan hadam oleh masyarakat yang perlu kita akui; semakin kritikal, teliti, dan tidak mudah disogok.

“Manifesto Rakyat digubal berdasarkan empat tonggak utama – Rakyat Bersaudara, Ekonomi Rakyat, Kesejahteraan Rakyat dan Kerajaan Rakyat.” –ini adalah intipati utama yang dijadikan asas manifesto yang dibentang, maka jika mahu dibahaskan, seperti juga membahaskan undang-undang harus berlandaskan Perlembagaan; perbahasan ke atas Manifesto Rakyat juga harus melihat kepada tonggak utama yang dicanangkan tersebut. Kunci utama kepada empat tonggak ini adalah perkataan “rakyat” itu sendiri. Sedari dahulu koalisi parti-parti pembangkang ini telah lama menggunakan perkataan “rakyat” sebagai daya penarik dan pengimejan utama mereka. Maka yang demikian, bertanyalah kembali, sejauh mana sebenarnya Manifesto Rakyat ini benar-benar melibatkan rakyat?

Tuntutan rakyat adalah pelbagai. Segenap pihak yang berteraskan rakyat atau masyarakat mempunyai pandangan dan impian yang berbeza-beza; dari sekecil-kecil impian sehingga ke sebesar-besar harapan. Hari ini, sudah ada perbezaan dan garis yang lebih jelas antara ‘rakyat’ dan ‘pendukung parti’. Seperti yang saya titipkan awal tadi, pendukung parti boleh menerima apa sahaja kata-kata atau wahyu daripada pimpinan atasan tanpa perlu dibahaskan jauh. Yang hanya perlu dilakukan adalah mengolah persetujuan. Rakyat yang mempunyai pandangan lebih longgar berkaitan hubungan dengan parti-parti politik lebih ke hadapan dalam situasi begini;

situasi berhadapan dengan tawaran parti politik. Umum perlu akui, dalam landskap politik dan sosial negara dewasa ini, telah lahir lebih ramai orang yang benar-benar memperjuangkan isu dan tuntutan mereka secara ‘genuine’ tanpa perlu dihasut oleh mana-mana agenda parti. Dan dari sudut inilah kita lihat kembali sejauh mana ‘merakyatnya’ manifesto tersebut.

Ambil contoh lain selain daripada yang pernah disuarakan oleh golongan orang kelainan upaya, pendokong sekolah-sekolah vernakular dan sebagainya; ada beberapa perkara lain yang nampaknya tidak selari dengan apa yang pernah disuarakan oleh golongan bukan dari parti politik. Golongan rakyat yang pernah bersuara secara lantang.

Acukan teropong sebentar ke arah isu alam sekitar. Tiada siapa yang boleh nafikan, selepas warna kuning, warna hijau adalah warna yang paling popular untuk diasosiasikan dengan gerakan-gerakan yang melibatkan tuntutan rakyat. Isu kilang Lynas telah berkali-kali dan secara konsisten diperjuangkan. Begitu juga dengan isu Projek Rapid di Pengerang, Johor. Walaupun sebelum ini, melalui banyak acara; termasuklah Himpunan Kebangkitan Rakyat, isu seperti Kilang Lynas dan Rapid Pengerang ini telah pun berkali-kali dijanjikan penyelesaiannya. Jalan penyelesaian yang dipinta adalah penamatan operasi projek-projek ini, dan idea ini disambut dan dilaungkan juga oleh pemimpin-pemimpin parti pembangkang. Namun, ia tidak kelihatan di dalam Manifesto Rakyat. Akhirnya melalui beberapa kenyataan susulan; diketahuilah bahawa kilang Lynas dibayangkan hanya akan dihentikan setelah benar-benar disahkan risikonya; manakala Rapid Pengerang hanya akan dikaji semula. Tuntutan rakyat akhirnya masih kalah bila berhadapan dengan tekanan pemodal besar asing. Tiada hitam putih rasmi untuk dijinjit oleh rakyat bagi menuntut penyelesaian isu ini kelak.

Bagaimana pula dengan tuntutan seperti gaji minima yang juga diperjuangkan oleh golongan buruh sejak sekian lama? Tawaran RM1,100 yang dikemukakan melalui Manifesto Rakyat secara adilnya boleh diangkat sebagai permulaan baik untuk melega-

kan golongan pekerja. Namun, berhadapan kembali dengan realiti keadaan semasa ekonomi negara dan rakyat sendiri, tuntutan RM1,500 yang dicadangkan sekian lama jauh lebih relevan dan sesuai untuk dilaksanakan berbanding jumlah yang ditawarkan. Perbezaan yang hanya sedikit itu boleh mengubah banyak keadaan. Tuntutan lama ini seharusnya perlu diterima pakai kembali oleh Pakatan Rakyat. Saya tidak merasakan beza RM400 itu boleh merosakkan rencana Pakatan Rakyat. Andai harga kereta boleh diturunkan, apalah sangat kenaikan RM400 untuk golongan pekerja? Melalui kerangka besar pelan ekonomi yang digariskan oleh Manifesto Rakyat yang menjangkakan keuntungan buat pengusaha dan majikan, saya kira gaji minima RM1,500 bukan lagi angka yang membebankan.

Mungkin secara amnya, tentulah melalui Manifesto Rakyat, Pakatan Rakyat telah pun mendahului pesaingnya Barisan Nasional yang mungkin masih sedang mencari tukang taip untuk menaipkan manifesto mereka. Namun, dalam keadaan realiti baru negara hari ini, Pakatan Rakyat bukan hanya sedang berhadapan dengan Barisan Nasional mahu pun jentera-jentera kerajaan yang disalahkan semata-mata; sebaliknya juga terpaksa berhadapan dengan rakyat yang sedang berkira-kira untuk mengundi mereka sendiri. Terdapat perbezaan pola pemikiran berbanding pilihan raya 2008 dahulu. Memperbanyakkan lagi perbincangan dengan stake holder yang tidak bersyarikat bakal memberi kelebihan besar kepada Pakatan Rakyat jika dilaksanakan secara menyeluruh. Pilihan raya kali ini sedang menyaksikan kesediaan rakyat ke arah perubahan, dan peluang sebegini tidak mungkin datang lagi.

Rakyat yang tidak menyembah parti politik seharusnya mampu untuk jadi lebih vokal dalam menuntut hak mereka melalui pilihan raya kelak. Reputasi Pakatan Rakyat dalam berhadapan dan melayan tuntutan rakyat yang pelbagai selama ini biarpun dianggap gerakan populis; namun realitinya menguntungkan rakyat. Dalam masa yang hanya berbaki beberapa minggu (mungkin hari!) sebelum pilihan raya ini, rakyat atau masyarakat tidak seharusnya hanya mampu terus terlopong mendengar ceramah semata-mata. Dalam



sebuah situasi yang sedang dihadapi oleh kita hari ini, kita adalah stake holder. Kita adalah majikan yang sedang meneliti resume yang dibentangkan oleh bakal-bakal pekerja kita. Sebagai orang yang menggaji mereka, kita berhak untuk meletakkan harapan dan jangkaan yang lebih tinggi ke atas mereka.

Banyak perkara lagi yang boleh dituntut melalui Manifesto Rakyat. Jika Manifesto Rakyat yang dieja dengan huruf besar tidak memuaskan, mungkin ada baiknya kita tuliskan sendiri ‘manifesto rakyat’; yang ditulis dengan huruf kecil.

**Peringatan Buat Pemerintah***Adam Adli*

Dalam kesempatan yang jarang-jarang berlaku sepanjang sejarah negara kita, hari ini dihadangkan dengan satu pergolakan besar yang bakal menentukan jatuh dan bangun tanah air ini. Pilihan raya; yang seharusnya menjadi saluran demokrasi telah pun dikhianati bukan sahaja pemerintah, sebaliknya hampir keseluruhan sistem dalam negara ini. Apabila kita mengatakan sistem, yang dirujuk oleh perkataan sistem itu adalah keseluruhan proses yang bersangkutan dengan jalan dan susun atur kehidupan dan urusan-urusan rakyat terutamanya di bawah, yang mana sistem ini didasari pula oleh polisi atau dasar-dasar yang ditentukan penguasa elit di pejabat-pejabat kerajaan dan kementerian. Salah satu prinsip mudah dan asas dalam amalan demokrasi adalah apabila golongan majoriti diberi mandat untuk membuat keputusan dan tindakan. Golongan majoriti diberi kuasa untuk menentukan sistem yang membayangi kehidupan harian mereka. Di bawah semangat demokrasi yang paling asas; majoriti seharusnya sudah punya kuasa untuk menentukan dasar-dasar ekonomi, politik, sosial, dan sebagainya, sesuai dengan kehendak dan keperluan mereka secara holistik. Sayangnya, di negara ini majoriti akhirnya hanya mampu untuk terus menerus ditipu dan tertindas kembali dek sistem yang diamalkan. Majoriti adalah golongan kalah dalam negara ini. Itu realitinya.

Mungkin tulisan ini masih lagi berkisar dan berkiblatkan ide-ide dalam pengolahan persetujuan yang sama sejak dari beberapa siri tulisan sebelum ini; masih lagi berkisar pergolakan politik,

pembentukan demokrasi, dan ide-ide nakal mengajak rakyat turun ke jalan raya. Apa pilihan yang kita ada? Berdasarkan perkembangan semasa, dan suara-suara protes yang masih terus bergema, perbincangan sebegini kekal relevan.

Akta Hasutan 1948, satu lagi akta kuno yang menyekat perkembangan demokrasi sihat dalam negara ini. Siapa sangka, penahanan penulis hanya memberi lebih anjakan kepada gerakan rakyat yang sedang disusun oleh banyak pihak bersekutu; yang matlamatnya tidak lain adalah untuk menerajang keluar penaja sistem yang sedang berkuasa sekarang. Sejurus selepas pembebasan penulis, tiga pemimpin masyarakat yang lain ditahan; Haris Ibrahim, Tian Chua, dan Thamrin Ghafar. Tidak lama kemudian Hishammuddin Rais, dan Safwan Anang pula turut didakwa di bawah akta yang sama. Bentuk intimidasi dan penekanan sebegini akhirnya hanya menambah lebih banyak bukti bahawa bukan setakat pemerintah menipu dalam pilihan raya; sebaliknya mereka juga anti-demokrasi. Dan sifat anti-demokrasi ini sama sekali telah membenamkan fungsi dan relevan pilihan raya diadakan dalam negara ini. Khalas.

Berdepan dengan perkembangan sebegini, di mana rakyat atau golongan majoriti meletakkan diri mereka? Selain dari keputusan nekad pemimpin siswa dari Universiti Malaya, Safwan Anang yang berkeras untuk dipenjarakan; penangkapan 15 peserta “*flashmob*” di depan Sogo baru-baru ini, termasuk seorang anak kecil berumur 10 tahun, meletakkan gambaran jawapan kepada sikap rakyat berhadapan dengan intimidasi dan perkembangan semasa pergolakan politik negara. Golongan majoriti; yang rata-rata adalah penyokong atau simpatisan Pakatan Rakyat sedang memilih untuk berhadapan dan bersemuka dengan pemerintah. Intimidasi ke atas aktivis, pelajar, pemimpin politik, NGO, orang awam, dan lain-lain golongan tidak berjaya menakutkan masyarakat dari kelompok melawan ini. Hatta hukuman seperti penjara sekalipun tidak lagi menjadi ketakutan buat mereka. Apabila penjara sudah gagal untuk menakutkan golongan ini, kita ketahui bahawa lawan yang sedang dihadapi oleh pemerintah elit ini jauh lebih kuat dan sukar berbanding dengan musuh politik mereka ketika pilihan raya yang lalu. Maka dalam

keadaan begini, hegemoni yang sedang gawat kelihatan lemah, dan bakal membuat lebih banyak kesilapan lagi. Jika mengikut seni berperang, ini adalah peluang terbaik buat masyarakat melawan ini menyerang musuh mereka; iaitu kerajaan hari ini.

Mungkin juga masih ada yang gagal faham, apakah kepentingan dan hasil daripada semua aksi-aksi agresif ini. Apakah dengan berhimpun misalnya, mampu untuk menumbangkan kerajaan hari ini? Banyak analogi yang boleh digunakan untuk menerangkan apa yang sedang dan bakal berlaku, serta bagaimana ianya mampu untuk memberi kelebihan kepada masyarakat melawan dalam perlawanan ini. Analogi pertama; ianya sama seperti bahaya merokok. Tidak ada orang yang mati disebabkan merokok. Menyedut asap rokok tidak mampu membunuh sesiapa pun. Namun asap tersebut akhirnya menyebabkan serangan jantung, sakit paru-paru, atau kanser. Dan penyakit-penyakit inilah yang akhirnya membunuh perokok tersebut. Begitu juga ehwalnya dengan agenda turun ke jalan raya; sekurang-kurangnya di negara ini. Turun ke jalan raya bukan semata-mata protes, sebaliknya adalah proses yang dalam konteks di sini; membunuh kerajaan (sebut UMNO-BN). Hari ini turun ke jalan raya, esok kerajaan ini masih akan hidup; tinggal lagi hayatnya sudah pun diracun. Jika tidak turun, kekallah mereka di atas sana dalam keadaan selesa.

Pergolakan yang sedang berlaku dalam negara ini adalah kesempatan yang perlu direbut oleh masyarakat melawan untuk membunuh kerajaan; sekurang-kurangnya membunuh imej mereka. Reformasi di Indonesia pada 1998 tidak akan berjaya menumbangkan Suharto jika tiada imej demonstran yang berhimpun dan menawan bangunan Parlimen dan istana Presiden mereka. Imej-imej sebegini jugalah yang diperlukan kali ini untuk memastikan kejayaan himpunan akan datang ini. 22 Jun bukanlah tarikh yang cantik susunan dan atur letaknya. Lupakan tentang imej atau penjenamaan 22 Jun (2013) kelak. Imej yang perlu direbut dan dicipta oleh demonstran kelak bukan pada rekaan poster dan slogan-slogan menjelang himpunan tersebut. Satu-satunya imej yang diperlukan

adalah imej ratusan ribu manusia bergelar warganegara yang melawan; berhimpun di Padang Merbok, yang berlatar belakangkan bangunan Parlimen Malaysia. Jika imej tersebut gagal dicipta, satu lagi pilihan adalah imej limpahan manusia di Padang Merbok, yang akhirnya terpaksa meminjam ruang di Dataran Merdeka yang hanya beberapa ratus meter jauhnya dari tapak himpunan kelak.

Majoriti tidak boleh kalah kali ini. Perebutan untuk mengubah sistem dari lama ke baru perlu berjaya. Sukar sekali untuk kita membayangkan betapa banyak lagi perkara dan penindasan massa yang perlu dihirup seperti udara kotor jika sistem tajaan pemerintah hari ini masih dikekalkan. Pergolakan yang sedang berlaku ini adalah peluang terakhir untuk membuktikan bahawa demokrasi; yang semangatnya dibunuh dan dicurangi melalui proses pilihan raya palsu mampu direbut kembali oleh majoriti. Di saat sudut dunia lain sedang meraikan imej anak-anak mudanya yang turun ke jalanan merebut hak mereka yang dirampas; giliran kita untuk turut membuktikan kekuatan kita; majoriti yang melawan, tidak boleh lagi gagal.

**Bahagian IX**  
ANTARABANGSA



**Menyingkap Kembali Tabir  
Gerakan 4 Mei 1919**  
*Pahim Moncheh*

Ketamakan kuasa dan penyelewengan kuasa serta gejala rasuah yang membarah akhirnya pasti membawa kerosakan dan ranapnya sesebuah pemerintahan. Perkara ini terjadi bermula dengan kegagalan mekanisme check and balance, umpamanya peranan parti pembangkang atau badan berkanun (contohnya badan pencegah rasuah), badan bukan kerajaan (NGO), malah fungsi orang-perseorangan (misalnya *wistleblower*), sering diperlekehkan. Dalam kurun yang lepas, kita menyaksikan pelbagai gerakan di beberapa buah negara yang dicetuskan oleh kumpulan mahasiswa dan kemudian disokong oleh golongan rakyat/massa akhirnya berjaya mengubah nasib bangsa dan negara tersebut. Antaranya ialah Gerakan 4 Mei (*May Fourth Movement*) yang sentiasa diperingati oleh para sarjana dan intelektual China sehingga kini.

Gerakan 4 Mei 1919 di China adalah satu gerakan patriotik yang dimulakan oleh mahasiswa di Peking University. Gerakan tersebut yang berlaku lapan tahun selepas revolusi China pada tahun 1911 menandakan kecekan rakyat China untuk membersihkan saki-baki anasir yang menghalang hasrat rakyat untuk terlepas daripada belunggu semi-kolonial, sekaligus mengubah senario politik, sosial, budaya dan pemikiran bangsa China pada tahap awal kurun yang lalu. Gerakan yang membawa tujuan anti-imperialisme Jepun yang menakluki China serta anti-kuasa feodal yang cuba menegakkan semula pemerintahan monarki pada masa itu. Kedua-dua



semangat itu membawa kebangkitan kepada China dan ia masih diraikan oleh golongan cendekiawan sehingga kini.

Dalam mana-mana masyarakat, perubahan sosial tidak terkecuali daripada usaha dan sumbangan tokoh tertentu. Dalam Gerakan 4 Mei, tokoh tersebut tak lain tak bukan ialah Cai Yuanpei, Canselor Peking University sendiri pada ketika itu. Beliau seorang saintis dan pernah dilantik sebagai ketua jawatankuasa pelaksanaan pendidikan dalam kerajaan Nasionalist Party yang berpangkalan di Nanjing (Nanking). Sejurus beliau dilantik sebagai Canselor pada penghujung 1916, jelas Peking University mengalami perubahan yang sangat ketara; daripada sebuah institusi tinggi semata-mata untuk melahirkan pegawai tinggi dan birokrat kerajaan kepada gedung ilmu yang memupuk nilai-nilai demokrasi, nilai-nilai sains dan budaya baru yang progresif dalam ketamadunan China. Beliau telah mengutarakan tiga prinsip utama yang dilihat sebagai menyediakan suasana kondusif bagi cetusan budaya baru dalam Gerakan 4 Mei 1919.

Prinsip pertama, universiti adalah sebuah institusi akademik. Justeru ia tidak semata-mata memperkenalkan tamadun Barat yang dianggap lebih maju pada ketika itu. Malah ia juga bertindak sebagai gedung ilmu untuk mencipta tamadun dan budaya baru. Pada masa yang sama, ia bukan semata-mata institusi yang memelihara tradisi lama, sebaliknya hendaklah memanfaatkan kaedah saintifik untuk menyelongkar segala kebaikan dan keburukan tradisi lama.

Kedua, mahasiswa tidak harus menganggap universiti sebagai pengganti untuk sistem peperiksaan tradisi lama, mereka tidak harus mengabaikan ilmu-ilmu lain selain daripada apa yang dipelajari sendiri.

Ketiga, kebebasan berfikir dan suasana akademik universiti harus terjamin. Nyata sesekali di bawah penerajuan Cai Yuanpei, pelbagai mazhab pemikiran harus dihormati dan mendapat peluang untuk berkembang secara bebas dalam universiti tersebut, asalkan ia dibina dengan asas akademik yang kukuh.

Beliau juga telah mengambil akademia tersohor daripada pelbagai bidang sebagai tenaga pengajar tanpa memilih bulu dan mazhab, sekaligus mencerminkan sikap keterbukaan beliau. Sarjana falsafah terkenal seperti Feng Youlan @ Fung Yu-lan dan Hu Shi, Li Dazhao, Gu Hong Ming dan sebagainya dilantik sebagai pensyarah. Feng Youlan merupakan sarjana falsafah yang dikenali dalam dunia akademik China moden. Buku beliau turut diterjemahkan kepada pelbagai bahasa dunia, termasuk Bahasa Melayu. Hu Shi pula tokoh liberalisme yang terkenal, manakala Li Dazhao pula tokoh aliran kiri yang mencetuskan gerakan protes di kalangan mahasiswa universiti tersebut. Gu Hong Ming merupakan anak kelahiran sebuah keluarga baba di Pulau Pinang dan dibawa ke England pada usia remaja oleh seorang pastor Inggeris untuk belajar bahasa dan sastera Barat. Beliau adalah golongan ortodoks dalam yang menyokong pemerintahan dinasti lama dan adalah sarjana bahasa Inggeris di universiti tersebut yang kuat memelihara khazanah ilmu tradisional China sehingga beliau sendiri bertegas menyimpan togang sekali pun menghadapi sindiran dan kritikan pada zaman peralihan tersebut. Pemikir kritis, reformis sosial dan sasterawan besar Lu Xun @ Lu Hsun yang berkhidmat dengan Pejabat Pendidikan di Peking (kini dikenali sebagai Beijing) ketika itu turut diundang mengajar secara sambilan di universiti tersebut. (Allahyarham A. Samad Ismail telah menterjemah karya Lu Xun *Riwayat Hidup Ah Q* pada tahun 1955 dan kemudian diterbitkan pada 1960 oleh Penerbitan Geliga). Secara ringkasnya, pentadbiran universiti digerakkan oleh para profesor, bukannya birokrat dan pegawai kerajaan. Mahasiswa juga diizinkan terlibat dalam aktiviti politik atas kapasiti individu. Pada dasarnya, beliau berpandangan bahawa tanggungjawab utama mahasiswa seharusnya tertumpu pada pengajian. Parti politik sewajarnya tiada sebarang hubungan dengan institusi pendidikan tinggi.

Namun, beliau mengizinkan mahasiswa yang berumur dua puluh tahun dan ke atas mengikuti aktiviti politik di atas kemahuan dan pilihan sendiri. Sepanjang kerjayanya, beliau amat berjasa dan dikenangi kerana usahanya dalam rombakan sistem pendidikan tinggi dan keilmiahan universiti di China.

Pelbagai majalah yang mencanang idea-idea reformis dibenarkan secara bebas pada masa tersebut. Terbitan tertentu turut melibatkan pensyarah seperti Chen Duxiu, Li Dazhao, Hu Shi, Lun Xun dan sebagainya. Antara majalah yang terkenal pada ketika itu ialah *The New Youth* yang mula diterbitkan pada tahun 1915. Chen Duxiu menyiarkan makalah bertajuk “Perbincangan tentang Sastera Revolusi” dalam majalah tersebut.

Jelas sekali bahawa beliau memberikan tanggungjawab yang lebih besar kepada sastera berbanding dengan pandangan Hu Shi yang menganjurkan penggunaan laras bahasa Mandarin yang lebih mudah (*Bai hua*) berbanding dengan laras bahasa klasik (*Wen yan wen*) yang digunakan sejak beribu tahun.

Majalah inilah menyemai bibit-bibit gerakan budaya baru (*New Culture Movement*) bagi melawan feudalisme secara tuntas dan menyingkap tirai pembebasan pemikiran. Ringkasnya, majalah ini bukan sahaja bertindak sebagai wadah untuk reformasi dan revolusi politik, namun ia juga berperanan sebagai wadah pewujudan budaya baru yang cukup signifikan. Dalam menggerakkan perubahan politik, rencana yang ditulis Li Dazhao berjudul “Kemenangan yang dicatatkan golongan terpinggir” dan “Kemenangan Bolshevisme” disiarkan dalam majalah tersebut. Situasi ini telah menjadikan Peking University sebuah tapak bagi menyemai benih reformasi dan idea-idea progresif yang menentukan perubahan yang lebih besar pada detik-detik kemudiannya.

Gerakan 4 Mei yang amat bergelora itu rata-rata dilihat sebagai revolusi demokrasi yang tercetus dari kalangan kapitalis China, terutamanya kapitalis kecil (*petty capitalist*) dan golongan intelektual. Ternyata, gelora tersebut semakin mengocak dengan tenaga dari golongan kiri yang mencanangkan falsafah demokrasi aliran baru. Berdasarkan pandangan golongan ini, ciri paling menonjol pada tahap demokrasi aliran baru ialah semangat tuntas tidak berkompromi yang menunjangi perjuangan gerakan tersebut dalam memperjuangkan tujuan anti-imperialisme dan anti-feudalisme. Walaupun revolusi 1911 yang dipimpin oleh Dr. Sun Yat-sen berjaya

menumpaskan pemerintahan feodal dinasti Qing dan seterusnya membuka lembaran baru dalam politik dan kenegaraan di China, namun Gerakan 4 Mei yang ditunjangi oleh golongan kapitalis tidak mampu membendung kebobrokan yang mendarah daging dalam tata pentadbiran yang masih kuat dengan amalan birokratiknya. Yuan Shikai yang mengambillalih tampuk pemerintahan daripada golongan revolusionis bercita-cita mengangkat diri sebagai raja yang baru. Gejala ini dilihat sebagai kelemahan pada semangat revolusi 1911 itu sendiri.

Pada tahap awal gerakan, golongan pelajar khususnya mahasiswa Peking University menjadi tunjang dalam barisan perjuangan. Menjelang 4 Jun, puluhan ribu tenaga pekerja di Shanghai turut menyahut bantahan golongan mahasiswa dengan melancarkan mogok kerja. Sepantasnya semangat ini merebak kepada lebih dua puluh provinsi yang lain, merangkumi lebih seratus buah bandar di seluruh China.

Pada bahagian awal rencana ini, dikatakan Gerakan 4 Mei membayangkan semangat patriotik ekoran sebab-sebab jangka pendek yang membawa kepada tercetusnya gerakan mahasiswa dan seterusnya merebak kepada golongan massa yang lebih luas, terutama golongan pekerja. Sebab tersebut tak lain tak bukan ialah Persoalan Wilayah Shantung yang termeterai dalam Perjanjian Paris selepas tamatnya Perang Dunia Pertama. Pada awal tahun 1915, konsulat Jepun di China secara paksa menekan Presiden Republik China Yuan Shikai menerima Perjanjian 21. Syarat-syarat perjanjian mencerminkan niat Jepun untuk menguasai wilayah Manchuria, Inner Mongolia, Shantung, barat daya China di sepanjang pesisiran pantai dan daerah di sepanjang Sungai Yang Tze.

Negara China juga diwajibkan melantik penasihat Jepun yang mempunyai kuasa penentu ke atas persoalan politik, ekonomi dan ketenteraan.

Pada 9 Mei tahun tersebut, China terpaksa akur kepada permintaan Jepun dan perjanjian China-Jepun termeterai pada 25 Mei.

Kain rentang yang berbunyi “Jangan Lupa Terhadap Aib Negara” (*Mo wang guo chi*) digantung di serata pelosok China sebagai peringatan terhadap penghinaan yang ditanggung akibat imperialisme Jepun serta pemerintahan yang lemah. Pada masa yang sama, gerakan memboikot barangan buatan Jepun dilancarkan di kebanyakan bandar di China, sekaligus membawa padah kepada kuasa ekonomi Jepun keseluruhannya. Rata-rata pemerhati Barat menyedari pengaruh penting Perjanjian 21 terhadap perkembangan semangat nasionalisme China. Rakyat China percaya hanyalah dasar nasionalisme yang keras dapat menyelamatkan China dari imperialisme Jepun. Di samping memboikot barangan buatan Jepun, rakyat China sendiri turut mengumpul dana bagi membangunkan industri dalam negara. Tindakan ini sekaligus memperkukuhkan kuasa saingan China dari segi ekonomi dan perdagangan.

Kuasa imperialis Jepun secara tak langsung memaksa pelbagai parti politik yang tidak sehaluan dengan Yuan Shikai bersatu di bawah kekuasaan Yuan secara terdesak. Ini telah menghidupkan cita-cita Yuan untuk menaiki tahta sebagai Maharaja. Lantaran mulalah beliau berusaha menghidupkan semula sistem pemerintahan beraja yang sudah sekian lama ditinggalkan oleh rakyat China. Namun, tindakan Yuan telah menginsafkan rakyat jelata bahawa China hanya dapat terselamat dengan terhapusnya *warlord* dan pengkhianat negara. Kesedaran tersebut semakin bergelora sehingga lahir slogan yang kedua sepanjang Gerakan 4 Mei, iaitu “Menghapuskan Pengkhianat Dalam Negara” (*Nei chu guo zei*).

Adalah jelas bahawa kedua-dua slogan anti-imperialisme dan anti-kuasa feodal adalah tercetus dari Perjanjian 21 antara China dan Jepun. Namun, semangat nasionalisme menunjangi gerakan di peringkat awal. Manakala semangat anti-kuasa feodal hanya dapat berkembang dengan baik beberapa tahun kemudian. Gerakan yang dicituskan kumpulan mahasiswa dan dipandu oleh golongan sarjana dan intelektual, kemudian diganding pula dengan gerakan golongan pekerja. Gerakan yang bermula dengan perjuangan anti-imperialisme dan anti-feudalisme akhirnya berjaya mencetuskan budaya baru yang mencakupi nilai-nilai baru dan cara pemikiran

yang progresif. Inilah antara dua fokus utama tatkala kita menyingkap kembali peristiwa tersebut pada masa kini.

**Periyar dan Gerakan Harga Diri di  
Tamil Nadu**  
*Yuvarajan Subramaniam*

Pada awal kurun ke-19, Negara India mula bangkit menuntut kemerdekaan selepas hampir 300 tahun di bawah jajahan British. Parti Kongres di bawah naungan Mahatma Gandhi telah melancarkan pelbagai usaha bagi menyatupadukan rakyat yang sekian lama berpecah yang berpunca daripada agama, bangsa, kasta, bahasa dan sebagainya. Selain usaha menuntut kemerdekaan, banyak usaha dijalankan bagi menuntut hak yang sama dari segi sosial. Contohnya, di India Utara, usaha B.S.Ambedkar untuk menuntut hak yang sama untuk golongan yang dikenali sebagai 'tidak disentuh' (*untouchable*). Beliau graduan pertama daripada kasta bukan Brahmin yang meneruskan pendidikan beliau di London sehingga dilantik menjadi Pengurus Jawatankuasa Penggubal Undang-undang India Pertama. Gerakan yang paling mendapat sambutan dan kritikan pada masa yang sama di Selatan India pula dikenali sebagai Gerakan Harga Diri (*Self Respect Movement*).

Gerakan Harga Diri telah ditubuhkan oleh tokoh bernama E.V.Ramasamy atau lebih dikenali sebagai periyar (orang besar). Beliau salah seorang tokoh parti Kongres yang bertungkus-lumus dalam menuntut kemerdekaan. Tetapi, kebanyakan ahli politik yang menguasai Parti Kongres pada masa itu terdiri daripada golongan Brahmin daripada kasta tertinggi. Disebabkan itu, golongan bukan Brahmin merasakan penyisihan politik yang dijalankan tidak adil justeru menuntut hak mereka di dalam parti. Pada tahun 1925,

Periyar telah mengemukakan usul untuk mendapat hak yang sama untuk golongan bukan Brahmin dalam parti. Usul ini telah ditolak atas alasan akan memecahbelahkan Parti. Periyar telah meninggalkan parti atas kekecewaan tersebut atas menubuhkan Gerakan Harga Diri. Sehingga beliaulah mati, Periyar tidak pernah menoleh balik ke kancah politik dan hanya menumpukan sepenuhnya perhatiannya kepada hak bukan Brahmin.

### **Lahir Dalam Keberadaan**

Periyar lahir pada 17 September 1879 di Erode, Madras dalam sebuah keluarga yang berada. Semenjak kecil lagi, beliau sering bertelagah dengan ayahnya tentang layanan buruk terhadap pekerja berkasta rendah. Pada 1904, lawatannya ke Varanasi di utara India untuk melaksanakan upacara sembahyang telah melakarkan parut yang mendalam dalam hati beliau. Makanan dikuil itu hanya diberikan kepada golongan Brahmin dan Periyar dinafikan sesuap nasi atas dasar perbezaan kasta.

Periyar telah menyertai Parti Kongres pada 1919 dan bergiat aktif di dalam menyemerakkan semangat kemerdekaan. Walaupun mempunyai hubungan yang baik dengan tokoh politik di dalam Parti, beliau sedar tanpa wakil bukan Brahmin dalam Parti, usaha untuk mencapai hak yang sama dari segi sosial tidak akan tercapai sampai bila-bila. Dengan penolakan usulnya pada 1925, Periyar mengambil pendirian yang lebih tegas dan menoleh fokusnya kepada hak sosial masyarakat bukan Brahmin.

Antara perkara-perkara yang diperjuangkan oleh Gerakan Harga diri adalah seperti berikut :

- Lelaki dan wanita hidup dengan saksama.
- Perkahwinan antara kasta berbeza dialu-alukan. Wanita yang berstatus janda digalakkan untuk berkahwin semula.
- Perkahwinan secara harga diri dipraktikkan. Perkahwinan dengan cara Brahmin dan adat ditolak.
- Suami dan isteri digalakkan untuk mempunyai bilangan



anak mengikut kemampuan gaji.

- Pemansuhan sistem Devatasi (Wanita-wanita yang menyerahkan keseluruhan hidupnya untuk upacara seni dan sembahyang di kuil.)
- Menuntut sistem kuota supaya semua kasta mendapat hak yang sama dalam pengambilan pekerjaan dan bantuan pendidikan oleh kerajaan.
- Pemansuhan perkahwinan kanak-kanak.

Perjuangan Periyar telah mendapat tentangan hebat daripada golongan ortodoks dan Brahmin. Dengan sifatnya yang sentiasa vokal dan terbuka, beliau berjaya menangani tentangan ini dan pada masa yang sama mengumpul ramai penyokong dalam perjuangan beliau. Bagi menyebarkan ideanya, Periyar telah memulakan Akhbar Harian 'Kudiyarasu' dalam Bahasa Tamil. Beliau juga menerbitkan Akhbar Harian 'Revolt' bagi pembaca berbahasa Inggeris. Akhbar-akhbar ini banyak memaparkan rencana-rencana mengenai harga diri, penolakan upacara keagamaan, menggalakkan perkahwinan tanpa upacara keagamaan dan pemikiran rasional.

Pada 1930-an, Periyar telah mula melawat negara-negara lain di dunia di dalam usahanya untuk memperkasa dan merealisasikan lagi ideanya. Beliau memulakan lawatan dunia beliau pada Disember 1929 ke Malaya. Beliau dengan meriah disambut oleh lebih 50,000 warga Malaya berbangsa India di Pulau Pinang. Beliau berada di Malaysia selama sebulan dan telah melawat kebanyakan negeri di Malaya sepanjang lawatannya itu. Di dalam siri lawatan tersebut, beliau sering menekankan falsafah harga diri. Beliau juga mengambil bahagian dalam Seminar Tamil yang telah dianjurkan oleh Reformasi Tamil Sangam di Ipoh. Selepas Seminar tersebut, beliau terus ke Singapura. Antara tokoh yang menjadi penyokong kuat dalam lawatan Periyar ke Malaysia adalah Ko Sarangapani yang menjadi penerbit Tamil Murasu dari Singapura. Ko Sarangapani juga tokoh yang memperjuangkan Bahasa Tamil di Malaysia dan pejuang yang memastikan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar Pusat Pengajian India di Universiti Malaya. Sambutan

baik yang diterima oleh Periyar di Malaya membuktikan Gerakan Harga Diri mula diterima masyarakat india daripada lapisan akar umbi .

Pada tahun 1937, Ketua Menteri Tamil Nadu pada waktu itu, Chakravarthi Rajagopalachari atau lebih dikenali sebagai Rajaji, telah memperkenalkan Bahasa Hindi sebagai bahasa rasmi untuk dipelajari di sekolah. Periyar telah menentang pengenalan ini dan mengadakan pelbagai demonstrasi. Beliau khuatir dengan pelaksanaan ini, bahasa Hindi akan meniadakan kewujudan Bahasa Tamil di tanahairnya sendiri. Keputusan dalam menjadikan Bahasa Hindi sebagai bahasa rasmi telah mewujudkan keadaan di mana orang Tamil terpaksa hidup di bawah naungan orang Hindi dari Utara India. Periyar telah memulakan demonstrasi dengan slogan ‘Tamil Nadu hanya untuk orang Tamil’ sebagai tentangan terhadap pengenalan tersebut. Tanpa mengira parti, semua parti politik di Tamil Nadu telah mengambil bahagian dalam demonstrasi tersebut. Pada tahun 1939, beliau telah dipenjarakan kerana penentangan terhadap Bahasa Hindi.

Selepas tahun 1944, Periyar telah meneruskan usahanya dengan menubuhkan Dravidar Kazhagam (Persatuan Dravidar). Beliau meyeru supaya penduduk asal selatan India Dravidar (merangkumi masyarakat Tamil, Telugu, Malayalam dan Kannada) perlu bersatu di dalam menuntut hak mereka di tanahair mereka sendiri dan tidak bergantung kepada masyarakat pendatang seperti Aryan dan Brahmin.

Periyar bijak berucap dengan menggunakan bahasa yang mudah namun berkesan. Ucapan beliau senang difahami oleh masyarakat biasa. Dengan ini, Gerakan Harga Diri yang dahulunya mendapat sambutan baik di bandar mula menular ke kawasan pedalaman. Hari ini Dravidar Kazhagam masih aktif bergiat walau pun tidak seaktif dan relevan sewaktu era Periyar.

Kenapakah keadaan ini berlaku? Periyar bukan sahaja seorang reformis, malah beliau adalah seorang yang jujur dalam

kehidupan sendiri, seorang mengamalkan kehidupan yang sederhana, seorang yang menyimpan akaun untuk setiap sen yang dikutip daripada orang ramai, malah tidak pernah memimpikan jawatan meteri besar semasa perjuangannya. Bukankah semua ini adalah intipati nilai harga diri? Periyar bukan sahaja berjuang untuk harga diri bagi masyarakat yang ditindas, malah beliau sendiri hidup dengan penuh harga diri. Ini yang menyebabkan setiap perjuangan beliau disambut dengan baik dan difahami oleh orang ramai. Bagi menjawab persoalan kenapa usaha oleh pengikut Periyar sekarang tidak seaktif dan relevan berbanding waktu Periyar? Tepuk dada, tanyalah selera.

**Konflik Gaza: Operation Wrath Of  
God Berulang**  
*Rizal Syeikhryz*

*“And we’ll breakdown the prison walls, together we will tear down the prison walls on that day” (Roger Waters:2010)*

Roger Waters, lagenda Rock British dari kumpulan muzik Pink Floyd, pada tahun 2010 telah menyumbangkan usaha beliau melalui bidang muzik, untuk menyebarkan maklumat dan kesedaran tentang isu kemanusiaan yang berlaku di Palestin melalui gubahan semula lagu ‘We Shall Overcome’. Lebih daripada itu, beliau juga melaungkan slogan ‘Tear Down the Wall’ agar penduduk Palestin diberikan hak untuk menentukan nasib mereka sendiri (Rights for Self Determination). Kesudian beliau untuk menyertai ‘World Social Forum Free Palestine’ di Porto Alegre pada bulan November 2012 benar-benar memberikan inspirasi kepada perjuangan membebaskan Palestin daripada cengkaman rejim Zionis Israel.

Baru-baru ini, serangan udara Israel Defense Force (IDF) yang membunuh Ahmad Jabari, Komander Bridged Al-Qassam telah menyebabkan meletusnya konflik skala sederhana di Gaza dan Israel Selatan pada 14-21 November 2012. Taktik serangan sebegini, yang menimbulkan pertempuran bersenjata bukanlah suatu yang baru dalam konflik Palestin-Israel. Sementelahan, ia telah digunakan 40 tahun dahulu melalui ‘Operation Wrath of God’ bagi membunuh pemimpin Palestine Liberation Organisation (PLO) dan anggota militan Black September pada tahun 1972.

Secara mudahnya, mengikut sifir operasi ketenteraan Israel, dengan membunuh seorang atau sekumpulan pemimpin pembebasan, maka ia akan melumpuhkan keseluruhan gerakan pembebasan. Namun, ternyata dalam kes perjuangan pembebasan Palestin, ia hanya menyebabkan rantaian penentangan itu semakin merebak sehingga merugikan Israel sendiri (dalam kes ini Israel kerugian hampir ratusan juta Shakels) sehingga terpaksa bersetuju untuk gencatan senjata.

### **Respon Hambar Rejim Antarabangsa**

Jenaka dalam politik antarabangsa menyatakan bahawa, ‘Israel merupakan negeri Amerika Syarikat yang ke-51’. Ini sudah semestinya benar, kerana Amerika Syarikat akan memberikan lampu hijau kepada setiap serangan atas alasan ‘Israel mempunyai hak untuk mempertahankan diri’. Kunjungan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Hillary Clinton ke Jerusalem untuk membincangkan ‘pelan perdamaian’ dengan Netanyahu hanyalah bertujuan untuk menunjukkan betapa Amerika Syarikat mahu dilihat sebagai sebuah negara yang prihatin tentang isu kemanusiaan. Namun, seperti biasa, beliau menolak untuk menemui pemimpin Palestin (sudah semestinya HAMAS di Gaza) atas alasan ia hanyalah sebuah kumpulan pengganas dan bukan kerajaan.

Istilah kumpulan pengganas sebegini bukan hanya diterima pakai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), malahan juga Kesatuan Eropah (EU) dan banyak negara-negara ‘Muslim’ yang lain seperti juga Malaysia dan Arab Saudi. Apa yang boleh dilakukan oleh rejim antarabangsa sebegini (juga Liga Arab & OIC) hanyalah menyampaikan ‘kutukan keras’ yang kononnya selaras dengan praktik diplomasi antarabangsa tanpa melaksanakan tindakan sewajarnya bagi menghentikan serangan. Perlu kita sedari, kerajaan Malaysia sendiri yang kononnya begitu prihatin dengan nasib rakyat Palestin menolak untuk mengiktiraf HAMAS sebagai sebuah kerajaan yang sah, bahkan memilih untuk mengiktiraf FATAH yang jelas ditolak oleh rakyat Palestin sendiri (walaupun pemimpin ‘*old guard*’ UMNO seperti Dr Mahathir sendiri menjerit-jerit agar rejim

Zionist dihadapkan ke muka pengadilan). Sikap hipokrasi negara-negara muslim sebeginilah yang melemahkan perjuangan pembebasan Palestin.

Keengganan serta sikap *'play safe'* negara-negara muslim dalam menyatakan sokongan kepada HAMAS sebagai barisan hadapan perjuangan pembebasan Palestin dapat kita fahami melalui perspektif aliran Neo-Marxist. Kebergantungan negara-negara muslim sebagai contoh Arab Saudi kepada ekonomi kapitalis global merencatkan sikap proaktif mereka dalam memperjuangkan sesuatu isu. Kebergantungan ini bukan hanya daripada sudut ekonomi bahkan turut meliputi isu politik iaitu mahukan sokongan Amerika Syarikat khasnya sentiasa menyebelahi mereka dalam usaha mempertahankan rejim masing-masing daripada dihambat arus 'Arab Spring'. Secara mudahnya, legitimasi mereka di mata rakyat sudah merudum, maka sokongan 'mesin hayat' oleh negara seperti Amerika Syarikat begitu diperlukan untuk memastikan kelangsungan rejim masing-masing. Oleh yang demikian, bermain secara selamat di pentas politik antarabangsa begitu diperlukan bagi mengelakkan sekutu tersinggung, walaupun terpaksa menjual bangsa dan agama sendiri.

### ***Two State Solution & Puaka Perjanjian Oslo 1993***

*Factionalism* dalam kalangan gerakan pembebasan Palestin sememangnya melemahkan matlamat perjuangan. Sejak pengisytiharan Balfour 1948 yang mengiktiraf ketuanan Zionist di Palestin, gerakan pembebasan sentiasa berpecah belah dan tidak mampu bersatu. Bukan tiada usaha untuk menyatukan mereka, contohnya penubuhan PLO yang ditubuhkan pada tahun 1964. Organisasi ini merangkumi keahlian 10 buah gerakan pembebasan seperti FATAH, Popular Front For Liberation of Palestine (PFLP), Democratic Front for the Liberation of Palestine (DFLP) dan beberapa yang lain. Namun, faksi yang dominan dalam PLO hanyalah FATAH. HAMAS tidak menganggotai PLO. Berikutan itu, berlaku pertindihan kuasa dalam perjuangan Palestin. Perlu kita ketahui bahawa hanya PLO yang diktiraf oleh PBB sebagai suara rasmi Palestin

dalam politik antarabangsa. Berdasarkan hal ini, tidak pelik bilamana FATAH yang dominan dalam PLO berusaha sedaya upaya untuk memencilkan HAMAS biarpun mereka menguasai Palestine Legislative Council (PLC) pasca Pilihanraya Palestin 2006. Kemuncak konflik '*factionalism*' ini, Palestin terbahagi kepada dua pentadbiran iaitu HAMAS di Gaza dan FATAH di Tebing Barat.

Dilema *factionalism* dalam gerakan pembebasan Palestin ini sebenarnya terjadi selepas Perjanjian Oslo 1993. Mungkin ia sudah berlaku lama dahulu, namun ia semakin meruncing selepas proses perjanjian ini berjaya ditandatangani. Tidak ramai yang sedar bahawa kesan perjanjian ini, Palestine National Authority (PA) bergantung dana kepada belas ehsan Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah. Berdasarkan hal ini, tidak hairan hukuman diberikan kepada rakyat Palestin yang memilih HAMAS berbanding organisasi yang lebih 'mesra' kepada barat seperti FATAH dalam bentuk penarikan dana pembangunan Palestin. Secara mudahnya, perjanjian Oslo 1993 merupakan penyerahan kedaulatan Palestin kepada Israel melalui dokumen diplomatik dan sempadan geografi Palestin hanyalah bersifat bayangan! Dalam hal Perjanjian Oslo 1993 ini, perlu kita ketahui bahawa ia ditandatangani oleh almarhum Yasser Arafat kerana kesilapan percaturan politik beliau dan FATAH ketika era perang Teluk. PLO memilih untuk memberikan sokongan kepada Saddam Hussein ketika perang tersebut meletus. Lantaran mahu mengelakkan PLO tidak kehilangan sokongan antarabangsa yang merosot akibat keputusan beliau, maka beliau terpaksa menandatangani perjanjian berpuaka ini. Dari detik itu, *factionalism* dalam gerakan semakin meruncing dan melemahkan matlamat pembebasan Palestin.

Satu hal yang menarik dalam membincangkan soal konflik Palestin ini ialah mengenai jalan penyelesaiannya. Ramai pemimpin politik khususnya dari negara muslim yang memilih untuk menyebelahi idea '*two states solution*' sebagai jalan penyelesaian konflik Palestin. Sebagai contoh, pemimpin pembangkang Malaysia, Anwar Ibrahim dalam temubualnya dengan The Wall Street Journal mengatakan bahawa beliau menyokong idea '*two states*

*solution*' bagi menyelesaikan konflik di Palestin. Sememangnya ia selaras dengan polisi PBB dan juga diratifikasi oleh kerajaan Malaysia. Bahkan, HAMAS juga dilihat agak memihak kepada ide ini dengan penambahan syarat Jerusalem sebagai ibu negara. Namun, penulis tidak bersetuju dengan idea '*two states solution*' ini berdasarkan rekod negara-negara yang mempunyai pengalaman dalam 'proses pemisahan' kawasan. Pada hemat penulis, ide ini hanyalah mampu menyelesaikan konflik pada jangka masa pendek. Lihat sahaja konflik India-Pakistan yang masih berpanjangan, walaupun proses pemisahan kawasan (*partition*) bagi membuka ruang kepada pembentukan negara bangsa-modern di benua Asia Selatan tersebut. Sehingga kini, kes tuntutan sempadan di antara kedua-dua negara masih berlanjutan.

Pengalaman negara seperti Ireland Utara dan Republik Ireland juga harus kita pelajari. Pembahagian wilayah sebegini hanyalah melahirkan kumpulan militan yang lebih radikal seperti Irish Republican Army-Provisional (IRA-Provisional) dan isu tersebut masih tidak selesai sehingga hari ini. Begitu juga dengan konflik di antara Korea Selatan dan Korea Utara. Konflik berlanjutan kerana kita membenarkan pemikiran kita diracuni oleh taktik 'pecah dan perintah' yang diwarisi pihak kolonial sejak dahulu. Dalam kes Palestin, mengapakah perlu ia dibahagikan kepada dua buah negara berbeza berdasarkan garis agama? Sedangkan, sejarah membuktikan bahawa kedua pihak (Yahudi dan Islam) pernah tinggal bersama dalam keadaan aman harmoni selama beratus-ratus tahun dahulu. Penulis berpendapat, berikutan ideologi ekstrem Zionisme dan Nasionalisme Arab (yang hanya muncul pasca perang dunia pertama), maka usaha untuk mewujudkan sebuah negara yang bersama antara semua agama samawi ini gagal direalisasikan.

Tanpa kita sedari, sebenarnya konflik di Palestin ini bukanlah sekadar permusuhan agama, kerana ia hanyalah alasan yang diadakan untuk menciptakan kekalutan. Bahkan, konflik ini sebenarnya adalah salah satu pergelutan kelas (*class struggle*) dalam peringkat antarabangsa. Pergelutan di antara kelas tertindas dan penindas. Kelas penindas diwakili oleh pemodal antarabangsa seperti



Amerika Syarikat dan rejim antarabangsa (World Bank, WTO, IMF dan sebagainya). Manakala, yang tertindas adalah rakyat kedua-dua Negara yang menjadi mangsa uji kaji sistem kapitalisme global.

Hipotesisnya mudah, pasaran akan terus berkembang berikutan permintaan ke atas barangan dan perkhidmatan akibat kemusnahan peperangan. Seolah-olah peperangan itu merupakan tangan ghaib (*invisible hand*) yang menguruskan pasaran. Atas nama Tuhan, maka dilagakan kedua-dua agama sehingga meletuskan konflik berdarah. Akibatnya, keharmonian yang pernah dinikmati oleh ne-nek moyang mereka suatu masa lampau, dipalitkan dengan darah sesama sendiri kesan sentimen membabi buta tanpa melihat sesuatu isu dengan lebih terperinci dan luas. Jika hal *intrinsic* sebegini tidak dapat kita serap dan sedar, maka sehingga itulah konflik bersenjata di Palestin akan terus berlanjutan tanpa ada penyelesaian yang hakiki.

...*“Politicians hide themselves away, they only started the war, why should they go out to fight? They leave that role to the poor (The Black Sabbath:1970)*

**Mesir Pasca Revolusi: Terbelit Dalam  
Industri Ketenteraan Yang Rumit**  
*Rizal Syeikhryz*

*The Military-Intelligence, two words combined that can't make sense (Megadeth:1990)*

Revolusi yang melanda rantau Timur Tengah memberikan kejutan kepada seluruh dunia. Bermula di Tunisia pada penghujung tahun 2010, kemudiannya merebak ke Libya dan Mesir. Bahang revolusi turut melanda negara kapitalis Arab seperti Kuwait dan Arab Saudi, namun pemerintah di kedua-dua negara tersebut berjaya 'meredamkan' tuntutan rakyat dengan beberapa janji perubahan yang sehingga kini tidak terlaksana.

Mengapa 'renjatan' revolusi tidak berlaku dengan gencar di negara-negara kapitalis Arab yang lain misalnya Arab Saudi, United Arab Emirates (UAE) dan Kuwait? Penulis berpendapat di sinilah terlihatnya peranan Central Intelligence Agency (CIA) dalam memetakan geo-politik di rantau Timur Tengah.

Umum mengetahui bahawa negara-negara tersebut merupakan 'negara satelit' kepada Amerika Syarikat yang paling taat sekali. Namun, persoalan sekali lagi timbul mengapakah pemerintah Mesir dan Tunisia yang turut setia, namun turut tenggelam dalam arus revolusi 'Arab Spring'? Jawapannya ialah, berlaku proses pemetaan baru oleh CIA seiring dengan perubahan kepentingan rejim (*regime's interest*) di Amerika Syarikat. Proses pemetaan

yang memerlukan elit politik 'klasik' digantikan dengan elit politik 'baru'. Namun, perubahan ini turut mengheret sama perubahan sistem politik dalam setiap negara di rantau bergolak tersebut.

Dinasti as-Saud di Arab Saudi dan dinasti as-Sabah di Kuwait mungkin sukar untuk digantikan dengan sebuah dinasti yang baru. Jika berlaku perubahan dinasti, bermakna Amerika Syarikat akan kehilangan boneka ciptaan mereka yang paling taat dalam sejarah Arab moden. Jikalau perubahan dilakukan sekalipun, ia harus dilakukan dalam bentuk menukar aktor politik. Sebagai contoh, Raja Faisal yang memerintah Arab Saudi pada tahun 1964-1975 sememangnya pro-kapitalisme, namun polisi luar beliau yang pro-Palestin dan Pan-Islamisme menyukarkan percaturan Amerika Syarikat di rantau tersebut. Berikutan itu beliau telah 'dihapuskan' daripada pentas politik bagi memberi laluan kepada aktor politik yang lebih setia dan taat.

Kesimpulannya, sistem monarki menyelamatkan negara-negara ini daripada percaturan semula politik oleh Amerika Syarikat di Timur Tengah. Justeru, hanya negara bercorak republik sahaja yang terkena bahang '*arab spring*'. Di antara negara yang menjadi tumpuan utama impak revolusi ini ialah Mesir. Negara yang mempunyai latar belakang sejarah yang progresif, namun akhirnya berjaya dineutralkan oleh pihak imperialis ketika pertengahan era perang dingin. Persoalan utama ialah, mengapakah Mesir kembali kepada trend 'rejim fasis' walaupun teretusnya revolusi rakyat pada tahun 2011?

### **Tentera Mesir dan Institutionalisme Sejarah**

Berbanding dengan Tunisia dan Libya, Mesir merupakan negara yang begitu penting di rantau Timur Tengah. Mesir pasca Revolusi 1952 merupakan sebuah negara yang mempunyai kekuatan ketenteraan yang terbesar sekali di rantau Timur Tengah. Kerana kekuatan ketenteraan yang dimiliki Mesir, mereka berani mencabar kepentingan kuasa imperialis di rantau tersebut, sekaligus mengancam Israel. Hal ini dapat dilihat daripada tindakan

Kolonel Gamal Abdel Nasser memiliknegerakan (*nationalize*) Terusan Suez pada tahun 1956. Ia seolah-olah memberikan tamparan padu ke muka kuasa imperialis!

Melihat kepada isu kudeta tentera di Mesir pasca revolusi 2011, ramai penganalisis gagal memahami mengapakah pihak tentera mengambil tindakan menjatuhkan pentadbiran Presiden Morsi. Terbukti, ramai memilih mengatakan pihak tentera mencalarakan sistem demokrasi, namun sedikit yang memahami mengapakah pihak tentera melakukan hal sedemikian. Perlu kita fahami dengan jelas bahawa Presiden Morsi merupakan Presiden Mesir yang pertama daripada kalangan rakyat awam (*civilians*). Kesemua pemerintah Mesir pasca revolusi 1952 mempunyai latar belakang ketenteraan. Perkara ini bermaksud, tentera di Mesir sudah diinstitusikan (*institutionalized*). Mereka bukan lagi bertindak sebagai benteng pertahanan negara, namun merupakan ‘tangan ghaib’ politik negara tersebut.

Jika kita mengambil kira negara-negara lain seperti Indonesia dan Thailand misalnya, akan terlihat bagaimana pihak tentera itu sudah mengalami proses ‘institusionalisme sejarah’ iaitu menjadi salah satu daripada ‘rukun’ dalam politik negara. Tentera Mesir ketika era Kolonel Gamal Abdel Nasser dan Presiden Anwar Sadat hanyalah sekadar terlibat dalam urusan pemerintahan seperti menjadi menteri dan pentadbir sahaja. Namun, hanya ketika era Presiden Hosni Mubarak, berikutan situasi global ketika era tersebut yang menyebabkan Mesir menjadi ‘kekasih Barat’ (*Western Darling*), barulah tentera Mesir berubah menjadi sebuah industri yang rumit.

Namun hal yang menarik perhatian ialah, tentera di Mesir bukan sahaja diinstitusikan dalam sejarah (yang menyebabkan mereka perasan sebagai pelindung dan pemimpin negara), bahkan tentera di Mesir telah melangkaui tugas hakiki mereka. Proses kepesatan industri di Mesir era Hosni Mubarak menyebabkan pihak tentera menjadi pemacu industri-ekonomi negara. Jangan salah sangka, ia bukan hanya melibatkan Military Industrial Complex (MIC), namun pihak tentera turut mengambil peranan sebagai kontraktor,

pengusaha hotel, pembekal makanan dan sebagainya. Peranan yang sama seperti tentera di Thailand!

Hosni Mubarak ternyata belajar daripada sejarah. Tentera yang tidak puas hati akan mencetuskan pemberontakan. Hal ini dibuktikan dalam Revolusi 1952 yang dikepalai oleh 'Free Officers Movement', bahkan Presiden Anwar Sadat sendiri terbunuh gara-gara konspirasi faksi dalaman pihak tentera yang marah dengan tindakan beliau berlembut dengan Israel dan pihak Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, Mubarak mengambil langkah 'menginstitusikan' tentera sebagai agen penggerak dalam ekonomi negara. Terbukti, usaha 'membuncitkan' para jeneral berjaya menyelamatkan Mubarak daripada diadili di mahkamah.

### **Kesilapan Mori Memahami Strategi Erdogan**

Ikhwanul Muslimin tidak perlu bersikap hipokrit dengan hanya mengutuk penyelewengan junta tentera. Ikhwanul Muslimin sendiri ketika era pentadbiran Mubarak berjaya 'disunatkan' potensi radikal mereka dengan limpahan wang melalui kontrak oleh rejim Mubarak. Pendek kata, ketika era keemasan rejim Mubarak, pihak tentera dan Ikhwanul Muslimin sama-sama mendapat laba berikutan kerelaan mereka untuk tunduk kepada rejim.

Morsi pada November 2012 telah meluluskan dekri membolehkan presiden kebal daripada tindakan undang-undang. Perkara ini bermaksud, kekuasaan presiden melebihi bahkan meredam kuasa para jeneral di Mesir. Pada titik inilah, pihak tentera mula merasakan bahawa Morsi merupakan ancaman kepada tentera sebagai sebuah 'institusi sejarah' yang penting. Terdapat segelintir penyokong Morsi yang begitu optimis bahawa beliau akan kembali ke puncak kuasa sebagaimana Hugo Chavez di Venezuela pasca kudeta 2002. Namun, perlu disedari bahawa, berbeza dengan Morsi, Chavez mempunyai pengaruh besar terhadap tentera (bahkan beliau sendiri merupakan bekas pegawai tentera).

Penulis berpendapat, ia hasil daripada kesilapan Morsi kerana beliau gagal memahami bahawa tentera di Mesir bukan sahaja alat pertahanan negara, bahkan peranan mereka telah diinstitusikan dalam sejarah dan ekonomi negara. Tindakan radikal dan tergesa-gesa beliau dalam ‘mencantas’ pengaruh dan peranan tentera dalam negara menyebabkan beliau dihumban daripada kekuasaan.

Seharusnya beliau mencontohi apa yang telah dilakukan oleh Erdogan di Turki. Ketika beliau berjaya merebut kepimpinan Turki pada tahun 2002, terdapat bantahan dan ancaman daripada pihak tentera yang kononnya pembela sekularisme di Turki. Erdogan yang memahami situasi tidak bertindak menolak peranan tentera dalam politik Turki, bahkan mengekalkan peranan tentera dalam politik seperti zaman sebelumnya. Namun, secara perlahan-lahan, beliau memencilkan peranan tentera sehingga kini, proses yang mengambil masa hampir satu dekad. Walaupun proses ini agak lama, namun Erdogan faham bahawa tentera di Turki telah mengalami proses ‘institutionalisme sejarah’ dan tindakan drastik hanya akan mengancam karier politik beliau serta masa depan AKP (AK Parti, Parti Keadilan dan Pembangunan).

Justeru, penulis berpendapat kegagalan Morsi dan Ikhwanul Muslimin dalam memahami ‘proses sejarah dan institusi’ merupakan faktor utama mengapa beliau digulingkan oleh tentera. Bukanlah menjadi niat penulis untuk menyokong pihak tentera (yang terbukti merupakan anjing imperialis), namun hanya untuk mengingatkan mana-mana ‘kerajaan revolusi’ di seluruh dunia agar tidak gopoh dan mahu melakukan ‘perubahan’ dalam masa yang singkat. Tindakan sebegini hanya membuka ruang kepada ‘pihak reaksionari-fasis’ untuk mengkhianati revolusi dan menghidupkan kembali sistem lama yang korup. Berikutan kegopohan dalam membuktikan ‘janji-janji revolusi’, tanpa disedari pihak Morsi telah ‘membuka’ pintu sel penjara Hosni Mubarak.

*“History repeats itself, first as tragedy, second as farce” (Karl Marx 1818-1883)*

## **Belajarliah dari Mesir**

*Adam Adli*

Perkembangan politik dunia hari ini sedang mengacukan setiap teropong analisa ke atas pergolakan di Timur Tengah, terutamanya semenanjung Arab. Arab Spring, yang gelombangnya persis jatuhan domino dari ibu kota ke ibu kota; biar yang berlakunya sama ada atas gerakan rakyat secara massa, mahupun yang didalangi oleh tangan-tangan hitam Big Brother, sudah pun memberi impak maha dahsyat kepada putaran politik dunia. Malah, penaklukan imperialis Barat ke atas Afghanistan dan Iraq dekad yang lalu sendiri tidak merakam impak yang setara dengan apa yang sedang disaksikan dunia hari ini melalui Arab Spring.

Penaklukan imperialis Barat ke atas Afghanistan dan Iraq dahulu walaupun berjaya menggegarkan dunia, hanya sekadar berhasil menjadi pengukuh pandangan dan teori penaklukan ekonomi dan pemeluasan pengaruh politik serantau yang telah acap kali dibincangkan oleh banyak penganalisa dan pemikir sejak berdekad lagi. Hasil penaklukan dan perang tersebut tidak membawa sebarang perubahan teras, apa lagi manfaat dan faedah. *Status quo* masih di situ. Penguasa atau pemerintah masih kekal berkuasa di atas, dan rakyat majoriti di bawah masih kekal hidup dibayangi ketakutan dan ketaatan ke atas mereka di atas. Seterusnya, penguasa-penguasa hanya perlu terus mengaut untung hasil dari krisis yang dicipta oleh mereka sendiri. Arab Spring sama sekali berbeda.

Arab Spring ternyata bukan lagi satu letusan yang sekadar meng-

goncang kepentingan ekonomi seperti di Iraq, dan bukan hanya memecahkan wilayah-wilayah yang dibayangi pengaruh politik asing seperti di Afghanistan. Arab Spring layak diangkat sebagai revolusi yang mengubah bukan sekadar putaran politik tempatan, malah minda warga yang terlibat, dan hampir seantero dunia yang mengikuti secara dekat perkembangan di sana. Pusingan roda sudah berubah; berkat dari Arab Spring, majoriti sedang memegang kuasa untuk menentukan hala tuju negara mereka. Penguasa sudah mulai takut kepada rakyatnya sendiri.

Tulisan ringkas ini tidak mampu mengupas secara keseluruhan tentang ehwal Arab Spring. Analisa terperinci berkaitan Arab Spring harus difahami urutannya dari Tunisia hingga ke Libya dan Syria. Latar dan sejarah perlu benar-benar diperincikan secara mendalam jika mahu diluaskan perbincangan kepada keseluruhan Arab Spring tersebut. Namun, mengambil perkembangan semasa hari ini, meletakkan Mesir sebagai latar perbincangan ringkas ini adalah pilihan yang lebih baik. Mesir hari ini menjadi titik penentu kepada seluruh pergolakan di Timur Tengah. Apa yang berlaku di Mesir, mempengaruhi keseluruhan semenanjung Arab yang sedang bergolak. Apa yang berlaku di Mesir, turut sama menjadi acuan pemikiran temporeri kebanyakan anak-anak muda dunia, termasuklah Negara kita Malaysia.

### **Revolusi Mesir pemecah dogma**

Istimewa dan siginifikannya Arab Spring, khususnya Mesir ke atas warga di negara kita sendiri adalah betapa selama ini; mungkin selepas Perang Vietnam, tajuk-tajuk pergolakan politik dunia seolah gagal menambat hati warga, terutamanya warga muda negara ini untuk turut membincang, mengambil sikap, dan melakukan aksi respon terhadap tajuk-tajuk tersebut. Namun Arab Spring dan Mesir ternyata berjaya mendapat sahutan meluas dari rantau ini. Sejak mula panji perjuangan anak-anak muda Arab dan Mesir diangkat, anak-anak muda di sini turut sama memaparkan semangat dan setiakawan mereka dari jauh. Setiap anak muda terutamanya yang bergelar Muslim mulai bercita-cita untuk turut sama melakar



sejarah yang sama di tanah air sendiri. Ringkasnya, semangat melawan mereka yang selama ini kelihatan suam mulai marak menyala. Sekurang-kurangnya melalui ekspresi di laman-laman sosial.

Revolusi dan kebangkitan Ikhwanul Muslimin di Mesir telah berjaya menjadi teladan dan kiblat buat tunas-tunas muda politik negara, terutama buat generasi pemuda-pemudi Islam pasca Tsunami 2008. Jengah sebentar ke laman-laman blog dan jaringan sosial yang mudah dicapai setiap lapisan masyarakat hari ini, anak-anak muda ini mulai membincangkan di mana-mana sahaja tentang Mesir. Adalah menjadi dosa sosial jika ada yang cuba merasionalkan sikap tidak menyokong Revolusi dan Ikhwan khususnya. Melalui prisma politik, kebangkitan di Mesir, terutamanya Ikhwan adalah kemenangan dan motivasi untuk yang mempunyai fikrah yang sama seperti mereka di Malaysia. Situasi ini memberi kelebihan besar terutamanya kepada penyokong-penyokong badan dan parti yang berlandaskan Islam. Demonstrasi dan budaya turun ke jalanan sudah menjadi halal dan Islami. Dakyah yang cuba untuk menggambaran pemberontakan dan protes sebagai tidak Islami telah gagal.

### **Meninggalkan papan kekunci**

Di Mesir, laman sosial seperti Facebook adalah senjata untuk menggerakkan kegiatan mereka. Tidak seperti yang dibuat di negara ini, laman-laman sosial yang menemukan mereka dalam jaringan yang lebih luas adalah kesempatan dan peluang yang sangat dihargai. Tidak pernah kiranya angka-angka besar pengikut di laman sosial hanya sekadar untuk memenuhi ego, bermain sentimen murah, atau untuk sekadar bersembang dan berlagak hebat di dunia maya. Setiap angka yang dikumpul di laman sosial ini adalah angka yang sangat penting. Bergerak dari angka tersebut, mereka menyusun diri mereka secara fizikal. Daya usaha ini lahirnya tentulah atas kesedaran, seramai mana pun mereka di dunia maya, tidak sama dengan impak angka fizikal di atas aspal kota-kota dan dataran yang ditawan.

Apabila Wael Ghonim memulakan kempen di laman sosial facebook untuk memperingati dan menyebarkan kezaliman autoriti ke atas Khaled Said, anak-anak muda di Mesir tidak sekadar menekan butang 'like' sebagai tanda protes. Meninggalkan papan kekunci komputer dan turun ke jalanan adalah pilihan yang dibuat oleh mereka. Seperti yang dinyatakan awal tadi, mereka sedar perubahan tidak akan berlaku tanpa aksi yang sebenar. Ternyata, bukan hanya seorang dua yang mengambil sikap realistik untuk turun memaparkan protes dalam diri masing-masing, dan hasilnya; Mesir hari ini berjaya membuka ruang demokrasi yang lebih luas. Sikap ini perlu diteladani anak-anak muda yang mengagumi Revolusi di Mesir.

### **Jalur pemikiran pasca revolusi**

Setiap yang dimulakan perlu ada pengakhirannya. Apabila Mubarak berjaya ditumbangkan, dan ruang demokrasi yang lebih luas berjaya dihidupkan; tidak seperti sejarah rantau ini seperti Indonesia 1998 misalnya, anak-anak ini terus menggenggam kuasa yang berjaya dirampas daripada tirani. Mereka faham dan akur bahawa revolusi bukan berlaku selepas berjaya menumbangkan tirani semata-mata, ia adalah proses berpanjangan yang mengambil masa dan tenaga yang lebih banyak. Selepas Morsi dilihat gagal memperbaiki Mesir yang diranapkan oleh Mubarak sekian lama, anak-anak ini kembali bersetiakawan. Menggelar diri mereka Tamarod, mereka menggalas kembali panji yang lebih gelap berbanding dengan yang pernah mereka naikkan pada 25 Januari (2013). Tamarod, yang membawa berontak ternyata tidak lagi perlu melalui jalan-jalan yang pernah dilalui pada 25 Januari. Korban nyawa seperti Khaled Said tidak diperlukan untuk meniuip kesedaran bahawa di mana pun, apabila majoriti perlu bersuara, suara itu harus dinyanyikan. Sentimen bahawa mereka ini golongan salah kerana tidak datang dari kalangan kelompok Islamis besar Ikhwan tidak pernah merencatkan usaha mereka. Revolusi yang dimulakan pada 25 Januari yang lalu bukan hanya Revolusi Ikhwan. Ia adalah revolusi anak-anak muda Mesir.

Benar, 3 Julai (2013) hanya berlaku apabila tentera mulai campur tangan. Benar, Tamarod setuju untuk memberi ruang buat tentera memegang baton terakhir dalam memastikan Morsi melepaskan jawatan yang disandang beliau. Namun, Tamarod tidak harus dipersalahkan seratus peratus apabila kudeta berlaku pada 3 Julai. Tamarod hanya berfungsi sebagai wakil buat jutaan suara yang menolak Morsi. Ini realiti yang dibawa Tamarod, dan sama sekali tidak boleh dikatakan tidak demokratik. Tentera di Mesir bukan tentera seperti di Negara ini yang bertindak semata-mata atas arahan Menteri. Mereka sentiasa aktif membuat pilihan politik, dan mereka memilih untuk mendampingi suara-suara yang menolak Morsi. Sama juga fungsinya seperti parti politik arus perdana yang menyatakan sikap mewakili ketidakpuasan hati rakyat bawahan di Negara kita. Mereka hanya saluran untuk mencapai matlamat perjuangan rakyat yang tidak mempunyai platform seperti yang dimiliki parti politik. Jika parti politik tersebut melakukan kesalahan, bukan dosa penyokongnya yang mengamanahkan tugas tersebut kepada mereka. Massa tidak pernah salah, ini hukum asas. Niat dan matlamat Tamarod adalah menyatakan protes terhadap Morsi yang dianggap tidak mengikut garis revolusi yang dibawa ketika 25 Januari, maka Morsi diturunkan. Apabila niat Tamarod dikudakan oleh tentera yang turut mempunyai kepentingan politik, ia bukan salah mereka.

### **Lahirnya Third Square**

Revolusi adalah jalan panjang dan sukar. Istimewanya bumi Mesir, ia tidak dilengahkan sehingga terlalu lama untuk memastikan jalan revolusi tersebut bergerak aktif. Revolusi bukan hanya perkataan yang digunakan untuk menjenamakan gerakan mereka. Revolusi adalah jalan jelas buat mereka membangunkan sebuah negara. Anak-anak muda ini, yang mampu membaca Quran dalam bahasa natif tidak tersekat dengan dogma agama untuk memilih jalur politik mereka. Pesona Morsi dari Ikhwanul Muslimin yang diwarisi dari Imam Hasan Al Banna tidak mematahkan sikap mereka untuk mengambil keputusan. Revolusi Mesir tidak pernah berkenaan dengan penegakan elemen kesucian agama. Revolusi Mesir

adalah berkenaan dengan hak asasi dan semangat demokrasi yang pernah dibunuh oleh Mubarak.

Jika Revolusi 25 Januari dibajak oleh Ikhwan melalui Morsi, dan gerakan Tamarod 3 Julai dibajak pula oleh tentera; di mana pengakhirannya?

Hari ini, sekumpulan lagi anak muda yang menggelar diri mereka sebagai Third Square mulai menyusun kembali kekuatan mereka. Matlamat mereka, sama seperti gerakan 25 Januari dan 3 Julai; masih berkenaan dengan menghidupkan Revolusi Mesir yang dicitakan. Berpusat di Giza, mereka menganggap kedua-dua Morsi dan tentera telah mengecewakan cita-cita revolusi Mesir, maka tiba masa untuk mereka kembali mengingatkan niat asal di sebalik penggulingan Mubarak oleh rakyat pada 25 Januari yang lampau.

Di saat Tamarod dan penyokong Morsi mulai berkonfrantasi, dan Mesir mulai dibayangi risiko perang saudara hanya dua tahun selepas revolusi pertama, mungkin Third Square memegang kunci untuk mengembalikan kemenangan perjuangan rakyat Mesir. Jika gagal, sekurang-kurangnya sejarah tetap akan mengenang mereka sebagai sebuah pihak yang menyedari apa yang harus dilakukan pada saat begini.

### **Belajar dari Mesir**

Perjuangan rakyat di Mesir masih belum tamat. Jatuhnya Morsi tidak akan menghancurkan Mesir. Bangunnya Tamarod tidak pernah mengembalikan Mubarak. Pengkhianatan tentera tidak menamatkan jalan demokrasi. Apa yang berlaku di Mesir adalah proses biasa sebuah revolusi yang sedang berjalan.

Anak-anak muda di Negara ini wajar untuk meneliti dan menganalisa sedalam-dalamnya setiap yang sedang dilalui oleh anak-anak muda Mesir. Mereka sedang mengukir sejarah mereka. Pada satu saat, akan sampai waktunya anak-anak muda di sini turut mengukir sejarah sendiri.

# INDEX

## **A**

Aaron 59, 296  
Aaron Klugsman 59  
Abdullah 40, 117, 157, 233  
Adam Adli 4, 5, 51, 69, 72, 120,  
138, 139, 141, 142, 144,  
228, 232, 241, 252, 273,  
298, 304, 332  
Adolf Eichmann 97  
AES 299  
Afghanistan 332, 333  
Agong 113, 258  
Ahmad 40, 74, 99, 111, 184, 186,  
218, 256, 283, 291, 295,  
321  
Ahmad Badawi 111  
Ahmad Boestamam 295  
Ahmadiyah 108  
Ahmad Shabery Cheek 74  
Ajo Sidi 101  
AKP 331  
AKP Party 282  
Akta Hasutan 2, 3, 72, 75, 112,  
113, 114, 116, 138, 139,  
141, 230, 305  
Akta Keharmonian Nasional 141  
Akta Keselamatan Dalam Negeri  
2, 155, 228  
Akta Penerbitan dan Mesin Cetak  
84, 85, 87  
Albert Camus 22, 209, 212  
Ali-Akbar 100  
Al-Imam 80, 294  
Al-Jawahir 169  
Al-Kafirun 92  
al-Kitab 146, 147  
Al-Kitab 145, 148  
Allah 99, 100, 101, 102, 103, 117,  
144, 145, 146, 147, 148,  
164, 168, 169, 172, 198,  
221, 248  
al-Quran 91, 106, 150, 166, 168,

169, 171, 194  
Al-Wasilah 83  
Ambiga 220  
Amerika 5, 59, 60, 61, 62, 63, 69,  
77, 91, 107, 118, 138, 175,  
176, 195, 230, 296, 322,  
323, 324, 325, 327, 328,  
330  
Amy 62  
Ananda Krishnan 268, 270  
Anatolia 179, 180  
Annuar Musa 41, 256  
Anwar Ibrahim 49, 223, 262, 295,  
324  
Anwar Sadat 329, 330  
API 295  
arab 106, 163  
Arab 105, 141, 146, 232, 235,  
322, 323, 327, 328, 332  
Arendt 97, 98  
Argentina 97, 176, 177  
aristokrasi 96  
Armenia 179, 180  
Arnold Schwarzenegger 175  
Ar-Ra'du 168  
Aryan 97, 319  
A.Samad Ismail 79, 82  
A. Samad Said 5  
A.Samad Said 184, 187  
Asia 3, 6, 9, 40, 41, 132, 136, 193  
Asia Tenggara 3, 6, 193  
Astro 73  
Attarturk 178, 179, 180  
Aung San Suu Kyi 65  
Azmin Ali 262, 288

## **B**

Baha Zain 184, 185, 186, 187, 188  
Baling 295  
Banggali 107

Bangladesh 34, 107, 225

Barisan Nasional 15, 33, 49, 66,  
85, 112, 224, 225, 226,  
228, 229, 236, 237, 239,  
241, 242, 243, 244, 273,  
274, 276, 289, 302

Batu Caves 158, 161

Baudrillard 44, 45, 46, 47, 48

Bawani 253, 254, 255

Bayern Munich 41

Bersih 114, 224

BERSIH 66, 84, 233

Bidayuh 12

blackmetal 29

BMW 31

Boestamam 295

Borneo 122, 146

Borussia Dortmund 41

Brandeis University 59

Brazil 41, 176

British 7, 8, 9, 10, 13, 16, 76, 107,  
120, 151, 271, 316, 321

Brunei 16, 17, 166

buddha 194

Buddha 2, 3, 5, 104, 151, 164,  
169, 170

Bullet 30

bumiputera 12, 14

Bumiputera 201, 268, 270

Burma 65, 158, 225

Butterworth 111

## **C**

Camus 204, 205, 206, 207, 208,  
209, 212

Carlos 189

Chee Gaik Yap 50

Chetty Pusam 161

China 5, 2, 57, 58, 59, 60, 61, 62,  
68, 84, 128, 129, 136, 166,  
190, 309, 310, 311, 312,

313, 314

China Press 83, 84

Chin Peng 8

Chola 3, 4, 151

Chua Soi Lek 262

cina 12, 16, 32, 35, 57, 63, 76, 83,  
110, 118, 154, 163, 164,  
165, 166, 167, 170, 190,  
191, 223, 225, 226, 229,  
230

Cina 12, 62, 85, 139, 144, 150,  
156, 159, 160, 195, 224

Costa Rica 176

Cruickshank 208

## **D**

DAP 71, 74, 76, 108, 170, 219,  
220, 221, 243, 268, 289,  
290

David Ben-Gurion 97

DBP 30, 186, 187, 294

Dead Poets Society 20, 21, 22

DEB 267

demokrasi 67, 74, 82, 96, 105,  
150, 204, 223, 335, 337

Demokrasi 228

Der Tages-Anzeiger 179

Detik 83

dewan 258, 270

Dewan 14, 30, 52, 85, 111, 132,  
139, 147, 186, 256, 257,  
258, 259, 260

Dewan Bahasa dan Pustaka 30,  
186

Disney 45

Doel Sumbang 24

Dzulkefly Ahmad 218, 291

## **E**

Eiffel 128, 129

Eighth Route Army 57, 58

Eksklusif 83  
England 10, 11, 41, 60, 311  
Erdogan 282, 290, 291, 330, 331  
Ernest Hemingway 59  
Eropah 12, 16, 38, 39, 59, 159,  
177, 202, 213, 284, 285,  
322, 324  
Er Ye 57  
ethno-cultural nationalists 17  
EU 322  
Evelyn Beatrice Hall 114

## **F**

facebook 117, 256  
Facebook 116, 247, 250, 334  
Faezah 75  
Faezah Elai 75  
Faisal Mustaffa 3, 30  
FAM 39, 40  
FATAH 322, 323, 324  
fatwa 91, 105, 106, 107, 108, 179  
Fatwa 104, 118  
F. Bidart 60  
FELDA 50, 66  
Festival 176, 190  
feudalisme 40, 96, 312  
Filipina 90, 91, 142  
Fixi 30

## **G**

Gajah Mada 5  
gaji minima 301, 302  
Galicia 176  
Ganesha 161  
Gaza 321, 322, 324  
Genting Highlands 127  
Georgia 179, 180  
Giza 128, 337  
grand narrative 15  
Greek 249  
Guang Ming Daily 83  
Gurdwara 148

Gyani 148

## **H**

Hadi 219  
Ha Jin 4, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63  
Han 190  
Hanuman 160  
Harakah 84  
hardcore 29  
Haris Ibrahim 51, 228, 305  
Haron Din 219, 290  
Harvard 270  
Hasan Mad 76  
Hassan 113, 187, 267, 268, 269,  
272  
Hata Wahari 86  
Hatta 48, 291, 305  
Henry Gurney 8, 225, 226  
Herald 99, 102, 144, 147, 148  
Hindi 53, 319  
Hindu 2, 3, 5, 32, 54, 151, 158,  
159, 160, 162, 164, 171  
Hishamuddin Rais 51, 295, 305  
Hitler 96, 97  
Hitoshi Igarashi 107  
Holocaust 96, 98  
Hong Kong 63  
hudud 219, 224  
Husam 218, 291  
Hussein 139, 271, 324

## **I**

Iban 12, 14, 16, 147  
Iblis 95  
Ibrahim 40, 49, 51, 66, 111, 112,  
113, 114, 115, 122, 123,  
223, 224, 228, 262, 277,  
288, 295, 305, 324  
india 35, 164, 166, 173, 225, 230,  
319  
Indonesia 9, 29, 34, 37, 69, 70, 81,  
102, 108, 161, 175, 225,



268, 281, 282, 283, 295,  
296, 306, 329, 335  
Inggeris 4, 7, 12, 20, 21, 28, 30,  
57, 58, 59, 60, 62, 63, 86,  
121, 146, 150, 180, 187,  
295, 311, 318  
Ipek 180, 181  
Ipoh 32, 318  
Iran 116, 281  
IRIMM 256  
Islam 2, 5, 5, 6, 12, 13, 14, 15, 35,  
54, 71, 72, 88, 89, 90, 92,  
96, 99, 100, 101, 102, 103,  
104, 105, 106, 107, 108,  
109, 110, 113, 116, 117,  
118, 132, 136, 145, 146,  
147, 151, 156, 159, 161,  
163, 164, 165, 168, 169,  
170, 171, 172, 173, 174,  
180, 182, 194, 198, 205,  
219, 220, 221, 281, 282,  
283, 284, 285, 286, 295,  
325, 334  
Israel 97, 225, 321, 322, 324, 328,  
330

## **J**

Jackie Chan 32  
JAKIM 118  
James 16, 38  
James Brooke 16  
Jaringan Melayu Malaysia 89  
Java 4, 161  
Jeffrey Kittingan 228  
Jelutong 80, 294  
Jepun 7, 8, 9, 10, 57, 72, 107, 200,  
309, 313, 314  
Jerman 38, 96, 97  
Jerome Kugan 35  
Jerry Falwell 107  
Jerusalem 97, 322, 325  
Jesus 144, 146

Jimadie 185  
Joe Kidd 30  
John Lennon 56, 138, 142  
John Sinclair 5, 138  
Johor 40, 130, 170, 224, 289, 296,  
301

## **K**

Ka 178, 180, 181, 182, 183  
Kaherah 20, 100  
Kalong Ningkan 13, 14, 16  
Kamaruzzaman 295  
Kangxi 190  
Karangkraf 157  
Karpal 221, 256, 257, 260  
Kassim Ahmad 99  
KDN 84, 230  
KeADILan 66, 67, 74, 218, 219,  
221, 288, 289, 290  
Keating 20, 21, 22  
Kedah 2, 3, 5, 151, 166, 289  
Kediff 181  
Kelantan 2, 294  
Keramat 163, 164, 165, 166, 167  
KerbauWorks 30  
Keris Mas 186, 187  
Kesatuan Melayu Muda 122, 295  
Kesatuan Soviet 58, 91  
Khalid 38, 149, 150, 151, 152,  
277, 288, 291  
Kinabatangan 52  
King 33, 52, 83, 264  
Kishore Kumar 53  
K.J. Ratnam 14  
KL 85, 139, 187  
KLCC 72, 124, 141  
Ko Chung Sen 132  
Komunis 7, 8, 9, 10, 57, 58, 226  
kontrak sosial 14  
Korea 39, 40, 58, 325  
Kristian 14, 54, 104, 113, 144,

145, 146, 147, 148, 284,  
285  
Kuala Lumpur 13, 26, 35, 51, 72,  
110, 130, 163, 224  
Kuantan 292, 296  
Kublai Khan 4  
Kuching 16  
Kuda Kepang 160, 161  
Kumar 53  
Kurdish 179, 180

## **L**

Lai Tek 8  
Langkasuka 2, 3, 150  
Lee Chong Wei 50, 217  
LGBT 219, 225  
Libya 107, 141, 327, 328, 333  
Lim Goh Tong 270  
Lim Guan Eng 74  
Loga 256  
Lumut 32  
Lynas 50, 52, 66, 225, 301  
Lyndon B Johnson 69

## **M**

Madinah 103  
Madras 317  
Madurai Veeran 160  
Maharaja 3, 4, 5, 160, 185, 190,  
202, 314  
Mahathir 15, 42, 71, 132, 133,  
135, 136, 137, 198, 199,  
200, 203, 218, 224, 228,  
236, 267, 268, 269, 273,  
274, 278, 322  
mahkamah 43, 50, 66, 67, 84, 99,  
102, 140, 171, 330  
Majapahit 4, 5  
Majlis Peguam 114  
Majlis Ulama Indonesia 108  
Malaya 7, 8, 9, 10, 13, 14, 16, 69,

80, 122, 147, 150, 151,  
226, 270, 305, 318, 319  
Malayan 7, 8  
Malaysia 1, 2, 5, 6, 9, 10, 12, 13,  
14, 15, 16, 17, 36, 37, 38,  
39, 40, 41, 42, 43, 48, 50,  
65, 67, 68, 69, 70, 71, 72,  
73, 74, 75, 76, 77, 81, 82,  
83, 85, 86, 88, 89, 101,  
103, 105, 106, 109, 111,  
112, 113, 114, 116, 118,  
126, 127, 129, 130, 131,  
133, 134, 137, 139, 140,  
147, 153, 155, 156, 157,  
158, 159, 161, 162, 163,  
173, 175, 177, 185, 191,  
193, 194, 195, 197, 200,  
201, 204, 214, 217, 218,  
221, 222, 223, 224, 225,  
228, 229, 230, 232, 237,  
238, 239, 241, 245, 247,  
248, 249, 252, 253, 256,  
260, 261, 262, 265, 268,  
277, 279, 280, 281, 283,  
288, 289, 291, 292, 295,  
296, 298, 307, 318, 322,  
324, 325, 333, 334  
Malaysiakini 157, 184  
Manan 30  
Manchester 39, 41  
Manchu 190  
Manifesto 288, 298, 299, 300,  
301, 302, 303  
MANIPOL 69  
Marcos 142  
Marikh 196  
Martin 207, 284, 285  
Marx 46, 47, 213, 331  
Marxian 46  
Mas 89, 186, 187  
Mat Jenin 29  
MCA 83, 151, 220

- Mein Kampf 97  
Mekah 103  
Melanau 12
- Melayu 2, 3, 4, 5, 7, 9, 12, 16, 30,  
32, 71, 73, 76, 89, 98, 99,  
101, 102, 109, 113, 116,  
117, 121, 122, 144, 145,  
146, 147, 148, 149, 150,  
151, 152, 153, 159, 160,  
161, 163, 164, 175, 184,  
186, 193, 198, 199, 201,  
202, 203, 221, 225, 229,  
230, 243, 268, 283, 294,  
295, 311
- Merdeka 66, 67, 131, 234, 307  
Merong Mahawangsa 3  
Merpati Jingga 30  
Mesir 5, 20, 56, 141, 171, 281,  
285, 327, 328, 329, 330,  
331, 332, 333, 334, 335,  
336, 337
- metal 29  
MIC 35, 151, 329  
MILF 90  
Mingguan Malaysia 82  
MNLF 90  
MNP 282  
Mohamad Sabu 218, 290, 291  
Mohamad Tajuddin 168, 170  
Mohd Asri Zainul Abidin 132  
Mohd Rafi 53  
Mokhtar 38, 267, 268, 269, 270,  
271  
Mongol 4  
Mongolia 313  
Morsi 329, 330, 331, 335, 336,  
337  
MPM 76, 77  
MSC 74  
Muammar Ghaddafi 107  
Muhammad 2, 5, 30, 37, 48, 79,  
99, 107, 117, 170, 178,  
213, 228, 229, 281, 283,  
284, 285, 286, 292, 293,  
295
- Mukesh 53  
Munich 40, 41  
Murugan 158, 159, 161  
Mustafa 178, 179, 262  
Mu'tazilah 294  
Myanmar 34, 225
- N**
- nabi 93, 96, 172  
Naguib Mahfouz 20, 100, 179  
Najib 36, 65, 67, 139, 141, 142,  
218, 223, 224, 229, 232,  
233, 234, 237, 239, 247,  
248, 256, 257, 262, 263  
Najib Tun Razak 36, 229  
Nanyang 83  
Nanyang Holdings 83  
Nanyang Siang Pau 83  
NASAKOM 69  
Nasrudin 218  
Nazmi 37, 38, 39, 40, 41  
Neil Perry 21, 22  
Nepal 34, 225  
Netanyahu 322  
NFC 250  
Nik Abduh 89, 93, 218  
Nik Aziz 219, 290, 294  
Norway 107  
NSP 282  
NUJ 85  
Nurul Izzah 262  
Nusantara 3, 4, 164, 270
- O**
- Olimpik 40  
Operasi Lalang 83, 228, 229  
Orhan Pamuk 178, 179, 180, 183

## **P**

PACABA 49  
Pahang 2, 270  
Pakatan 49, 50, 74, 217, 218, 219,  
220, 221, 223, 228, 229,  
236, 238, 241, 242, 244,  
245, 268, 287, 288, 289,  
290, 299, 302, 305  
Pak Sako 295  
PANCASILA 69  
Parameswara 2  
Park Ji Sung 39  
Parti Komunis Malaya 7, 8, 9, 10  
Parvati 158, 159, 161  
PAS 74, 84, 108, 218, 219, 220,  
221, 222, 224, 225, 262,  
281, 283, 287, 288, 289,  
290, 291, 294  
Pasir Mas 89  
Patafizika 45  
Pattani 2, 3  
Paul Satre 96  
Pekan 57, 58, 180, 292, 296  
Peking 62, 63, 309, 310, 311, 312,  
313  
PENA 184, 185, 186, 187  
Peng Dehuai 58  
Perak 121, 165, 185, 243  
Peranchis 38, 41  
perang dingin 328  
Perang Dunia 97, 313  
Perdana Menteri 5, 13, 33, 34, 36,  
65, 71, 97, 139, 184, 200,  
232, 233, 237, 238, 256,  
258, 273, 278  
Perikatan 229, 243, 244  
PERKASA 293  
perlembagaan 13, 88, 99, 103, 228  
Permatang Pauh 237, 240  
persekutuan 12, 14, 15, 17, 50,  
118, 161, 257, 258, 260

Peru 189  
Petaling Jaya 1, 2, 35  
Peter Weir 20  
pilihan raya 3, 4, 52, 139, 142,  
145, 223, 224, 226, 227,  
228, 229, 231, 232, 233,  
234, 235, 238, 241, 242,  
243, 244, 245, 256, 259,  
260, 273, 274, 275, 276,  
277, 278, 289, 292, 298,  
302, 305, 307  
PKNS 39  
polis 51, 54, 66, 68, 84, 113, 139,  
141, 165, 256, 276  
pop 29  
Portugal 38, 176, 177  
PPSMI 187  
Press Freedom Index 81  
PTPTN 134  
Pulau Pinang 74, 75, 111, 130,  
156, 158, 160, 161, 163,  
165, 236, 237, 238, 239,  
240, 311, 318  
punk 29  
Putrajaya 10, 218, 233, 234, 289

## **Q**

Qing 190, 313  
Queen 33

## **R**

Rafi 53  
Rahim Kajai 79  
Rahman 10, 13, 14, 34, 71, 129,  
139, 270  
Rahman Yakub 14  
Rahul 53  
Ramadhan 110, 116, 117, 118,  
201, 205  
RAMD 77  
Rasulullah 171

Razak 33, 34, 36, 65, 67, 139,  
141, 142, 218, 223, 224,  
229, 232, 233, 234, 237,  
239, 247, 256, 257, 262,  
263, 293  
Razaleigh 218  
RELA 139  
Rendra 137

revolusi 129, 168, 228, 284, 295,  
309, 312, 313, 327, 328,  
329, 331, 333, 335, 336,  
337

Richard Nixon 138  
Ridhuan 35, 117, 157  
Ridhuan Tee 35, 117, 157  
Robert 14, 20, 60, 229, 268  
Rosmah 248, 250, 257  
RTM 28

## **S**

Sabah 15, 228, 273, 274, 275,  
276, 328  
Said Zahari 79  
Salahuddin 218, 291  
Salman Rushdie 107, 179  
Sapardi Djoko Damono 19  
Sarawak 12, 13, 14, 15, 16, 17,  
298  
Sardy 207  
Sasha Grey 46  
sasterawan 4, 60, 186, 311  
Satanic Verses 107  
Sei Hon 35  
Selangor 1, 26, 85, 117, 139, 277,  
288, 289  
Sepanyol 177  
Shandong 57, 59, 61  
Sharifah 253, 254  
Sheikh Omar Bakri Muhammad  
170

Simon Fisher 93  
Simulakra 45  
Sin Chew Daily 83  
Sin Chew Jit Poh 83  
SITC 4, 120, 121, 122, 123, 295  
Siti Hajar 96  
Sivan 161  
SNAP 13  
Snow 178, 179, 180, 182, 183  
Soe Hok Gie 292  
Soekarno 69, 70, 72, 283, 295  
Sofia 189  
Soh Chin Aun 38  
SOSMA 2, 230  
SPM 37  
SPR 242  
Sri Lanka 5  
Srivijaya 2, 3, 4  
status quo 52, 103, 283, 293  
Stephen Kalong Ningkan 13, 16  
St.Thomas 285  
sub-systems 14, 17  
Sufi 163, 164  
SUHAKAM 84  
SUKMA 50  
Sultan 2, 5, 16, 17, 40, 120, 122,  
225, 263, 295  
Sumatera 4  
sunni 56, 88, 91, 92, 93, 117, 118  
Supermokh 38, 40  
Suzuki 37  
SYABAS 26, 27  
Syariah 104  
Syed Husin 295  
Syed Sheikh Al-Hady 80, 294  
Syed Tahir 294  
syiah 56, 88, 89, 90, 91, 92, 93,  
109, 117, 118, 290  
Syria 56, 333

## **T**

Taiwan 63

Tamil 53, 158, 159, 161, 270, 316,  
318, 319  
Tanda Putera 73, 75, 76, 77  
Tanjung Malim 121, 122, 123,  
148  
Tariq Ramadhan 110  
Taslima Nasreen 107  
Telok Gong 185  
Teluk Intan 165  
Teoh Beng Hock 52  
Terengganu 15, 170  
Thailand 2, 81, 158, 268, 329, 330  
Thaipusam 33, 111, 158, 159, 160,  
161

Thamrin 228, 305  
The New Yorker 97  
The Star 83  
Thomas Homer 90  
Tian Chua 51, 66, 228, 305  
Tiong Hiew King 83  
tionghua 229  
TITAS 132, 135, 136, 137  
TRISAKTI 69  
tuhan 99, 100, 101, 102, 103, 164,  
171, 173, 204, 285  
Tulungagung 108  
Tun Abdul Razak 33, 34  
Tunku 10, 13, 71, 129, 139, 270  
Turki 41, 107, 178, 179, 180, 282,  
331

## U

ulama 105, 106, 107, 108, 109,  
110, 170, 225, 288, 290,  
291  
Ulama 108, 109, 144, 161, 289,  
291, 294  
Ulil Abshar Abdalla 108  
Umar al-Khattab 172  
Umno 51, 150, 151, 152, 273,  
274, 276  
UMNO 33, 49, 65, 66, 67, 76, 85,

89, 217, 218, 220, 221,  
222, 224, 225, 226, 230,  
287, 288, 290, 306, 322

UNHCR 190  
UPSI 120, 122, 123  
Urdu 53  
Usman Awang 36, 186  
USSR 91  
Ustaz Hakim 95  
Utusan Malaysia 86, 229

## V

Voltaire 114

## W

Walter William 162  
Walter William Skeat 193  
Watan 83  
Werner 193  
Wilayah Persekutuan 256, 257  
William Nygaard 107  
Wu Nan 63

## Y


yahudi 110, 118, 257  
Yahudi 97, 325  
Yunani 210, 292

## Z

Za'ba 121, 122, 123, 294  
Zahid Hamidi 89, 218  
Zawawi 40


## **Buku-buku Terbitan Merpati Jingga:**

### **KOLEKSI PUISI MASTURBASI BENZ ALI**



Judul: KOLEKSI PUIS MASTURBASI BENZ ALI  
ISBN: 978-967-0584-23-2  
Tahun: 2015

### **MOLOTOV KOKTEL**



Judul: MOLOTOV KOKTEL  
Pengarang: Adam Adli  
ISBN: 978-967-1169-73-5  
Tahun: 2013


### **MAIN KOTOR**



### **MAIN KOTOR**

*Negara Bolehland akan mengadakan pilihan raya. Perdana Menteri telah bertemu dengan Sultan Bolehland untuk membubarkan Parlimen dan seterusnya...*

## **SURAT DARI SYURGA**



Judul: SURAT DARI SYURGA

Pengarang: Faisal Mustaffa

ISBN: 978-967-0584-11-9

Tahun : 2014

## **AKU.DIA.DUNIA**



Judul: AKU.DIA.DUNIA

Pengarang: Amir Amin Halim

ISBN: 978-967-0584-03-4

Terbitan: 2013

## **SEMBANG KEHIDUPAN**



Judul: SEMBANG KEHIDUPAN

Author/Editor: Meor New

ISBN: 978-967-1169-7-3